



**LAPORAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
DAN INDUSTRI  
MALAYSIA  
2004**



**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Malaysia**



**LAPORAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA  
DAN INDUSTRI  
MALAYSIA  
2004**



**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Malaysia**

ISSN 0128-7524  
JULAI 2005

Hakmilik Terpelihara

*Untuk naskah jualan dan penerangan teknikal, sila rujuk kepada:*

Pengarah Kanan,  
Perancangan Strategik,  
MITI, Malaysia,  
Tingkat 12, Blok 10,  
Kompleks Pejabat Kerajaan,  
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur.  
Tel: 603-6203 4750 Faks: 603-6201 2573  
Laman web MITI: [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)  
e-mail: [mitiweb@miti.gov.my](mailto:mitiweb@miti.gov.my)

*Perkhidmatan, rekabentuk kulit dan penerbitan oleh:*

Information Broadcasting Network (M) Sdn Bhd  
Tel: 603-2163 0176/8 Faks: 603-2163 0182  
e-mail: [ibnmsb@maxis.net.my](mailto:ibnmsb@maxis.net.my)

*Dicetak oleh:*

Ampang Press Sdn Bhd  
Tel: 603-9284 9448 Faks: 603-9284 9105

Harga: RM60.00

# PENDAHULUAN



Malaysia mencatatkan pertumbuhan perdagangan tertinggi dalam tahun 2004 dengan perdagangan berkembang sebanyak 23.3 peratus kepada RM880.8 bilion berbanding RM714.4 bilion pada tahun 2003. Pencapaian ini sebahagian besarnya adalah sumbangan sektor perkilangan yang mana berkembang 10.6 peratus dalam tahun 2004, dan mencatatkan 31.8 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), berbanding dengan 30.8 peratus pada tahun 2003.

Eksport mencatatkan kenaikan sebanyak 20.8 peratus kepada RM480.7 bilion sementara import berkembang pada 26.4 peratus kepada RM399.6 bilion, ini menghasilkan lebihan dagangan barang sebanyak RM81.1 bilion. Pencapaian eksport yang memberangsangkan ini adalah didorong oleh permintaan luaran yang kukuh daripada negara rakan perdagangan utama, perdagangan intra-ASEAN yang dinamik dan kejayaan usaha-usaha dalam mengekalkan perdagangan Malaysia ke pasaran tradisi, serta usaha pelbagai ke pasaran baru dan pasaran baru muncul.

Malaysia terus berusaha menarik pelaburan-pelaburan ke sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan, ini terbukti oleh kelulusan pelaburan domestik dan asing yang tertinggi dalam tahun 2004. Kelulusan pelaburan dalam sektor perkilangan berjumlah RM28.7 bilion. Daripada jumlah ini pelaburan domestik berjumlah RM15.6 bilion iaitu paras tertinggi di capai sejak 1997. Ini menunjukkan penglibatan pelabur tempatan yang lebih giat dalam sektor perkilangan. Pelaburan asing dalam projek-projek yang diluluskan berjumlah RM13.1 bilion dalam tahun 2004. Memandangkan persaingan bagi pelaburan langsung asing kian bertambah di rantau Asia Pasifik, Kerajaan akan terus menyediakan usaha-usaha bagi memperbaiki persekitaran pelaburan dan memastikan Malaysia terus menjadi tumpuan pelaburan asing dan domestik. Selanjutnya usaha-usaha akan di perhebatkan bagi menarik lebih banyak pelaburan ke sektor perkhidmatan berkaitan dengan perkilangan.

Di peringkat serantau, kawasan Perdagangan Bebas ASEAN telah menjadi kenyataan untuk beroperasi. Inisiatif spesifik telah dipersetujui oleh ASEAN ke arah pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) pada tahun 2020, usaha yang signifikan ke arah ini adalah mempercepatkan integrasi 11 sektor utama. Rundingan sedang di jalankan bagi membentuk Kawasan Perdagangan Bebas antara ASEAN dan negara Asia Timur, Australia, New Zealand dan India.

Di peringkat pelbagai hala, Malaysia turut bergiat dalam rundingan-rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) bagi memastikan rundingan tersebut menyediakan ruang dasar, mengambil kira kepentingan eksport Malaysia dan kelonggaran untuk melindungi industri-industri strategik Negara. Malaysia akan terus bergiat dalam rundingan-rundingan WTO, bukan sahaja bagi memperoleh akses pasaran yang lebih baik tetapi juga untuk menentukan WTO kekal sebagai organisasi berorientasi peraturan yang tidak berat sebelah melalui mekanisme penyelesaian pertikaian yang efektif.

Terdapat keimbangan mengenai pertumbuhan ekonomi global akan terjejas bukan sahaja oleh perkembangan geo-politik tetapi perubahan dan kenaikan harga minyak. Sebagai sebuah negara dagang, Malaysia perlu bertindak balas dengan pantas kepada perubahan dinamik tersebut. Dengan itu, Kerajaan akan terus menyediakan sebarang usaha penampang yang perlu bagi mengurangkan dan di mana mungkin mencegah gangguan-gangguan ke atas perdagangan dan industri. Namun demikian, kerjasama antara Kerajaan dan sektor swasta adalah penentu kepada penerusan daya saing Malaysia.

**DATO' SERI RAFIDAH AZIZ**  
**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia**  
4 Julai 2005





# KANDUNGAN

## BAB 1

### PERKEMBANGAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN PELABURAN DUNIA .. **1**

Perkembangan Ekonomi Mengikut Rantau .....	1
Perkembangan Perdagangan .....	5
Perkembangan Perdagangan Rantau .....	6
Perkembangan Pelaburan .....	7
FDI di Negara-negara Membangun .....	9
FDI di Negara Maju .....	9
Anggaran FDI Tahun 2004 .....	9

## BAB 2

### PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA .. **13**

Eksport .....	14
Import .....	16
Imbangan Perdagangan .....	18
Arah Perdagangan .....	19
Amalan Perdagangan Yang Menjejaskan Eksport Malaysia .....	24

## BAB 3

### LANGKAH-LANGKAH DAN INISIATIF POLISI-SEKTOR PERKILANGAN

### DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN .. **31**

Inisiatif Bagi Meningkatkan Pelaburan .....	31
Memperbaiki Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan .....	32
Membangunkan Malaysia Sebagai Hub Serantau Bagi Produk Halal .....	33
Penyelarasan Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana .....	34
Sumber Baru Pertumbuhan .....	36
Bioteknologi .....	36
Teknologi Nano dan Fotonik .....	36
Teknologi Maklumat dan Komunikasi .....	37
Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan .....	39
Sektor Perkhidmatan Lain .....	41
Pembangunan Standard .....	44
Pembangunan Sumber Manusia Dan Kemahiran .....	46
Penyelidikan dan Pembangunan .....	46

<b>BAB 4</b>	
<b>PELABURAN: SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN</b>	
<b>BERKAITAN PERKILANGAN .....</b>	<b>49</b>
Sumber Pelaburan .....	52
Pelaburan Tempatan .....	52
Pelaburan Asing .....	54
Sumber Utama Pelaburan Asing .....	56
Lokasi Projek Yang Diluluskan .....	60
Galakan Yang Diberikan .....	60
Pelaksanaan Projek Perkilangan Yang Diluluskan .....	62
Pelaburan di Sektor Perkhidmatan Terpilih .....	62
Perkhidmatan ICT .....	63
<b>BAB 5</b>	
<b>PRESTASI: SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATAN</b>	
<b>BERKAITAN PEMBUATAN .....</b>	<b>65</b>
Industri Elektrik dan Elektronik .....	67
Industri Pengangkutan dan Peralatan .....	72
Industri Kimia .....	79
Besi dan Keluli .....	86
Industri Mesin dan Peralatan .....	88
Industri Simen .....	92
Industri Tekstil dan Pakaian .....	93
Industri Produk Berasaskan Kayu .....	96
Industri Berasaskan Getah .....	99
Industri Minyak Sawit .....	101
Industri Pemprosesan Makanan .....	103
Sektor Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan .....	108
<b>BAB 6</b>	
<b>PEMBANGUNAN ENTERPRIS KECIL DAN SEDERHANA .....</b>	<b>115</b>
Isu dan cabaran yang dihadapi oleh EKS .....	115
Program Pembangunan EKS .....	115
Capaian .....	117
Prestasi Skim Bantuan Kewangan EKS .....	120
Sektor Perkhidmatan .....	123
<b>BAB 7</b>	
<b>PRODUKTIVITI: SEKTOR PERKILANGAN .....</b>	<b>125</b>
Prestasi Produktiviti Antarabangsa .....	125
Prestasi Sektor Perkilangan .....	126
Faktor Produktiviti Menyeluruh .....	130

<b>BAB 8</b>	
<b>PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA .....</b>	<b>133</b>
Agenda Pembangunan Doha (DDA) .....	133
Pakej Julai .....	133
Pertanian .....	134
Sektor Bukan Pertanian .....	134
Perkhidmatan .....	135
Fasilitasi Perdagangan .....	135
Layanan Istimewa dan Berbeza (S&D) .....	136
Lain-lain Isu DDA .....	136
Perjanjian Mengenai Hak Harta Intelek yang Berkaitan dengan Perdagangan (TRIPS) .....	136
Perdagangan dan Alam Sekitar .....	137
Peraturan-peraturan WTO .....	138
Lain-lain Program Kerja WTO .....	139
Persefahaman Penyelesaian Pertikaian (DSU) .....	139
Kes-kes Anti-Lambakan Di Bawah DSU .....	139
Kes-kes Subsidi Di Bawah DSU .....	139
Kemasukan Ke WTO .....	140
Kajian Semula Dasar Perdagangan (TPR) .....	140
Bantuan Teknikal .....	140
<b>BAB 9</b>	
<b>KERJASAMA EKONOMI ASEAN .....</b>	<b>141</b>
Perdagangan Intra-ASEAN .....	143
Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) .....	143
Pelaburan .....	145
Pelaburan Luar ASEAN .....	145
Pelaburan Intra-ASEAN .....	145
Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) .....	146
Skim Kerjasama Perindustrian ASEAN (AICO) .....	148
Perkhidmatan .....	148
Kerjasama Sektoral .....	150
Langkah Fasilitasi .....	154
Kerjasama Serantau dalam Asean .....	156
Hubungan Serantau dengan Rakan Dialog .....	157
<b>BAB 10</b>	
<b>PERKEMBANGAN DALAM PERKUMPULAN SERANTAU .....</b>	<b>161</b>
Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) .....	161
Inisiatif Utama APEC Bagi Tahun 2004 .....	162
Pelan Tindakan Individu .....	166
Penyertaan Sektor Perniagaan .....	166
Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam .....	169
Developing-8 (D-8) .....	170
Pergerakan Negara-Negara Berkecuali .....	170
Persidangan Perdagangan Dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) .....	171
Kumpulan 15 (G-15) .....	172

Kesatuan Eropah .....	172
Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) .....	173
Pertubuhan Asia Selatan Bagi Kerjasama Serantau (SAARC) .....	174
Pasaran Bersama Kon Selatan Amerika Selatan .....	174
Pertubuhan Persisiran Pantai Lautan Hindi Bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC) .....	175

## JADUAL

### BAB 1

Jadual 1.1: Pertumbuhan KDNK Sebenar Dunia.....	2
Jadual 1.2: Prestasi Perdagangan Barang, 2004 .....	4
Jadual 1.3: Pengekspor Dan Pengimport Utama Dalam Perdagangan Barang Dunia, 2004.....	5
Jadual 1.4: Aliran Masuk Dan Keluar FDI .....	7
Jadual 1.5: Aliran Masuk FDI Mengikut Sumber Rantau Dan Ekonomi .....	8
Jadual 1.6: Aliran Keluar FDI Mengikut Sumber Rantau Dan Ekonomi .....	8
Jadual 1.7: Aliran Masuk FDI Dunia, 2004.....	10

### BAB 2

Jadual 2.1: Perdagangan Luar .....	13
Jadual 2.2: Rakan Perdagangan 15 Teratas .....	14
Jadual 2.3: Export Mengikut Sektor .....	15
Jadual 2.4: Destinasi Eksport .....	16
Jadual 2.5: Import Barang Akhir .....	17
Jadual 2.6: Rakan Perdagangan Yang Mana Malaysia Memperoleh Lebihan Perdagangan..	18
Jadual 2.7: Rakan Perdagangan Yang Mana Malaysia Menghadapi Defisit Perdagangan.....	19
Jadual 2.8: Perdagangan Malaysia dengan ASEAN.....	19
Jadual 2.9: Eksport Malaysia ke EU .....	22
Jadual 2.10: Pasaran Yang Berkembang Pesat.....	22
Jadual 2.11: Pasaran Yang Berpotensi.....	23

### BAB 3

Jadual 3.1: Jumlah Sijil Halal Yang Telah Dikeluarkan .....	35
Jadual 3.2: Jumlah Pendapatan Tahunan .....	35
Jadual 3.3: Bilangan Pekerja Sepenuh Masa.....	36
Jadual 3.4: Jumlah Standard Mengikut Sektor Sehingga Disember 2004 .....	45

### BAB 4

Jadual 4.1: Projek-Projek Perkilangan Yang Diluluskan, 2004 .....	49
Jadual 4.2: Projek-Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut Industri, 2004 .....	51
Jadual 4.3: Projek-Projek Perkilangan Yang Diluluskan Dengan Penyertaan Majoriti Rakyat Malaysia .....	53

Jadual 4.4:	Projek-Projek Yang Diluluskan Dengan Penyertaan Asing .....	55
Jadual 4.5:	Projek-Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut Negeri, 2004.....	59
Jadual 4.6:	Projek-Projek Diluluskan Dengan Insentif, 2004.....	60
Jadual 4.7:	Penubuhan Pusat Serantau Yang Diluluskan, 2004.....	63

## BAB 5

Jadual 5.1:	Prestasi Sektor Pembuatan .....	65
Jadual 5.2:	Indeks Pengeluaran Bagi Industri Terpilih .....	65
Jadual 5.3:	Prestasi Eksport Barang Pembuatan, 2004 .....	66
Jadual 5.4:	Jualan Industri Pembuatan Terpilih .....	67
Jadual 5.5:	Indeks Pengeluaran Industri Bagi Sub-sektor Terpilih E&E .....	67
Jadual 5.6:	Jualan Produk E&E Terpilih.....	68
Jadual 5.7:	Guna Tenaga Berdasarkan Sub-sektor E&E .....	68
Jadual 5.8:	Eksport Barang Elektrik dan Elektronik.....	70
Jadual 5.9:	Import Produk Terpilih E&E.....	71
Jadual 5.10:	Pengeluaran Automotif Mengikut Segmen.....	73
Jadual 5.11:	Penggunaan Kapasiti di dalam Sub-sektor Automotif.....	73
Jadual 5.12:	Jualan di dalam Sub-sektor Automotif.....	74
Jadual 5.13:	Import dan Eksport di dalam Sub-sektor Automotif .....	75
Jadual 5.14:	Jumlah Pengeluaran dan Kapasiti Motosikal.....	76
Jadual 5.15:	Guna Tenaga Sub-sektor Kimia dan Keluaran Kimia .....	80
Jadual 5.16:	Jualan Bagi Kimia dan Keluaran Kimia.....	80
Jadual 5.17:	Eksport Kimia dan Keluaran Kimia.....	81
Jadual 5.18:	Import Kimia dan Keluaran Kimia.....	81
Jadual 5.19:	Gunatenaga di Sub-sektor Produk Petroleum .....	83
Jadual 5.20:	Nilai Jualan Produk Petroleum .....	83
Jadual 5.21:	Eksport Keluaran Petroleum .....	84
Jadual 5.22:	Import Produk Petroleum.....	85
Jadual 5.23:	Prestasi Industri Farmaseutikal .....	85
Jadual 5.24:	Indeks Pengeluaran bagi Sub-sektor Terpilih M&E .....	89
Jadual 5.25:	Jualan Mesin Kecuali Mesin Elektrik .....	89
Jadual 5.26:	Guna Tenaga Sub-sektor Terpilih M&E.....	89
Jadual 5.27:	Pengeluaran dan Penggunaan Simen dan Kerikil .....	92
Jadual 5.28:	Jualan Produk Berasaskan Kayu .....	97
Jadual 5.29:	Guna Tenaga Bagi Industri Berasaskan Kayu.....	97
Jadual 5.30:	Eksport Produk Berasaskan Kayu .....	98
Jadual 5.31:	Import Produk Berasaskan Kayu .....	98
Jadual 5.32:	Indeks Pengeluaran Produk Getah .....	99
Jadual 5.33:	Jualan Produk Berasaskan Getah.....	100
Jadual 5.34:	Gunatenaga di Industri Berasaskan Getah .....	100
Jadual 5.35:	Eksport Produk Berasaskan Getah.....	100
Jadual 5.36:	Import Produk Berasaskan Getah .....	100
Jadual 5.37:	Pengeluaran Produk-produk Minyak Kelapa Sawit.....	101
Jadual 5.38:	Eksport Produk Oleokimia.....	102
Jadual 5.39:	Eksport Produk Minyak Sawit .....	102
Jadual 5.40:	Import Produk Minyak Sawit .....	102
Jadual 5.41:	Indeks Pengeluaran Sub-sektor Terpilih Industri Pemprosesan Makanan.....	104
Jadual 5.42:	Jualan Keluaran Terpilih Industri Pemprosesan Makanan.....	104
Jadual 5.43:	Eksport Produk Makanan Diproses .....	106
Jadual 5.44:	Import Produk Makanan Diproses .....	107

## **BAB 6**

Jadual 6.1:	Sumbangan EKS Dalam Sektor Perkilangan.....	115
Jadual 6.2:	Status Program Latihan Yang Disertai Oleh EKS, 2004 .....	117
Jadual 6.3:	Jumlah EKS Dalam Sektor Perkhidmatan .....	123

## **BAB 9**

Jadual 9.1:	Perdagangan Intra-ASEAN bagi Tahun 2003 dan 2004.....	143
Jadual 9.2:	Produk-produk Dalam Senarai Kemasukan (IL), Skim CEPT bagi Enam Negara Anggota Asal ASEAN.....	144
Jadual 9.3:	Eksport Malaysia di bawah Skim CEPT .....	144
Jadual 9.4:	Aliran Pelaburan Intra-ASEAN Dalam Tahun, 2003 (US\$ Juta) .....	146
Jadual 9.5:	Ringkasan Tawaran di bawah Pakej Keempat .....	149
Jadual 9.6:	Eksport Malaysia ke China di bawah Program Pemotongan Awal (EHP) Tahun 2004.....	158

## **BAB 10**

Jadual 10.1:	Amalan Terbaik bagi RTAs/FTAs dalam APEC .....	167
--------------	--	-----



## **BAB 4**

Carta 4.1:	Projek-Projek Diluluskan Mengikut Nisbah CIPE, 2004.....	50
Carta 4.2:	Projek-Projek Diluluskan Mengikut Pelaburan Tempatan, 2004.....	52
Carta 4.3:	Projek-Projek Diluluskan Dengan Penyertaan Asing Mengikut Industri Utama, 2004.....	54
Carta 4.4:	Pelaburan Asing Dalam Projek Diluluskan Mengikut Negara .....	56
Carta 4.5:	Projek Diluluskan Mengikut Negeri, 2004.....	58
Carta 4.6:	Status Pelaksanaan Projek Diluluskan, 2000-2004 .....	62

## **BAB 5**

Carta 5.1:	Indikator Produktiviti Sub-sektor E&E .....	72
Carta 5.2:	Petunjuk Produktiviti Sub-Sektor Automotif.....	75
Carta 5.3:	Produktiviti Indeks Sub-sektor Kimia Industri, 2004 .....	81
Carta 5.4:	Produktiviti Indeks Lain-Lain Sub-sektor Kimia 2004 .....	82
Carta 5.5:	Pengeluaran Produk Besi dan Keluli Terpilih.....	87
Carta 5.6:	Petunjuk Produktiviti Sub-sektor Besi dan Keluli .....	87
Carta 5.7:	Nilai Eksport di Sektor M&E .....	90
Carta 5.8:	Nilai Import di Sub-sektor M&E .....	90
Carta 5.9:	Petunjuk Produktiviti di Sub-sektor Mesin .....	91
Carta 5.10:	Eksport Tekstil dan Pakaian Berdasarkan Destinasi .....	94
Carta 5.11:	Import Tekstil dan Pakaian .....	95

Carta 5.12:	Petunjuk Produktiviti di Sub-sektor Tekstil .....	96
Carta 5.13:	Petunjuk Produktiviti di Sub-sektor Pakaian.....	96
Carta 5.14:	Petunjuk Produktiviti Industri Produk Kayu .....	99
Carta 5.15:	Petunjuk Produktiviti Sub-sektor Produk Getah.....	101
Carta 5.16:	Jualan Produk Makanan Diproses Terpilih.....	105
Carta 5.17:	Eksport Produk Makanan Diproses .....	105
Carta 5.18:	Import Produk Makanan Diproses .....	106
Carta 5.19:	Petunjuk Produktiviti Sub-sektor Pemprosesan Makanan.....	107

## **BAB 6**

Carta 6.1:	Kelulusan Skim Pinjaman Mudah, 2004 .....	120
Carta 6.2:	Kelulusan Pinjaman Mudah Mengikut Sektor, 2004.....	120
Carta 6.3:	Kelulusan Skim Pinjaman Mudah Mengikut Negeri, 2004.....	121
Carta 6.4:	Kelulusan Skim Geran, 2004 .....	121
Carta 6.5:	Kelulusan Skim Geran Berdasarkan Sektor, 2004.....	122

## **BAB 7**

Carta 7.1:	Pertumbuhan Produktiviti Mengikut Sektor, 2004 .....	125
Carta 7.2:	Pertumbuhan Produktiviti Negara OECD Terpilih, 2004 .....	126
Carta 7.3:	Pertumbuhan Produktiviti Negara-negara ASEAN Terpilih, 2004 .....	126
Carta 7.4:	Pertumbuhan Produktiviti Sektor Perkilangan, 2004 .....	127
Carta 7.5:	Sumbangan Subsektor kepada Jumlah Output Perkilangan, 2004 .....	127
Carta 7.6:	Produktiviti, 2004 .....	128
Carta 7.7:	Pertumbuhan Produktiviti, 2004 .....	128
Carta 7.8:	Perubahan Unit Kos Buruh, 2004.....	129
Carta 7.9:	Pertumbuhan Kos Buruh Setiap Pekerja, 2004 .....	129
Carta 7.10:	Pertumbuhan TFP Industri Perkilangan 1999-2004 .....	130
Carta 7.11:	Punca Pertumbuhan TFP 1999-2004 .....	131
Carta 7.12:	Sumbangan kepada Pertumbuhan TFP 1999-2004.....	130

## **BAB 9**

Carta 9.1:	Perdagangan Intra-ASEAN.....	142
------------	------------------------------	-----



## **ARTIKEL KOTAK**

## **BAB 3**

Kotak 3.1:	Garis Panduan Geran Promosi Penjenamaan Yang Telah Dikaji Semula.....	41
------------	---	----

## **BAB 9**

Kotak 9.1:	Integrasi Utama Asean .....	147
Kotak 9.2:	Program Tindakan Vientiane (VAP).....	153

## BAB 10

Kotak 10.1: Projek Pembangunan Keupayaan Apec Di Malaysia.....	164
--	-----

## LAMPIRAN

<b>Lampiran 1:</b> Pertubuhan Dan Kumpulan Keahlian .....	179
<b>Lampiran 2:</b> Jadual Statistik - Perdagangan.....	181
<b>Lampiran 3:</b> Perjanjian-Perjanjian Duahala Perdagangan dan Pelaburan.....	209
<b>Lampiran 4:</b> Pelesenan Import.....	213
<b>Lampiran 5:</b> Senarai Sensitif Dan Pengecualian Sementara Bagi Pelaburan Di Negara-Negara Asean Dibawah Perjanjian Kawasan Pelaburan Asean .....	219
<b>Lampiran 6:</b> Carta Organisasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.....	239
<b>Lampiran 7:</b> Singkatan dan Akronim .....	261

# Perkembangan Ekonomi, Perdagangan Dan Pelaburan Dunia

## TINJAUAN

Dalam tahun 2004, ekonomi dunia merekodkan pertumbuhan keseluruhan sebanyak 5.1 peratus dan merupakan perkembangan terpantas untuk tempoh lebih sedekad. Pertumbuhan yang teguh pada setengah tahun pertama adalah kesinambungan dari purata pertumbuhan hampir 6 peratus yang direkodkan pada dua suku terakhir tahun 2003. Walau bagaimanapun, pertumbuhan lebih perlahan pada separuh tahun kedua 2004 terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak. Disamping itu, peningkatan harga minyak menimbulkan kebimbangan akan terjadinya kemelesetan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, ini tidak berlaku disebabkan harga minyak lebih ditentukan oleh permintaan berbanding dengan penawaran.

Pertumbuhan kukuh yang dicatatkan di Amerika Syarikat adalah sebanyak 4.4 peratus, Republik Rakyat China (PRC) 9.5 peratus dan India (7.3 peratus). Pertumbuhan di Eropah dan Jepun adalah lemah. Secara am, pertumbuhan di negara-negara membangun lebih menyeluruh, dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di kebanyakan rantau melebihi jangkaan.

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi global, perdagangan barang dunia dan pelaburan telah meningkat. Perdagangan global meningkat sebanyak 22.3 peratus dalam tahun 2004, iaitu satu kadar tertinggi sejak tahun 2000. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk harga minyak dan komoditi yang lebih tinggi, dan pemulihan dalam perdagangan peralatan pejabat dan komunikasi.

Seterusnya, kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) dunia dijangka meningkat sebanyak 6 peratus. Ini merupakan kenaikan pertama FDI semenjak kemerosotan yang berlaku pada tahun 2001.

Perkembangan global, terutamanya perkembangan berterusan di Amerika Syarikat dan PRC memberi implikasi positif kepada Malaysia yang ditunjukkan oleh pertumbuhan KDNK sebanyak 7.1 peratus, peningkatan eksport (20.5 peratus) dan paras FDI yang terus teguh. Sejajar dengan perkembangan keseluruhan dunia, Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai pengeksport ke-18 terbesar dan pengimport ke-20 terbesar dunia dalam tahun 2004.

## PERKEMBANGAN EKONOMI MENGIKUT RANTAU

### Asia

Asia, tidak termasuk Jepun, terus menjadi rantau yang berkembang pantas iaitu pada kadar 7.8 peratus dalam tahun 2004. Seterusnya, PRC menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ini dan lain-lain negara turut berkembang dalam tahun 2004 berbanding tahun 2003. Bagaimanapun, pertumbuhan teguh tersebut adalah pada separuh pertama tahun sahaja. Pada separuh tahun kedua, kesan kenaikan harga minyak yang tinggi dan penggabungan industri semikonduktor telah menyebabkan rantau ini mengalami pertumbuhan yang perlahan. Wabak selesema burung telah menjelaskan eksport ternakan tetapi tidak memberikan kesan yang meluas sebagaimana wabak SARS pada tahun sebelumnya.

Sebagaimana tahun 2003, pertumbuhan bergerak pantas di PRC, ekonominya berkembang sebanyak 9.5 peratus dalam tahun

**Jadual 1.1:**  
**Pertumbuhan KDNK Sebenar Dunia**

Negara	2004		2003
	Perubahan (%)	KDNK* (US\$ bilion)	Perubahan (%)
<b>Dunia</b>	<b>5.1</b>	<b>40,670.5</b>	<b>4.0</b>
<b>ASEAN</b>			
Singapura	8.4	106.8	1.4
Malaysia	7.1	117.8	5.3
Filipina	6.1	85.1	4.7
Thailand	6.1	163.5	6.9
Indonesia	5.1	257.9	4.9
<b>Asia Timur</b>			
PRC	9.5	1,649.4	9.1
Taiwan	5.7	305.2	3.3
ROK	4.6	676.5	3.1
Jepun	2.6	4,668.4	1.4
<b>Asia Selatan</b>			
India	7.3	661.0	7.5
Pakistan	6.5	82.6	5.6
Bangladesh	5.4	56.2	5.4
<b>Asia Barat</b>			
Iran	6.6	169.0	6.6
Arab Saudi	5.3	248.8	7.2
Mesir	4.1	77.0	3.1
<b>Afrika</b>			
Ghana	5.5	8.8	5.2
Afrika Selatan	3.7	212.9	2.8
Nigeria	3.5	71.3	10.7
Kenya	3.1	15.6	1.6
<b>New Zealand</b>	5.0	97.0	3.4
<b>Amerika Syarikat</b>	4.4	11,733.5	3.0
<b>Australia</b>	3.2	617.6	3.4
<b>Kanada</b>	2.8	995.8	2.0
<b>EU</b>			
UK	3.1	2,125.5	2.2
Perancis	2.3	2,018.1	0.5
Jerman	1.7	2,706.7	-0.1
Belanda	1.3	578.0	-0.9
Itali	1.2	1,680.7	0.3
<b>Amerika Latin</b>			
Argentina	8.8	151.9	-10.9
Chile	6.0	93.7	3.3
Brazil	5.2	599.7	0.5
Mexico	4.4	676.5	1.6

Sumber: World Economic Outlook Report, April 2005

Tabung Kewangan Antarabangsa

Nota: \* Nilai KDNK pada harga semasa

2004. Ini berlaku walaupun terdapat langkah-langkah makroekonomi yang lebih ketat dilaksanakan oleh kerajaan. Di samping mendominasi dan mendorong pertumbuhan ekonomi serantau dan sedunia, PRC juga menyumbang secara signifikan kepada permintaan minyak dan komoditi, lantas meningkatkan lagi harga bahan-bahan tersebut.

Perkembangan ekonomi PRC bersama dengan kemunculan India, terus mendorong pertumbuhan yang teguh di lain-lain ekonomi di Asia. Ekonomi Asia terus teguh menghadapi cabaran luaran seperti ketidakstabilan harga minyak, ketidaktentuan penawaran tenaga, kelemahan nilai dolar AS dan ketegangan geopolitik.

Lima negara ahli dalam pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN-5) terus merekodkan prestasi ekonomi yang tinggi dalam tahun 2004. Didorong oleh permintaan domestik dan luaran yang tinggi, ekonomi Singapura pulih mendadak sebanyak 8.4 peratus dari 1.4 peratus pada tahun 2003. Dengan pertumbuhan pada kadar 6.1 peratus dalam tahun 2004 (2003:6.9 peratus), Thailand membuktikan ketahanan walaupun menghadapi kemarau yang panjang, wabak selesema burung berulang kali, peningkatan harga minyak dan kekacauan di Wilayah Selatan yang menjelaskan, keyakinan pengguna dan pelabur. Dengan dibantu oleh keluaran pertanian yang tinggi, ekonomi Filipina berkembang sebanyak 6.1 peratus dalam tahun 2004 dan merupakan pertumbuhan tertinggi dalam tempoh 15 tahun. Pertumbuhan di Indonesia adalah lebih kukuh dari jangkaan, iaitu sebanyak 5.1 peratus disebabkan antaranya oleh peningkatan penggunaan swasta dan kenaikan dalam pembentukan modal tetap.

Ekonomi Malaysia berkembang 7.1 peratus dalam tahun 2004 merupakan pertumbuhan berterusan semenjak tahun 2000. Perkembangan ini terhasil dari pertumbuhan kukuh dalam perdagangan dunia dan permintaan tempatan. Kecuali sektor pembinaan, lain-lain sektor mencatatkan

pertumbuhan dengan sektor perkilangan, perkhidmatan dan komoditi menjadi penyumbang utama kepada ekonomi.

Jepun akhirnya berjaya bergerak keluar dari ekonominya yang merudum pada suku pertama tahun 2004, tetapi tidak dapat bertahan lebih dari suku pertama tahun tersebut. Pada keseluruhannya, ekonomi Jepun berkembang 2.6 peratus dalam tahun 2004. Usaha-usaha mencergaskan ekonominya gagal disebabkan kelemahan sektor dalam negeri, peningkatan berterusan nilai yen dan harga minyak yang kurang stabil.

Ekonomi India berkembang 7.3 peratus dalam tahun 2004 berbanding dengan 7.5 peratus pada tahun 2003. Kejatuhan kecil ini disebabkan oleh kejatuhan pengeluaran pertanian pada suku terakhir tahun 2004. Walau bagaimanapun kejatuhan pengeluaran pertanian tersebut telah dapat diseimbangkan dengan lebihan dari sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Ekonomi Taiwan pulih dari kesan SARS pada tahun 2003 dan berkembang 5.7 peratus dalam tahun 2004, iaitu satu kadar tertinggi sejak tahun 2000. Lonjakan ekonomi ini didorong oleh pemulihan dalam industri ICT pada suku pertama dan kedua tahun.

Asia Barat mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus dalam tahun 2004 berbanding 5.4 peratus pada tahun 2003. Pertumbuhan ini terutamanya disumbangkan oleh negara-negara pengeksport minyak di rantau ini yang mendapat manfaat dari kenaikan pendapatan eksport kesan dari peningkatan harga minyak dunia dan jumlah eksport yang tinggi.

## Amerika Utara

Ekonomi Amerika Syarikat kekal teguh pada tiga suku pertama tahun 2004, namun defisit perdagangan yang besar telah memperlambangkan pertumbuhan yang dijangkakan pada suku terakhir tahun tersebut. Ekonomi meningkat sebanyak 4.4 peratus dalam tahun 2004 berbanding dengan 3

peratus pada tahun 2003. Pertumbuhan tersebut didorong oleh limpahan modal, perbelanjaan pengguna dan pelaburan berpotfolio.

Ekonomi Kanada berkembang 2.8 peratus dalam tahun 2004 daripada 2 peratus pada tahun 2003. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan harga komoditi dan pengurusan fiskal yang berhemah ke atas peningkatan nilai dolar Kanada.

## Eropah

Zon Euro berkembang 2 peratus dalam tahun 2004 berbanding dengan 0.5 peratus pada tahun 2003. Pertumbuhannya stabil pada separuh kedua tahun 2003 dan lemah dalam separuh kedua tahun 2004. Pertumbuhan kurang seragam dalam Zon Euro disebabkan oleh kesukaran menyamakan polisi makroekonomi bagi menyelesaikan pemulihan ekonomi, sentimen pengguna yang lemah terutamanya di Jerman, ketidakstabilan harga minyak dan kesan negatif dari pengukuhan euro yang mana menyebabkan eksport Zon Euro menjadi kurang berdaya saing.

Dalam tahun 2004, Jerman pulih sebanyak 1.7 peratus selepas penguncutan sebanyak 0.1 peratus pada tahun 2003. Belanda berkembang sebanyak 1.3 peratus selepas penguncutan 0.9 peratus pada tahun sebelumnya. Perancis berkembang 2.3 peratus dalam tahun 2004 daripada 0.5 peratus pada tahun 2003. Ekonomi di United Kingdom terus kukuh dan berkembang 3.1 peratus dalam tahun 2004.

## Australia dan New Zealand

Pertumbuhan KDNK bagi Australia dan New Zealand terus teguh dalam tahun 2004 walaupun terdapat penurunan pada separuh kedua tahun. Ekonomi Australia bertumbuh sebanyak 3.2 peratus dalam tahun 2004 (2003:3.4 peratus), sementara New Zealand berkembang sebanyak 5 peratus (2003:3.4 peratus). Pertumbuhan perlahan ekonomi Australia adalah disebabkan oleh kejatuhan pengeluaran pertanian pada suku pertama tahun dan kejatuhan eksport pada suku ketiga tahun.

## Afrika

Dalam tahun 2004, ekonomi Afrika berkembang 5.1 peratus daripada 4.6 peratus pada tahun 2003 iaitu paras tertinggi dalam masa sedekad. Faktor utama yang memacu kepada pertumbuhan tinggi adalah harga minyak dan komoditi yang tinggi, penambahbaikan polisi makroekonomi domestik dan reformasi struktur. Pada keseluruhannya negara-negara pengeksport minyak mengalami pertumbuhan. Sebagai contoh, Angola dan Sudan berkembang masing-masing sebanyak 11.2 peratus dan 7.3 peratus. Nigeria sebagai negara yang kaya dengan minyak tidak memperoleh manfaat daripada kenaikan harga minyak disebabkan penguncupan ekonominya dalam tahun 2004 kepada 3.5 peratus daripada 10.7 peratus yang direkodkan pada tahun 2003.

Pemulihan pengeluaran pertanian dalam tahun 2004 menyumbang kepada pertumbuhan

sebanyak 11.6 peratus di Ethiopia berbanding dengan penguncupan 3.9 peratus dalam tahun 2003. Afrika Selatan berkembang 3.7 peratus dalam tahun 2004 daripada 2.8 peratus pada tahun 2003, didorongkan oleh permintaan domestik yang tinggi. Zimbabwe dan Cote d'Ivoire terus mengalami penguncupan ekonomi.

## Amerika Latin

Amerika Latin berkembang sebanyak 5.7 peratus dalam tahun 2004 daripada 2.2 peratus pada tahun sebelumnya. Ini merupakan pertumbuhan terbesar untuk rantau ini semenjak tahun 1980. Pasaran Bersama Kon Selatan Amerika Latin (MERCOSUR) terus berkembang sebanyak 6.1 peratus berbanding dengan 2.6 peratus pada tahun 2003.

Venezuela berkembang 17.3 peratus selepas penguncupan sebanyak 7.7 peratus pada tahun

**Jadual 1.2:**  
**Prestasi Perdagangan Barang, 2004**

	Eksport			Import		
	2004 (US\$ billion)	Perubahan (%)	2003 (US\$ billion)	2004 (US\$ billion)	Perubahan (%)	2003 (US\$ billion)
Dunia	8,880.0	21.0	7,104.0	9,215.0	21.0	7,615.7
Asia	2,385.0	25.0	1,908.0	2,214.0	27.0	1,743.3
PRC	593.4	35.0	439.6	561.4	36.0	412.8
Jepun	565.5	20.0	471.3	454.5	19.0	381.9
ASEAN-5						
Singapura	179.5	25.0	143.6	163.8	28.0	128.0
Malaysia	126.5	20.5	105.0	105.2	25.8	83.6
Thailand	97.7	22.0	80.1	95.4	26.0	75.7
Indonesia	69.7	14.0	61.1	46.2	42.0	32.5
Filipina	39.6	7.0	37.0	42.6	8.0	39.4
AS	819.0	13.0	724.8	1,526.4	17.0	1,304.6
Asia Barat	379.0	26.0	300.8	243.0	23.0	197.6
Mexico	188.6	14.0	165.4	206.4	16.0	177.9
Eropah	4,024.0	19.0	3,381.5	4,133.0	20.0	3,444.2
EU-25	3,708.0	19.0	3,116.0	3,784.0	19.0	3,179.8
Amerika Latin	272.0	28.0	212.5	238.0	27.0	187.4
MERCOSUR	135.0	28.0	105.5	94.0	37.0	68.6
Afrika	228.0	31.0	174.0	207.0	25.0	165.6

Sumber: World Trade Organisation

**Jadual 1.3:**  
**Pengeksport Dan Pengimport Utama Dalam Perdagangan Barang Dunia, 2004**

Bil.	Pengeksport	Nilai	Syer	Tahunan (%) Perubahan	Bil.	Pengimport	Nilai	Syer	Tahunan (%) Perubahan
1	Jerman	914.8	10.0	22	1	Amerika Syarikat	1,526.4	16.1	17
2	Amerika Syarikat	819.0	9.0	13	2	Jerman	717.5	7.6	19
3	PRC	593.4	6.5	35	3	PRC	561.4	5.9	36
4	Jepun	565.5	6.2	20	4	Perancis	464.1	4.9	16
5	Perancis	451.0	4.9	15	5	UK	462.0	4.9	18
6	Belanda	358.8	3.9	21	6	Jepun	454.5	4.8	19
7	Itali	346.1	3.8	16	7	Itali	349.0	3.7	17
8	United Kingdom	345.6	3.8	13	8	Belanda	319.9	3.4	21
9	Kanada	322.0	3.5	18	9	Belgium	287.2	3.0	22
10	Belgium	308.9	3.4	21	10	Kanada	275.8	2.9	13
11	Hong Kong	265.7	2.9	16	11	Hong Kong	273.0	2.9	17
12	ROK	253.9	2.8	31	12	Sepanyol	249.8	2.6	20
13	Mexico	188.6	2.1	14	13	ROK	224.4	2.4	26
14	Rusia	183.2	2.0	35	14	Mexico	206.4	2.2	16
15	Taiwan	181.4	2.0	21	15	Taiwan	167.9	1.8	32
16	Singapura	179.5	2.0	25	16	Singapura	163.8	1.7	28
17	Sepanyol	179.0	2.0	15	17	Austria	115.1	1.2	16
18	Malaysia	126.5	1.4	21	18	Switzerland	111.5	1.2	16
19	Sweden	121.0	1.3	19	19	Australia	107.8	1.1	21
20	Arab Saudi	119.6	1.3	28	20	Malaysia	105.2	1.1	26
21	Switzerland	118.4	1.3	18	21	Sweden	97.6	1.0	17
22	Austria	115.7	1.3	19	22	Turki	97.2	1.0	40
23	Ireland	104.1	1.1	12	23	Thailand	95.4	1.0	26
24	Thailand	97.7	1.1	22	24	India	95.2	1.0	34
25	Brazil	96.5	1.1	32	25	Rusia	94.8	1.0	28
26	Australia	86.6	0.9	21	26	Poland	87.8	0.9	29
27	Norway	82.0	0.9	22	27	Republik Czech	67.9	0.7	31
28	UAE	79.5	0.9	21	28	Denmark	67.2	0.7	17
29	Denmark	75.6	0.8	14	29	Brazil	65.9	0.7	30
30	Poland	74.1	0.8	38	30	Ireland	60.1	0.6	12

Sumber: World Trade Organisation

2003 disebabkan terutamanya oleh harga minyak yang tinggi. Polisi makroekonomi yang sihat dan reformasi struktur telah mendorong pertumbuhan sebanyak 12 peratus di Uruguay berbanding dengan 2.5 peratus pada tahun 2003, Brazil 5.2 peratus (2003: 0.5 peratus), Chile 6 peratus (2003: 3.3 peratus) dan Argentina 8.8 peratus (2003: -10.9 peratus).

## PERKEMBANGAN PERDAGANGAN

Mengikut Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), perdagangan dunia meningkat sebanyak 22.3 peratus kepada US\$18.1 trilion dalam tahun 2004 berbanding dengan US\$14.8 trilion yang dicatatkan pada tahun 2003. Ini merupakan paras tertinggi semenjak tahun 2000. Eksport dagangan dunia berjumlah

US\$8.9 trillion, sementara import berjumlah US\$9.2 trillion. Perkembangan perdagangan adalah disebabkan oleh peningkatan harga minyak dan komoditi serta peningkatan di dalam perdagangan barang elektrik dan elektronik.

Ekonomi-ekonomi membangun menyumbangkan 31.3 peratus daripada eksport global dan 27.4 peratus daripada import global. Peningkatan syer negara-negara membangun dalam eksport global adalah yang tertinggi semenjak tahun 1950. Dalam tahun 2004, PRC mengatasi Jepun untuk menjadi pengeksport terbesar Asia dengan jumlah eksport berjumlah US\$593.4 bilion, atau 6.5 peratus syer daripada eksport global berbanding eksport Jepun berjumlah US\$565.5 bilion atau 6.2 peratus syer.

## **Perkembangan Perdagangan Rantau**

### **Asia**

Dalam tahun 2004, eksport Asia berjumlah 26.9 peratus daripada perdagangan global (2003: 26.9 peratus) dan import 24 peratus (2003: 22.9 peratus). Pertumbuhan ini terhasil dari perkembangan yang menyeluruh dalam perdagangan di kebanyakan negara-negara rantau ini.

PRC mengatasi Jepun sebagai sumber ketiga terbesar dunia bagi pasaran eksport dan import. Eksport dari PRC berkembang sebanyak 35 peratus kepada US\$593.4 bilion, manakala eksport Jepun berkembang sebanyak 20 peratus kepada US\$565.5 bilion. Bagi import, Jepun mencatatkan peningkatan signifikan sebanyak 19 peratus berbanding dengan 14 peratus pada tahun sebelumnya. Import oleh PRC berkembang sebanyak 36 peratus dalam tahun 2004 kepada US\$561.4 billion daripada US\$412.8 billion pada tahun 2003.

ASEAN menyumbang hampir 6.2 peratus daripada eksport global dan 5.3 peratus daripada import global. Singapura menduduki tempat ke-16 terbesar bagi eksport dan import, masing-masing berjumlah 2 peratus dan 1.7 peratus daripada eksport dan import global. Malaysia merupakan pengeksport ke-18

terbesar dan pengimport ke-20 terbesar dunia, masing-masing berjumlah 1.4 peratus dan 1.1 peratus daripada perdagangan eksport dan import global.

Dalam tahun 2004, eksport dari Asia Barat berkembang sebanyak 26 peratus berbanding dengan 21 peratus pada tahun sebelumnya, disebabkan terutamanya oleh peningkatan jumlah eksport dan harga petroleum yang tinggi. Import berkembang sebanyak 23 peratus daripada 13 peratus pada tahun 2003. Eksport berjumlah US\$379 bilion dalam tahun 2004, iaitu 4.3 peratus daripada eksport global, sementara import berjumlah US\$243 bilion, atau 2.6 peratus daripada import global.

### **Amerika Utara**

Amerika Syarikat terus menjadi pasaran terbesar import dunia dengan menyerap 16.1 peratus atau US\$1.5 trillion nilai import global. Ia merupakan pengeksport perdagangan kedua terbesar, berjumlah 9 peratus atau US\$819 bilion nilai eksport.

Kanada adalah pengeksport ke sembilan terbesar dunia dan pengimport ke sepuluh terbesar dunia dalam tahun 2004. Eksportnya terus berkembang dalam tahun 2004, meningkat sebanyak 18 peratus kepada US\$322 bilion daripada US\$272.9 bilion pada tahun 2003. Import meningkat sebanyak 13 peratus kepada US\$275.8 bilion daripada US\$244.1 bilion pada tahun 2003.

### **Kesatuan Eropah**

Kesatuan Eropah (EU-25) menyumbang 41.8 peratus daripada jumlah eksport global, sementara menyerap sejumlah 41.1 peratus import global dalam tahun 2004. Pencapaian ini, termasuk perdagangan intra-EU, terhasil dengan perluasan EU kepada 25 ahli. Jerman terus menjadi pengeksport terbesar di dunia, mencatatkan 10 peratus daripada eksport global. Dengan import berjumlah US\$717.5 bilion, Jerman kekal sebagai pengimport kedua terbesar dunia selepas Amerika Syarikat.

Daripada 10 pengeksport dan pengimport terbesar dunia dalam tahun 2004, enam daripadanya adalah dari Eropah iaitu Jerman, Perancis, Belanda, Itali, United Kingdom dan Belgium. Pemulihan perdagangan barang dunia adalah sebahagian besarnya disumbangkan oleh perkembangan keseluruhan dalam perdagangan barang Eropah.

### **Afrika**

Eksport dari Afrika berkembang sebanyak 31 peratus dalam tahun 2004 berbanding dengan 23 peratus pertumbuhan yang dicatatkan pada tahun 2003. Perkembangan tersebut berhasil terutamanya dari kenaikan harga minyak dan komoditi yang tinggi. Seterusnya, eksport dari negara-negara pengeksport minyak di Afrika berkembang sebanyak 41 peratus dalam tahun 2004, berjumlah 1.3 peratus dari eksport dunia, berbanding dengan 19 peratus untuk negara-negara bukan pengeksport minyak. Peningkatan hasil juga menggalakkan pertumbuhan import, dengan import dari negara-negara pengeksport minyak meningkat sebanyak 32 peratus, berbanding dengan 18 peratus peningkatan oleh negara-negara bukan pengeksport minyak.

**Jadual 1.4:**  
**Aliran Masuk Dan Keluar FDI**

Rantau	2003			2002	
	US\$ bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	US\$ bilion	Syer (%)
<b>Dunia</b>					
Aliran masuk	580.0	100.0	-14.6	678.8	100.0
Aliran keluar	612.2	100.0	2.6	596.5	100.0
<b>Ekonomi Maju</b>					
Aliran masuk	380.0	65.5	-22.4	489.9	72.2
Aliran keluar	569.6	93.1	4.0	547.6	91.8
<b>Ekonomi Membangun</b>					
Aliran masuk	173.0	29.8	9.8	157.6	23.2
Aliran keluar	35.6	5.8	-19.1	44.0	7.4
<b>Eropah Timur dan Tengah</b>					
Aliran masuk	27.0	4.7	-13.5	31.2	4.6
Aliran keluar	7.0	1.1	42.9	4.9	0.8

Sumber: *World Investment Report, 2003, UNCTAD*

### **Amerika Latin**

Amerika Latin menyumbang 3.1 peratus daripada eksport global dan 2.6 peratus daripada import global. Kombinasi harga minyak yang tinggi dan kestabilan politik dan ekonomi menyumbang kepada peningkatan aktiviti-aktiviti perdagangan dan ekonomi. Eksport berkembang sebanyak 28 peratus, berbanding 13 peratus pada tahun 2003. Import meningkat sebanyak 27 peratus dalam tahun 2004 kepada US\$238 bilion. Daripada seluruh negara rantau ini, Brazil merupakan pengeksport dan pengimport utama, masing-masing berjumlah 1.1 peratus daripada eksport global dan 0.7 peratus daripada import global. Brazil adalah merupakan negara ke-25 terbesar pengeksport dan 29 terbesar import global.

### **PERKEMBANGAN PELABURAN**

Pada tahun 2003, aliran masuk pelaburan langsung asing dunia (FDI) terus menurun tiga tahun berturut-turut sebanyak 14.6 peratus kepada US\$580.0 bilion, sementara aliran keluar meningkat sebanyak 2.6 peratus kepada US\$612.2 bilion. Aliran masuk ke negara-negara maju jatuh sebanyak 22.4 peratus kepada US\$380.0 bilion pada tahun 2003, sementara aliran masuk ke

**Jadual 1.5:**  
**Aliran Masuk FDI Mengikut Sumber Rantau Dan Ekonomi**

Rantau	2003			2002	
	US\$ bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	US\$ bilion	Syer (%)
Dunia	580.0	100.0	-14.6	678.8	100.0
<b>Ekonomi Maju</b>	<b>380.0</b>	<b>65.5</b>	<b>-22.4</b>	<b>489.9</b>	<b>72.2</b>
EU	295.2	52.8	-21.1	374.0	55.1
Amerika Utara	36.4	6.5	-56.6	83.9	12.4
<b>Ekonomi Membangun</b>	<b>173.0</b>	<b>29.8</b>	<b>9.8</b>	<b>157.6</b>	<b>23.2</b>
Asia Selatan, Timur & Tenggara	96.9	17.3	12.3	86.3	12.7
Amerika Latin & Caribbean	49.7	8.9	-3.3	51.4	7.6
Afrika	15.0	1.0	27.1	11.8	1.7
<b>Eropah Timur dan Tengah</b>	<b>27.0</b>	<b>4.7</b>	<b>-13.5</b>	<b>31.2</b>	<b>4.6</b>

Sumber: *World Investment Report, 2003, UNCTAD*

**Jadual 1.6:**  
**Aliran Keluar FDI Mengikut Sumber Rantau Dan Ekonomi**

Rantau	2003			2002	
	US\$ bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	US\$ bilion	Syer (%)
Dunia	612.2	100.0	2.6	596.5	100.0
<b>Ekonomi Maju</b>	<b>569.6</b>	<b>93.1</b>	<b>4.0</b>	<b>547.6</b>	<b>91.8</b>
EU	337.0	55.0	-4.0	351.2	58.9
Amerika Utara	173.4	28.3	22.4	141.7	23.8
<b>Ekonomi Membangun</b>	<b>35.6</b>	<b>5.8</b>	<b>-19.1</b>	<b>44.0</b>	<b>7.4</b>
Asia Selatan, Timur & Tenggara	23.5	3.8	-32.3	34.7	5.8
Amerika Latin & Caribbean	10.7	1.7	78.3	6.0	1.0
Afrika	1.3	0.2	1200.0	0.1	0.02
<b>Eropah Timur dan Tengah</b>	<b>7.0</b>	<b>1.1</b>	<b>42.9</b>	<b>4.9</b>	<b>0.8</b>

Sumber: *World Investment Report, 2003, UNCTAD*

negara-negara membangun berkembang sebanyak 9.8 peratus kepada US\$173 bilion. Pada masa yang sama, aliran keluar dari negara-negara maju meningkat sebanyak 4 peratus kepada US\$569.6 bilion, sementara aliran keluar dari negara-negara membangun menurun sebanyak 19.1 peratus kepada US\$35.6 bilion.

Faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan berterusan ini termasuk ketidaktentuan dalam prospek pertumbuhan ekonomi, kejatuhan nilai pasaran saham, penguncutan saiz korporat dan pemotongan kos, penurunan aktiviti penggabungan dan pemilikan (M&A) serta penswastaan. Pada tahun 2003, jumlah kontrak M&A menguncup sebanyak 19.7 peratus

kepada US\$297 bilion daripada US\$369.8 bilion pada tahun 2002.

### **FDI di Negara-negara Membangun**

Rantau Asia dan Pasifik serta Afrika mencatatkan aliran masuk FDI yang lebih tinggi pada tahun 2003 berbanding dengan tahun 2002, dengan Asia kekal sebagai penerima aliran masuk FDI di negara membangun dunia.

Aliran masuk ke rantau Asia dan Pasifik berkembang sebanyak 13.2 peratus kepada US\$107 bilion pada tahun 2003, daripada US\$94.5 bilion pada tahun 2002. Aliran masuk FDI terutamanya tertumpu di PRC (50.5 peratus), Hong Kong (13.1 peratus), Singapura (10.3 peratus), India (3.7 peratus), ROK (3.7 peratus), Azerbaijan (3.1 peratus) dan Malaysia (2.3 peratus). Pertumbuhan aliran masuk adalah dipengaruhi oleh peningkatan aktiviti M&A serantau, daya saing kos, prospek pertumbuhan yang berterusan, kewujudan bahan mentah dan sumber tenaga, pengkhususan ICT, infrastruktur yang cukup, sumber manusia mahir dan berpengetahuan serta persekitaran operasi yang kondusif.

Aliran masuk FDI ke Afrika melambung dalam tahun 2003 dan berkembang sebanyak 27.1 peratus kepada US\$15 bilion daripada US\$11.8 bilion pada tahun 2002. Pemulihan ini di dorong oleh pelaburan ke dalam industri minyak. Morocco, Equatorial Guinea, Angola, Sudan, Nigeria, Chad dan Afrika Selatan secara agregat memperolehi lebih separuh daripada aliran masuk FDI ke Afrika pada tahun 2003.

Untuk empat tahun berturut-turut, Amerika Latin dan Caribbean mencatatkan aliran FDI yang lebih rendah. Pada tahun 2003, aliran masuk berjumlah US\$51 bilion iaitu menguncup sebanyak 3.3 peratus daripada tahun sebelumnya.

Aliran masuk ke Eropah Timur dan Tengah menurun sebanyak 13.5 peratus kepada US\$27 bilion pada tahun 2003 daripada US\$31.2

bilion pada tahun 2002. Ini disebabkan oleh penyiapan projek penswastaan di Republik Czech dan Slovakia.

### **FDI di Negara Maju**

Amerika Syarikat, Jerman dan Luxembourg mengalami 73.6 peratus penurunan aliran masuk FDI ke negara-negara maju pada tahun 2003. Di Amerika Syarikat aliran masuk jatuh sebanyak 52.3 peratus kepada US\$30 bilion daripada US\$62.9 bilion pada tahun 2002 dan merupakan nilai terendah sejak tahun 1992.

Aliran masuk ke EU menurun sebanyak 17.6 peratus kepada US\$308 bilion dalam tahun 2003 daripada US\$374 bilion pada tahun 2002. Negara-negara yang paling banyak mendapat manfaat dari aliran masuk FDI ke EU adalah Luxembourg, Perancis, Belgium, Sepanyol, Ireland, Belanda, United Kingdom dan Jerman. Secara kolektif, negara-negara ini memperoleh 89.2 peratus, atau US\$274.3 bilion dari keseluruhan jumlah aliran masuk FDI ke EU. Pertumbuhan ekonomi yang lembap dan kejatuhan dalam pelaburan ekuiti dan pinjaman antara firma adalah antara penyebab kejatuhan tersebut.

Dalam tahun 2003, Amerika Syarikat mendahului sebagai sumber tunggal utama FDI dunia. Aliran keluar dari Amerika Syarikat berkembang sebanyak 31.7 peratus kepada US\$151.9 bilion dalam tahun 2003 daripada US\$115.3 bilion pada tahun 2002. Di EU, Belgium, United Kingdom, Perancis, Sweden dan Belanda mencatatkan peningkatan dalam aliran keluar FDI berjumlah US\$60.2 bilion atau 10.6 peratus daripada aliran keluar FDI ke negara maju.

## **ANGGARAN FDI TAHUN 2004**

Mengikut UNCTAD, aliran masuk FDI dunia dijangka akan meningkat sebanyak 6 peratus dalam tahun 2004 kepada US\$612 bilion. Pemulihan ini masih kurang daripada paras yang dicatatkan pada tahun 2000. Namun, peningkatan sederhana ini, selepas tiga tahun mengalami kemerosotan, menunjukkan

**Jadual 1.7:**  
**Aliran Masuk FDI Dunia, 2004**

Rantau Sumber/Ekonomi	2004 <sup>b</sup>	2003 <sup>a</sup>
Dunia	612	580
Negara Maju	321	380
Kesatuan Eropah	165	308
United Kingdom	55	21
Luxembourg	52	92
Perancis	35	47
Ireland	26	27
Itali	15	16
Portugal	6	1
Sepanyol	6	26
Belgium	7	29
Jerman	- 49	13
Amerika Syarikat	121	30
Kanada	12	7
Jepun	7	6
Australia	5	8
Ekonomi Membangun	255	173
Afrika	20	15
Amerika Latin dan Caribbean	69	51
Mexico	18	11
Brazil	16	10
Chile	6	3
Asia dan Pacific	166	107
PRC	62	54
Hong Kong	33	14
Singapura	21	11
ROK	9	4
India	6	4
Eropah Timur dan Tengah <sup>c</sup>	36	27
Rusia	10	7
Republik Czech	5	3
Poland	5	4

Sumber: UNCTAD dan anggaran sendiri oleh UNCTAD

Nota: <sup>a</sup> Data dikaji semula

<sup>b</sup> Anggaran awal

<sup>c</sup> 8 buah negara CEE yang menganggotai EU dalam tahun 2004 termasuk di bawah kategori ini

keyakinan perniagaan yang bertambah baik dan pemulihan keseluruhan dalam ekonomi dunia.

Negara-negara membangun dijangka akan menerima aliran masuk berjumlah US\$255 bilion iaitu peningkatan sebanyak 48 peratus daripada tahun 2003 yang berjumlah US\$173 bilion. Sebahagian besar aliran masuk ke negara-negara membangun ini adalah menghala ke Asia. Aliran masuk FDI ke Asia dan Pasifik berjumlah US\$166 bilion atau 55 peratus daripada jumlah keseluruhan. PRC, Hong Kong dan Singapura menerima hampir 70 peratus daripada jumlah aliran masuk ke Asia dan Pasifik, dengan PRC menerima US\$62 bilion atau 10.1 peratus daripada keseluruhan FDI global, Hong Kong (US\$33 bilion) dan Singapura (US\$21 bilion). Jumlah aliran masuk FDI ke Malaysia dalam tahun 2004 berjumlah US\$6.9 billion.

## PROSPEK

Pertumbuhan global yang mula perlakan pada suku terakhir tahun 2004 dijangka akan kekal sehingga tahun 2005. Ini bergantung kepada peningkatan berterusan harga minyak dan kelembapan di Jepun dan Zon Euro. Menurut IMF, pertumbuhan KDNK dunia keseluruhannya dijangka akan berkembang sebanyak 4.3 peratus. Pertumbuhan global adalah dijangkakan tidak seragam, dengan Amerika Syarikat dan Asia, terutamanya PRC dan India, menjadi pendorong kepada perkembangan, manakala Jepun dan Eropah tertinggal di belakang. Prestasi kurang menggalakkan kedua-dua negara ini dijangka akan berterusan selagi permintaan domestik terus lemah dan harga minyak tinggi.

Walaupun IMF menjangkakan PRC akan berkembang perlakan daripada 9.5 peratus dalam tahun 2004, namun tiada petunjuk memperlihatkan tanda-tanda bahawa ekonomi PRC akan menjadi lebih perlakan. Pada suku pertama tahun 2005, PRC berkembang lebih cepat daripada yang dijangkakan, pada kadar yang sama iaitu 9.5 peratus. Dengan berpandukan

PRC sebagai salah satu pemacu ekonomi global, perkembangannya yang berterusan akan memberikan petunjuk positif kepada pertumbuhan global.

ASEAN juga dijangkakan akan mencatatkan pertumbuhan mantap di antara 5 dan 5.9 peratus pada tahun 2005, sebahagiannya adalah hasil dari usaha-usaha positif ke arah mengintegrasikan ekonomi-ekonomi di rantau tersebut, juga hasil dari pertumbuhan berterusan di PRC dan Amerika Syarikat.

India dijangka akan mengekalkan kestabilan pertumbuhan pada tahun 2005 dengan disokong oleh sektor pertanian dan perkhidmatan, manakala sektor industri dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah. Pelaburan dijangka akan berkembang terutamanya di bidang infrastruktur.

Tahun 2005 akan memperlihatkan kesan dari pemansuhan Perjanjian Tekstil dan Pakaian (ATC) bagi menandakan perdagangan yang lebih bebas bagi barang tersebut. Walau bagaimanapun, negara-negara pengeksport kecil yang menyokong reformasi perdagangan tekstil ini, perlu menyesuaikan diri bagi berhadapan dengan persaingan hebat daripada PRC. Seterusnya, pasaran-pasaran maju terutamanya di EU dan Amerika Syarikat, mungkin akan meningkatkan usaha bagi melindungi pekilang-pekilang domestik walaupun persaingan terus berlaku dengan hebatnya.

Aliran masuk FDI global yang mula pulih dalam tahun 2004, dijangka akan terus meningkat. Ini adalah selari dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi, terutamanya di Asia dan Amerika Latin. ◉



# Perdagangan Luar Malaysia

## TINJAUAN

Prestasi eksport barang dan jumlah perdagangan Malaysia yang kukuh pada tahun 2003 kekal berterusan ke tahun 2004. Jumlah perdagangan tahun 2004 meningkat 23.3 peratus kepada RM880.8 bilion berbanding RM714.4 bilion pada tahun 2003.

Dengan permintaan luar yang lebih kukuh disokong oleh peningkatan aktiviti ekonomi dan tahap penggunaan di negara-negara rakan perdagangan utama Malaysia, perdagangan intra-Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang dinamik serta kejayaan menembusi pasaran baru dan sedang membangun, eksport dalam tahun 2004 melonjak 20.8 peratus mencapai RM480.7 bilion berbanding RM397.9 bilion pada tahun 2003. Pertumbuhan kukuh dalam nilai import juga mencatatkan perkembangan 26.4 peratus kepada RM399.6 bilion dalam tahun 2004 daripada RM316.5 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan import dipengaruhi oleh tahap aktiviti perindustrian yang lebih tinggi dalam tahun 2004.

Dalam tahun 2004, rantau ASEAN kekal sebagai rakan perdagangan utama Malaysia dengan mencatatkan jumlah eksport sebanyak 25.1 peratus dan jumlah import sebanyak 23.9 peratus.

Perdagangan dengan semua rantau global mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka. Perdagangan dengan rantau Asia Timur Laut berkembang sebanyak 22.4 peratus daripada tahun sebelumnya, diikuti dengan Amerika Utara (17.4 peratus), Kesatuan Eropah (23.7 peratus), Asia Barat

**Jadual 2.1:**  
**Perdagangan Luar**

Keterangan	2004		2003
	RM bilion	Perubahan (%)	RM bilion
<b>Jumlah Perdagangan</b>	<b>880.8</b>	<b>23.3</b>	<b>714.4</b>
Eksport	480.7	20.8	397.9
Import	400.1	26.4	316.5
Imbangan Perdagangan	80.6	-0.8	81.3

*Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

(37.3 peratus), Asia Selatan (26.8 peratus), Amerika Latin (39.7 peratus) dan negara Eropah bukan-EU (78.5 peratus). Kadar pertumbuhan perdagangan yang memberangsangkan terjalin dengan negara Eropah bukan-EU, Amerika Latin, Asia Barat dan Asia Selatan hasil daripada usaha pelbagai peralihan pasaran eksport.

Dari segi negara, empat rakan perdagangan utama Malaysia ialah Amerika Syarikat dengan syer perdagangan sebanyak 16.8 peratus, diikuti oleh Singapura (13.2 peratus), Jepun (12.8 peratus) dan Republik Rakyat China (PRC) (8.1 peratus).

Secara kumpulan, syer tiga rakan perdagangan utama Malaysia iaitu Amerika Syarikat, Singapura dan Jepun merosot kepada 42.8 peratus dalam tahun 2004 daripada 45.2 peratus pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, perdagangan dengan ketigatiga negara ini meningkat dari segi nilai kepada RM377 bilion dalam tahun 2004 daripada

**Jadual 2.2:**  
**Rakan Perdagangan 15 Teratas**

Negara	2004			2003	
	RM bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	RM bilion	Syer (%)
<b>Jumlah Perdagangan</b>	<b>880.8</b>	<b>100.0</b>	<b>23.3</b>	<b>714.4</b>	<b>100.0</b>
Amerika Syarikat	148.1	16.8	17.0	126.6	17.7
Singapura	116.7	13.2	17.1	99.6	13.9
Jepun	112.3	12.7	16.3	96.5	13.5
PRC	71.4	8.1	33.7	53.4	7.5
Thailand	45.0	5.1	40.5	32.0	4.5
Hong Kong	39.5	4.5	15.5	34.2	4.8
Taiwan	37.4	4.2	24.7	30.0	4.2
Republik Korea	36.7	4.2	27.2	28.9	4.0
Jerman	28.4	3.2	19.2	23.8	3.3
Indonesia	27.6	3.1	43.4	19.3	2.7
Australia	22.6	2.6	53.3	14.7	2.1
Belanda	19.2	2.2	26.6	15.2	2.1
Filipina	18.1	2.1	4.6	17.3	2.4
United Kingdom	17.2	2.0	15.9	14.8	2.1
India	16.3	1.9	33.8	12.2	1.7

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

RM322.8 bilion pada tahun 2003. Secara perbandingan, syer perdagangan dengan PRC meningkat kepada 8.1 peratus dalam tahun 2004 daripada 7.5 peratus pada tahun 2003. Peningkatan ini membuktikan pasaran eksport Malaysia yang pelbagai.

Tahun 2004 juga mengalami perubahan terhadap kedudukan beberapa rakan perdagangan utama. Thailand menggantikan Hong Kong sebagai rakan perdagangan kelima terbesar Malaysia (keenam pada tahun 2003) dan Australia beralih dari tempat ke-14 kepada 11 dalam tahun 2004. Peningkatan perdagangan dengan Thailand disebabkan oleh kepentingan perdagangan dengan ASEAN dan perkembangan perdagangan intra-ASEAN. Dalam tahun 2004, Singapura, Thailand, Filipina dan Indonesia secara kumpulan menyumbang 23.7 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia. Kejatuhan eksport ke Hong Kong sebahagian besar disebabkan oleh perubahan corak perdagangan yang mana eksport diantar secara terus ke PRC, tanpa melalui Hong Kong.

Pertumbuhan eksport ke Australia adalah terutamanya hasil daripada kenaikan eksport petroleum mentah kepada RM5.1 bilion dalam tahun 2004 daripada RM2 bilion pada tahun 2003; dan pertambahan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E) kepada RM4.6 bilion daripada RM3.5 bilion.

## EKSPORT

Pertumbuhan eksport Malaysia sebanyak 20.8 peratus dalam tahun 2004 adalah hampir dua kali ganda melebihi kadar 10.8 peratus yang diramalkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk negara-negara membangun dalam laporannya pada September 2004. Dalam tahun 2004, eksport bagi kebanyakan produk mengalami pertumbuhan dua angka dan eksport produk perkilangan merupakan penyumbang terbesar. Eksport barang perkilangan, merupakan 78.4 peratus daripada jumlah eksport, telah meningkat sebanyak 19.2 peratus kepada RM376.8 bilion berbanding RM316.2 bilion atau 79.5 daripada jumlah eksport pada tahun 2003.

**Jadual 2.3:**  
**Eksport Mengikut Sektor**

Keterangan	2004			2003	
	RM bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	RM bilion	Syer (%)
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>480.7</b>	<b>100.0</b>	<b>20.8</b>	<b>397.9</b>	<b>100.0</b>
<b>Barangan Perkilangan</b>	<b>376.8</b>	<b>78.4</b>	<b>19.2</b>	<b>316.2</b>	<b>79.5</b>
E&E	241.5	50.2	14.6	210.7	53.0
Kimia & produk kimia	24.9	5.2	31.9	18.9	4.8
Jentera, perkakasan & peralatan	15.6	3.2	28.4	12.1	3.0
Produk kayu	14.1	2.9	24.5	11.3	2.8
Kelengkapan optik & saintifik	11.6	2.4	26.3	9.2	2.3
Tekstil & pakaian	9.7	2.0	14.4	8.5	2.1
Produk perkilangan logam	9.6	2.0	33.4	7.2	1.8
Produk besi & keluli	7.2	1.5	55.6	4.6	1.2
Produk getah	6.2	1.3	19.0	5.2	1.3
Makanan diproses	6.1	1.3	22.0	5.0	1.2
<b>Barangan Pertanian</b>	<b>41.1</b>	<b>8.6</b>	<b>13.4</b>	<b>36.3</b>	<b>9.1</b>
Minyak sawit	25.0	5.2	7.5	23.3	5.9
Balak gergaji & kayu bergergaji	5.6	1.2	7.8	5.2	1.3
Getah mentah	5.2	1.1	45.1	3.6	0.9
<b>Mineral &amp; MinyakMineral</b>	<b>55.3</b>	<b>11.5</b>	<b>37.8</b>	<b>40.1</b>	<b>10.1</b>
Petroleum mentah	22.8	4.7	43.3	15.9	4.0
LNG	17.1	3.6	27.9	13.4	3.4
Petroleum bertapis	13.8	2.9	36.7	10.1	2.5

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Eksport bagi semua sub-sektor perkilangan mencatatkan kenaikan dalam tahun 2004. Sebagaimana tahun sebelumnya, eksport perkilangan didominasi oleh eksport produk E&E yang meningkat kepada RM241.5 bilion dalam tahun 2004 daripada RM210.7 bilion pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, syer E&E dalam jumlah eksport perkilangan merosot daripada 66.6 peratus pada tahun 2003 kepada 64.1 peratus dalam tahun 2004, menandakan pengembangan dalam eksport produk-produk perkilangan lain.

Lain-lain eksport perkilangan yang mencatat pertumbuhan yang ketara ialah keluaran kimia dan produk kimia yang meningkat 31.9 peratus kepada RM24.9 bilion serta jentera, perkakasan dan peralatan meningkat 28.4 peratus kepada RM15.6 bilion. Peningkatan juga direkodkan dalam

eksport produk kayu sebanyak 24.5 peratus kepada RM14.1 bilion serta kelengkapan optik dan saintifik dengan kadar 26.3 peratus kepada RM11.6 bilion.

Dalam tahun 2004, eksport barang pertanian berjumlah RM41.1 bilion merupakan 13.4 peratus lebih tinggi daripada tahun 2003 sebanyak RM36.3 bilion. Minyak sawit merupakan eksport utama bagi sektor ini menyumbang 60.9 peratus daripada jumlah eksport barang pertanian. Peningkatan eksport minyak sawit sebanyak 7.5 peratus kepada RM25 bilion dalam tahun 2004 berbanding RM23.3 bilion pada tahun 2003 adalah berikutan dari kenaikan harga dan kuantiti eksport. Harga purata minyak sawit meningkat 4.3 peratus per tan metrik pada tahun tersebut manakala kuantiti eksport berkembang sebanyak 2.4 peratus.

**Jadual 2.4:**  
**Destinasi Eksport**

Negara	2004			2003	
	RM bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	RM bilion	Syer (%)
<b>Jumlah Eksport</b>	<b>480.7</b>	<b>100.0</b>	<b>20.8</b>	<b>397.9</b>	<b>100.0</b>
Amerika Syarikat	90.2	18.8	15.8	77.9	19.6
Singapura	72.2	15.0	15.5	62.5	15.7
Jepun	48.6	10.1	14.2	42.5	10.7
PRC	32.1	6.7	24.6	25.8	6.5
Hong Kong	28.7	6.0	11.5	25.7	6.5
Thailand	23.0	4.8	31.1	17.5	4.4
Republik Korea	16.8	3.5	45.7	11.6	2.9
Australia	15.8	3.3	59.0	9.9	2.5
Belanda	15.8	3.3	21.1	13.0	3.3
Taiwan	15.8	3.3	10.0	14.3	3.6
Indonesia	11.7	2.4	44.4	8.1	2.0
India	11.4	2.4	18.3	9.6	2.4
United Kingdom	10.6	2.2	19.3	8.8	2.2
Jerman	10.5	2.2	14.8	9.1	2.3
Filipina	7.4	1.5	34.7	5.5	1.4
Perancis	7.1	1.5	6.1	6.7	1.7
UAE	5.9	1.2	39.4	4.2	1.1
Viet Nam	4.3	0.9	38.1	3.1	0.8
Kanada	3.0	0.6	32.2	2.3	0.6
Itali	2.9	0.6	23.8	2.4	0.6

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Eksport mineral dan minyak mineral berkembang sebanyak 37.8 peratus dalam tahun 2004 kepada RM55.3 bilion. Ini terutamanya didorong oleh peningkatan harga petroleum mentah dunia. Dalam tahun 2004, sektor ini menyumbang 11.5 peratus kepada jumlah eksport berbanding dengan 10.1 peratus pada tahun 2003. Petroleum mentah merupakan eksport utama sektor ini dan menyumbang 41.2 peratus daripada jumlah eksport, diikuti cecair gas asli (LNG) sebanyak 30.8 peratus dan petroleum bertapis sebanyak 25 peratus.

## IMPORT

Dalam tahun 2004, import Malaysia juga mencatat pertumbuhan yang kukuh dengan peningkatan sebanyak 26.4 peratus kepada RM400.1 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh pertambahan import barang pengantara

dan barang modal bagi memenuhi keperluan perindustrian dan pembentukan modal yang tinggi, hasil aktiviti pelaburan. Ini ternyata dengan peningkatan 12.6 peratus dalam indeks pengeluaran perindustrian untuk sektor pembuatan di tahun 2004.

Import barang pengantara berjumlah RM287.7 bilion merupakan komponen terbesar atau 71.9 peratus daripada jumlah import. Ini diikuti oleh barang modal dengan syer import sebanyak 13.9 peratus atau RM55.5 bilion dan barang pengguna pada RM23.2 bilion atau 5.8 peratus daripada jumlah import.

Import barang pengantara kebanyakannya terdiri daripada alat ganti dan aksesori serta bekalan industri yang diproses. Sebahagian besar daripada import alat ganti dan aksesori merupakan komponen untuk pengeluaran hiliran sektor E&E dan jentera.

**Jadual 2.5:**  
**Import Barang Akhir**

Keterangan	2004			2003		
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)
<b>IMPORT KASAR</b>	<b>400,076.8</b>	<b>100.0</b>	<b>26.4</b>	<b>316,537.9</b>	<b>100.0</b>	<b>4.4</b>
<b>BARANG PENGANTARA</b>	<b>287,717.4</b>	<b>71.9</b>	<b>22.2</b>	<b>235,448.4</b>	<b>74.4</b>	<b>7.6</b>
<b>Alat Ganti &amp; Aksesori</b>	<b>159,343.6</b>	<b>39.8</b>	<b>10.9</b>	<b>143,724.3</b>	<b>45.4</b>	<b>9.4</b>
Semikonduktor, litar bercetak dan alat ganti	100,523.2	25.1	6.2	94,659.3	29.9	9.0
Perkakasan elektrik dan perintang	14,022.9	3.5	20.2	11,682.4	3.7	7.9
Alat ganti dan mesin pejabat	23,243.0	5.8	22.2	19,018.2	6.0	26.4
Jentera dan kelengkapan khusus untuk industri tertentu	4,858.8	1.2	29.6	3,748.9	1.2	1.9
<b>Bekalan industri diproses</b>	<b>82,380.8</b>	<b>20.6</b>	<b>39.2</b>	<b>59,164.5</b>	<b>18.7</b>	<b>2.3</b>
Besi dan keluli	11,806.5	3.0	31.1	9,003.3	2.8	8.2
Plastik dalam bentuk utama (kecuali skrep)	7,763.6	1.9	48.1	5,241.0	1.7	4.7
Kimia organik	7,724.9	1.9	51.5	5,099.8	1.9	51.5
Produk tembaga	4,741.7	1.2	78.2	2,660.5	1.2	78.2
Kertas dan papan kertas	3,919.4	1.0	39.3	2,812.9	1.0	39.3
Perkilangan logam asas	3,121.2	0.8	30.1	2,399.5	0.8	8.3
Baja kecuali baja mentah	2,374.1	0.6	75.0	1,356.5	0.6	75.0
Plastik bukan dalam bentuk utama	2,131.9	0.5	36.0	1,567.3	0.5	4.6
<b>Bahan api dan pelincir lain, diproses</b>	<b>9,864.5</b>	<b>2.5</b>	<b>54.3</b>	<b>6,391.6</b>	<b>2.0</b>	<b>13.6</b>
<b>Bahan api dan pelincir asas</b>	<b>9,458.0</b>	<b>2.4</b>	<b>30.8</b>	<b>7,231.4</b>	<b>2.3</b>	<b>33.1</b>
<b>Alat ganti dan aksesori untuk kelengkapan pengangkutan</b>	<b>9,073.8</b>	<b>2.3</b>	<b>35.0</b>	<b>6,722.4</b>	<b>2.1</b>	<b>- 8.6</b>
<b>Bahan asas industri</b>	<b>8,754.0</b>	<b>2.2</b>	<b>36.1</b>	<b>6,431.3</b>	<b>2.0</b>	<b>5.0</b>
<b>Makanan dan minuman diproses kebanyakannya untuk industri</b>	<b>5,094.0</b>	<b>1.3</b>	<b>68.2</b>	<b>3,029.2</b>	<b>1.0</b>	<b>7.9</b>
<b>Makanan dan minuman asas diproses kebanyakannya untuk industri</b>	<b>3,748.7</b>	<b>0.9</b>	<b>36.1</b>	<b>2,753.8</b>	<b>0.9</b>	<b>17.9</b>
<b>BARANGAN MODAL</b>	<b>55,487.0</b>	<b>13.9</b>	<b>36.0</b>	<b>40,798.8</b>	<b>12.9</b>	<b>- 5.6</b>
<b>Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)</b>	<b>49,036.3</b>	<b>12.3</b>	<b>28.3</b>	<b>38,228.8</b>	<b>12.1</b>	<b>0.2</b>
Mesin memproses data automatik	8,600.7	2.1	79.9	4,781.1	1.5	- 12.0
Mesin dan perkakasan elektrik	6,274.8	1.6	- 8.0	6,820.0	2.2	19.4
Kelengkapan, peralatan dan aksesori telekomunikasi	5,409.7	1.4	53.2	3,530.9	1.1	- 17.9
Mesin khusus lain untuk industri tertentu	3,907.4	1.0	18.2	3,307.1	1.0	5.2
Loji elektrik berputar dan peralatan	3,060.7	0.8	11.6	2,742.4	0.9	25.4

Bersambung ...

Keterangan	2004			2003		
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)
Kelengkapan mengukur, memeriksa dan menganalisis	1,564.6	0.4	79.2	872.9	0.3	- 15.9
Acuan untuk foundri logam pemampat udara dan pam vakum	1,219.6	0.3	12.3	1,086.1	0.3	11.3
	1,157.1	0.3	93.2	598.9	0.2	-17.0
<b>Kelengkapan pengangkutan untuk industri</b>	<b>6,450.8</b>	<b>1.6</b>	<b>151.0</b>	<b>2,570.0</b>	<b>0.8</b>	<b>- 49.1</b>
<b>BARANG PENGGUNA</b>	<b>23,225.9</b>	<b>5.8</b>	<b>24.1</b>	<b>18,720.8</b>	<b>5.9</b>	<b>- 1.2</b>
Barangan pengguna separa tahan lama	4,652.3	1.2	17.7	3,952.1	1.2	- 5.9
Makanan diproses dan minuman untuk kegunaan isi rumah	5,586.2	1.4	30.5	4,280.6	1.4	- 8.5
Barangan pengguna tidak tahan lama	6,186.2	1.5	23.0	5,030.2	1.6	6.9
Barangan pengguna tahan lama	3,128.1	0.8	21.1	2,582.4	0.8	- 4.3
Makanan dan minuman asas untuk penggunaan isi rumah	3,339.3	0.8	32.6	2,517.6	0.8	0.9
<b>Kelengkapan pengangkutan untuk bukan industri</b>	<b>333.8</b>	<b>0.1</b>	<b>- 6.7</b>	<b>357.8</b>	<b>0.1</b>	<b>102.9</b>
<b>BARANG DWI GUNA</b>	<b>9,309.2</b>	<b>2.3</b>	<b>39.8</b>	<b>6,661.2</b>	<b>2.1</b>	<b>8.8</b>
Motokar penumpang	4,565.8	1.1	24.1	3,680.4	1.2	2.8
Minyak motor diproses	4,743.4	1.2	59.1	2,980.8	0.9	17.2

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Ianya termasuk semikonduktor, litar bercetak dan alat ganti mesin.

**Jadual 2.6:**  
**Rakan Perdagangan Yang Mana Malaysia Memperoleh Lebihan Perdagangan**

Negara	2004	2003
	RM bilion	RM bilion
Amerika Syarikat	32.3	29.2
Singapura	27.7	25.3
Hong Kong	17.8	17.2
Belanda	12.3	10.9
Australia	9.0	5.1
India	6.5	7.1
UAE	4.2	3.1
United Kingdom	3.9	2.9
Pakistan	2.5	2.4
Hungary	2.1	0.6

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Sebahagian besar import barang modal terdiri daripada E&E, jentera dan peralatan. Import barang ini meningkat 28.3 peratus dalam tahun 2004 kepada RM49 bilion berbanding dengan RM38.2 bilion pada tahun 2003. Import kelengkapan pengangkutan untuk kegunaan perindustrian meningkat kepada RM6.5 bilion daripada RM2.6 bilion. Import barang pengguna sebahagian besarnya terdiri daripada barangan pengguna tidak tahan lama dan makanan yang diproses telah meningkat sebanyak 27.8 peratus kepada RM15.1 bilion berbanding RM11.8 bilion pada tahun 2003.

### IMBANGAN PERDAGANGAN

Lebihan perdagangan Malaysia dalam tahun 2004 berjumlah RM80.6 bilion dan lebihan terbesar bersumber dari perdagangan dengan Amerika Syarikat iaitu bernilai RM32.3 bilion diikuti Singapura (RM27.7 bilion), Hong Kong (RM17.8 bilion) dan Belanda (RM12.3 bilion).

**Jadual 2.7:**  
**Rakan Perdagangan Yang Mana**  
**Malaysia Menghadapi Defisit**  
**Perdagangan**

Negara	2004	2003
	RM bilion	RM bilion
Jepun	15.2	11.5
Jerman	7.4	5.5
PRC	7.1	1.8
Taiwan	5.9	1.3
Indonesia	4.3	3.1
Filipina	3.3	6.3
Switzerland	3.2	2.4
Republik Korea	3.0	5.7
Sweden	2.2	0.7
Arab Saudi	1.9	0.7

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Peningkatan eksport telah mendorong kepada pengurangan defisit perdagangan dengan Filipina secara signifikan (daripada RM6.3 bilion kepada RM3.3 bilion) dan Republik Korea (ROK), daripada RM5.7 bilion kepada RM3 bilion. Defisit perdagangan yang terbesar ialah

**Jadual 2.8:**  
**Perdagangan Malaysia dengan ASEAN**

Negara	2004							2003		
	Eksport			Import			Jumlah Perdagangan	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)				
ASEAN	120,601.1	100.0	22.2	95,816.5	100.0	25.5	216,417.6	98,677.3	76,359.8	175,037.1
Singapura	72,176.4	59.8	15.5	44,477.0	46.4	19.7	116,653.4	62,488.4	37,141.6	99,630.1
Thailand	22,953.9	19.0	31.1	21,996.5	23.0	51.8	44,950.3	17,505.2	14,492.1	31,997.4
Indonesia	11,677.2	9.7	44.4	15,936.2	16.6	42.6	27,613.3	8,086.4	11,175.2	19,261.6
Filipina	7,362.3	6.1	34.7	10,710.4	11.2	- 9.3	18,072.7	5,466.7	11,808.3	17,275.0
Viet Nam	4,333.9	3.6	38.1	2,204.6	2.3	58.8	6,538.4	3,138.2	1,387.8	4,526.1
Brunei										
Darussalam	1,202.8	1.0	- 0.2	53.9	0.1	204.1	1,256.7	1,204.8	17.7	1,222.5
Myanmar	567.5	0.5	6.5	406.1	0.4	33.2	973.6	532.8	304.8	837.7
Kemboja	317.5	0.3	29.1	31.5	neg.	- 0.4	349.0	246.0	31.6	277.6
Lao PDR	9.5	neg.	9.2	0.6	neg.	22.1	10.1	8.7	0.5	9.2

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Nota: neg. - nilai terlalu kecil/besar

dengan Jepun (RM15.2 bilion), diikuti Jerman (RM7.4 bilion) dan PRC (RM7.1 bilion).

### ARAH PERDAGANGAN

Eksport ke semua pasaran dan rantau utama meningkat dengan ketara dalam tahun 2004 dipacu oleh permintaan luar yang kukuh. Pertambahan aktiviti perindustrian dalam negara yang berterusan juga telah mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai sumber import penting bagi kebanyakan negara rakan perdagangan di tahun 2004.

### ASEAN

ASEAN merupakan rakan perdagangan utama bagi Malaysia dengan jumlah perdagangan bertambah RM41.4 bilion kepada RM216.4 bilion dalam tahun 2004 daripada RM175 bilion pada tahun 2003. Eksport ke ASEAN melonjak 22.2 peratus kepada RM120.6 bilion manakala import pula meningkat 25.5 peratus kepada RM95.8 bilion.

Peningkatan perdagangan intra-ASEAN dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah mendorong kepada pengembangan eksport Malaysia ke

rantau ini. Pada tahun 2003, sumbangan Malaysia dalam perdagangan intra-ASEAN adalah 23.5 peratus. Bagi tiga bulan pertama tahun 2004 pula, sumbangan Malaysia adalah 24.7 peratus.

Di kalangan negara-negara ASEAN, pertumbuhan ketara dicatat dalam perdagangan Malaysia dengan Singapura yang meningkat sebanyak 17.1 peratus kepada RM116.7 bilion, Thailand sebanyak 40.5 peratus kepada RM45 bilion, Indonesia sebanyak 43.4 peratus ke RM27.6 bilion, Filipina sebanyak 4.6 peratus kepada RM18.1 bilion, dan Viet Nam sebanyak 44.4 peratus kepada RM6.5 bilion.

Singapura kekal sebagai destinasi eksport utama Malaysia di rantau ASEAN iaitu sebanyak 59.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini dan 15 peratus daripada jumlah eksport global Malaysia. Walau bagaimanapun, dari segi syer pasaran dalam tahun 2004 terdapat pengurangan syer eksport ke Singapura, berikutan dari pengembangan eksport ke lain-lain negara ASEAN, terutamanya ke Thailand (daripada 17.7 peratus pada tahun 2003 kepada 19 peratus), Indonesia (daripada 8.1 peratus kepada 9.7 peratus), Filipina (daripada 5.5 peratus kepada 6.1 peratus) dan Viet Nam (daripada 3.2 peratus kepada 3.6 peratus).

Selama empat tahun berturut-turut, Malaysia kekal sebagai sumber import utama bagi Singapura melebihi Amerika Syarikat, Jepun dan PRC iaitu pada kadar 15.2 peratus daripada jumlah import keseluruhan Republik tersebut. Dalam tahun 2004, Malaysia merupakan sumber import keempat terbesar bagi Thailand pada kadar 5.8 peratus daripada jumlah importnya, ketujuh terbesar bagi Filipina (4.5 peratus) dan kesepuluh terbesar bagi Indonesia (3.4 peratus).

Eksport utama ke negara-negara ASEAN meliputi produk E&E (46.2 peratus daripada jumlah eksport), kimia dan produk kimia (6.9 peratus), produk petroleum bertapis (6.5 peratus), petroleum mentah (6.1 peratus) serta jentera,

perkakasan dan peralatan (5.3 peratus). Hampir keseluruhan eksport ke ASEAN dalam tahun 2004 meningkat dengan ketara terutamanya bagi produk E&E (daripada RM49.7 bilion pada tahun 2003 kepada RM55.7 bilion), kimia dan produk kimia (daripada RM6.2 bilion kepada RM8.3 bilion), produk petroleum bertapis (daripada RM5 bilion kepada RM7.3 bilion) dan jentera, perkakasan dan peralatan (daripada RM5.2 bilion kepada RM6.4 bilion).

Dalam tahun 2004, ASEAN kekal sebagai sumber import terpenting bagi Malaysia iaitu pada kadar 23.9 peratus daripada jumlah import. Import dari ASEAN meningkat 25.5 peratus kepada RM95.8 bilion daripada RM76.4 bilion pada tahun 2003. Sumber import utama dari ASEAN adalah Singapura iaitu 46.4 peratus (bernilai RM44.5 bilion) daripada jumlah import Malaysia dari rantau ini, diikuti oleh Thailand (23 peratus bernilai RM22 bilion), Indonesia (16.6 peratus bernilai RM15.9 bilion), Filipina (11.2 peratus bernilai RM 10.7 bilion) dan Viet Nam (2.3 peratus bernilai RM2.2 bilion).

### **Amerika Syarikat**

Amerika Syarikat adalah destinasi eksport kedua terbesar Malaysia dengan nilai RM90.2 bilion atau 18.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia dalam tahun 2004. Nilai eksport ini adalah 15.8 peratus melebihi dari tahun sebelumnya dan merupakan peningkatan terbesar bagi eksport ke Amerika Syarikat sejak tahun 1999.

Peningkatan ini didorong terutamanya oleh produk E&E (meningkat 13.3 peratus kepada RM68.7 bilion dalam tahun 2004 daripada RM60.6 bilion pada tahun 2003); produk kayu (meningkat 28.8 peratus kepada RM3 bilion daripada RM2.3 bilion); tekstil dan pakaian (9.7 peratus kepada RM2.9 bilion daripada RM2.7 bilion); kelengkapan optik dan saintifik (22.5 peratus kepada RM2.4 bilion daripada RM2 bilion) dan produk getah (12.3 peratus kepada RM1.9 bilion daripada RM1.7 bilion).

Malaysia merupakan sumber import kesepuluh terbesar bagi Amerika Syarikat berbanding

tempat ke-11 pada tahun 2003. Eksport Malaysia merupakan hampir dua peratus daripada jumlah import Amerika Syarikat.

Import Malaysia dari Amerika Syarikat bertambah sebanyak 18.8 peratus dalam tahun 2004 kepada RM57.9 bilion daripada RM48.7 bilion pada tahun 2003. Import utama Amerika Syarikat termasuk produk E&E (61.9 peratus dari jumlah import), jentera, perkakasan dan peralatan (9 peratus), kelengkapan optik dan saintifik (5.9 peratus), kimia dan produk kimia (5.2 peratus) dan kelengkapan pengangkutan (4.8 peratus).

### **Jepun**

Eksport ke Jepun berjumlah RM48.6 bilion dan merupakan pertambahan sebanyak 14.2 peratus dari tahun 2003. Peningkatan eksport ini merangkumi produk E&E (daripada RM16.2 bilion pada tahun 2003 kepada RM17.9 bilion dalam tahun 2004), LNG (daripada RM9.4 bilion kepada RM10.2 bilion), produk kayu (daripada RM2.9 bilion kepada RM3.8 bilion), kimia dan produk kimia (daripada RM1.8 bilion kepada RM2.5 bilion), dan kelengkapan optik dan saintifik (daripada RM1.4 bilion kepada RM2.1 bilion).

Malaysia merupakan sumber import ke-11 terbesar bagi negara Jepun dalam tahun 2004. Eksport Malaysia menyumbang lebih tiga peratus daripada keseluruhan import Jepun.

Import Malaysia dari Jepun meningkat 17.9 peratus kepada RM63.7 bilion dalam tahun 2004 daripada RM54 bilion pada tahun 2003. Lima import utama ialah produk E&E (daripada RM23.7 bilion pada tahun 2003 kepada RM25.1 bilion dalam tahun 2004), jentera, perkakasan dan peralatan (daripada RM6.5 bilion kepada RM8.4 bilion), kelengkapan pengangkutan (daripada RM5.1 bilion kepada RM6.6 bilion), besi dan keluli (daripada RM4.1 bilion kepada RM5.3 bilion), dan kimia dan produk kimia (daripada RM3.5 bilion kepada RM4.1 bilion).

### **Republik Rakyat China (PRC)**

Eksport ke PRC mencatatkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 24.6 peratus kepada RM32.1 bilion dalam tahun 2004, berbanding dengan RM25.8 bilion pada tahun 2003. PRC kekal sebagai destinasi eksport keempat terbesar bagi Malaysia. Dalam tahun 2004, Malaysia merupakan sumber import keenam terbesar bagi PRC. Manakala di kalangan negara ASEAN, Malaysia merupakan sumber import utama bagi PRC.

Dalam tahun 2004, lima eksport utama ke PRC terdiri daripada produk E&E (39.5 peratus daripada syer keseluruhan eksport), minyak sawit (16.5 peratus), kimia dan produk kimia (12.2 peratus), petroleum mentah (4.9 peratus) dan getah mentah (4.2 peratus). Eksport produk E&E meningkat sebanyak 25.6 peratus kepada RM12.7 bilion hasil daripada permintaan yang kukuh dalam industri teknologi maklumat dan telekomunikasi di PRC.

Eksport minyak sawit merekodkan pertambahan sebanyak 22.7 peratus kepada RM5.3 bilion dalam tahun 2004 berbanding RM4.3 bilion pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penghapusan kuota secara berperingkat serta pengurangan tarif oleh PRC. Dalam tahun 2004, sejumlah 12.6 juta tan minyak sawit telah dieksport ke PRC berbanding dengan 12.3 juta tan pada tahun 2003. Eksport kimia dan produk kimia bertambah sebanyak 37.6 peratus kepada RM3.9 bilion berbanding RM2.8 bilion pada tahun 2003.

Import dari PRC dalam tahun 2004 terdiri daripada produk E&E (60.1 peratus daripada keseluruhan import Malaysia dari PRC), jentera, perkakasan dan peralatan (6.4 peratus), kimia dan produk kimia (4.6 peratus), tekstil dan pakaian (3.6 peratus) dan produk besi dan keluli (3.5 peratus). Disamping import utama ini, besi dan keluli mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi kepada RM1.4 bilion dalam tahun 2004 daripada RM391.4 juta pada tahun 2003.

## Kesatuan Eropah (EU)

Eksport ke EU terus mantap dalam tahun 2004 iaitu peningkatan sebanyak 20.9 peratus kepada RM60.4 bilion. Eksport ke rantau EU merupakan destinasi ketiga terbesar dengan nilai eksport berjumlah RM60.4 bilion atau 12.6 peratus daripada jumlah eksport global Malaysia. Lima pasaran eksport utama di rantau EU adalah Belanda (26.1 peratus syer), United Kingdom (UK) (17.5 peratus), Jerman (17.4 peratus), Perancis (11.7 peratus) dan Itali (4.8 peratus).

Peningkatan restasi eksport ke Belanda adalah hasil pertambahan dalam eksport produk E&E yang mana meningkat sebanyak 18.9 peratus kepada RM 9.3 bilion daripada RM7.8 bilion dan minyak sawit sebanyak 22.5 peratus kepada RM2.3 bilion daripada RM1.8 bilion pada tahun 2003.

Produk utama yang dieksport ke rantau ini ialah produk E&E menyumbang 58.4 peratus daripada jumlah eksport. Dalam tahun 2004, eksport produk E&E meningkat sebanyak 20.2 peratus kepada RM35.3 bilion daripada RM29.3 bilion pada tahun sebelumnya. Dengan nilai RM3.9 bilion dalam tahun 2004 atau 18.3 peratus lebih tinggi daripada tahun 2003, eksport minyak sawit merupakan kedua terbesar dengan sumbangan 6.5 peratus daripada jumlah eksport ke EU. Ini diikuti dengan kelengkapan optik dan saintifik (3.2 peratus bernilai RM1.9 bilion), jentera, perkakasan dan peralatan (3.1 peratus bernilai RM1.9 bilion) dan tekstil dan pakaian (2.9 peratus bernilai RM1.7 bilion).

Eksport Malaysia ke 10 negara anggota baru EU berkembang sebanyak 116.4 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Manakala eksport ke negara anggota EU -15 yang asal meningkat

**Jadual 2.9:**  
**Eksport Malaysia ke EU**

EU	2004 (US\$ bilion)					Perubahan (%)	2003 (US\$ billion)				
	Total	Q1	Q2	Q3	Q4		Total	Q1	Q2	Q3	Q4
EU-25	60.4	13.9	14.6	16.2	15.7	20.9	49.9	11.8	12.3	12.5	13.3
EU-15	56.7	13.3	13.7	15.0	14.7	17.7	48.1	11.4	12.0	12.0	12.7

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**Jadual 2.10:**  
**Pasaran Yang Berkembang Pesat**

Negara	2004 Eksport				2003 Eksport	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan		RM juta	Syer (%)
			RM juta	(%)		
<b>Jumlah</b>	<b>480,740.3</b>	<b>100.0</b>	<b>82,855.9</b>	<b>20.8</b>	<b>397,884.4</b>	<b>100.0</b>
PRC	32,148.5	6.7	6,357.2	24.6	25,791.3	6.5
India	11,410.5	2.4	1,768.3	18.3	9,642.2	2.4
UAE	5,903.1	1.2	1,667.2	39.4	4,235.9	1.1
Viet Nam	4,333.9	0.9	1,195.7	38.1	3,138.2	0.8
Hungary	2,277.8	0.5	1,590.8	231.6	687.0	0.2

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**Jadual 2.11:**  
**Pasaran Yang Berpotensi**

Negara	2004 Eksport				2003 Eksport	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan		RM juta	Syer (%)
			RM juta	(%)		
<b>Jumlah</b>	<b>480,740.3</b>	<b>100.0</b>	<b>82,855.9</b>	<b>20.8</b>	<b>397,884.4</b>	<b>100.0</b>
Pakistan	2,664.9	0.6	127.6	5.0	2,537.3	0.6
Mexico	2,493.6	0.5	502.4	25.2	1,991.2	0.5
Arab Saudi	1,830.7	0.4	281.9	18.2	1,548.8	0.4
Afrika Selatan	1,816.7	0.4	566.8	45.3	1,249.9	0.3
Rusia	1,545.7	0.3	578.9	59.9	966.8	0.2
Bangladesh	1,384.1	0.3	167.4	13.8	1,216.7	0.3
Sri Lanka	1,311.0	0.3	155.1	13.4	1,155.9	0.3
Jordan	1,305.9	0.3	1,005.4	334.6	300.5	0.1
Brazil	1,213.0	0.3	478.9	65.2	734.1	0.2
Azerbaijan	396.2	0.1	97.9	32.8	298.3	0.1
Chile	361.1	0.1	140.0	63.3	221.1	0.1
Ukraine	286.5	0.1	131.5	84.8	155.0	neg.
Iraq	229.3	0.1	181.7	381.7	47.6	neg.

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Nota: neg. - nilai terlalu kecil/besar

18.2 peratus. Di antara anggota baru EU, Hungary adalah destinasi eksport yang paling ketara. Eksport ke Hungary bertambah 200 peratus dalam tahun 2004 untuk mencapai nilai RM2.3 bilion. Produk utama yang dieksport ke Hungary termasuk produk E&E bernilai RM2.1 bilion, produk perkilangan logam (RM69.2 juta), jentera, perkakasan dan peralatan (RM18.6 juta), produk perkilangan plastik (RM14.2 juta) dan makanan diproses (RM5.5 juta).

Kemasukan sepuluh anggota baru telah meningkatkan jumlah penduduk EU kepada 456 juta dalam tahun 2004. Pertambahan ini menyebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap barang pengantara serta barang pengguna. Hasil perkembangan ini, eksport Malaysia ke seluruh EU (EU-25) meningkat hampir 20.9 peratus dalam tahun 2004.

Dalam tahun 2004, import dari EU meningkat 27.4 peratus kepada RM48 bilion daripada RM37.7 bilion pada tahun 2003. Pertambahan ini disumbangkan oleh import dari Jerman (meningkat sebanyak 21.8 peratus kepada RM17.9 bilion daripada RM14.7 bilion), UK

(10.8 peratus kepada RM6.6 bilion daripada RM6 bilion), Perancis (21 peratus kepada RM5.5 bilion daripada RM4.6 bilion) dan Belanda (59.6 peratus kepada RM3.4 bilion daripada RM2.2 bilion).

### **Pasaran Yang Berkembang Pesat**

Dalam tahun 2004, lima pasaran paling berkembang pesat bagi Malaysia ialah PRC, India, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Hungary dan Viet Nam.

Eksport ke PRC meningkat sebanyak 20.8 peratus atau RM6.4 bilion dan mencapai RM32.1 bilion dalam tahun 2004 diikuti oleh India yang bertambah sebanyak 18.3 peratus atau RM1.8 bilion. Kenaikan eksport Malaysia adalah didorong oleh pengembangan ekonomi dan peningkatan liberalisasi perdagangan di negara-negara tersebut.

Lain-lain negara yang mana eksport Malaysia turut merekodkan pengembangan yang ketara ialah UAE sebanyak RM1.7 bilion atau 39.4 peratus, Hungary RM1.6 bilion (200 peratus) dan Viet Nam RM1.2 bilion (38.1 peratus). Produk utama yang dieksport

ke pasaran tersebut termasuk produk E&E, besi dan keluli, minyak sawit, makanan yang diproses, tekstil dan pakaian, dan kimia dan produk kimia.

### **Pasaran Yang Berpotensi**

Beberapa negara dikenalpasti sebagai pasaran yang berpotensi untuk eksport Malaysia. Antaranya termasuk tiga negara Asia Barat iaitu Jordan, Saudi Arabia dan Iraq, seterusnya tiga di Eropah Timur (Rusia, Azerbaijan dan Ukraine), tiga di Asia Selatan (Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka), tiga di Amerika Latin dan sebuah negara di Afrika (Afrika Selatan). Dalam tahun 2004, Malaysia mengeksport pelbagai jenis produk ke negara-negara tersebut termasuk produk E&E, besi dan keluli, minyak sawit, makanan yang diproses, tekstil dan pakaian, kimia dan produk kimia, kelengkapan optik dan saintifik, jentera, perkakasan dan peralatan, produk kayu, minyak sawit, produk perkilangan logam, produk kertas dan pulpa, barang kemas dan produk perkilangan plastik.

### **AMALAN PERDAGANGAN YANG MENJEJASKAN EKSPORT MALAYSIA**

Prestasi perdagangan yang kukuh telah dicapai dalam tahun 2004 walaupun wujud amalan-amalan perdagangan di beberapa negara perdagangan utama Malaysia yang menimbulkan cabaran kepada pengeksport Malaysia. Sungguhpun amalan perdagangan tersebut dalam bentuk langkah-langkah bukan tarif (*non-tariff measures*) dan amalan pasaran domestik dikenakan ke atas semua rakan perdagangan, namun ianya boleh memberi impak ke atas pengeksport Malaysia. Hal ini jelas berlaku sekiranya amalan perdagangan tersebut berciri diskriminasi. Sebagai contoh, terdapat syarat memerlukan kelulusan khas ke atas penggunaan produk kayu tropika bagi projek bangunan-bangunan kerajaan.

### **Amerika Syarikat**

**Inisiatif Keselamatan Kontena (CSI)**  
Peraturan Kastam dan Kawalan Sempadan Amerika Syarikat (CBP) telah memperkenalkan CSI pada tahun 2002

sebagai tindak balas terhadap kebimbangan mengenai potensi ancaman pengganas terhadap sistem perdagangan kontena maritim antarabangsa.

CSI bertujuan mengenal pasti kontena yang berkemungkinan mempunyai risiko pengganas melalui pra-imbasan (*pre-screening*) di pelabuhan berlepas sebelum sampai ke pelabuhan-pelabuhan di Amerika Syarikat. Ia juga melibatkan penggunaan kontena-kontena yang bersistem pintar dan berbukti bebas gangguan. Di bawah program CSI, sepasukan pegawai CBP ditugaskan bekerjasama dengan rakan sejawatan negara tuan rumah bagi mengenal pasti semua kontena yang dianggap berisiko.

Syarikat pengirim kontena yang tertakluk kepada syarat Kastam Amerika Syarikat terpaksa menanggung kos pemindahan kontena ke/dari pusat pengimbasan. Caj yang dikenakan ialah RM110 bagi kontena 20 kaki dan RM200 bagi kontena 40 kaki. Selain itu, sebelum pemunggahan kargo ke kapal di pelabuhan asal, syarikat pengirim dikehendaki memaklumkan keterangan kargo kepada pejabat CBP di Amerika Syarikat menerusi pertukaran maklumat elektronik 24 jam sebelum jangkaan ketibaan kapal. Syarikat-syarikat perkapalan mengenakan caj tambahan sebanyak RM95 (US\$25) ke atas transmisi elektronik bil perkapalan di samping caj sedia ada RM80 ke atas setiap bil perkapalan tersebut.

Setakat ini 20 negara termasuk Malaysia terlibat dengan program CSI. Sebanyak 34 buah pelabuhan telah mempunyai operasi CSI manakala 37 buah pelabuhan lagi kini berada dalam pelbagai peringkat perlaksanaan CSI. Di Malaysia, program CSI telah beroperasi di Pelabuhan Klang mulai 8 Mac 2004 dan di Pelabuhan Tanjung Pelepas mulai 16 Ogos 2004. Malaysia akan terus memantau pelaksanaan CSI dari kedua-dua buah pelabuhan tersebut bagi memastikan ianya tidak bersifat diskriminasi dan tidak menghalang kepada pertumbuhan perdagangan.

## **Pencegahan Pengganasan Perdagangan Bersama Kastam (C-TPAT)**

Kerajaan Amerika Syarikat telah melancarkan skim C-TPAT pada tahun 2003 dalam usaha untuk melibatkan komuniti perdagangan secara langsung dalam membanteras keganasan.

C-TPAT merupakan program sukarela di antara Kastam Amerika Syarikat dengan komuniti perdagangan bagi memastikan keselamatan rangkaian pembekalan global dan kemudahan pergerakan kargo. Pengeksport dan pengimport dikehendaki memastikan integriti amalan keselamatan sendiri di samping amalan keselamatan rakan perniagaan dalam rangkaian pembekalan yang sama.

Rakan C-TPAT bertanggungjawab untuk membangun dan melaksanakan langkah-langkah yang dibentuk bagi memastikan rangka kerja yang terjamin dari segi pengilangan, pembuatan, penyimpanan kargo, kemudahan pengendalian dan pengangkutan termasuk pemeriksaan premis, kawalan kemasukan, prosedur keselamatan, keselamatan personel, pendidikan dan latihan.

Setakat November 2004, terdapat lebih 7,400 rakan C-TPAT berdaftar termasuk pengimport dari Amerika Syarikat, broker kastam, operator terminal serta syarikat pengangkutan dan pengilang. Keahlian termasuklah 86 pengimport utama Amerika Syarikat berdasarkan kepada jumlah kontena kargo.

Kelebihan skim C-TPAT kepada syarikat yang menyertainya masih kurang jelas. Terdapat juga kebimbangan mengenai kemungkinan program sukarela ini bertukar menjadi piawaian keselamatan perdagangan yang wajib bagi faedah satu pihak sahaja.

## **Diskriminasi Pelabelan**

Pada tahun 1988, Peraturan Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (FDA) telah mensyaratkan semua peralatan perubatan yang diperbuat daripada lateks getah asli, khususnya sarung

tangan supaya dilabel dengan kenyataan "Awas: Produk ini mengandungi lateks getah asli yang mungkin boleh menyebabkan tindak balas alergi". Peraturan pelabelan ini berupa suatu diskriminasi memandangkan sarung tangan dan alatan perubatan yang diperbuat daripada getah sintetik dikecualikan daripada peraturan tersebut. Peraturan pelabelan yang bersifat diskriminasi ini masih lagi berkuat kuasa.

## **Akta Beli Amerika**

Amerika Syarikat mengekalkan amalan yang mengehadkan penyertaan asing dalam perolehan sektor awam. Di bawah Akta Beli Amerika, agensi kerajaan pada dasarnya dibenarkan mendapatkan bekalan yang diperbuat di Amerika sahaja.

Akta Beli Amerika bukan hanya mengurangkan peluang pengeksport asing, malah menyekat pembida Amerika daripada menggunakan produk atau perkhidmatan asing.

Dalam tahun 2004, sebuah syarikat Malaysia yang mengeksport olein sawit merah ke Amerika Syarikat, telah dihalang dari membekalkan produk ini kepada beberapa buah sekolah di Michigan disebabkan oleh Akta Beli Amerika yang menghalang penggunaan produk bukan Amerika disekolah-sekolah dan lain-lain projek kerajaan.

## **Anti-Lambakan**

Proses dan prosedur yang berkaitan dengan siasatan anti-lambakan oleh Amerika Syarikat dianggap terlalu membebani dan menyukarkan syarikat-syarikat kecil untuk mempertahankan kepentingan mereka secara efektif. Syarikat yang terlibat hanya mempunyai satu pilihan iaitu mendapatkan khidmat guaman daripada firma-firma Amerika. Pilihan ini bukan yang terbaik memandangkan syarikat-syarikat tidak berkemampuan atau mendapatinya tidak ekonomik kerana jumlah atau nilai eksportnya kecil dibandingkan dengan kos guaman yang akan ditanggung. Oleh itu, syarikat-syarikat kecil menanggung kerugian jika Amerika Syarikat mengenakan siasatan anti-lambakan terhadap mereka.

Pada tempoh 2003-2004, Amerika Syarikat telah melaksanakan siasatan anti-lambakan terhadap produk beg runcit plastik *polyethylene* (PRCB) dari Malaysia. Sebuah syarikat besar di Malaysia telah menggunakan khidmat guaman bagi mempertahankan kepentingannya dan tiada duti anti-lambakan dikenakan ke atasnya. Dalam kes yang lain, sebuah syarikat milik-keluarga yang mengemukakan maklumat tanpa khidmat peguam tetapi tidak memenuhi semua syarat dan prosedur penyerahan telah dikenakan duti anti-lambakan sebanyak 101.7 peratus.

## Kesatuan Eropah (EU)

### **Pendaftaran dan Persijilan Kayu**

EU tidak mempunyai sebarang polisi rasmi mengenai perakuan skim persijilan kayu. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan negara anggota EU yang telah menerima pakai secara rasmi polisi perolehan kayu yang menetapkan penggunaan skim persijilan kayu yang tertentu untuk tujuan perolehan sektor awam. Skim perolehan kayu oleh Kerajaan British umpamanya, menyenaraikan skim Majlis Pengawasan Perhutanan (FSC) dan Persatuan Piawaian Kanada (CSA) sebagai bukti mengenai usaha pengekalan sumber (*sustainability*) dan sah mengikut undang-undang. Skim Majlis Persijilan Kayu Malaysia (MTCC) hanya diperakui sebagai bukti sah pematuhan undang-undang sahaja. Kerajaan Denmark mengiktiraf FSC sebagai bukti pengekalan sumber dan pematuhan dari segi undang-undang manakala skim MTCC diiktiraf sebagai bukti sah pematuhan undang-undang ke arah usaha pengekalan sumber.

Di samping itu, banyak bandar raya dan majlis tempatan di negara anggota EU, melaksanakan garis panduan perolehan perkayuan masing-masing yang lebih cenderung kepada skim FSC. Seterusnya terdapat garis panduan lain yang bersikap terbuka kepada skim FSC dan juga skim-skim yang setaraf dengannya.

### **Pendaftaran, Penilaian dan Kelulusan Terhadap Bahan Kimia (REACH)**

Pada ketika ini EU sedang menggubal polisi baru mengenai bahan kimia yang dikenali sebagai REACH. Polisi ini menghendaki semua keluaran dan import bahan kimia ke EU yang melebihi jumlah 1,000 tan bagi setiap pengilang atau pengimport perlu berdaftar dengan Agensi Kimia Eropah. Walaupun fokus asal polisi ini hanyalah ke atas bahan kimia sahaja tetapi kebimbangan timbul terhadap kemungkinan REACH akan turut melibatkan industri-industri lain yang menggunakan bahan kimia dan produk yang mengandungi bahan kimia termasuk juga industri logam.

### **Peraturan Kebersihan dan Faitosanitari**

Import produk makanan ke EU, termasuk peralatan dan bahan yang digunakan untuk pembuatan atau pembungkusan makanan adalah tertakluk kepada Peraturan EU mengenai kualiti makanan, pembungkusan dan pelabelan.

Syarikat-syarikat yang berhasrat untuk mengeksport produk ternakan ikan dan produk berasaskan ikan ke EU adalah dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya Eropah (EC). Prosedur untuk mendapatkan kelulusan ini mengambil masa yang panjang. Sebuah syarikat pembekal Malaysia mengambil masa tiga tahun untuk mendapatkan kelulusan untuk mengeksport produk ternakan ke EU. Selain itu, peralatan untuk menguji sisa dan mikro-organisma juga perlu mendapat perakuan daripada EC.

Walaupun EU dianggap sebagai sebuah pasaran dan melaksanakan peraturan kebersihan dan faitosanitari secara bersepada, pengeksport sering terperangkap dengan masalah apabila pihak berkuasa kesihatan dari negara-negara anggota EU tertentu mengenakan peraturan import yang lebih ketat. Ini berlaku kerana peraturan EU dianggap sebagai satu garis panduan sahaja dan negara-negara anggota EU boleh mengenakan peraturan-peraturan yang lebih ketat atas

prinsip berjaga-jaga negara masing-masing. Dengan ketiadaan peraturan EU yang menyeluruh, negara-negara anggota di benar mengguna pakai perundangan setempat yang sedia ada dan di antaranya dianggap kurang mempunyai asas saintifik.

### **Standard dan Pemeriksaan**

Produk pengguna, peralatan perubatan, produk panel berasas kayu termasuk papan lapis, peralatan kesihatan dan keselamatan serta produk E&E yang dieksport ke EU dikehendaki menepati peraturan *Conformite Europeene* (CE). Standard yang dikeluarkan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM) tidak diiktiraf oleh EU, manakala permohonan Malaysia untuk mendapatkan pengiktirafan standard bersama termasuk permohonan supaya agensi standard tempatan diiktiraf sebagai badan standard untuk peraturan CE telah tidak menerima sebarang reaksi positif dari EU.

Di samping itu, tahap toleransi untuk sisa dan mikro-organisma yang diamalkan oleh EU adalah lebih ketat daripada peraturan makanan Codex yang telah dipersetujui di peringkat antarabangsa. Sesetengah tahap toleransi yang dikenakan amat rendah hingga sukar dikenal pasti walaupun menggunakan peralatan canggih. Ini menimbulkan masalah seterusnya iaitu untuk mendapatkan peralatan ujian yang khusus serta mahal bagi menepati peraturan yang sering berubah-ubah oleh EU.

### **Jepun**

#### **Undang-undang Kuarantin untuk Produk Pertanian Segar**

Di bawah undang-undang semasa hanya nanas, durian, kelapa dan pisang hijau dari Malaysia yang dibenarkan untuk diimport ke Jepun. Produk pertanian segar lain seperti manggis, betik, tembikai dan mangga masih tidak boleh dieksport ke Jepun disebabkan oleh peraturan kuarantin yang ketat.

#### **Undang-undang Perolehan Hijau**

Undang-undang Penggalakan Perolehan Hijau di Jepun telah dilaksanakan pada 1 April 2001. Undang-undang ini memerlukan import memenuhi kriteria penilaian mesra-alam serta proses perolehan mengambil kira faktor-faktor berkaitan penggunaan semula dan kitar semula bagi impak yang minimum ke atas alam sekitar semasa pelupusan. Undang-undang ini meliputi produk seperti alat tulis dan peralatan pengguna elektrik dan elektronik.

#### **Penandaan Kualiti**

Terdapat dua set piawaian utama untuk produk yang dipasarkan di Jepun iaitu Standard Industri Jepun (JIS) dan Standard Pertanian Jepun (JAS). Lain-lain penandaan termasuk '*Safety Goods*' atau SG Mark (jaminan kualiti untuk perabot, produk isi rumah dan sukan), '*Good Design*' atau G Mark dan '*Better Living*' atau BL Mark (berkaitan dengan produk isi rumah yang berkualiti tinggi).

Produk yang mempunyai tanda JIS dianggap menepati set piawaian berkualiti tinggi serta selamat. Walaupun tanda JIS tidak diwajibkan namun ianya menjadi pilihan para pengguna Jepun. Produk yang tidak memiliki tanda tersebut akan menghadapi kesukaran untuk diterima oleh pengguna. Prosedur untuk mendapatkan penandaan JIS memakan masa dan merumitkan. Borang permohonan perlu diisi menggunakan bahasa Jepun dan ia mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan untuk diproses. Di samping itu, ia melibatkan juga pemeriksaan kilang oleh pihak berkuasa Jepun.

### **Republik Rakyat China (PRC)**

#### **Sistem Persijilan Wajib Produk**

Berkuat kuasa 1 Mei 2003, produk yang di senarai di bawah Sistem Persijilan Wajib Produk (CPSC) yang diimport ke PRC dikehendaki memiliki sijil kualiti rasmi iaitu

Sijil Penandaan Wajib China (CCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Persijilan Nasional China (CNCA). Senarai tersebut mengandungi 192 kategori produk yang dianggap boleh menjasakan kepentingan negara dan orang awam di PRC. Produk tersebut termasuk barang elektrik dan mekanikal, kenderaan bermotor dan alat ganti kereta, jentera pertanian, peralatan perubatan dan produk mencegah kebakaran serta peralatan keselamatan.

Isu utama dihadapi adalah berkaitan dengan prosedur untuk mendapatkan sijil tersebut. Hanya pakar negara China sahaja di benar untuk memberi pengesahan terhadap kilang dan produk berkenaan dengan kesemua kos ditanggung oleh syarikat pengeluar.

Pada praktisnya, agensi di PRC kekurangan sumber bagi menghantar kakitangan untuk melakukan tugas persijilan. Ini mengakibatkan kelewatan dan tempoh menunggu yang lebih lama. Seterusnya syarikat berkenaan terpaksa menanggung caj berkaitan dengan pemeriksaan. Oleh itu peraturan ini menjadi penghalang kepada syarikat kecil yang tidak berupaya membayai pemeriksaan dan juga syarikat besar yang mempunyai pelbagai jenis produk, memandangkan implikasi kosnya adalah tinggi. Kos persijilan CCC yang tinggi akan meningkatkan kos eksport Malaysia ke PRC.

Produk tertakluk kepada persijilan CCC adalah:

- peralatan elektrik dan elektronik;
- kelengkapan dan perkakasan isi rumah;
- motor berkuasa kecil;
- mesin pengimal;
- peralatan terminal teknologi maklumat dan telekomunikasi;
- tayar dan alat ganti keselamatan kenderaan bermotor;
- kaca keselamatan;
- jentera pertanian;
- kondom getah;
- peralatan perubatan; dan

- peralatan pencegah kebakaran dan pengesan bagi sistem penggera keselamatan.

### **Peraturan, Piawaian, Pemeriksaan dan Pelabelan**

Proses pembentukan standard PRC adalah tidak jelas. Walaupun banyak standard antarabangsa telah wujud dalam pelbagai sektor, PRC masih mengamalkan standard sendiri yang kadang kala terlalu ketat untuk dipatuhi oleh pengilang asing.

Berkuat kuasa 1 Januari 2005, hanya pembekal asing sisa buangan (*scrap*) yang berdaftar dengan Pentadbiran Piawaian Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin (AQSIQ) sahaja di benar mengeksport bahan buangan seperti kertas, plastik dan sisa industri ke PRC.

Semua perabot yang hendak dijual di PRC termasuk yang dibuat selepas bulan Oktober 2004 dikehendaki mempunyai maklumat terperinci mengenai produk, termasuk kandungan tepat bahan berbahaya seperti *formaldehyde*. Buku panduan penggunaan perlu secara terperinci menerangkan cara yang betul untuk mengangkut, memasang dan menyenggara perabot serta menunjukkan tarikh label atau buku panduan tersebut dicetak.

Bagi makanan yang diproses, kemasukan ke PRC masih dikawal selia menerusi pelbagai keperluan label, terutama sekali Pengesahan Persijilan Label China (VCLC) yang mewajibkan setiap produk untuk memiliki sijil. Proses untuk mendapatkan kelulusan mengambil masa yang lama sehingga setahun walaupun produk tersebut telah berada di pasaran PRC.

### **Australia**

#### **Sekatan Penggunaan Kayu Tropika**

Panduan '*Good Wood Guide*' yang diperkenalkan pada tahun 1998 menggalakkan industri pembinaan menggunakan produk hutan tempatan termasuk kayu perladangan atau kayu yang di kitar semula bagi industri pembinaan.

Pentadbiran kerajaan negeri di New South Wales, Queensland dan Victoria di Australia, mempunyai polisi yang mensyaratkan penggunaan kayu tempatan dan bukan kayu hutan tropika untuk projek-projek awam kecuali kayu tersebut telah mendapat pengesahan atau sumber kayu berasal dari hutan perladangan. Dokumen tender bagi negeri-negeri ini, tidak menggalakkan penggunaan kayu tropika Malaysia walaupun memperoleh pengesahan dari Majlis Persijilan Kayu Malaysia yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa (ITTO).

Semakin banyak majlis-majlis tempatan diberi hak untuk mentadbir undang-undang berkaitan dengan penggunaan kayu. Berikutan itu, pihak-pihak berkenaan telah mengeluarkan panduan yang mengesyorkan penggunaan kayu yang mematuhi kriteria '*Good Wood Guide*'.

### **Standard Kebersihan dan Faitosanitari, Kesihatan dan Langkah-langkah Kuarantin**

Bahan makanan, tumbuhan hidup dan bunga segar tertakluk kepada peraturan-peraturan kebersihan dan faitosanitari (SPS) Australia yang ketat. Di samping itu, bahan makanan tertakluk kepada peraturan kesihatan dan kuarantin.

Pengenaan peraturan mengenai analisis risiko import (IRA) yang ketat ke atas produk pertanian oleh pihak AQIS menambahkan lagi halangan bagi kemasukan produk tersebut ke pasaran Australia. Proses untuk mendapatkan kelulusannya adalah panjang serta rumit. Isu mengenai SPS dan IRA sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa Teknikal Dua-Hala Malaysia-Australia mengenai SPS dan IRA. ©



# Langkah-langkah dan Inisiatif Polisi-Sektor Perkilangan dan Perkhidmatan Berkaitan

## TINJAUAN

Dalam tahun 2004, inisiatif dari segi polisi dan langkah-langkah terus diambil untuk meningkatkan persekitaran perniagaan bagi pembangunan dan perkembangan sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan. Inisiatif dan langkah-langkah ini termasuk usaha untuk menggalakkan pelaburan asing dan tempatan, membangunkan sumber pertumbuhan baru, mengukuhkan penyelarasan di antara agensi Kerajaan bagi pembangunan enterpris kecil dan sederhana (EKS) dan pembangunan Malaysia sebagai hub halal serantau.

Untuk menggalakkan pelaburan asing dan tempatan, langkah-langkah telah diambil bagi menambahbaik skim insentif. Sebagai tambahan kepada langkah-langkah fiskal, usaha telah diambil untuk mempertingkatkan sistem penyampaian bagi memudahkan proses kelulusan untuk projek pelaburan di peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan.

Disamping usaha meningkatkan pembangunan sumber manusia, ICT dan EKS, inisiatif polisi telah diperkenalkan dalam tahun 2004 bagi menggalakkan pertumbuhan sumber baru. Insentif juga telah diberi bagi menggalakkan pembangunan sektor perkhidmatan.

Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), insentif baru untuk penyelidik telah diperkenalkan bagi menggalakkan pengkormesilan penemuan R&D dan bagi menggalakkan usaha sama ahli-ahli industri dan akademik dalam R&D.

Bagi menggalakkan syarikat mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti di

pasaran tempatan dan antarabangsa, Kerajaan seterusnya menggalakkan syarikat-syarikat untuk menerima pakai standard antarabangsa dan mendapatkan pensijilan kualiti standard antarabangsa. Standard Malaysia (MS) bagi makanan halal telah dilancarkan dan standard serta strategi kebangsaan telah diluluskan oleh Kerajaan bagi pembangunan standard Malaysia selanjutnya.

## INISIATIF BAGI MENINGKATKAN PELABURAN

Untuk menggalakkan pelaburan dalam tahun 2004, Kerajaan telah meneruskan dasar liberalisasi ekuiti sepenuhnya dalam sektor perkilangan. Pelabur-pelabur asing boleh memegang 100 peratus ekuiti dalam semua pelaburan bagi projek baru dan projek pembesaran/pelbagaian, tanpa mengambil kira tahap eksport dan merangkumi semua jenis produk/aktiviti.

Syarikat dengan modal berbayar asing melebihi US\$200,000 tetapi kurang daripada US\$2 juta diberi kelulusan automatik untuk mengambil sehingga lima jawatan ekspatriat termasuk sekurang-kurangnya satu jawatan utama. Pegawai ekspatriat boleh digajikan sehingga tempoh 10 tahun bagi jawatan eksekutif dan 5 tahun bagi jawatan bukan eksekutif. Manakala syarikat perkilangan dengan modal berbayar asing melebihi US\$2 juta diberi kelulusan secara automatik sehingga 10 jawatan ekspatriat, termasuk lima jawatan utama.

Untuk memudahkan pelaburan seterusnya, usaha dibuat bagi mengurangkan kos perniagaan dan mempertingkatkan daya saing

sektor perkilangan melalui beberapa insentif baru yang di perkenalkan termasuk:

- pemberian bagi kali kedua Taraf Perintis/Elaun Cukai Pelaburan kepada syarikat sedia ada yang menempatkan semula aktiviti pembuatannya ke kawasan yang digalakkan bagi mempertingkatkan pelaburan di kawasan yang digalakkan iaitu Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak;
- pemberian Elaun Modal Dipercepatkan bagi tempoh dua tahun kepada syarikat yang menanggung perbelanjaan modal ke atas peralatan bagi kawalan kualiti bekalan elektrik;
- pemberian Elaun Cukai Pelaburan 100 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh lima tahun kepada syarikat pengeluar makanan halal bagi mengalakkan pelaburan baru dalam bidang pengeluaran makanan halal untuk pasaran ekspor dan untuk meningkatkan penggunaan mesin dan peralatan moden serta canggih;
- pengecualian sepenuhnya duti import ke atas peralatan perubatan yang diimport bagi tujuan menyediakan set sedia guna dengan syarat peralatan tersebut tidak dikeluarkan dalam negara;
- penghapusan duti import ke atas 27 barang terpilih, seperti sarung tangan pembedahan, permaidani, barang kaca dan komponen separuh siap untuk industri berdasarkan kayu daripada duti import semasa antara lima peratus dan 25 peratus;
- pengurangan duti import daripada di antara 10 hingga 35 peratus kepada di antara lima peratus dan 30 peratus ke atas beberapa bahan mentah untuk industri pakaian dan racun rampai;
- potongan dua kali bagi perbelanjaan untuk mendapat sijil sistem kualiti dan standard antarabangsa untuk mengalakkan pengeluaran produk Malaysia yang bermutu tinggi;
- pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara serta keluaran separuh siap yang diimport daripada pengeluar kontrak luar negeri kepada pemilik jenama Malaysia yang menjalankan aktiviti pembuatannya secara *outsourcing*; dan
- pemberian Elaun Modal Dipercepatkan daripada diantara empat dan lapan tahun kepada satu tahun untuk peralatan yang digunakan oleh syarikat bagi menjana tenaga dari sumber yang boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri.

### **MEMPERBAIKI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN**

Bagi melengkapkan langkah-langkah fiskal yang dijalankan oleh Kerajaan, usaha-usaha juga diambil kearah memperbaiki sistem penyampaian. Antaranya ialah:

- mempermudahkan borang-borang permohonan untuk lesen perkilangan, insentif cukai dan ekspatriat;
- langkah bimbingan untuk membantu pelabur melaksanakan projek dengan segera;
- mewujudkan sistem proses cepat (fast track) untuk permohonan tanah serta penukaran syarat guna tanah. Strategi Baru Urusan Pentadbiran Tanah telah dilancarkan dalam tahun 2004 bagi memperkemaskan proses kerja urusan tanah. Antara langkah-langkah yang diambil ialah memendekkan aktiviti proses kerja, menggubal norma masa pemprosesan permohonan tanah, menyegerakan proses membuat keputusan dan meningkatkan ketelusan urusan pentadbiran;
- mewujudkan badan penyelaras/pusat sehenti di peringkat kerajaan negeri untuk memproses dan meluluskan permohonan

pelan bangunan dan sijil layak menduduki untuk membolehkan syarikat-syarikat memulakan perniagaan secepat mungkin; dan

- mempermudahkan prosedur permohonan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Mulai 1 Ogos 2004, Jawatankuasa ini menjalankan fungsi pemantauan dan permudahan, bukan lagi melaksanakan tugas pemerosesan.

Selanjutnya, Jawatankuasa Kabinet Bagi Meningkatkan Dayasaing Negara (CCNC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri juga kerap bermesyuarat untuk memberi panduan polisi untuk meningkatkan daya saing negara dan penyelarasan antara agensi Kerajaan dengan sektor swasta untuk menggalakkan pelaburan asing dan domestik.

Kerajaan juga telah memulakan usaha mengkaji semula Akta Galakan Pelaburan (PIA) 1986 bagi membolehkan Akta tersebut lebih mesra pelabur dan lebih relevan mengikut keperluan semasa dan masa depan industri. Beberapa pendekatan baru akan dimasukkan dalam Akta tersebut.

### **MEMBANGUNKAN MALAYSIA SEBAGAI HUB SERANTAU BAGI PRODUK HALAL**

Dalam tahun 2004, Kerajaan meneruskan usaha untuk membangunkan Malaysia sebagai hub serantau bagi pengeluaran produk dan perkhidmatan halal. Kerajaan telah menyediakan infrastruktur perlu dan mekanisma sokongan pentadbiran bagi menggalakkan pertumbuhan pelaburan dalam industri produk halal serta membantu pekilang di Malaysia memperolehi kelebihan daya saing.

Pembangunan hub halal melibatkan usaha bersepadu di peringkat persekutuan dan kerajaan negeri. MITI merupakan agensi penyelaras dan bertanggungjawab, antara lain, merangka dasar dan strategi,

mendapat maklum balas industri, mengenal pasti dan menyelesaikan isu berbangkit, serta menggalakkan kerjasama antarabangsa.

### **Pensijilan/Logo**

Pada 15 Januari 2004 logo "Halal Malaysia" telah didaftarkan sebagai tanda pengesahan di bawah Akta Cap Dagangan 1976, JAKIM merupakan pemilik logo halal tersebut.

### **Standard dan Akreditasi**

Dalam tahun 2004, kemajuan yang dicapai dalam pembangunan standard produk dan sistem pengurusan halal termasuk:

- penggazetan Standard Halal produk makanan Malaysia bertajuk 'Garis Panduan Am untuk Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan' (MS 1500:2004), pada Julai 2004;
- penyediaan Standard Halal Malaysia untuk produk bukan makanan bermula dengan produk kosmetik; dan
- pembangunan Standard Halal Malaysia untuk sistem pengurusan, bertajuk "ISO 9001 Garis Panduan Interpretasi Dari Perspektif Islam".

### **Insentif**

Industri-industri yang terlibat dalam pembangunan produk halal boleh menikmati insentif seperti Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan, Elaun Pelaburan Semula dan skim bantuan kewangan.

Semasa Bajet 2005, Kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif tambahan:

- geran Khas sebanyak RM10 juta bagi pembangunan dan promosi produk halal;
- penambahbaikan Elaun Cukai Pelaburan dengan 100 peratus kelayakan ke atas perbelanjaan modal untuk tempoh lima tahun bagi syarikat yang mengeluarkan makanan halal; dan
- potongan dua kali ke atas perbelanjaan bagi memperolehi pensijilan dan akreditasi halal.

## **Status Pensijilan Halal**

Sehingga Disember 2004, sejumlah 2,818 sijil halal telah dikeluarkan kepada syarikat mengikut kategori produk, premis makanan dan rumah sembelihan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,252 (80 peratus) sijil telah dikeluarkan kepada pengilang produk halal.

## **Aktiviti Promosi**

Dalam tahun 2004, inisiatif promosi untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penyertaan dalam industri produk halal termasuk:

- *Malaysian International Food and Beverage Trade Fair*, 15 hingga 17 Julai 2004;
- Seminar Antarabangsa mengenai Produk dan Makanan Halal, 30 September 2004;
- *Malaysian International Halal Showcase* (MIHAS 2004), 14 Ogos 2004; dan
- seminar, bengkel dan sesi khidmat nasihat yang dianjurkan secara berterusan oleh agensi Kerajaan, termasuk JAKIM, JAIN, UPEN, SMIDEC dan MATRADE.

## **Kerjasama Antarabangsa**

Malaysia telah dipilih sebagai penyelaras bagi Kumpulan Kerja ASEAN bagi makanan Halal. Antara projek yang dilaksanakan oleh kumpulan kerja ini termasuk:

- pembangunan sistem akreditasi untuk pengilang-pengilang makanan halal;
- pendaftaran untuk pengawetan halal;
- pembangunan sumber manusia; dan
- pertukaran maklumat.

Malaysia juga merupakan ahli kepada jawatankuasa kecil bagi sektor makanan halal untuk Zon Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMTGT). Inisiatif yang

telah diambil termasuk pertukaran maklumat, pembangunan teknologi dan bantuan kepakaran dalam persijilan

## **PENYELARASAN PEMBANGUNAN ENTERPRIS KECIL DAN SEDERHANA**

Dalam tahun 2004, Majlis Pembangunan EKS Kebangsaan (NSDC) telah memperkemaskan dan menggalakkan:

- dasar-dasar umum dan strategi untuk memangkinkan pembangunan EKS di semua sektor;
- peranan dan tanggungjawab kementerian dan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai pembangunan EKS; dan
- koordinasi bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan ke atas dasar pembangunan dan pelan-pelan tindakan EKS.

NSDC mempunyai Sekretariat di Bank Negara yang berperanan:

- menyelia dan menyelaras penubuhan dan pengurusan pangkalan data kebangsaan EKS yang komprehensif;
- menerbitkan laporan berkala seperti laporan tahunan mengenai prestasi keseluruhan pembangunan EKS;
- membentuk dan mengurus petunjuk prestasi utama (KPI) bagi memantau dan menilai kemajuan pembangunan EKS; dan
- membuat kajian dan analisis mengenai keberkesanan program aktiviti dan pembangunan EKS.

Sebagai langkah awal, dalam tahun 2004, NSDC dengan rasminya menerima pakai satu definisi yang selaras bagi sektor EKS berlandaskan jumlah pendapatan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa.

Penggunaan satu definisi EKS yang selaras akan memudahkan penyelarasan program kerajaan untuk pembangunan dan bantuan di EKS.

### **Pembangunan Sumber Manusia Untuk EKS**

Syarikat Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDB), iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, telah dilantik secara rasmi untuk menyelaras, memperkemaskan dan memantau keseluruhan program latihan dan pembangunan sumber manusia EKS. Antara peranan HRDB adalah:

- mengenal pasti keperluan latihan EKS di seluruh sektor ekonomi;
- menandaaraskan pelaksanaan latihan terbaik di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan daya saing EKS; dan
- menggubal sistem akreditasi formal untuk latihan EKS.

#### *Jadual 3.1*

#### **Jumlah Sijil Halal Yang Telah Dikeluarkan**

Kategori	Tahun				Jumlah
	2001	2002	2003	2004	
<b>Jumlah</b>	<b>690</b>	<b>662</b>	<b>536</b>	<b>930</b>	<b>2,818</b>
Produk	544	420	487	801	2,252
Premis Makanan	123	220	38	117	498
Rumah Sembelihan	23	22	11	12	68

*Sumber : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*

#### *Jadual 3.2*

#### **Jumlah Pendapatan Tahunan**

Saiz	Perkilangan (termasuk produk berdasarkan pertanian) dan Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	Pertanian Asas	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada RM250,000	Kurang daripada RM250,000	Kurang daripada RM250,000
Kecil	Antara RM250,000 dan kurang daripada RM10 juta	Antara RM250,000 dan kurang daripada RM1 juta	Antara RM250,000 dan kurang daripada RM1 juta
Sederhana	Antara RM10 juta dan RM25 juta	Antara RM1 juta dan RM5 juta	Antara RM1 juta dan RM5 juta

*Sumber : Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan*

### **Pemasaran serta Promosi Produk dan Perkhidmatan EKS**

Keupayaan EKS di bidang pemasaran dan promosi akan terus diperkuatkuhan. Empat bidang utama yang telah dikenalpasti ialah:

- pembekalan peralatan dan komponen industri kepada syarikat multinasional (MNC) dan syarikat besar;
- pembekalan barang pengguna kepada kedai dan pasar raya utama;
- menggunakan perantara bagi membolehkan produk EKS menembusi pasaran eksport; dan
- meningkatkan pemasaran perkhidmatan-perkhidmatan EKS.

Inisif dan program-program bantuan berkaitan sedang digubal dan akan dimasukkan ke dalam Bajet 2006 untuk meningkatkan daya saing EKS di bidang-bidang tersebut.

## **Pembiayaan**

NSDC telah meluluskan konsep pinjaman EKS berlandaskan subsidi faedah dan '*securitisation*'. Inisiatif subsidi faedah akan meningkatkan akses EKS kepada kemudahan kewangan pada kos yang berpatutan. '*Securitisation*' bagi pinjaman EKS akan meningkatkan keupayaan institusi-institusi kewangan memberikan pinjaman kepada EKS yang berpotensi dan secara tidak langsung membolehkan EKS menggunakan kemudahan kewangan di pasaran modal.

Dua jenis pembiayaan baru tersebut diuruskan oleh SMIDEC dan telah diperkenalkan pada tahun 2004:

- skim geran RM100 juta telah diumumkan dalam Bajet 2005 bertujuan untuk meningkatkan keupayaan EKS dalam rekabentuk pembungkusan dan pelabelan; dan
- peruntukan RM50 juta untuk menaiktaraf kemahiran pemasaran EKS.

Seterusnya, skim geran bernilai RM10 juta telah disediakan untuk EKS yang terlibat dalam pembangunan dan penggalakan bagi produk dan perkhidmatan halal. EKS juga boleh memohon potongan dua kali ke atas semua perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh sistem persijilan kualiti, termasuk persijilan dan akreditasi halal.

Skop Geran Pembangunan Pasaran (*MDG*) telah diperluaskan dan kini meliputi pemasaran

dan penggalakan produk serta perkhidmatan EKS bagi pasaran tempatan, perbelanjaan yang ditanggung kerana menyertai mesyuarat atau rundingan bagi persetujuan Peraturan Pengiktirafan Bersama (*MRA*), pembukaan pejabat perwakilan di luar negara dan penyertaan dalam misi dagangan oleh golongan profesional tempatan. Nilai *MDG* juga telah dinaikkan daripada RM60,000 ke RM100,000 setiap syarikat.

## **SUMBER BARU PERTUMBUHAN**

Sumber baru pertumbuhan yang telah dikenalpasti dalam tahun 2004 di sektor perkilangan meliputi:

### **Bioteknologi**

Kerajaan telah mengenalpasti bioteknologi sebagai sektor utama. Sehingga Disember 2004, sejumlah 37 syarikat telah diluluskan untuk menjalankan aktiviti R&D serta aktiviti perkilangan dalam industri bioteknologi yang mana 26 adalah syarikat milik Malaysia dan 11 milik asing. Dalam tahun 2004, sejumlah 11 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM237 juta yang mana sembilan daripada 11 projek adalah milik Malaysia.

### **Teknologi Nano dan Fotonik**

Polisi Sains dan Teknologi Ke-2 yang diperkenalkan pada tahun 2003 telah mengenalpasti teknologi nano dan fotonik sebagai bidang utama bagi membina kompetensi untuk pengkhususan dalam teknologi yang sedang muncul. Teknologi nano merupakan teknologi yang berkembang pesat

### **Jadual 3.3**

#### **Bilangan Pekerja Sepenuh Masa**

Size	Perkilangan (termasuk produk berdasarkan pertanian) dan Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan	Pertanian Asas	Sektor Perkhidmatan (termasuk ICT)
Mikro	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja	Kurang daripada 5 orang pekerja
Kecil	Antara 5 dan 50 orang pekerja	Antara 5 dan 19 orang pekerja	Antara 5 dan 19 orang pekerja
Sederhana	Antara 51 dan 150 orang pekerja	Antara 20 dan 50 orang pekerja	Antara 20 dan 50 orang pekerja

*Sumber : Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan*

dalam penyediaan mekanisme dan pembuatan mesin pada paras ketepatan tinggi dan kecil.

Antara inisiatif strategik untuk menggalakkan perkembangan teknologi fotonik dan nano di Malaysia termasuk:

- mengukuhkan institusi penggubal polisi dan pembentukan garis panduan polisi;
- menubuhkan institusi sokongan dan infrastruktur;
- menyediakan geran penyelidikan untuk R&D dalam teknologi nano; dan
- menggubal strategi HRD.

Permintaan utama komponen fotonik adalah dari pembuat sistem komunikasi optik-gentian, sistem penyimpanan maklumat optik, peralatan dan lampu. Teknologi fotonik boleh digunakan dalam semua aspek aktiviti teknologi, terutama di bidang ICT. Produk fotonik yang telah dibangunkan untuk industri ICT juga boleh digunakan dalam bidang lain seperti penjagaan kesihatan, pertahanan, ruang angkasa dan industri automobil.

Terdapat lebih kurang 28 aktiviti teknologi nano yang telah dijalankan terutama di universiti-universiti awam. Projek yang melibatkan teknologi nano boleh dikategorikan di bawah Penyelidikan Strategik di bawah program Penumpuan Bidang Utama Penyelidikan (IRPA). Geran IRPA telah diluluskan kepada tiga program teknologi nano mengandungi 17 projek dengan pembiayaan berjumlah RM143 juta. Skim pembiayaan yang lain yang terdapat bagi sektor teknologi nano termasuk Skim Geran Industri dan Pembangunan, Skim Geran R&D Multi Media Super Koridor, Skim Geran Aplikasi Demonstrasi serta Tabung Pengkomersilan Pembangunan dan Penyelidikan.

## **Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Kerajaan berpandangan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah satu

alat yang kritikal yang boleh meningkatkan daya saing negara dan perlu terus berperanan secara pro-aktif untuk mempermudah dan mempromosi penggunaan ICT di kalangan industri pada 2004.

### ***Inisiatif untuk mempromosi ICT***

Program Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran dan menyediakan latihan ICT dan teknologi-teknologi lain terus dilaksanakan dalam tahun 2004. Agensi-agensi MITI telah mengendalikan sebanyak 37 seminar, bengkel dan kursus mengenai ICT dan topik berkaitan ICT pada tahun tersebut.

Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) telah mengendalikan 23 kursus mengenai ICT dan berkaitan ICT dalam perkilangan kepada syarikat pembekal Proton, kursus pengenalan ICT kepada bukan-eksekutif dan satu kursus latihan bagi para pelatih pada tahun tersebut, yang melibatkan 960 peserta. Seterusnya, NPC juga menganjurkan bengkel mengenai penggunaan aplikasi ICT bagi meningkatkan daya saing kepada 50 peserta.

Dalam tahun 2004, SMIDEC melancarkan program Panel Penasihat Pakar EKS (SEAP) bagi menyediakan perkhidmatan nasihat teknikal kepada EKS. Di bawah program SEAP, pakar dibidang tertentu seperti teknologi bahan, penambahbaikan proses, automasi kilang serta ICT dan pengkomputeran akan menyediakan kemahiran teknologi dan berkongsi pengalaman industri dengan EKS.

Kerajaan terus menyediakan bantuan kewangan yang dilancarkan pada tahun sebelumnya kepada industri bagi mempromosikan penggunaan ICT. Pelaksanaan standard RosettaNet terus dibiayai melalui pemberian geran RosettaNet. Pada 2004, sebanyak 17 syarikat telah menerima-pakai standard RosettaNet dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM660,000 daripada geran RosettaNet. Walau bagaimanapun Geran e-Pengilangan dan e-Rekabentuk telah ditukar kepada skim pinjaman mudah berjumlah RM10 juta untuk penerima-pakai ICT yang diuruskan oleh Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF). Di

bawah skim ini sebanyak 12 syarikat telah diluluskan pinjaman mudah yang berjumlah RM2.07 juta.

SMIDEC dengan kerjasama RosettaNet (M) Berhad telah menganjurkan 11 seminar dan bengkel mengenai standard RosettaNet. Seminar dan bengkel tersebut telah diadakan di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan disertai oleh 90 peserta daripada sektor awam dan swasta.

Dalam tahun 2004, MATRADE dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) telah menganjurkan misi Khas Pemasaran ICT Beijing, Shanghai dan Dalian. Seramai 11 wakil syarikat MSC telah menyertai misi ini.

### **Infrastruktur Perundangan**

Usaha untuk mengukuhkan infrastruktur perundangan, pembayaran dan telekomunikasi bagi menyokong penggunaan ICT diteruskan dalam tahun 2004. Jabatan Peguam Negara sedang dalam proses menilai tiga draf undang-undang berhubung dengan perlindungan data, e-Dagang dan e-Kerajaan. Tiga draf undang-undang tersebut bertujuan membina kepercayaan dan keyakinan dalam e-Dagang dengan menyediakan undang-undang yang diperlukan dalam e-Transaksi dan pengendalian maklumat persendirian dan sulit.

### **Proses Pertukaran Kewangan**

Proses Pertukaran Kewangan (FPX), sebuah sistem e-pembayaran nasional telah dilancarkan pada 28 Oktober 2004. FPX adalah sistem pembayaran pelbagai-bank berdasarkan internet yang dibangunkan bagi memberi kemudahan pembayaran secara online, terutamanya bagi transaksi perdagangan. Sehingga penghujung 2004, Bank Islam, Bumiputra Commerce Berhad, Public Bank Berhad dan Deutsche Bank Malaysia Berhad telah menyertai FPX, manakala Malayan Banking Berhad dan Hong Leong Bank Bhd. dijangka akan menyiapkan spesifikasi teknikal terperinci

bagi penyertaan mereka pada pertengahan 2005. Selain bank, sebanyak lapan syarikat korporat telah menyertai FPX dalam tahun 2004, sementara 10 syarikat korporat lain sedang dalam pelbagai peringkat penyediaan spesifikasi teknikal terperinci bagi menyertai FPX.

### **Pelan Jalur Lebar Negara**

Dalam tahun 2004, Pelan Jalur Lebar Negara (NBP) telah diluluskan. Pelan ini bertujuan untuk mempermudah dan mempercepatkan liputan perkhidmatan jalur lebar ke seluruh negara. NBP memperkenalkan strategi bagi membolehkan jalur lebar diperluaskan ke pejabat Kerajaan dan sekolah sebagai pemangkin untuk mempercepatkan tahap penerimaan dan penyediaan perkhidmatan jalur lebar.

Bagi memantau pelaksanaan NBP, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi menubuhkan Jawatankuasa Pemandu pada tahun tersebut. Jawatankuasa Pemandu disokong oleh tiga kumpulan kerja, salah satunya adalah Kumpulan Kerja Industri yang ditugaskan untuk mengenalpasti sumber dan kaedah pembiayaan bagi menarik pelaburan dalam jalur lebar. MITI dan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi adalah penggerusi bersama Kumpulan Kerja ini dan telah mula mengenalpasti pembiayaan bagi perlaksanaan jalur lebar ini.

### **Perkhidmatan Pertukaran Data Elektronik**

DagangNet Technologies Sdn. Bhd. terus menyediakan perkhidmatan rangkaian dan aplikasi bagi penghantaran secara elektronik permit import/eksport, deklarasi kastam dan pembayaran duti. Petunjuk Prestasi Utama akan digunakan untuk memantau kesediaan dan kualiti perkhidmatan, masa bertindakbalas dan penyediaan sokongan teknikal oleh DagangNet.

### **Koridor Raya Multimedia**

Sehingga Disember 2004, MSC telah berjaya menarik 1,145 syarikat, 41 institusi pengajian tinggi dan 13 syarikat inkubator.

Malaysia mempunyai potensi yang tinggi dalam perkongsian perkhidmatan dan *outsourcing*. Malaysia menduduki tempat ketiga selepas India dan China sebagai destinasi aktiviti perkongsian perkhidmatan dan *outsourcing*. Kejayaan ini disokong oleh terdapatnya kemudahan dan infrastruktur untuk dimanfaatkan bagi perkembangan IT yang membantu pertumbuhan perkongsian perkhidmatan dan proses perniagaan *outsourcing*. Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) merupakan pusat sehenti bagi perkhidmatan terpilih sedang mengukuhkan dan mempromosi Malaysia serta MSC sebagai penyedia perkhidmatan yang berkos rendah untuk perkhidmatan perkongsian yang bernilai tinggi.

Syarikat antarabangsa telah menubuhkan beberapa pusat perkhidmatan perkongsian di Malaysia seperti Pusat Data Kumpulan, Pusat Komunikasi dan Jaringan Sokongan, Pusat Perkhidmatan Kumpulan dan Pusat Perkhidmatan IT.

Syarikat Malaysia yang terlibat dalam penyediaan perkhidmatan perkongsian dan beroperasi di MSC termasuk syarikat yang menawarkan operasi sokongan pejabat dan sokongan pengurusan IT, pusat hubungan, pengurusan perkhidmatan dan logistik dan penyelesaian e-pemenuhan.

## **Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan**

### ***Penubuhan Pusat Serantau***

Aktiviti-aktiviti perkhidmatan berkaitan perkilangan yang digalakkan dalam tahun 2004 termasuk:

- penyelidikan dan pembangunan, meliputi pembangunan dan penambahbaikan produk/proses serta pembangunan dan integrasi perisian;
- rekabentuk produk dan proses serta prototaip;
- pengedaran dan logistik, termasuk perkhidmatan logistik seperti penggudangan,

pengangkutan, penghantaran fret, pengurusan rantaian bekalan, pengedaran, perkhidmatan dan kemudahan rantaian sejuk bagi produk makanan, pusat-pusat serantau, Ibu Pejabat Operasi (*OHQ*), Pusat Perolehan Antarabangsa (*IPC*), Pejabat Serantau (*RO*), Pejabat Perwakilan (*RE*) dan Pusat Pengedaran Serantau (*RDC*);

- pemasaran termasuk penjenamaan, pembungkusan dan penyelidikan pasaran;
- pengurusan alam sekitar meliputi perkhidmatan pemuliharaan/kecekapan tenaga; aktiviti penjanaan tenaga menggunakan sumber-sumber tenaga yang diperbaharui (biomas, kuasa hidro dan kuasa solar), penyimpanan, perawatan dan pelupusan sisa toksik dan merbahaya, aktiviti kitar semula bahan buangan (sisa atau bahan sampingan pertanian, sisa kimia dan petroleum), pusat perkhidmatan khusus dan perkhidmatan perundingan kejuruteraan dalam alam sekitar seperti khidmat runding Penilaian Impak Alam Sekitar dan pencemaran alam sekitar; dan
- perkhidmatan berkaitan perkilangan lain, termasuk perkhidmatan sokongan kejuruteraan tuangan logam, penempaan daripada besi dan keluli, kemasan/rawatan kemasan permukaan logam, pemesinan, acuan, alatan dan dai, bahagian pelogaman serbuk, rawatan haba, penteksturan logam, penghentakan logam, menyadur, mericih dan memotong keping-keping logam dan servis kejuruteraan berkaitan, pembalikpulihan, pemberian, pemulihian, pengubahsuai atau pengujian enjin turbin komponen atau pemasangan kecil dan penyelenggaraan dan naik taraf mesin dan peralatan, perkhidmatan iridiasi, dan perkhidmatan sterilisasi.

Bagi menarik dan menggalakkan penubuhan pusat-pusat serantau, insentif-insentif berikut telah disediakan:

- RDC/ IPC:
  - pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun;

- dividen yang dibayar daripada pendapatan dikecualikan cukai akan diberi pengecualian di peringkat pemegang saham; dan
- jawatan pegawai dagang diluluskan mengikut keperluan.
- OHQ:
  - pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan statutori selama 10 tahun; dan
  - dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan dari cukai akan diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.
- Layanan Cukai Pendapatan bagi Pegawai Ekspatriat:
  - Pegawai Ekspatriat di OHQ dan pejabat Serantau dikenakan cukai ke atas bahagian pendapatan bercukai yang diperolehi berdasarkan hari mereka berada di dalam negara saja.

### **Perkhidmatan Sokongan**

Disamping perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan perkilangan, Kerajaan juga telah mempertingkatkan usaha mempromosi dan membangunkan perkhidmatan sokongan, memandangkan perkhidmatan ini menjadi faktor penting di dalam menentukan kecekapan penghantaran barang dan perkhidmatan. Bagi menggalakkan pelaburan di dalam perkhidmatan sokongan, insentif dalam bentuk Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan dan pengecualian duti import ke atas cukai jualan bagi peralatan untuk projek-projek berkaitan telah ditawarkan kepada:

- penyedia perkhidmatan yang menjalankan perkhidmatan logistik bersepadu yang mana tiga aktiviti utama dilakukan iaitu penghantaran fret, pergudangan dan pengangkutan disamping sekurang-kurangnya satu lagi aktiviti seperti pengedaran, pengurusan rantaian bekalan atau lain-lain aktiviti nilai tambah;

- penyedia perkhidmatan yang menjalankan satu daripada tiga aktiviti perkhidmatan sokongan pasaran seperti penjenamaan, penyelidikan dan pengurusan khidmat pengguna;
- syarikat yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan rantaian sejuk bagi produk makanan; dan
- untuk industri petrokimia, operator yang membekalkan sekurang-kurangnya dua utiliti seperti tenaga, air, gas, penstoran dan pengawalan serta perkhidmatan lain seperti kawalan kebakaran dan bantuan kecemasan.

### **Penjenamaan dan Pemasaran**

Bagi mengekalkan daya saing di sepanjang rantaian bekalan global, Kerajaan telah mengenalpasti penciptaan dan promosi jenama sebagai salah satu strategi penting untuk dijalankan oleh syarikat-syarikat. Bagi membantu syarikat mendapat semula separuh daripada kos pelaburan promosi penjenamaan, Kerajaan telah menyediakan bantuan-bantuan seperti :

- potongan dua kali untuk promosi jenama Malaysia;
- potongan dua kali untuk promosi eksport;
- Geran Pembangunan Pemasaran (MDG); dan
- Geran Promosi Penjenamaan (BPG).

### **Geran Promosi Penjenamaan**

Pada tahun 2004, Garis Panduan untuk Geran Promosi Penjenamaan (BPG) telah dikaji semula bagi membolehkan dana tersebut dimanfaatkan oleh EKS dan bukan EKS. Dana RM200 juta tersebut akan diberi kepada EKS di dalam bentuk geran secara terus, dengan jumlah maksima RM1 juta setiap permohonan. Syarikat bukan EKS pula layak untuk 50 peratus geran bersamaan dengan jumlah maksimum RM2 juta. Sebanyak 62 permohonan telah diterima untuk BPG dalam tahun 2004, yang mana 14

daripadanya mendapat kelulusan. Jumlah bayaran balik adalah RM25.8 juta.

### **Sektor Perkhidmatan Lain**

Selain mempromosi perkhidmatan berkaitan perkilangan, usaha untuk mempromosi sektor perkhidmatan lain turut giat dijalankan. Mulai Mac 2004, skop aktiviti MITI telah diperluaskan untuk meliputi keseluruhan sektor perkhidmatan kecuali sektor utiliti dan kewangan. MIDA akan menjadi pusat tumpuan untuk sektor perkhidmatan, MATRADE akan melaksanakan promosi eksport perkhidmatan, manakala SMIDEC akan memberi tumpuan dalam pembangunan EKS yang terlibat di sektor perkhidmatan.

Antara fungsi-fungsi yang akan dijalankan oleh MIDA di sektor perkhidmatan adalah :

- bertindak sebagai pusat hubungan pertama bagi para pelabur mendapatkan maklumat mengenai sektor perkhidmatan;

- mengenalpasti dan mempromosi aktiviti-aktiviti perkhidmatan spesifik;
- menyelaras dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam mempromosi aktiviti-aktiviti perkhidmatan di bawah bidang kuasa masing-masing; dan
- menyediakan bantuan untuk para pelabur dalam melaksanakan projek-projek.

Sektor perkhidmatan yang dikenalpasti untuk dipromosi termasuk:

- perkhidmatan guna sama seperti pusat panggilan (*call centres*), pusat operasi sokongan (*back office operations*) dan pusat IT;
- perkhidmatan kejuruteraan seperti perkhidmatan konsultasi alam sekitar, pengujian dan kalibrasi;

### **Kotak 3.1 : Garis Panduan Geran Promosi Penjenamaan Yang Telah Dikaji Semula**

#### **OBJEKTIF**

Geran Promosi Penjenamaan (BPG) bertujuan untuk membangunkan dan promosi di pasaran antarabangsa, terhadap jenama yang dimiliki oleh syarikat-syarikat Malaysia bagi keluaran dan perkhidmatan yang berasal dari Malaysia.

#### **PEMILIHAN JENAMA**

Geran Promosi Penjenamaan akan hanya diberikan kepada jenama yang di kenalpasti layak oleh Jawatankuasa Kelulusan Geran Penjenamaan. Penilaian ke atas jenama-jenama untuk geran adalah berdasarkan kepada beberapa pertimbangan termasuk:-

- Pelan dan strategi penjenamaan
- Pelan pemasaran dan perniagaan.
- Sumber yang dilaburkan oleh syarikat ke atas penjenamaan dan komitmen kepada program penjenamaan.
- Aktiviti-aktiviti mempromosi jenama.
- Trend keseluruhan jualan dan eksport bagi tempoh tiga tahun lepas.
- Syer pasaran tempatan dan luar negeri.
- Potensi untuk jenama terus berkembang di pasaran antarabangsa.
- Bagaimana jenama akan membantu membentuk imej Malaysia sebagai pembekal barang dan perkhidmatan yang berkualiti.

#### **BENTUK GERAN**

Syarikat-syarikat boleh memohon salah satu daripada geran-geran berikut:-

- Geran di tuntut semula 100 peratus bagi pembangunan dan promosi jenama tertakluk kepada geran maksimum RM1 juta. Enterpris kecil dan sederhana adalah layak untuk memohon 100 peratus geran boleh tuntut semula.

Bagi geran jenis ini hanya 10 peratus nilai maksimum geran yang diluluskan akan di bayar dalam bentuk bayaran pendahuluan, sementara baki 90 peratus lagi akan dibayar berdasarkan tuntutan semula. Bayaran pendahuluan akan ditimbangkan bagi aktiviti-aktiviti yang diluluskan dalam Pelan Penjenamaan tertakluk kepada bukti dokumen mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat.

- 50 peratus geran tuntut semula untuk bukan SME tertakluk kepada geran maksimum RM2 juta.

Bagi menggalakkan syarikat-syarikat mempromosikan jenama di luar negara, hanya 10 peratus keseluruhan geran yang diluluskan boleh dibelanjakan bagi promosi jenama di pasaran tempatan.

## KRITERIA KELAYAKAN

Untuk layak memohon syarikat-syarikat perlu memenuhi syarat-syarat berikut:-

- Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965.
- Sekurang-kurangnya 60 peratus ekuiti di miliki oleh rakyat Malaysia.
- Syarikat adalah pemilik jenama yang berdaftar dan sah di mana-mana negara dan memiliki hak ke atas jenama tersebut.
- Jumlah jualan tahunan tidak melebihi RM250 juta (berdasarkan kepada laporan kewangan terkini).
- Bagi 100 peratus geran boleh tuntut semula:-
  - Syarikat Perkilangan - jumlah jualan tahunan mesti tidak melebihi RM25 juta atau dengan tidak melebihi 150 orang pekerja sepenuh masa.
  - Enterpris sektor perkhidmatan - jumlah jualan tahunan tidak melebihi RM5 juta atau dengan jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 50 orang.
- Barang/Perkhidmatan adalah sudah dieksport, dengan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada jualan.
- Bagi syarikat yang tidak memenuhi syarat eksport, permohonan boleh dipertimbangkan berdasarkan potensi eksport dan komitmen syarikat untuk membangunkan jenama antarabangsa. Faktor-faktor yang akan diambil kira:-
  - Sumber yang dilaburkan ke atas penjenamaan dan komitmen syarikat ke atas program penjenamaan.
  - Program promosi dan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat bagi mempromosikan jenama.
  - Indikasi penembusan pasaran dan penerimaan pengguna (contoh:- syer pasaran) dalam dan luar negeri.
  - Trend dalam keseluruhan jualan dan pertumbuhan eksport
  - Anugerah dan pengiktirafan yang diterima
  - Sijil Kualiti Antarabangsa yang diperolehi seperti HACCP, ISO atau Program Penambahbaikan Kualiti, GMP atau Kelulusan bagi menggunakan pelekat kualiti "Malaysia's Best".
- Barang/Perkhidmatan hendaklah berasal dari Malaysia. Bagi barang yang di kilang di luar Malaysia boleh dipertimbangkan jika syarikat membuat aktiviti tambah nilai di Malaysia seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) reka bentuk, pembungkusan, pemasaran, pengedaran dan pengeluaran invois.

## PELAN PENJENAMAAN DAN PEMASARAN

Syarikat-syarikat yang ingin memohon geran ini perlu mengemukakan dokumen-dokumen dan maklumat berikut:

- (a) Kertas cadangan yang komprehensif mengenai pembangunan dan promosi untuk jenama yang merangkumi:-

- Latarbelakang jenama, konsep jenama, nilai dan pasaran eksport sedia ada;
- Langkah-langkah yang telah diambil untuk membangun dan mempromosi jenama;
- Pengiraan kos terperinci untuk aktiviti-aktiviti yang mana geran ini dipohon;
- Jadual perlaksanaan aktiviti penjenamaan yang akan dijalankan;
- Laporan kemajuan perlaksanaan aktiviti penjenamaan termasuk strategi pemasaran dan penunjuk utama kemajuan;
- Justifikasi bagaimana jenama tersebut dapat memanfaatkan imej syarikat dan negara;
- Sumber-sumber yang diperuntukkan untuk pembangunan penjenamaan dan strategi pemasaran;
- Penunjuk utama kemajuan untuk mengukur kemajuan jenama berdasarkan strategi pemasaran yang dicadangkan.

- (b) Pelan perniagaan dan pemasaran syarikat bagi tempoh dua tahun yang merangkumi:

- Pasaran yang disasarkan;
- Strategi pemasaran untuk menembusi pasaran yang disasarkan;
- Pelan komunikasi media;
- Peruntukan sumber kewangan syarikat untuk melaksanakan pelan tersebut; dan
- Nilai jualan semasa dan nilai yang disasarkan di pasaran tempatan dan luar negara.

- (c) Profail korporat, struktur organisasi, profail pengurusan dan kumpulan penjenamaan.

## KELAYAKAN PERBELANJAAN

Geran ini akan meliputi kos pembangunan dan promosi untuk hanya satu jenama bagi setiap syarikat. Syarikat-syarikat boleh memohon geran ini untuk perbelanjaan yang berkaitan bagi pembangunan dan promosi jenama seperti berikut :

- Strategi penjenamaan/pemasaran
  - Yuran perundingan (tidak melebihi 10 peratus daripada nilai geran) :
  - Strategi penciptaan dan pembangunan jenama;
  - Strategi dan perlaksanaan pemasaran;
  - Strategi media;
  - Strategi komunikasi jenama;
  - Sistem pengurusan jenama; dan
  - Sistem manual dan maklumat jenama.
- Pembangunan jenama:
  - rekabentuk dan merekabentuk semula logo;
  - rekabentuk dan merekabentuk semula produk;
  - rekabentuk dan merekabentuk semula pembungkusan;
  - hal ehwal harta intelek, termasuk pendaftaran dan kerja-kerja cap dagang (tidak termasuk pembaharuan cap dagang dan paten).
- Promosi jenama :
  - Sistem pengurusan hubungan pelanggan untuk mengawasi jenama;
  - Pengiklanan dan promosi (maksima 50 peratus daripada geran); dan
  - Peningkatan laman web jenama (maksima RM50,000 daripada geran).
- Kajian/perkhidmatan pasaran jenama :
  - Pengauditan/penilaian jenama;
  - Kajian; dan
  - Pengesahan jenama.

*Nota :- Perbelanjaan-perbelanjaan yang disenaraikan hanyalah sebagai panduan dan tidak semestinya lengkap*

## PROSEDUR PERMOHONAN

Syarikat-syarikat digalakkan untuk memohon geran ini sekurang-kurang tiga bulan sebelum menjalankan aktiviti yang mana geran ini diperlukan. Geran yang diluluskan adalah berdasarkan anggaran perbelanjaan untuk 2 tahun akan datang.

Permojonan geran ini dibuat dengan menggunakan borang permohonan BPG (1/04) yang boleh didapati dengan percuma di MATRADE, atau boleh dimuat turun melalui laman web MATRADE di [www.matrade.gov.my](http://www.matrade.gov.my)

Segala dokumen sokongan yang perlu disediakan oleh syarikat semasa memohon geran adalah diterangkan di dalam borang permohonan BPG dan senarai semak yang disertakan pada borang tersebut. Syarikat-syarikat dinasihatkan untuk menghantar segala dokumen yang berkaitan semasa memohon BPG.

Syarikat-syarikat dikehendaki untuk mengemukakan tuntutan untuk geran ini dalam tempoh 3 bulan aktiviti-aktiviti jenama dijalankan. Tuntutan-tuntutan mestilah disertakan dengan resit asal dan invois atau salinan-salinan yang disahkan oleh juruaudit luar, serta bukti-bukti dokumen sokongan yang berkaitan dengan perlaksanaan aktiviti-aktiviti atau kerja jenama yang dijalankan.

## TANGGUNGJAWAB DARI SEGI KONTRAK DAN LAPORAN

Syarikat yang diluluskan dengan geran ini dikehendaki untuk :

- (a) Menandatangani Surat Penerimaan dengan MATRADE, yang menunjukkan bahawa sekiranya syarikat tersebut gagal memenuhi tanggungjawab di dalam melaksanakan pelan penjenamaan, MATRADE berhak untuk membatalkan kelulusan geran promosi penjenamaan ini dan menuntut pembayaran semula nilai geran yang telah dibayar.
- (b) Mengemukakan laporan suku tahun berdasarkan format yang disediakan atau laporan kemajuan berdasarkan jadual perlaksanaan (mana-mana yang terdahulu) untuk aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah geran tersebut.

- perkhidmatan berkaitan komputer seperti perlaksanaan perkhidmatan perisian, perkhidmatan pemprosesan data dan perkhidmatan pangkalan data;
- perkhidmatan logistik dan pengedaran;
- perkhidmatan teknikal, pengujian dan analisa makmal seperti perkhidmatan *bio-equivalence/bio-availability* dan pengujian IT;
- perkhidmatan penyelenggaraan pengurusan menyeluruh;
- perkhidmatan pendidikan;
- perkhidmatan penjagaan kesihatan; dan
- pelancongan.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang dikenalpasti oleh MATRADE:

- perkhidmatan penjagaan kesihatan;
- perkhidmatan pendidikan;
- pembinaan dan perkhidmatan berkaitan profesional seperti kejuruteraan dan arkitek;
- perkhidmatan percetakan dan penerbitan;
- francais;
- ICT; dan
- perkhidmatan berkaitan minyak dan gas.

Beberapa sektor baru yang dikenalpasti berpotensi untuk dieskport adalah:

- perkhidmatan profesional meliputi perkhidmatan perundangan, perkhidmatan perakaunan, pengauditan dan simpankira, perkhidmatan percukaian, perkhidmatan senibina, perkhidmatan kejuruteraan bersepadu, perkhidmatan perancangan bandar dan senibina lanskap;

- perkhidmatan perundingan pengurusan meliputi perkhidmatan konsultasi pengurusan kewangan, perkhidmatan konsultasi pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan konsultasi pengurusan lain; dan
- perkhidmatan berkaitan kesihatan, terutamanya perkhidmatan hospital.

SMIDEC telah mengenalpasti empat sub-sektor untuk terus dimajukan seperti:

- perdagangan pengedaran (borong dan runcit);
- logistik, seperti penyetoran dan pergudangan, *haulage*, pengendalian kargo, penghantaran fret dan perkhidmatan kurier;
- perkhidmatan pengurusan professional seperti perakaunan, perundangan, kaji selidik dan kejuruteraan; dan
- perkhidmatan berkaitan perkilangan seperti pembungkusan, rumah reka bentuk, pembangunan perisian, bahagian pelogaman serbuk, rawatan haba, penteksturan logam dan penghentakan logam.

Perluasan peranan SMIDEC turut merangkumi penyediaan latihan dan geran untuk membolehkan EKS menembusi pasaran dengan lebih berkesan, meningkatkan produktiviti, keupayaan teknologi dan penggunaan ICT serta memajukan dan menambahbaik kemahiran dan keupayaan mereka.

## **PEMBANGUNAN STANDARD**

Pada Ogos 2004, Kerajaan telah melancarkan Garis Panduan Am Standard Malaysia bagi mengawal Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengurusan dan Penyimpanan (MS1500:2004). Kerajaan akan terus berusaha mempromosikan standard ini di peringkat antarabangsa dan ini akan dilakukan melalui pelbagai fora antarabangsa dan juga Perjanjian Bebas Perdagangan Dua Hala.

Dalam tahun 2004, sejumlah 261 (80 peratus) daripada Standard Malaysia yang dibangunkan telah diselaraskan dengan standard-standard antarabangsa. Keseluruhannya, sehingga Disember 2004, sebanyak 3,715 Standard Malaysia telah dibangunkan dan 1,913 atau lebih kurang 50 peratus daripadanya telah diselaraskan dengan standard antarabangsa.

Dalam usaha untuk mempromosikan produk buatan Malaysia yang berkualiti tinggi, terutamanya bagi menembusi pasaran antarabangsa, Kerajaan telah memperkenalkan insentif potongan dua kali ke atas perbelanjaan bagi mendapatkan standard kualiti bertaraf antarabangsa di dalam Bajet 2005.

Di antara inisiatif-inisiatif yang masih dalam peringkat pelaksanaan bagi pembangunan standard tersebut termasuk:

- membangunkan standard Malaysia secara berterusan, khususnya dalam bidang berkaitan produk-produk elektrikal, peralatan perubatan, herba dan hasil pertanian, kejuruteraan awam, ICT dan *internal sanitary plumbing*; dan

- mengkaji semula standard Malaysia setiap lima tahun seiring dengan kemajuan/pembangunan dalam industri-industri yang terlibat.

Strategi dan Pelan Tindakan Standard Kebangsaan telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada Oktober 2004. Lima strategi teras dalam Pelan Tindakan tersebut adalah:

- memperluaskan skop penglibatan bagi Standard Malaysia dalam peraturan teknikal;
- memastikan penglibatan serta sokongan *stakeholders* dalam pembangunan standard serantau dan antarabangsa;
- pengelibatan strategik dalam aktiviti-aktiviti pembangunan standard serantau dan antarabangsa;
- pengeluaran standard Malaysia yang tepat pada masanya yang memenuhi keperluan semasa dan masa depan *stakeholder*; dan

#### **Jadual 3.4**

#### **Jumlah Standard Mengikut Sektor Sehingga Disember 2004**

Sektor	Jumlah Standard	Jumlah Standard Mandatori	Jumlah MS yang selaras dengan Standard Antarabangsa
<b>Jumlah</b>	<b>3,715</b>	<b>123</b>	<b>1,913</b>
Kimia Dan Barang Kimia	499	4	221
Teknologi Maklumat, Komunikasi dan Multimedia	523	Nil	481
Teknikalelektronik	551	57	439
Makanan dan Pertanian	478	3	84
Plastik	280	Nil	146
Kejuruteraan Awam dan Pembinaan	204	39	27
Kejuruteraan Mekanikal	196	4	79
Getah dan Barang Getah	138	Nil	86
Petroleum dan Gas	115	3	45
Pengurusan Kualiti dan Jaminan Kualiti	96	Nil	94
Kenderaan Jalanraya	79	3	22
Pembungkusan	71	Nil	39
Perlindungan dan Keselamatan Kebakaran	65	8	15
Barang Pengguna dan Keselamatan	53	Nil	13
Besi dan Keluli	72	2	35

Sumber : Jabatan Standard Malaysia

- kesedaran yang lebih tinggi dan penggunaan standard Malaysia oleh Kerajaan, sektor swasta dan pengguna dalam perolehan, perdagangan, pembuatan, perkilangan dan penyediaan perkhidmatan.

## **PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN KEMAHIRAN**

Malaysia terus memberi penekanan kepada pertumbuhan nilai tambah dan aktiviti berintensif teknologi. Sehubungan dengan itu langkah-langkah telah diambil bagi meningkatkan jumlah dan kualiti pekerja berkemahiran dan berpengetahuan.

Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) menyelaraskan perancangan dan pembangunan latihan vokasional dan industri di agensi latihan sektor awam dan juga swasta. Dalam tahun 2004, pusat-pusat latihan ini mengendalikan 7,028 program meningkatkan kemahiran di seluruh negara.

### **Tabung Pembangunan Sumber Manusia**

Dalam tahun 2004, Tabung Pembangunan Sumber Manusia terus menjadi mekanisme penting bagi melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja industri. Sehingga Disember 2004, daripada 8,842 pekerja yang berdaftar dengan tabung ini, sebanyak 75.9 peratus adalah di sektor perkilangan. Seramai 465,124 pekerja telah dilatih melibatkan pembiayaan berjumlah RM243.4 juta

### **Sistem Latihan Dual Nasional**

Dalam tahun 2004, MLVK dengan bantuan teknikal daripada Jerman telah menggubal Sistem Latihan Dual Nasional. Melalui sistem tersebut, lima program latihan dalam bidang teknologi pengeluaran, industri elektronik, petrokimia, automotif dan insuran telah diperkenalkan. Sistem ini dijangka dilancarkan pada Julai 2005.

### **Pengambilan Pekerja Asing**

Jawatankuasa Buruh Asing yang ditubuhkan di MITI meneruskan usaha mempercepatkan

penilaian dan proses membuat keputusan bagi permohonan pekerja asing di sektor perkilangan di Semenanjung Malaysia. Satu garis panduan bagi pengambilan pekerja asing di sektor perkilangan telah disediakan bagi membantu proses tersebut.

Sehingga tahun 2004, permohonan bagi mengambil 200,519 pekerja asing telah diterima daripada 4,925 syarikat. Sejumlah 80,325 pekerja asing daripada 2,610 syarikat telah diluluskan. Mengikut sektor, 21 peratus pekerja asing yang diluluskan adalah disektor kayu dan perabut, E&E (15.4 peratus) dan besi keluli serta pembinaan (14.8 peratus).

## **PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**

Dalam tahun 2004, Kerajaan terus aktif mempromosikan aktiviti R&D dalam sektor perkilangan. Pelbagai inisiatif dan langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu penglibatan sektor swasta di bidang R&D dan pembangunan teknologi.

Majlis Inovasi Kebangsaan telah ditubuhkan pada bulan April 2004 dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Tujuan penubuhan majlis tersebut adalah untuk merasionalisasi dan memperkasakan sistem inovasi kebangsaan dalam semua aspek berkaitan teknologi. Majlis tersebut akan menyelesaikan isu-isu dan memastikan perkongsian amalan terbaik ilmu-ilmu yang dipelajari dari pelbagai bidang teknologi.

Dalam Bajet 2005, Kerajaan telah mengumumkan keperluan bagi menstruktur semula aktiviti-aktiviti R&D agar dapat memenuhi permintaan pasaran. Empat bidang yang telah dikenalpasti bagi tujuan R&D dan pengkomersilan, iaitu bioteknologi, ICT, bahan lanjutan dan perkilangan lanjutan.

Insentif baru untuk R&D termasuk pemberian royalti yang berpatutan, hakmilik ekuiti dalam

entiti pengkomersilan hasil R&D dan fleksibiliti bagi menjalankan penyelidikan bersama industri. Selain insentif, geran yang diberikan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk menjalankan aktiviti-aktiviti R&D termasuk:

- Tabung Pemerolehan Teknologi;
- Tabung Pembangunan dan Pengkomersilan Penyelidikan;
- Tabung Wanita bagi Pemerolehan Teknologi;
- Penekanan Penyelidikan di Bidang-bidang Utama; dan
- Skim Geran Pembangunan dan Penyelidikan.

## **PROSPEK**

Perubahan dalam pasaran dan teknologi akan terus memberi kesan kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan. Bagi membolehkan sektor ini menghadapi perubahan dan mampu bersaing, Kerajaan akan memberi fokus kepada peningkatan keupayaan teknologi, pembangunan kemahiran dan aktiviti R&D dalam industri. Langkah-langkah juga akan diambil bagi mempertingkatkan kualiti dan pengeluaran syarikat-syarikat Malaysia terutama EKS.

Bidang pertumbuhan baru akan terus diberi insentif untuk menarik modal, kemahiran dan teknologi tempatan dan asing. Sektor perkhidmatan juga akan terus diberi galakan kerana kepentingannya dari segi mewujudkan pekerjaan dan menjana pendapatan. 



# Pelaburan: Sektor Perkilangan Dan Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan

## TINJAUAN

Dalam tahun 2004, jumlah projek yang diluluskan di sektor perkilangan terus mencatatkan jumlah kelulusan yang besar iaitu sebanyak 1,101 projek. Jumlah kelulusan ini merupakan bilangan tertinggi pernah dicatatkan. Jumlah pelaburan projek tersebut adalah RM28.7 bilion berbanding dengan tahun 2003 berjumlah RM29.1 bilion. Walaupun pelaburan yang diluluskan dalam tahun 2004 adalah rendah sedikit daripada tahun sebelumnya namun iaanya melebihi sasaran tahunan sebanyak RM25 bilion seperti yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2).

Daripada 1,101 projek yang diluluskan dalam tahun 2004, sebanyak 603 adalah projek baru dengan pelaburan berjumlah RM18.6 bilion

atau 64.8 peratus daripada jumlah pelaburan. Manakala pada tahun 2003, sejumlah 514 projek baru diluluskan dan pelaburannya berjumlah RM22.4 bilion.

Syarikat perkilangan sedia ada terus berkembang dan mempelbagaikan operasi mereka dalam tahun 2004. Sebanyak 45.2 peratus (498) daripada jumlah projek yang diluluskan merupakan projek pembesaran/pelbagai dengan pelaburan sebanyak RM10.1 bilion. Pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagai dalam tahun 2004 adalah melebihi tahun sebelumnya yang mana sebanyak 451 projek telah diluluskan melibatkan pelaburan berjumlah RM6.7 bilion.


Kecenderongan modal (*capital intensity*) projek-projek yang diluluskan dalam tahun 2004 mengikut nisbah pelaburan modal setiap

**Jadual 4.1:**  
**Projek-Projek Perkilangan Yang Diluluskan**

	Jumlah		Baru		Pembesaran/Pelbagai	
	2004	2003	2004	2003	2004	2003
	Bilangan Peluang Pekerjaan	1,101 88,618	965 77,182	603 51,901	514 46,834	498 36,717
<b>RM juta</b>						
Cadangan Modal Terkumpul	4,450.6	6,613.7	3,343.9	6,058.4	1,106.7	555.3
Ekuiti Malaysia	2,707.4	1,941.1	1,977.8	1,774.7	729.6	166.4
- Bumiputera	1,168.0	903.1	931.6	864.2	236.4	38.9
- Perbadanan Awam	-	85.0	-	85.0	-	-
- Bukan Bumiputera	1,539.4	953.0	1,046.2	825.5	493.2	127.5
Ekuiti Asing	1,743.2	4,672.6	1,366.1	4,283.7	377.1	388.9
Pinjaman	14,576.8	12,843.5	10,144.5	11,314.4	4,432.3	1,529.1
Sumber Lain	9,714.4	9,687.5	5,152.0	5,068.5	4,562.4	4,619.0
Jumlah Cadangan Pelaburan Modal	28,741.8	29,144.7	18,640.4	22,441.3	10,101.4	6,703.4
- Tempatan	15,629.5	13,504.3	9,544.9	11,248.9	6,084.6	2,255.4
- Asing	13,112.3	15,640.4	9,095.5	11,192.4	4,016.8	4,448.0

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

**Carta 4.1:**  
**Projek-Projek Diluluskan Mengikut Nisbah CIPE**



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

pekerja (CIPE) adalah RM324,332. Nisbah CIPE bagi projek perkilangan mencatatkan arah aliran yang meningkat sejak tahun 1990 dan menunjukkan peralihan ke arah projek yang lebih berintensif modal dan teknologi serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Tanpa projek-projek besar yang melebihi RM1 bilion, nisbah CIPE dalam tahun 2004 adalah RM235,091.

Dalam tahun 2004, sejumlah 41 projek diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM100 juta atau lebih. Pelaburan dalam projek-projek berintensif modal berjumlah RM18.1 bilion atau 63.1 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Sejumlah 421 projek atau 70 peratus daripada projek-projek baru yang diluluskan dalam tahun 2004 adalah bersaiz kecil dan sederhana dengan jumlah pelaburan kurang daripada RM10 juta. Kebanyakan projek-projek ini adalah dalam industri barang logam dibentuk (70), pengilangan jentera (45), elektrik dan elektronik (E&E) (44), kelengkapan pengangkutan (42), barang plastik (36), pengilangan makanan (31) serta kimia dan barang kimia (30).

Industri E&E terus mengekalkan jumlah pelaburan yang tinggi. Pelaburan utama dalam

tahun 2004 adalah E&E (RM8.6 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (RM4.7 bilion), kimia dan barang kimia (RM3 bilion), barang logam asas (RM1.9 bilion) dan barang petroleum termasuk petrokimia (RM1.9 bilion). Kelima-lima industri mencatatkan pelaburan berjumlah RM20.1 bilion atau mewakili 70 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

Projek-projek yang diluluskan menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 88,618 yang mana 47,798 pekerjaan (53.9 peratus) adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja mahir. Kategori gunatenaga tersebut terutamanya diserap oleh industri E&E (24,508), barang logam dibentuk (8,568), kelengkapan pengangkutan (6,669), tekstil dan barang teknikal (5,865), barang plastik (5,096) serta perabot dan kelengkapan (6,179).


Dalam tahun 2004, Kerajaan terus memberi kelulusan terhadap pegawai ekspatriat, terutamanya jawatan pengurusan dan teknikal kepada projek perkilangan dan perkhidmatan berkaitan, bagi membantu pemindahan teknologi serta menyumbang tenaga pengurusan dan kemahiran teknikal dalam industri tempatan. Sejumlah 1,520 pegawai ekspatriat yang diluluskan adalah merupakan 276 jawatan penting yang boleh dipegang

**Jadual 4.2:**  
**Projek-Projek Perkilangan Yang Diluluskan Mengikut Industri**

Industri	2004				2003			
	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Tempatan (RM juta)	Bilangan Pekerjaan	Jumlah Pelaburan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Tempatan (RM juta)	Bilangan Pekerjaan
Jumlah	<b>28,741.8</b>	<b>13,112.3</b>	<b>15,629.5</b>	<b>1,101</b>	<b>88,618</b>	<b>29,144.7</b>	<b>15,640.4</b>	<b>965</b>
Barangan E&E Kertas, Percetakan & Penerbitan	8,605.7	6,804.9	1,800.8	194	24,508	4,977.6	3,629.9	1,347.7
Kimia & Barang Kimia	4,723.1	1,361.8	3,361.4	36	3,063	254.0	102.5	23
Barangan Logam Asas	3,009.5	556.3	2,453.2	68	3,093	955.4	357.1	44
Barangan Petroleum (Termasuk Petrokimia)	1,928.0	264.7	1,663.3	32	2,632	8,711.1	4,226.6	4,484.5
Kelengkapan Pengangkutan	1,902.5	812.3	1,090.1	16	387	444.2	436.9	7.2
Barangan Logam Dibentuk	1,323.7	245.6	1,078.1	108	6,669	6,979.2	3,989.3	2,989.9
Pengilangan Makanan	1,192.7	736.3	456.4	140	8,568	1,294.5	597.6	696.9
Kayu & Barang Kayu	1,116.1	384.8	731.4	74	3,465	1,077.3	439.0	638.3
Tekstil & Barangan Tekstil	897.5	236.1	661.4	44	6,439	1,084.8	334.7	750.0
Barangan Galian Bukan Logam	821.6	367.6	454.0	36	5,865	292.7	77.8	214.9
Barangan Plastik	774.9	380.7	394.2	42	3,187	453.5	326.2	127.3
Pengilangan Jentera	679.4	272.4	406.9	87	5,096	877.1	527.8	349.2
Barangan Getah Minuman & Tembakau	406.3	116.1	290.1	80	2,852	638.8	172.4	466.5
Perabot & Kelengkapan	385.2	109.8	275.4	29	3,306	211.2	106.4	104.8
Alat-Alat Sains & Pengukuran	377.6	282.6	95.0	10	809	16.0	0.1	15.9
Kulit & Barang Kulit	344.8	103.5	241.3	56	6,179	312.5	39.3	273.2
	83.3	49.5	33.8	16	751	462.5	216.6	245.9
	24.0	5.4	18.5	5	156	5.5	-	-
								2
								80

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

**Carta 4.2:**  
**Projek-Projek Diluluskan Mengikut Pelaburan Tempatan**



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

secara kekal. Manakala sebanyak 1,244 adalah bagi jawatan yang diberikan mengikut tempoh tiga hingga lima tahun yang mana dalam tempoh tersebut rakyat Malaysia akan dilatih untuk mengambil alih jawatan tersebut selepas tamat tempoh.

## SUMBER PELABURAN

### Pelaburan Tempatan

Tahap pelaburan tempatan yang diluluskan dalam tahun 2004 adalah yang tertinggi sejak tahun 1997. Projek-projek yang diluluskan dalam tahun 2004 melibatkan pelaburan tempatan berjumlah RM15.6 bilion atau 54.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Sebahagian besar pelaburan dengan jumlah RM9.5 bilion merupakan projek-projek baru manakala RM6.1 bilion adalah projek pembesaran/pelbagai.

Tahap pelaburan tempatan yang lebih tinggi didorong oleh ekonomi Malaysia yang bertambah kukuh, persekitaran luaran yang lebih menarik, galakan bagi syarikat milik rakyat Malaysia melabur semula dalam sektor perkilangan terpilih dan liberalisasi ekuiti di sektor perkilangan.

Daripada 1,101 projek yang diluluskan, sebanyak 699 projek atau 63.5 peratus adalah milik rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM16.5 bilion (2003:RM10.9 bilion). Kebanyakkannya merupakan projek

baru (449) manakala 250 adalah projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan dalam projek baru berjumlah RM10.7 bilion (64.8 peratus) dan pelaburan bagi projek pembesaran/pelbagai berjumlah RM5.8 bilion.

Pelaburan oleh syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia dalam projek baru tertumpu kepada industri kertas, percetakan dan penerbitan (RM4.4 bilion), barang logam asas (RM1.4 bilion) dan kimia dan barang kimia (RM1.3 bilion). Industri lain yang mencapai tahap pelaburan yang tinggi termasuk kelengkapan pengangkutan (RM492.3 juta), tekstil dan barang tekstil (RM478.8 juta), E&E (RM465.7 juta) dan barang plastik (RM354.2 juta).

Sejumlah besar projek baru yang diceburi oleh syarikat milik rakyat Malaysia (323 projek atau 71.9 peratus) adalah bagi kategori bersaiz kecil dan sederhana dengan pelaburan kurang daripada RM10 juta. Projek tersebut kebanyakannya melibatkan pembuatan barang logam dibentuk (51 projek), kelengkapan pengangkutan (35), pengilangan jentera (34), E&E (33), pengilangan makanan (26), barang plastik (24), kimia dan barang kimia (22) dan perabot dan kelengkapan (22). Ini termasuk sejumlah projek bagi mengeluarkan barang bernilai ditambah tinggi seperti peralatan perubatan, alat ganti dan komponen bagi industri

**Jadual 4.3:**  
**Projek-Projek Perkilandangan Yang Diluluskan Dengan Penyertaan Majoriti Rakyat Malaysia**

Industri	2004					2003				
	Bilangan	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Bilangan	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Pembesaran/Pelbagaiian	Bilangan	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Jumlah	Baru	Pembesaran/Pelbagaiian
<b>Jumlah</b>	<b>699</b>	<b>16,501.5</b>	<b>449</b>	<b>10,662.4</b>	<b>250</b>	<b>5,839.1</b>	<b>553</b>	<b>10,944.5</b>	<b>361</b>	<b>8,276.6</b>
Kertas, Percetakan & Penerbitan	28	4,623.1	19	4,398.4	9	224.6	13	160.4	12	126.8
Kimia & Barang Kimia	50	2,628.3	32	1,333.9	18	1,294.3	27	826.0	18	446.4
Barangan E&E	73	1,795.3	45	465.7	28	1,329.6	67	1,965.4	33	1,663.0
Barangan Logam Asas	26	1,666.0	17	1,439.9	9	226.2	26	741.2	15	169.2
Kelengkapan Pengangkutan	87	1,019.5	52	492.3	35	527.2	59	3,046.4	38	2,728.0
Pengilangan Makanan	56	718.3	36	314.1	20	404.2	53	685.3	40	601.6
Barangan Petroleum (Termasuk Petrokimia)	10	691.4	4	6.9	6	684.5	6	7.1	2	3.8
Tekstil & Barang Kayu	27	566.6	15	478.7	12	87.8	26	207.9	18	154.1
Pengilangan Jentera	29	555.7	14	93.3	15	464.4	30	845.5	17	625.0
Barangan Plastik	58	303.1	43	263.6	15	39.6	54	495.7	38	237.4
Barangan Logam Dibentuk	48	416.9	34	354.2	14	62.8	39	351.6	25	242.6
Barangan Galian Bukan Logam	82	416.3	58	342.8	24	73.5	59	733.5	37	485.3
Perabot & Kelengkapan	26	349.6	14	235.1	12	114.5	16	132.8	14	124.9
Barangan Getah	42	254.8	25	145.9	17	108.9	42	276.3	29	173.7
Minuman & Tembakau	19	214.4	9	35.9	10	178.5	13	120.3	10	110.7
Alat-Alat Sains & Pengukuran	4	100.9	4	100.9	-	-	4	16.0	1	12.7
Kulit & Barang Kulit	8	35.0	7	33.0	1	2.0	11	297.4	8	281.7
	3	18.5	1	4.0	2	14.5	-	-	-	-

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

automotif dan aeroangkasa serta alat ganti dan komponen khusus bagi industri jentera.

Projek pembesaran/pelbaian yang melibatkan syarikat milik rakyat Malaysia terutamanya dalam industri E&E (RM1.3 bilion), kimia dan barang kimia (RM1.3 bilion), barang petroleum termasuk petrokimia (RM684.5 juta), kelengkapan pengangkutan (RM527.2 juta), kayu dan barang kayu (RM464.4 juta) serta pengilangan makanan (RM404.2 juta).

Syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia juga terlibat dalam beberapa projek yang berintensif modal dengan pelaburan berjumlah RM100 juta atau lebih. Sebanyak 21 projek diluluskan dalam kategori ini dengan jumlah pelaburan RM9.9 bilion yang mana kebanyakannya dalam industri kertas, percetakan dan penerbitan (RM4.3 bilion), kimia dan barang kimia (RM2 bilion), barang logam asas (RM1.3 bilion) dan E&E (RM1 bilion).

### **Pelaburan Asing**

Malaysia terus menjadi destinasi yang menarik bagi pelaburan langsung asing walaupun terdapat pertambahan persaingan di peringkat global. Sejumlah 583 projek telah diluluskan dalam tahun 2004 dengan jumlah pelaburan asing sebanyak RM13.1 bilion atau 45.6


peratus daripada jumlah yang diluluskan berbanding dengan 587 projek dengan pelaburan asing berjumlah RM15.5 bilion yang diluluskan pada tahun 2003.

Pelaburan langsung asing bertambah meningkat dalam tahun 2004 berbanding 2003 terutamanya industri E&E (RM6.8 bilion berbanding RM3.6 bilion pada tahun 2003) dan kertas, percetakan dan penerbitan (RM1.4 bilion berbanding dengan RM102.5 juta pada tahun 2003). Industri lain yang juga mencatatkan peningkatan adalah bagi barang petroleum termasuk petrokimia (RM812.4 juta berbanding dengan RM436.9 juta), barang logam dibentuk (RM736.3 juta berbanding dengan RM597.6 juta) serta kimia dan barang kimia (RM556.3 juta berbanding dengan RM357.1 juta).

Sejumlah 29 projek berintensif modal telah diluluskan dalam tahun 2004 dengan pelaburan asing setiap projek di antara RM100 juta atau lebih. Projek-projek ini melibatkan jumlah pelaburan bernilai RM9.2 bilion. Projek-projek berintensif modal ini diluluskan dalam berbagai bidang industri termasuk E&E (sembilan projek/RM5.5 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (satu projek/ RM1.3 bilion) dan barang petroleum termasuk petrokimia (tiga projek/RM752.7 juta).

**Carta 4.3:**

### **Projek-Projek Diluluskan Dengan Penyertaan Asing Mengikut Industri Utama**



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Nota: Angka dalam kurungan adalah bilangan projek diluluskan

**Jadual 4.4:**  
**Projek-Projek Yang Diluluskan Dengan Penyertaan Asing**

Negara	2004		2003	
	Pelaburan Asing (RM juta)	Bilangan	Pelaburan Asing (RM juta)	Bilangan
Jerman	4,723.7	14	170.4	19
Singapura	1,512.9	162	1,224.9	156
Amerika Syarikat	1,058.8	27	2,181.7	31
Jepun	1,010.6	85	1,295.8	123
Taiwan	445.8	79	622.0	57
ROK	290.3	24	446.9	17
India	291.7	7	47.0	8
PRC (termasuk Hong Kong SAR)	236.9	28	349.9	29
Kanada	216.3	7	3.0	2
Filipina	215.4	1	33.8	2
Denmark	180.0	1	8.8	5
Perancis	137.4	10	43.5	8
UK	132.3	10	3,870.4	13
Switzerland	121.1	3	13.5	4
British Virgin Islands	112.9	5	33.4	1
Australia	109.1	12	105.1	20
Belanda	99.2	9	316.2	15
Indonesia	86.7	2	48.5	3
Kepulauan Cayman	57.3	3	1.8	1
New Zealand	53.4	3	-	-
Thailand	36.9	3	263.6	4
Itali	30.9	4	10.5	3
Finland	30.0	1	0.2	1
Sweden	28.7	4	33.5	1
Armenia	21.0	1	-	-
Sepanyol	9.7	1	-	-
Iran	4.4	2	1.9	1
Tunisia	1.2	1	-	-
Pakistan	0.9	3	-	-

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia


Di samping projek-projek besar, terdapat juga pelaburan asing di dalam projek-projek baru bersaiz kecil dan sederhana dengan pelaburan setiap projek kurang RM10 juta. Sejumlah 151 projek kategori ini telah diluluskan dalam tahun 2004 melibatkan pelaburan berjumlah RM489.8 juta.

Dalam tahun 2004, pelaburan asing dalam projek baru berjumlah RM9.1 bilion berbanding RM11.2 bilion pada tahun 2003. Pelaburan asing dalam projek baru terutamanya dalam E&E (RM5.1 bilion), kertas, percetakan dan penerbitan (RM1.3 bilion), barang petroleum termasuk

petrokimia (RM455.9 juta) dan barang logam dibentuk (RM376.7 juta).

Dalam tahun 2004, pelabur-pelabur asing sedia ada kekal positif dan meneruskan aktiviti-aktiviti pembesaran/pelbagai. Pelaburan semula oleh pelabur asing berjumlah RM4 bilion (2003:RM4.4 bilion) atau 40 peratus daripada jumlah pelaburan semula sebanyak RM10.1 bilion. Seperti di tahun-tahun sebelumnya, pelaburan asing tertumpu kepada E&E (RM1.7 bilion), kimia dan barang kimia (RM420.3 juta), barang logam dibentuk (RM359.6 juta) serta barang petroleum termasuk petrokimia (RM356.4 juta).

**Carta 4.4:**  
**Pelaburan Asing Dalam Projek Diluluskan Mengikut Negara**



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

### **Sumber Utama Pelaburan Asing**

Lima sumber pelaburan asing yang utama adalah Jerman (RM4.7 bilion), Singapura (RM1.5 bilion), Amerika Syarikat (RM1.1 bilion), Jepun (RM1 bilion) dan Taiwan (RM445.8 juta). Sumbangan kelima-lima negara ini dianggarkan 67 peratus daripada jumlah pelaburan asing dalam projek-projek yang diluluskan. Berasaskan wilayah, Eropah merupakan sumber pelaburan asing yang terbesar dengan RM5.5 bilion dan diikuti oleh rantau Asia (RM4.1 bilion) serta Amerika Utara (RM1.3 bilion).

#### **Jerman**

Jerman muncul sebagai sumber pelaburan asing terbesar dalam tahun 2004 dengan pelaburan berjumlah RM4.7 bilion ke atas 14 projek berbanding dengan RM170.3 juta ke atas 19 projek pada tahun 2003. Pelaburan ini terutamanya tertumpu dalam projek-projek baru (tujuh projek bernilai RM4.5 bilion). Manakala pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaiian berjumlah RM259.7 juta melibatkan tujuh projek.

Pelaburan Jerman dalam projek-projek baru tertumpu dalam E&E (tiga projek bernilai RM4.3 bilion) dan barang petroleum termasuk petrokimia (satu projek bernilai RM103.3 juta). Di antara projek-projek baru utama yang diluluskan dalam E&E adalah projek pembentukan kepingan wafer (RM4.3 bilion) bagi litar bersepudu logik kuasa. Projek ini merupakan projek pembentukan kepingan

wafer logik kuasa yang pertama akan dilaksanakan oleh syarikat multinasional milik asing di Malaysia. Satu lagi projek baru dengan pelaburan dari Jerman berjumlah RM103.3 juta bagi mengeluarkan resin *polybutylene terephthalate* dan plastik kejuruteraan terutamanya untuk kegunaan industri E&E dan automotif.

Pelaburan dari Jerman dalam projek pembesaran/pelbagaiian tertumpu dalam E&E (empat projek bernilai RM165.4 juta), barang logam asas (satu projek bernilai RM42 juta) serta kimia dan barang kimia (satu projek bernilai RM39 juta). Ini termasuk sebuah projek pembesaran bagi mengeluarkan wayar tembaga bersadur melibatkan pelaburan bernilai RM159 juta. Seterusnya, syarikat ini menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran wayar ultra halus.

#### **Singapura**

Singapura merupakan sumber pelaburan asing yang kedua penting dalam tahun 2004 dengan jumlah bilangan projek yang paling banyak diluluskan. Sejumlah 162 projek-projek Singapura telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM1.5 bilion. Pada tahun 2003, pelaburan Singapura melibatkan 156 projek berjumlah RM1.2 bilion. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam tahun 2004, sejumlah RM569.9 juta merupakan 76 projek baru, manakala RM943.1 juta adalah bagi 86 projek pembesaran/ pelbagaiian.

Pelaburan dari Singapura dalam projek-projek baru kebanyakannya dalam barang logam dibentuk (RM209.8 juta), pengilang makanan (RM84.4 juta), barang plastik (RM79.3 juta), E&E (RM46.5 juta), kertas, percetakan dan penerbitan (RM27.7 juta), barang galian bukan logam (RM21.9 juta) dan kelengkapan pengangkutan (RM20.4 juta).

Pelaburan dari Singapura dalam projek pembesaran/pelbagaiian tertumpu kepada E&E (RM614.3 juta), barang logam dibentuk (RM180.2 juta), barang plastik (RM62.6 juta), kertas, percetakan dan penerbitan (RM30 juta) serta kimia dan barang kimia (RM24.4 juta). Di antara projek utama bagi projek pembesaran/pelbagaiian ialah sebuah projek dengan pelaburan sebanyak RM222.8 juta oleh sebuah syarikat milik penuh rakyat Singapura bagi pengeluaran peralatan unit kawalan jauh, penyambung rangkaian, mekanisma cakera padat, pembaca kad pintar dan pemain MP3. Sebuah lagi projek pembesaran/pelbagaiian yang telah diluluskan ialah bagi mengeluarkan acuan, kelengkapan dan pencetak dengan pelaburan berjumlah RM117 juta.

Pelaburan dari Singapura dalam projek bersaiz kecil dan sederhana turut terus dalam pelaburan yang kurang RM10 juta. Jumlah industri kategori ini ialah sebanyak 113 projek atau 70 peratus daripada 162 jumlah projek yang diluluskan melibatkan pelaburan berjumlah RM301.7 juta.

Lebih separuh daripada bilangan projek Singapura yang diluluskan terdapat di negeri Johor (98 projek). Projek-projek ini melibatkan pelaburan berjumlah RM1 bilion atau 67 peratus daripada jumlah keseluruhan sumber pelaburan dari Singapura dalam tahun 2004.

## Amerika Syarikat

Amerika Syarikat terus kekal sebagai sumber utama pelaburan dalam tahun 2004 dengan 27 projek dan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion berbanding 31 projek bernilai RM2.2 bilion pada tahun 2003. Pelaburan yang tinggi pada tahun 2003 disumbangkan oleh sebuah projek pembesaran bagi pengeluaran pemacu cakera keras dengan jumlah pelaburan sebanyak

RM1.3 bilion. Dalam tahun 2004 pelaburan Amerika Syarikat dalam projek baru berjumlah RM349.4 juta (lapan projek) manakala pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaiian berjumlah RM709.5 juta (19 projek).

Pelaburan dari Amerika Syarikat bagi projek baru terutamanya dalam E&E (RM292.2 juta/dua projek), peralatan saintifik dan pengukuran (RM28.1 juta/dua projek) serta kimia dan barang kimia (RM11.9 juta/satu projek). Sebuah projek terbesar E&E dengan pelaburan berjumlah RM282.8 juta oleh satu pengedar komponen elektronik terbesar di dunia, melibatkan pemprograman alatan semikonduktor, pembuatan tambahan serta sokongan teknikal kepada pengilang-pengilang semikonduktor serta pengurusan rantaian pembekalan.

Pelaburan Amerika Syarikat dalam projek pembesaran/pelbagaiian tertumpu kepada E&E (sembilan projek bernilai RM323.7 juta) dan barang petroleum termasuk petrokimia (satu projek bernilai RM298.1 juta). Ini termasuk sebuah projek pembesaran/pelbagaiian dengan pelaburan berjumlah RM160.8 juta bagi pengeluaran komputer, perkakasan komputer, pemasangan papan litar bercetak, peralatan rangkaian dan perkakasan perubatan. Dalam industri petroleum termasuk petrokimia, sebuah projek pembesaran bagi pengeluaran *ethylene*, *propylene*, *pyrolysis gasoline*, *fuel oil*, *toluene* dan *xylene* serta pengeluaran produk baru iaitu *butadiene* melibatkan pelaburan berjumlah RM298.1 juta.

## Jepun

Jepun merupakan salah satu sumber penting pelaburan asing dalam tahun 2004 dengan jumlah RM1 bilion melibatkan 85 projek. Pelaburan dalam projek baru berjumlah RM427.8 juta (15 projek) manakala pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaiian berjumlah RM582.8 juta (70 projek).

Pelaburan dari Jepun bagi projek baru tertumpu kepada E&E (RM252.6 juta) dan barang petroleum termasuk petrokimia

(RM103.3 juta). Di antara pelaburan projek baru tersebut ialah satu pelaburan yang berjumlah RM246 juta bagi pengeluaran penyalut (mask blanks) untuk panel penayang cecair kristal (thin film transistor liquid crystal display - TFTLCD) yang mana akan menjadikan Malaysia sebagai pusat pembangunan dan pengeluaran penyalut panel TFTLCD.

Pada tahun 2004, pelaburan dari Jepun dalam projek pembesaran/pelbagaiannya terutamanya dalam E&E (RM239.8 juta), peralatan pengangkutan (RM94.1 juta), barang logam dibentuk (RM59.2 juta) dan barang galian bukan logam (RM53 juta). Diantara projek pembesaran tersebut adalah sebuah projek yang bernilai RM91.7 juta bagi reka bentuk dan pengeluaran telefon mudah alih generasi ketiga (3G) untuk pasaran eksport.


### Taiwan

Taiwan kekal sebagai sumber penting pelaburan asing dengan 79 projek telah diluluskan dan pelaburan berjumlah RM445.8 juta. Daripada jumlah pelaburan tersebut, sebanyak RM194.5 juta adalah bagi 31 projek baru manakala RM251.3 juta bagi 48 projek pembesaran/pelbagaiannya.

Pelaburan dari Taiwan dalam projek baru tertumpu terutamanya dalam E&E (RM42.1 juta), barang getah (RM40 juta), barang logam dibentuk (RM25.2 juta) serta perabot dan kelengkapan (RM21 juta). Ini termasuk sebuah projek bernilai RM17.4 juta bagi pengeluaran lensa persisan bagi kegunaan perindustrian dan elektronik serta satu projek bernilai RM34.9 juta bagi kitaran semula kepingan getah kepada minyak guna semula dan serbuk karbon hitam.

Pelaburan dari Taiwan dalam projek pembesaran/pelbagaiannya tertumpu kepada E&E (RM81.2 juta), kimia dan barang kimia (RM63.3 juta), perabot dan kelengkapan (RM48.9 juta), barang petroleum termasuk petrokimia (RM15 juta) dan barang logam dibentuk (RM11.8 juta). Sebuah projek pembesaran/pelbagaiannya utama yang diluluskan dalam industri kimia dan barang kimia adalah bagi pengeluaran *fatty alcohol*, *fatty acids* dan *glycerine* dengan pelaburan berjumlah RM57.3 juta. Pelaburan Taiwan dalam industri E&E terutamanya dalam subsektor elektronik pengguna dan komponen elektronik seperti pengeluaran set televisyen, projektor penayang plasma, peralatan penayangan video digital, alat penerima gelombang televisyen LCD, sistem pembesar suara dan peralatan rangkaian multimedia.

### *Carta 4.5:* **Projek Diluluskan Mengikut Negeri**



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

**Jadual 4.5:**  
**Projek-Projek Perkilandangan Yang Diluluskan Mengikut Negeri**

Negeri	2004				2003				
	Jumlah	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Baru	Pembesaran/Pelbagaian	Jumlah	Bilangan	Jumlah Modal Pelaburan (RM juta)	Baru	Pembesaran/Pelbagaian
<b>Jumlah</b>	<b>1,101</b>	<b>28,741.8</b>	<b>603</b>	<b>18,640.4</b>	<b>498</b>	<b>10,101.4</b>	<b>965</b>	<b>29,144.6</b>	<b>514</b>
Selangor	336	6,035.9	212	3,850.4	124	2,185.5	306	5,059.4	198
Sarawak	45	5,900.7	19	5,061.5	26	839.2	32	8,568.4	12
Kedah	65	5,241.8	31	4,895.9	34	345.9	49	879.4	25
Johor	255	3,969.9	120	1,314.2	135	2,655.7	219	1,956.8	109
Pulau Pinang	144	2,030.1	70	879.7	74	1,150.4	137	1,922.9	49
Perak	54	1,316.0	31	736.6	23	579.4	65	2,825.7	33
Melaka	56	1,197.4	33	363.8	23	833.6	37	4,057.7	15
Negeri Sembilan	44	1,054.3	21	466.7	23	587.6	46	1,844.1	22
Pahang	18	994.7	7	469.1	11	525.6	17	922.7	8
Sabah	40	338.5	32	203.2	8	135.3	20	153.5	15
W.P. - Kuala Lumpur	26	164.4	16	48.2	10	116.3	20	386.4	14
Terengganu	5	138.4	2	25.2	3	113.2	7	484.8	6
Kelantan	9	106.6	6	73.5	3	33.1	7	52.2	7
Perlis	1	0.5	-	-	1	0.5	3	30.6	1
									0.2
									2
									30.4

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

## **LOKASI PROJEK YANG DILULUSKAN**

Pada tahun 2004, sejumlah besar projek-projek yang diluluskan berlokasi di negeri Selangor (336), Johor (255), Pulau Pinang (144), Kedah (65), Melaka (56), Perak (54) dan Sarawak (45). Kesemua negeri tersebut mewakili 955 projek atau 86.7 peratus daripada jumlah keseluruhan projek diluluskan.

Dari segi nilai pelaburan, negeri Selangor mencatatkan jumlah pelaburan yang tertinggi (RM6 bilion), diikuti oleh Sarawak (RM5.9 bilion), Kedah (RM5.2 bilion), Johor (RM4 bilion), Pulau Pinang (RM2 bilion), Perak (RM1.3 bilion), Melaka (RM1.2 bilion) dan Negeri Sembilan (RM1.1 bilion).

Insetif yang menarik telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang menempatkan projek di kawasan yang digalakkan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 2004, sejumlah 117 projek dengan pelaburan sebanyak RM7.5 bilion telah diluluskan untuk industri bagi kawasan digalakkan tersebut. Daripada jumlah ini, sebanyak 73 peratus diluluskan di Sarawak (45 projek/RM5.9 bilion) dan Sabah (40 projek/RM338.5 juta). Daripada 32 projek yang diluluskan untuk Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, sebanyak 18 projek (RM994.7 juta) akan beroperasi di Pahang, sembilan projek di Kelantan (RM106.6 juta) dan lima projek di Terengganu (RM138.4 juta).

### **Jadual 4.6: Projek-Projek Diluluskan Dengan Insentif**

Jenis-Jenis Insentif	Bilangan	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Pelaburan Tempatan (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)
<b>Jumlah</b>	<b>403</b>	<b>18,969.3</b>	<b>11,311.8</b>	<b>7,657.5</b>
Umum	257	5,533.0	4,274.1	1,258.9
Perkilangan Kecil-Kecilan	65	138.1	130.9	7.2
Teknologi Tinggi	30	467.8	270.4	197.4
Strategik	3	776.1	747.1	29.0
Insentif Khas Bagi Industri Terpilih	26	254.3	189.3	65.0
Insentif Istimewa	22	11,800.0	5,700.0	6,100.0

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

## **GALAKAN YANG DIBERIKAN**

### **Insentif Cukai Bagi Projek Perkilangan**

Kerajaan terus menyediakan insentif untuk pelbagai keluaran/aktiviti yang digalakkan dalam sektor yang digalakkan. Dalam tahun 2004, sejumlah 403 projek diberikan insentif dengan pelaburan berjumlah RM18.9 bilion.

### **Insentif Umum**

Dalam tahun 2004, sejumlah 257 projek bernilai RM5.5 bilion diluluskan bertaraf perintis atau mendapat faedah dari Elaun Cukai Pelaburan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 209 projek (RM4 bilion) diluluskan dengan Taraf Perintis manakala 46 projek (RM1.5 bilion) diberikan Elaun Cukai Pelaburan.

Pelaburan tempatan dalam 257 projek tersebut bernilai RM4.3 bilion manakala pelaburan asing berjumlah sebanyak RM1.3 bilion. Pelaburan dibuat dalam pelbagai industri antaranya barang logam asas (RM1.3 bilion), kimia dan barang kimia (RM828.6 juta), pengilangan makanan (RM479.2 juta), kayu dan barang kayu (RM458.3 juta) serta barang petroleum termasuk petrokimia (RM429.4 juta).

### **Insentif bagi Projek Perkilangan Berskala Kecil**

Kerajaan terus menyediakan insentif bagi menggalakkan lagi pembangunan projek perkilangan berskala kecil. Dalam tahun 2004,

insentif ini telah diluluskan ke atas 65 projek dengan pelaburan berjumlah RM138 juta.

Projek yang diluluskan terutamanya bagi keluaran logam dibentuk (18 projek bernilai RM34.3 juta), pengilangan makanan (10 projek bernilai RM24.8 juta), perabot dan kelengkapan (enam projek bernilai RM17.5 juta) serta kayu dan barang kayu (lima projek bernilai RM16.3 juta).

### **Insentif Bagi Projek Berteknologi Tinggi**

Syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti atau pengeluaran produk yang digalakkan di bidang teknologi baru dan teknologi yang baru muncul, layak mendapatkan insentif bagi projek berteknologi tinggi. Dalam tahun 2004, sebanyak 30 projek berteknologi tinggi dengan pelaburan sebanyak RM467.8 juta telah diluluskan insentif ini yang mana 17 daripadanya adalah projek milik rakyat Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM278.9 juta. Daripada 30 projek ini pelaburan tempatan adalah berjumlah RM270.4 juta manakala pelaburan asing bernilai RM197.4 juta.

Insentif bagi projek berteknologi tinggi yang diluluskan dalam pelbagai jenis industri termasuk E&E (16 projek bernilai RM339 juta), kimia dan barang kimia (tujuh projek bernilai RM84.3 juta), peralatan pengukuran dan saintifik (dua projek bernilai RM13.6 juta) dan pembuatan jentera (dua projek bernilai RM12.5 juta).

### **Insentif Bagi Projek Strategik**

Projek strategik merupakan projek yang membabitkan kepentingan negara. Pada umumnya projek tersebut melibatkan pelaburan modal yang besar, tahap teknologi yang tinggi, penjanaan rantaian yang meluas dan memberi kesan yang signifikan ke atas ekonomi negara.

Tiga projek milik rakyat Malaysia telah diluluskan insentif ini melibatkan pelaburan berjumlah RM776 juta dalam tahun 2004. Projek-projek yang diluluskan adalah masing-

masing dalam industri barang petroleum termasuk petrokimia (RM536 juta), kelengkapan pengangkutan (RM140 juta) serta kimia dan barang kimia (RM100 juta).

### **Insentif Khas Bagi Industri Terpilih**

Kerajaan telah menambahbaikkan insentif bagi industri terpilih terutamanya bagi pengeluaran peralatan dan jentera khusus serta reka bentuk, R&D dan sistem atau modul komponen automotif serta penggunaan biomas bagi pengeluaran produk bernilai tambah.

Dalam tahun 2004, sejumlah 26 projek diluluskan insentif ini melibatkan pelaburan berjumlah RM254.3 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak 21 projek diluluskan bagi pengeluaran peralatan dan jentera khusus dengan pelaburan bernilai RM121 juta, empat projek bagi reka bentuk, R&D modul komponen automotif (RM120.3 juta) dan sebuah projek yang menggunakan biomas bagi pengeluaran produk bernilai tambah (RM13.4 juta). Daripada 26 projek, pelaburan tempatan bernilai RM189.3 juta manakala pelaburan asing berjumlah RM65 juta.

### **Insentif Pra-Pakej**

Insentif pra-pakej berasaskan cukai dan bukan cukai disediakan mengikut kesesuaian projek-projek terpilih. Projek yang dipertimbangkan untuk galakan ini adalah projek yang berintensif teknologi, modal, berteraskan pengetahuan dan kemahiran, berupaya secara signifikan menjana rantaian serta menyumbang kepada pembangunan perkhidmatan sokongan perkilangan seperti R&D, perolehan, pemasaran dan pengedaran.

Dalam tahun 2004, sejumlah 22 projek perkilangan diluluskan bagi insentif ini dengan jumlah pelaburan sebanyak RM11.8 bilion. Daripada jumlah ini, pelaburan asing bernilai RM6.1 bilion dan pelaburan tempatan bernilai RM5.7 bilion.

Daripada 22 projek tersebut, sebanyak 11 projek diluluskan dalam industri E&E dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.3 bilion, diikuti barang petroleum termasuk


petrokimia (RM1.1 bilion), kimia dan barang kimia (RM638.8 juta), kayu dan barang kayu (RM368 juta), barang logam asas (RM178 juta), barang galian bukan logam (RM103.1 juta), bioteknologi (RM110.1 juta) dan pengilangan jentera (RM48 juta).

### **Pelaksanaan Projek Perkilangan Yang Diluluskan**

Unit Penyelarasan Pelaksanaan Projek (PICU) di MIDA sedia terus membantu syarikat-syarikat perkilangan dalam melaksanakan projek-projek yang diluluskan. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2003, Kerajaan telah mengumumkan langkah membimbing dan selaras dengan ini MIDA telah melantik Pegawai Projek Khas bagi membantu pelabur mendapatkan kelulusan yang diperlukan sehingga projek beroperasi. Objektif langkah ini adalah untuk meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan dan kadar perlaksanaan yang lebih tinggi bagi projek yang diluluskan di sektor perkilangan.

Seramai 22 Pegawai Projek Khas termasuk 10 pegawai wilayah telah dilantik bagi membantu pelaksanaan langkah ini. Pegawai-pegawai tersebut ditempatkan di setiap negeri untuk membantu pelabur dalam melaksanakan projek mereka.

**Carta 4.6:**  
**Status Pelaksanaan Projek Diluluskan, 2000-2004**



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Bagi tempoh 2000 - 2004, sejumlah 4,591 projek telah diluluskan yang mana 3,257 projek (71 peratus) telah beroperasi. Daripada jumlah projek yang beroperasi tersebut, sebanyak 784 projek telah memulakan pengeluaran dalam tahun 2004 manakala selebihnya masih di pelbagai peringkat perlaksanaan.

Berdasarkan projek yang telah dilaksanakan, sebanyak 943 projek terletak di negeri Selangor, diikuti Johor (747), Pulau Pinang (513), Kedah (217), Perak (197) dan Melaka (149). Kesemua negeri tersebut merupakan 84.9 peratus daripada jumlah projek yang telah dilaksanakan.

### **PELABURAN DI SEKTOR PERKHIDMATAN TERPILIH**

#### **Sektor Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan**

Sektor perkhidmatan berkaitan perkilangan merangkumi penubuhan pusat serantau seperti Ibu Pejabat Operasi (OHQ), Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC), Pusat Pengedaran Serantau (RDC), Pejabat Serantau (RO) dan Pejabat Perwakilan (RE) serta perkhidmatan sokongan lain seperti perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, kemudahan-kemudahan utiliti pusat bersepadu, kemudahan bilik sejuk bagi keluaran makanan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta tenaga yang boleh diperbarui.

#### **Penubuhan Pusat Serantau**

Arah aliran global bagi perkhidmatan dari luar, pembangunan infrastruktur negara, kos menjalankan perniagaan yang rendah serta gunatenaga yang berpendidikan dan mahir dalam pelbagai bahasa terus memberikan peluang kepada negara untuk menjadi pusat bagi aktiviti-aktiviti sokongan perniagaan di rantau ini.

Kewujudan penubuhan pusat serantau telah menyumbang pertumbuhan perkhidmatan bernilai ditambah dan aktiviti-aktiviti rantaian pembekalan bagi sektor perkilangan. Penubuhan pusat serantau ini juga

**Jadual 4.7:**  
**Penubuhan Pusat Serantau Yang Diluluskan**

Penubuhan Pusat Serantau	Bilangan	Peluang Pekerjaan (Rakyat Malaysia)	Anggaran Perbelanjaan Perniagaan (RM juta)
<b>Jumlah</b>	<b>233</b>	<b>1,954</b>	<b>403.1</b>
Ibu Pejabat Operasi (OHQ)	16	882	172.5
Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)	21	498	114.2
Pusat Pengedaran Serantau (RDC)	3	33	38.5
Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RES)	193	541	77.9

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

turut memberi kesan positif kepada pertumbuhan industri logistik yang mana keperluan-keperluan tersebut pada kebiasaannya diperolehi daripada syarikat-syarikat perkhidmatan tempatan. Selanjutnya, perkhidmatan ini akan menghasilkan kesan kitaran yang positif terhadap ekonomi melalui peningkatan penggunaan infrastruktur, utiliti dan kemudahan-kemudahan tempatan lain yang berkaitan. Penubuhan pusat serantau ini turut mengukuhkan antara dan intra rangkaian melalui perolehan bahan mentah, peralatan dan komponen serta perkhidmatan dari sumber tempatan.

Dalam tahun 2004, kelulusan telah diberikan kepada 233 penubuhan pusat operasi antarabangsa dan serantau dengan jumlah perbelanjaan perniagaan tahunan dianggarkan bernilai RM403.1 juta dan menghasilkan pekerjaan untuk 1,954 pekerja rakyat Malaysia. Kelulusan ini merangkumi 16 OHQ, 21 IPC, 3 RDC, 36 RO dan 157 RE.

### **Perkhidmatan Sokongan**

Penggalakan perkhidmatan sokongan yang berkaitan dengan sektor perkilangan telah diberi lebih penekanan di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2). Perkhidmatan sokongan yang digalakkan termasuk aktiviti R&D, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, kemudahan utiliti pusat bersepadu, sistem pengurusan bahan kimia secara menyeluruh, kemudahan bilik sejuk bagi produk makanan dan penjanaan kuasa

menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Sejumlah 20 projek perkhidmatan sokongan telah diluluskan dengan insentif cukai dan melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM349.1 juta pada tahun 2004. Daripada jumlah ini, sebanyak 12 projek merupakan projek R&D (RM83.9 juta), tujuh projek bagi penjanaan kuasa menggunakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RM156 juta) dan satu projek logistik bersepadu (RM109.2 juta).

### **PERKHIDMATAN ICT**

#### **Syarikat Berstatus MSC**

Dalam tahun 2004, sejumlah 190 syarikat telah diluluskan dengan status MSC diberikan oleh *Multimedia Development Corporation* bagi melaksanakan pelbagai jenis aktiviti ICT yang terdiri daripada pembangunan perisian, pembangunan kandungan, sistem integrasi, rekacipta perkakasan/elektronik serta pendidikan dan latihan. Pelaburan yang diluluskan berjumlah RM1.9 bilion yang mana pelaburan asing bernilai RM435.4 juta (22 peratus) dan pelaburan tempatan bernilai RM1.5 bilion (78 peratus).

#### **Pembangunan Perisian Komputer**

Perisian komputer merangkumi perisian permainan, perisian aplikasi seperti pemprosesan perkataan, grafik, lembaran kerja dan pengkalan data serta penyelesaian menggunakan perisian seperti pengurusan rangkaian, sistem integrasi, perisian perakaunan dan perisian pengurusan.

Dalam tahun 2004, sebanyak dua projek perisian baru telah diluluskan melibatkan pelaburan sebanyak RM2.5 juta yang mana kedua-duanya dimiliki oleh rakyat Malaysia. Pakej perisian yang dicadang untuk dibangunkan adalah rangkaian keselamatan dan aplikasi memproses imej.

## **TINJAUAN**

Malaysia terus berusaha bagi menarik pelaburan dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan berkaitan perkilangan, ini dibuktikan oleh paras kelulusan pelaburan tempatan dan asing yang tinggi dalam tahun 2004. Pelaburan tempatan yang diluluskan pada tahun 2004 mencatatkan rekod yang tertinggi semenjak tahun 1997 menunjukkan pengelibatan yang besar dalam sektor perkilangan terdiri daripada pelabur-pelabur tempatan. Pelaburan asing juga meningkat dalam industri-industri utama khususnya di sektor E&E.

Mengikut UNCTAD, aliran masuk FDI global dijangka meningkat kepada US\$612 bilion dalam tahun 2004 setelah menurun tiga tahun berturut-turut daripada

US\$1.4 trillion pada tahun 2000 kepada US\$560 bilion pada tahun 2003. Aliran masuk FDI ke negara-negara membangun dalam tahun 2004 berjumlah US\$255 bilion atau lebih kurang 41.7 peratus daripada jumlah aliran masuk global. Daripada jumlah ini, sebanyak US\$166 bilion merupakan aliran masuk ke pasaran rantau Asia Pasifik terutamanya PRC. Di masa akan datang, India dijangka menjadi destinasi utama aliran masuk FDI. Dengan ini, Malaysia perlu bersaing untuk mendapatkan faedah daripada aliran FDI ke rantau ini. Bagi memastikan negara terus kekal kompetitif, Kerajaan akan terus berusaha untuk memperbaiki iklim pelaburan.

Usaha akan terus dipergiatkan bagi menarik lebih banyak pelaburan ke sektor perkhidmatan berkaitan perkilangan. Dalam konteks ini, Kerajaan telah menyediakan pakej insentif yang lebih menarik bagi menggalakkan penubuhan pusat serantau dan perkhidmatan sokongan lain seperti perkhidmatan R&D, rekacipta dan perkhidmatan perkongsian. Disamping itu, aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang baru juga akan dikenalpasti untuk digalakkan. 

# Prestasi: Sektor Pembuatan Dan Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan

## TINJAUAN

Sektor pembuatan terus kekal sebagai penyumbang penting kepada ekonomi merangkumi 31.6 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 2004 berbanding dengan 30.8 peratus pada tahun 2003. Pembuatan merupakan sektor yang berkembang pesat dengan nilai tambah berkembang sebanyak 9.8 peratus berbanding 8.3 peratus pada tahun 2003. Perkembangan ini

**Jadual 5.1:**  
**Prestasi Sektor Pembuatan**

Petunjuk	2004	Perubahan (%)	2003
Indeks Pengeluaran (1993 = 100)	254.7	12.6	226.1
Nilai Tambah(%)	9.8	1.5	8.3
Peratusan kepada KDNK Sebenar (%)	31.6	0.8	30.8
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	28.7	-1.4	29.1
Pertumbuhan Produktiviti (%)	17.2	9.1	8.1
Peratusan Jumlah Eksport (%)	78.4	-1.0	79.4
Peratusan kepada Jumlah Guna Tenaga	22.7	1.1	21.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia,MIDA, NPC dan MATRADE

berikutan daripada sokongan permintaan pasaran domestik dan luar.

Peningkatan prestasi di sektor pembuatan ditunjukkan melalui perkembangan dalam output sektor berkenaan yang diukur melalui indeks pengeluaran, nilai jualan dan produktiviti.

Indeks pengeluaran industri adalah disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM),

dan ianya berasaskan kepada 64 industri sebagai sampel daripada sejumlah 137 industri. Nilai jualan sektor pembuatan adalah diperolehi daripada Kajian Bulanan Perkilangan yang dikendalikan oleh DOSM. Kajian ini meliputi 73 industri daripada 137 industri yang mana 11 industri dikaji sepenuhnya. Bagi 62 industri selebihnya hanya syarikat besar sahaja yang diliputi.

Indeks pengeluaran dan nilai jualan sektor pembuatan masing-masing bertambah 12.6 peratus, dan 19.7 peratus dalam tahun 2004, berbanding dengan 10.5 peratus dan 10.9

**Jadual 5.2:**  
**Indeks Pengeluaran Bagi Industri Terpilih**

Sektor Industri	2004	Perubahan	2003 (%)
<b>Keseluruhan Pembuatan</b>	<b>254.7</b>	<b>12.6</b>	<b>226.1</b>
<b>Industri Eksport</b>	<b>268.3</b>	<b>14.4</b>	<b>234.6</b>
Semi Konduktor dan lain lain			
Komponen Elektronik	439.0	25.0	351.3
Kimia dan Produk Kimia	249.9	15.1	217.7
Produk Minyak Sawit	270.4	4.5	258.7
Produk Getah	230.7	13.5	203.2
Produk Elektronik dan Elektrikal	118.3	-12.8	135.7
Produk Kayu dan Berasaskan Kayu	112.2	12.8	99.5
Tekstil dan Pakaian	96.5	-11.7	109.3
<b>Industri Berasaskan Domestik</b>	<b>216.9</b>	<b>7.1</b>	<b>202.4</b>
Produk Fabrikasi Logam	279.9	29.3	216.5
Peralatan dan Pengangkutan	258.4	8.6	237.9
Barangan Logam dan keluli	215.8	2.6	210.3
Produk Kertas	205.6	2.2	201.1
Produk Petroleum	473.3	11.8	423.4
Pengeluaran Makanan	193.9	4.0	186.4
Produk Galian Bukan Metalik	187.5	-4.9	197.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Tahun Asas 1993 = 100

peratus pada tahun 2003. Produktiviti yang diukur melalui nilai jualan setiap pekerja juga merekodkan pertumbuhan dua angka iaitu 17.2 peratus, berbanding dengan 8.1 peratus pada tahun 2003.

### **Pengeluaran**

Indeks Pengeluaran Industri (IPI) bagi sektor pembuatan meningkat 12.6 peratus kepada 254.7 daripada 226.1 pada tahun 2003. Industri berdasarkan eksport berkembang sebanyak 14.4 peratus, manakala industri berdasarkan domestik berkembang sebanyak 7.1 peratus.

Pada tahun 2004, industri berorientasikan eksport iaitu sub-sektor semikonduktor dan lain-lain komponen elektronik mencatatkan pertumbuhan output tertinggi, diikuti oleh sub-sektor produk getah serta kimia dan produk kimia. Bagi industri berorientasikan domestik, produk logam dibentuk mencatatkan pertumbuhan keluaran tertinggi diikuti oleh

sub-sektor produk petroleum serta pengangkutan dan peralatan.

### **Eksport**

Eksport barang pembuatan berjumlah 78.4 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Eksport ini mencatatkan peningkatan sebanyak 19.2 peratus kepada RM376.8 bilion, dalam tahun 2004 berbanding dengan RM316.2 bilion pada tahun 2003, dengan merekodkan pertumbuhan dua angka bagi semua sektor produk.

Produk elektrik dan elektronik (E&E) kekal sebagai penyumbang terbesar pendapatan eksport dengan jumlah terimaan bernilai RM241.5 bilion atau 50.2 peratus daripada jumlah pendapatan eksport Malaysia. Lain-lain produk eksport yang melebihi RM10 bilion adalah kimia dan produk kimia (RM24.9 bilion), mesin, perkakasan dan peralatan (RM15.6 bilion), produk kayu (RM14.1 bilion) dan peralatan saintifik dan optik (RM11.6

**Jadual 5.3:**  
**Prestasi Eksport Barang Pembuatan**

Kumpulan Produk	2004			2003	
	RM bil	Peratusan kepada Jumlah Keseluruhan Eksport (%)	Perubahan (%)	RM bil	Peratusan kepada Jumlah Keseluruhan Eksport (%)
<b>Jumlah Keseluruhan Eksport</b>	<b>480.7</b>	<b>100</b>	<b>20.8</b>	<b>397.9</b>	<b>100</b>
<b>Jumlah Eksport Barang Pembuatan</b>	<b>376.8</b>	<b>78.4</b>	<b>19.2</b>	<b>316.2</b>	<b>79.4</b>
Produk E&E	241.5	50.2	14.6	210.7	53.0
Kimia dan Produk Kimia	24.9	5.2	31.9	18.9	4.8
Mesin, Peralatan dan Alat Ganti	15.6	3.2	28.4	12.1	3.0
Produk Kayu	14.1	2.9	24.5	11.3	2.8
Optikal dan Peralatan Saintifik	11.6	2.4	26.3	9.2	2.3
Tekstil dan Pakaian	9.7	2.0	14.4	8.5	2.1
Keluaran Logam	9.6	2.0	33.4	7.2	1.8
Produk Besi dan Keluli	7.2	1.5	55.6	4.6	1.2
Produk Getah	6.2	1.3	19.0	5.2	1.3
Makanan Terproses	6.1	1.3	22.0	5.0	1.2
Keluaran Plastik	5.6	1.2	23.1	4.5	1.1
Peralatan dan Pengangkutan	5.3	1.1	65.1	3.2	0.8
Produk Galian Bukan Logam	3.1	0.6	12.7	2.8	0.7
Barangan Kemas	3.0	0.6	40.9	2.1	0.5
Produk Pulpa dan Kertas	1.8	0.4	18.6	1.4	0.4
Produk Petroleum	1.7	0.4	112.8	0.8	0.2
Bahan Minuman dan Tembakau	1.6	0.3	10.7	1.5	0.4

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarbangsa dan Industri

**Jadual 5.4:**  
**Jualan Industri Pembuatan Terpilih**

Sub-sektor	2004 (RM bil)	Perubahan (%)	2003 (RM bil)
Semikonduktor dan Komponen elektronik lain	110.0	9.6	100.4
Produk E&E lain	68.5	39.1	49.2
Kimia dan Barang Kimia	45.3	36.7	33.2
Pembuatan Makanan	12.0	9.2	11.0
Besi dan Keluli	14.6	43.8	10.2
Keluaran Berasaskan Getah	14.2	20.9	11.8
Kenderaan Bermotor	11.2	7.0	10.4
Keluaran Berasaskan Kayu	8.9	21.7	7.3
Tekstil dan Pakaian	8.4	3.9	8.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

bilion). Eksport kelima-lima produk ini termasuk E&E berjumlah RM307.7 bilion, merangkumi 64 peratus dari keseluruhan eksport Malaysia.

Produk eksport yang bernilai kurang daripada RM10 bilion adalah tekstil dan pakaian (RM9.7 bilion) dan pembuatan logam (RM9.6 bilion).

### Jualan

Berdasarkan Kajian Bulanan yang dijalankan oleh DOSM menunjukkan jualan bagi sektor pembuatan meningkat 19.7 peratus kepada RM408 bilion dalam tahun 2004 daripada RM340.9 bilion pada tahun 2003.

Sektor E&E mencatatkan jumlah jualan RM178.5 bilion dalam tahun 2004 atau 43.7 peratus dari keseluruhan jualan sektor pembuatan. Peningkatan ini adalah sebanyak 19.3 peratus dari jumlah jualan sebanyak RM149.6 bilion pada tahun 2003. Sub-sektor semikonduktor dan komponen elektronik mencatatkan jualan tertinggi dalam tahun 2004, berjumlah RM110 bilion berbanding RM100.4 bilion pada tahun 2003. Ini merupakan pertambahan 27 peratus daripada jumlah jualan pembuatan atau 61.6 peratus dari jualan keseluruhan sektor E&E. Jualan

semikonduktor dan lain-lain komponen elektronik meningkat 9.6 peratus dari pertumbuhan berterusan di pasaran elektronik AS dan aktiviti-aktiviti *outsourcing* di rantau Asia Pasifik.

Sejumlah 52 industri daripada 73 industri sampel (71.2 peratus) termasuk dalam Kajian Bulanan Perkilangan DOSM dan merekodkan nilai jualan melebihi RM1 bilion dalam tahun 2004. Kesemua industri tersebut merekodkan nilai jualan terkumpul sebanyak RM400.4 bilion yang mana 20.2 peratus atau RM67.2 bilion lebih tinggi daripada jumlah pada tahun 2003 sebanyak RM333.1 bilion. Nilai jualan 52 industri tersebut berjumlah 98.1 peratus daripada jumlah jualan keseluruhan yang dilaporkan bagi sektor pembuatan dalam tahun 2004.

### Guna Tenaga

Pada tahun 2004, guna tenaga dalam sektor pembuatan meningkat 3.1 peratus kepada 2,919,516 pekerja berbanding dengan 2,831,292 pekerja pada tahun 2003. Sebilangan besar guna tenaga adalah di sektor semikonduktor dan komponen elektronik.

## INDUSTRI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Dalam tahun 2004, permintaan global bagi produk E&E terus meningkat dengan pertumbuhan yang kukuh bagi kategori produk

**Jadual 5.5:**  
**Indeks Pengeluaran Industri Bagi Sub-sektor Terpilih E&E**

Kumpulan Produk	2004	Perubahan (%)	2003
Semikonduktor dan Komponen elektronik lain	439.0	25.0	351.3
Kabel dan wayar	117.1	-9.1	128.8
Peralatan mesin pejabat, pengiraan dan perakaunan	144.5	-7.7	156.6
Radio dan set televisyen	114.5	-14.8	134.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: Tahun Asas 1993 = 100

utama peralatan semikonduktor, litar bersepada pemasangan mikro, transistor dan injap. Walau bagaimanapun, lebihan stok simpanan yang berlaku di luar jangkaan pada separuh pertama tahun 2004 telah menyebabkan industri mengalami pertumbuhan yang agak perlahan pada separuh tahun kedua.

Sektor E&E kekal menjadi penyumbang utama dalam pendapatan eksport, pelaburan, output industri, nilai ditambah dan guna tenaga kepada ekonomi negara.

### **Pengeluaran**

Indeks pengeluaran produk semikonduktor dan komponen elektronik meningkat 25 peratus, disebabkan permintaan global yang kukuh, terutamanya dari AS dan rantau Asia Pasifik berikutan daripada penggunaan "cip" yang meluas dalam peralatan komunikasi dan elektronik pengguna seperti peralatan video digital (DVD) dan kamera digital.

Walau bagaimanapun, keluaran sub-sektor E&E pengguna mencatatkan pertumbuhan negatif kesan daripada permintaan luar yang lemah dan persaingan yang meningkat dari Republik Rakyat China (PRC) di pasaran domestik. Pengeluaran radio dan set televisyen, peralatan penghasilan bunyi dan peralatan rakaman menurun sebanyak 14.8 peratus.

### **Jadual 5.6:** **Jualan Produk E&E Terpilih**

Kumpulan Produk	2004 (RM bil)	Perubahan (%)	2003 (RM bil)
<b>Jumlah</b>	<b>178.5</b>	<b>19.3</b>	<b>149.6</b>
Semikonduktor dan Komponen elektronik lain	110.0	9.6	100.4
Peralatan mesin pejabat, komputer dan perakaunan	33.7	112.0	15.9
Radio dan set televisyen	29.5	3.0	28.7
Kabel dan wayar	5.2	11.6	4.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### **Jualan**

Sub-sektor semikonduktor dan komponen elektronik kekal sebagai penyumbang utama kepada jualan E&E, berjumlah RM110 bilion, atau 27 peratus daripada jumlah keseluruhan jualan. Peningkatan ini sebahagian besarnya adalah hasil pertambahan permintaan dari negara-negara rantau Asia, terutamanya PRC dan Hong Kong, berikutan daripada pengembangan dalam aktiviti *outsourcing* di rantau ini. Permintaan pengguna di rantau Asia sedang berkembang pesat dan dijangka melebihi permintaan dari benua Eropah. Pertumbuhan pasaran elektronik yang berterusan di AS dan permintaan global bagi produk elektronik memberi kesan positif kepada industri elektronik dalam tahun 2004.

### **Jadual 5.7:** **Guna Tenaga Berdasarkan Sub-sektor E&E**

Kumpulan Produk	2004 (orang)	Perubahan (%)	2003 (orang)
<b>Jumlah</b>	<b>356,554</b>	<b>0.4</b>	<b>355,077</b>
Semikonduktor dan Komponen elektronik lain	258,512	-1.2	261,609
Radio dan set televisyen	59,008	-2.9	60,765
Peralatan mesin pejabat, komputer dan perakaunan	24,737	45.9	16,955
Kabel dan wayar	14,297	-9.2	15,748

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jualan peralatan mesin pejabat, pengiraan dan perakaunan meningkat 112 peratus kepada RM33.7 bilion dalam tahun 2004 berbanding RM15.9 bilion pada tahun 2003. Keadaan ini disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan pengguna terhadap peralatan dan kelengkapan komputer canggih, pemprosesan digital, teknologi tanpa wayar dan peralatan gaya hidup terkini.

Jualan set radio dan televisyen, peralatan penghasilan bunyi dan peralatan rakaman meningkat 3 peratus dalam tahun 2004, berbanding peningkatan 2.5 peratus pada tahun 2003. Peningkatan permintaan pengguna telah menggalakkan jualan produk seperti sistem

digital rumah, telematik dan elektronik untuk automotif.

### **Guna Tenaga**

Jumlah guna tenaga dalam sektor E&E mencatatkan pertambahan marginal 0.4 peratus kepada 356,554 pekerja dalam tahun 2004 daripada 355,077 pada tahun 2003 hasil pertambahan daripada jumlah permintaan ke atas produk E&E. Kumpulan produk semikonduktor kekal sebagai majikan terbesar bagi 258,512 pekerja atau 72.5 peratus daripada guna tenaga keseluruhan industri.

Dalam tahun 2004, guna tenaga bagi sub-sektor pengeluaran peralatan mesin pejabat, pengiraan dan perakaunan meningkat dengan ketara sebanyak 45.9 peratus disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap peralatan perkomputeran termaju, pemprosesan digital dan kelengkapan gaya hidup terkini. Walau bagaimanapun, guna tenaga dalam sub-sektor semikonduktor berkurangan 1.2 peratus, manakala radio dan set televisyen, peralatan penghasilan bunyi dan peralatan rakaman berkurangan 2.9 peratus. Penurunan guna tenaga dalam sektor ini disebabkan oleh peningkatan penggunaan automasi dalam pengeluaran.

### **Pelaburan**

Dalam tahun 2004, sejumlah 194 projek E&E dengan pelaburan RM8.6 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 66 merupakan projek baru (RM5.6 bilion), manakala baki 128 merupakan projek pembesaran/pelbagai (RM3 bilion). Dalam tahun 2004, pelaburan yang diluluskan mencatatkan peningkatan 72.9 peratus berbanding tahun 2003. Pelabur asing kekal sebagai sumber utama pelaburan dalam industri E&E. Dalam tahun 2004, pelaburan asing bagi projek yang diluluskan berjumlah RM6.8 bilion (79.1 peratus) manakala pelaburan domestik berjumlah RM1.8 bilion (20.9 peratus). Secara perbandingan, pelaburan asing pada tahun 2003 adalah sebanyak RM3.6 bilion, manakala pelaburan domestik berjumlah RM1.3 bilion.

Projek pelaburan asing yang diluluskan pada tahun 2004 adalah kebanyakannya dalam sub-

sektor komponen elektronik dan elektronik perindustrian. Sumber utama pelaburan asing adalah Jerman (RM4.5 bilion), Singapura (RM660.7 juta), AS (RM615.9 juta) dan Jepun (RM492.5 juta). Produk utama yang diluluskan termasuk pembuatan kepingan wafer logik kuasa, sistem/produk pencahayaan (*light emitting diodes LED*), perkakasan digital tapak tangan, sistem keselamatan komputer, peralatan video digital untuk rakaman dan dirakam semula (DVD-R/RW), sistem kawalan untuk kelengkapan pengimejan, persepaduan sistem untuk penerbangan, proses instrumentasi, peralatan pengawasan dan diagnostik perubatan serta alat penghubung termaju.

Sub-sektor komponen elektronik terus mengelakkan syer terbesar (69.1 peratus) daripada jumlah perlaburan E&E diikuti oleh sub-sektor elektronik perindustrian (17.8 peratus), sub-sektor produk elektrikal (8 peratus) dan sub-sektor elektronik pengguna (5.1 peratus).

Antara projek utama yang diluluskan dalam industri E&E termasuk:

- sebuah projek baru oleh pengeluar terbesar di dunia bagi pembuatan litar bersepada logik kuasa, melibatkan pelaburan RM4.3 bilion, yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. Produk ini akan digunakan dalam aplikasi automotif dan perindustrian. Projek ini merupakan fabrikasi wafer yang pertama yang diusahakan oleh syarikat multinasional di Malaysia. Penubuhan projek ini akan memperkuuhkan rantai nilai semikonduktor dan akan meletakkan Malaysia sama taraf dengan pengeluar semikonduktor serantau seperti Taiwan dan Singapura, di bidang teknologi semikonduktor;
- sebuah projek baru oleh syarikat pengedar komponen elektronik kedua terbesar di dunia dari AS, untuk mengusahakan pemprograman peralatan semikonduktor dan aktiviti pengeluaran tambahan melibatkan pelaburan sebanyak RM282.8 juta. Aktiviti nilai ditambah akan dijalankan oleh syarikat

ini termasuk pengurusan rantaian bekalan global bagi produk, perkhidmatan dan khidmat bantuan kepada industri elektronik di Asia Tenggara;

- pembesaran projek oleh sebuah syarikat milik Jerman (RM 159 juta) bagi pembuatan wayar tembaga bersalut untuk pasaran eksport. Penggunaan fasiliti yang berautomasi sepenuhnya akan menjadikan Malaysia sebagai hub perkilangan untuk wayar ultra halus dan akan digunakan sebagai komponen kritikal dalam motor untuk eksplorasi NASA menjelaki laluan Marikh, gegelung penyalaan dalam alat ganti automotif, serta transformer penukaran dan pergerakan dalam aplikasi paparan kristal cecair (LCD);
- sebuah projek pembesaran untuk pembangunan dan pengeluaran papan litar cetak berfleksibel saling kaitan

berketumpatan tinggi (FPC) (RM138.9 juta). Syarikat akan menghasilkan reka bentuk dan mengilang FPC yang nipis 38 mikron dan sadurannya bersaiz 0.05 - 0.2 mm. Produk tersebut akan digunakan dalam industri telekomunikasi, komunikasi data dan rangkaian, produk elektronik pengguna dan industri automotif; dan

- sebuah projek pelbagai dengan pelaburan RM100 juta, bagi mengeluarkan alat sistem komputer luar termaju, peralatan telekomunikasi tanpa wayar, sistem mikro-elektromekanikal, pengesan tekanan MEMS, komponen fotonik dan semikonduktor. Syarikat akan menggunakan teknologi terkini bersepadu dalam mengeluarkan wafer dan proses mencetak pembuatan produk hiliran. Projek berteknologi tinggi melibatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang meluas dan pengilangan terkini Alat Sistem Mikro, Mekanikal Elektro (MEMS), alat

**Jadual 5.8:**  
**Eksport Barang Elektrik dan Elektronik**

	2004			2003	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)
<b>Eksport Keseluruhan Produk E&amp;E</b>	<b>241,483.1</b>	<b>100</b>	<b>14.6</b>	<b>210,724.0</b>	<b>100</b>
<b>Mesin, radas dan perkakas elektrik dan alat ganti</b>	<b>117,330.4</b>	<b>48.6</b>	<b>9.6</b>	<b>107,088.5</b>	<b>50.8</b>
Semikonduktor, litar bersepadu pemasangan mikro, transistor dan injap	89,298.3	37.0	4.9	85,140.5	40.4
Perkakas elektrik untuk litar elektrik dan bercetak	14,084.4	5.8	20.0	11,740.9	5.6
Mesin dan perkakas elektrik	7,128.5	3.0	35.9	5,246.9	2.5
Peralatan elektrik dan bukan elektrik rumah tangga	2,724.0	1.1	45.3	1,874.7	0.9
Kelengkapan pengagihan elektrik	1,897.1	0.8	14.3	1,331.0	0.6
Mesin kuasa elektrik	1,880.8	0.8	16.6	1,613.7	0.8
Perkakas elektro-diagnostik, perubatan dan radiologi	317.3	0.1	125.3	140.8	0.1
<b>Mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik dan alat ganti</b>	<b>76,713.6</b>	<b>31.8</b>	<b>19.8</b>	<b>64,049.1</b>	<b>30.4</b>
Mesin pemprosesan data automatik	45,903.8	19.0	43.4	32,002.2	15.2
Alat ganti bagi mesin pejabat dan mesin pemprosesan data automatik	30,309.5	12.6	-4.2	31,636.3	15.0
Mesin pejabat	500.3	0.2	21.8	410.6	0.2
<b>Kelengkapan telekomunikasi dan alat bunyi</b>	<b>47,439.1</b>	<b>19.6</b>	<b>19.8</b>	<b>39,586.4</b>	<b>18.8</b>
Kelengkapan telekomunikasi dan alat ganti	25,268.7	10.5	27.1	19,874.9	9.4
Alat terima siaran televisyen	7,789.0	3.2	14.0	6,832.0	3.2
Kelengkapan perakam bunyi	7,728.2	3.2	7.6	7,182.2	3.4
Alat terima siaran radio	6,653.1	2.8	16.8	5,697.4	2.7

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**Jadual 5.9:**  
**Import Produk Terpilih E&E**

	2004			2003	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)
<b>Jumlah Import Produk E&amp;E</b>	<b>182,100.4</b>	<b>100.0</b>	<b>14.0</b>	<b>159,742.1</b>	<b>100</b>
<b>Mesin, radas, perkakas elektrik dan alat ganti</b>	<b>133,431.4</b>	<b>73.3</b>	<b>9.2</b>	<b>122,223.2</b>	<b>76.5</b>
Semikonduktor, litar bersepada pemasangan mikro, transistor dan injap	102,949.5	56.5	8.0	95,334.7	59.7
Perkakas elektrik untuk litar elektrik dan bercetak	14,488.6	8.0	21.7	11,902.1	7.5
Mesin dan perkakas elektrik	10,048.1	5.5	1.6	9,890.9	6.2
Mesin kuasa elektrik dan alat ganti	3,114.9	1.7	12.0	2,780.4	1.7
Kelengkapan pengagihan elektrik	1,609.6	0.9	24.0	1,298.0	0.8
Peralatan elektrik dan bukan elektrik rumah tangga	910.1	0.5	32.8	685.5	0.4
Kelengkapan elektrik dan bukan elektrik bagi kediaman	310.6	0.2	-6.3	331.6	0.2
<b>Mesin pejabat</b>	<b>32,674.2</b>	<b>17.9</b>	<b>34.5</b>	<b>24,294.7</b>	<b>15.2</b>
Alat ganti mesin pejabat dan mesin pemprosesan data	23,535.2	12.9	22.8	19,159.3	12
Mesin pemprosesan data automatik	8,812.1	4.8	80.5	4,882.2	3.1
Mesin pejabat	326.9	0.2	29.0	253.3	0.2
<b>Telekomunikasi dan kelengkapan bunyi</b>	<b>15,994.8</b>	<b>8.8</b>	<b>21.0</b>	<b>13,224.2</b>	<b>8.3</b>
Kelengkapan dan alat ganti telekomunikasi	14,390.8	7.9	20.7	11,919.9	7.5
Perakam bunyi	1,058.1	0.6	43.1	739.3	0.5
Alat terima siaran televisyen	306.6	0.2	-12.0	348.3	0.2
Alat terima siaran Radio	239.3	0.1	10.4	216.7	0.1

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

pengenalan frekuensi radio (RFID) dan peralatan telekomunikasi tanpa wayar, merupakan projek pertama seumpamanya diwujudkan di Malaysia.

### **Eksport**

Dalam tahun 2004, eksport E&E meningkat sebanyak 14.6 peratus daripada tahun sebelumnya kepada RM241.5 bilion atau 64.1 peratus daripada eksport keseluruhan. Eksport mesin, peralatan dan perkakasan elektrik meningkat 9.6 peratus, manakala kumpulan produk mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik serta peralatan telekomunikasi dan perakam suara meningkat 19.8 peratus.

Eksport produk mesin, peralatan dan perkakasan elektrik bernilai RM117.3 bilion atau 48.6 peratus daripada jumlah eksport produk E&E. Peningkatan eksport E&E disebabkan oleh pengukuhkan permintaan dari AS dan rantau Asia Pasifik terutamanya Singapura, Hong Kong, Jepun dan PRC.

### **Import**


Nilai import produk E&E meningkat 14 peratus kepada RM182.1 bilion berbanding RM159.7 bilion pada tahun 2003. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan import komponen bagi kegunaan produk siap. Nilai import tersebut merangkumi 52.9 peratus daripada jumlah import barang pembuatan negara pada tahun 2004.

Sebahagian besar import meliputi produk mesin elektrik serta peralatan dan perkakasan elektrik yang berjumlah RM133.4 bilion atau 73.3 peratus daripada jumlah import produk E&E. Sumber import utama adalah AS (RM35.9 bilion), Jepun (RM25.1 bilion), PRC (RM23.6 bilion) dan Singapura (RM18.1 bilion).

### **Produktiviti**

Sektor E&E mencatatkan pertumbuhan produktiviti 6.5 peratus kepada RM430,784 daripada RM404,560 pada tahun 2003. Pencapaian ini adalah berikutkan dari

**Chart 5.1:**  
**Indikator Produktiviti Sub-sektor E&E**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

peningkatan penggunaan kapasiti dan pengembangan kemudahan infrastruktur jalur lebar dalam sektor ICT. Kesan ini jelas berdasarkan pertumbuhan dalam pengilangan kabel dan wayar yang mencatatkan produktiviti sebanyak 21.3 peratus, manakala dalam pengilangan semikonduktor dan komponen elektronik serta peralatan dan kelengkapan komunikasi sebanyak 6.3 peratus. Produktiviti bagi pengilangan radio, set televisyen, peralatan penghasilan bunyi dan peralatan rakaman meningkat sebanyak 5.2 peratus. Peningkatan permintaan bagi produk nilai ditambah yang tinggi dari AS, Singapura, Hong Kong dan PRC menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini. Persaingan kos buruh bagi sub-sektor ini telah meningkat sebanyak 1.8 peratus.

### **Perkembangan**

Tumpuan pembangunan industri E&E di Malaysia adalah bagi pertumbuhan yang berterusan dan pengembangan industri yang baru, berteknologi tinggi dan produk bernilai tambah seperti MEMS, Teknologi Paparan Elektronik Termaju, Fotonik, Sistem Simpanan Data, Polimer Konduktif dan Teknologi Tanpa Wayar.

Selaras dengan perubahan teknologi, syarikat pembuatan di Malaysia yang mengeluarkan set televisyen secara konvensional menggunakan tiub sinaran katod dijangka akan menaiktaraf

pengeluaran mereka kepada pengeluaran set televisyen plasma atau transistor filem nipis/paparan kristal cecair (*TFT/LCD*). Di masa ini terdapat tujuh syarikat mengeluarkan *TFT/LCD* atau televisyen plasma manakala lima syarikat masih dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Sebuah syarikat Malaysia telah memulakan projek baru untuk mengeluarkan monitor *TFT/LCD*, televisyen dan produk berkaitan multimedia bagi pasaran AS yang juga melibatkan reka bentuk dan R&D.

## **INDUSTRI PENGANGKUTAN DAN PERALATAN**

Industri pengangkutan dan peralatan terdiri daripada empat sub-sektor utama: automotif (termasuk aktiviti pengilangan atau pemasangan kenderaan bermotor dan motosikal), komponen dan alat ganti automotif, marin dan aeroangkasa.

Walaupun pengeluaran kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan 10.6 peratus dan pengeluaran motosikal meningkat lebih tinggi pada kadar 33.9 peratus, namun kajian statistik pengeluaran komponen dan alat ganti automotif menunjukkan penurunan sebanyak 3.7 peratus, terutamanya disebabkan oleh pemansuhan penggunaan komponen dan alat ganti tempatan tertentu (*Mandatory Deleted Items*) mulai tahun 2004 selaras dengan pematuhan Langkah Pelaburan Yang Berkaitan Dengan Perdagangan (TRIMs) di bawah WTO.

### **Sub-sektor Automotif**

#### **Pengeluaran**

Jumlah pengeluaran kereta penumpang dan perdagangan dalam tahun 2004 meningkat pada kadar 10.6 peratus kepada 471,975 unit daripada 426,646 unit dalam tahun 2003. Dalam tahun 2004, pengeluaran kereta penumpang telah meningkat sebanyak 11.4 peratus berbanding penurunan pada kadar 14.5 peratus pada tahun 2003. Pengumuman struktur duti baru mulai 1 Januari 2004 telah memberi keyakinan kepada permintaan domestik dan menggalakkan peningkatan pengeluaran kereta penumpang. Bagi kenderaan perdagangan, peningkatan pengeluarannya pada kadar lebih rendah iaitu

**Jadual 5.10:**  
**Pengeluaran Automotif Mengikut Segmen**

Segmen	2004 (Unit)	Perubahan (%)	2003 (Unit)
Jumlah	471,975	10.6	426,646
Kereta Penumpang	364,852	11.4	327,450
Pengilang	291,862	5.6	276,325
Pemasang	72,990	42.8	51,125
Kenderaan Perdagangan	107,123	8.0	99,196
Pengilang	14,436	-41.1	24,493
Pemasang	92,687	24.1	74,703

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia

8.0 peratus berbanding 29.2 peratus pada tahun 2003. Ini terutamanya disebabkan oleh penurunan jumlah pengeluaran oleh pengilang nasional.

Pengeluaran kereta penumpang masih kekal mendominasi pengeluaran keseluruhan kenderaan bermotor. Dalam tahun 2004, pengeluaran kereta penumpang mewakili 77.3 peratus daripada jumlah pengeluaran berbanding 76.7 peratus pada tahun 2003. Pengeluaran bagi sub-sektor ini meningkat tinggi sebanyak 11.4 peratus setelah mengalami penurunan 14.5 peratus pada tahun 2003. Pada akhir tahun 2004, jumlah pengeluaran kereta penumpang mencecah 364,852 unit berbanding 327,450 unit pada tahun 2003.

Di segmen kereta penumpang, pengeluaran oleh pengilang domestik dan lain-lain pemasang dalam tahun 2004 merekodkan perkembangan positif. Pengeluaran oleh pengilang kereta nasional bertambah sebanyak 5.6 peratus kepada 291,862 unit dalam tahun 2004. Dalam tempoh yang sama, pengeluaran oleh lain-lain pemasang meningkat sebanyak 42.8 peratus kepada 72,990 unit. Peningkatan ini disokong oleh pengenalan model-model baru, promosi yang agresif dan pakej kewangan menarik yang ditawarkan oleh pemasang tersebut.

Dari segi jumlah pengeluaran, pengilangan kereta nasional menurun kepada 80 peratus

berbanding pencapaian 84.4 peratus pada tahun 2003. Pengeluaran PROTON meningkat 12.3 peratus kepada 178,431 unit dalam tahun 2004, manakala pengeluaran kereta penumpang PERODUA menurun daripada 117,379 unit pada tahun 2003 kepada 113,431 unit dalam tahun 2004. Berikut dari itu, syer pengeluaran kereta penumpang PROTON dalam tahun 2004 meningkat kepada 48.9 peratus berbanding 47.5 peratus pada tahun 2003, manakala syer pengeluaran PERODUA mengalami penurunan daripada 35.9 peratus pada tahun 2003 kepada 31.1 peratus dalam tahun 2004.

Di segmen kenderaan perdagangan, keseluruhan pengeluaran meningkat 8 peratus dalam tahun 2004 kepada 107,123 unit berbanding 99,196 unit pada tahun 2003. Peningkatan pengeluaran dicatatkan oleh lain-lain pemasang manakala pengilang nasional menunjukkan penurunan sebanyak 41.1 peratus dalam tahun 2004.

Jumlah kapasiti terpasang bagi sub-sektor automotif meningkat sebanyak 6.1 peratus dalam tahun 2004. Kadar penggunaan kapasiti juga meningkat kepada 53 peratus berbanding 51 peratus pada tahun 2003.

**Guna tenaga**

Guna tenaga meningkat 10.4 peratus kepada 20,100 dalam tahun 2004 daripada 18,210 pada tahun 2003, selaras dengan penubuhan kemudahan pengeluaran baru dan peningkatan aktiviti eksport oleh pengeluar sedia ada.

**Jadual 5.11:**  
**Penggunaan Kapasiti Di Dalam Sub-sektor Automotif**

Kategori/Tahun	2004	Perubahan (%)	2003
Jumlah kapasiti terpasang (unit)	891,000	6.1	840,000
Pengeluaran sebenar (unit)	471,975	10.6	426,646
Kadar Penggunaan Kapasiti (%)	53.0	2.0	51.0

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia

## **Jualan**

Jumlah jualan di sub-sektor automotif pada 2004 meningkat 18.8 peratus kepada 481,154 unit. Jualan kereta penumpang dan kenderaan perdagangan meningkat masing-masing sebanyak 11.9 peratus dan 51.6 peratus.

Kereta penumpang mencatatkan jualan sebanyak 374,117 unit dalam tahun 2004 atau 77.8 peratus daripada jumlah jualan di dalam sub-sektor automotif tahun tersebut. Syer pengeluaran kereta penumpang pada tahun 2003 adalah 82.6 peratus. Di segmen kereta penumpang, walaupun jualan kereta nasional terus menguasai pasaran dengan jualan sebanyak 281,162 unit dalam tahun 2004 namun kadar syer jualan kereta penumpang merosot kepada 75.2 peratus dalam tahun 2004, berbanding 82.8 peratus pada tahun 2003.

Sebaliknya, jualan kereta bukan nasional meningkat 61.2 peratus atau 92,955 unit dalam tahun 2004 daripada 57,649 unit pada tahun 2003. Dari segi syer pasaran, jualan kereta bukan nasional mencapai 24.8 peratus berbanding 17.2 peratus pada tahun 2003. Promosi yang agresif oleh pengeluar kereta bukan nasional dan pengenalan model baru yang berprestasi lebih baik, serta kombinasi pakej pembiayaan yang lebih menarik telah menyumbang kepada peningkatan jualan kereta tersebut.

Di segmen kenderaan perdagangan, jualan telah meningkat 51.6 peratus kepada 107,037

### **Jadual 5.12:**

### **Jualan di dalam Sub-sektor Automotif**

Segmen	2004 (unit)	Perubahan (%)	2003 (unit)
Jumlah	481,154	18.8	405,034
<b>Kereta Penumpang</b>	<b>374,117</b>	<b>11.9</b>	<b>334,416</b>
Pengilang	281,162	1.6	276,767
Pemasang	92,955	61.2	57,649
<b>Kenderaan Perdagangan</b>	<b>107,037</b>	<b>51.6</b>	<b>70,618</b>
Pengilang	16,635	86.4	8,922
Pemasang	90,402	46.5	61,696

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia

unit pada 2004 berbanding 70,618 unit pada 2003. Walaupun pemasang bukan naional menguasai pasaran di dalam segmen ini sebanyak 84.5 peratus, tetapi pengilang kenderaan nasional juga telah menunjukkan peningkatan 86.4 peratus dalam jualannya kepada 16,635 unit pada 2004 daripada 8,922 unit pada 2003.

Malaysia merekodkan jualan tertinggi di segmen kereta penumpang berbanding lima negara lain di pasaran utama ASEAN pada 2004, dengan jumlah jualan 319,847 unit, atau 35.1 peratus penguasaan di antara jumlah 5 negara ASEAN ini. Dalam tahun 2004, jualan kereta penumpang di Indonesia berjumlah 294,878 unit Thailand 179,005 unit, Singapura 84,471 unit, dan Filipina 33,182 unit. Walaubagaimanapun, di dalam segmen kenderaan perdagangan, Malaysia berada di tempat kedua selepas Thailand yang merekodkan kadar penguasaan jualan 12.5 peratus daripada jumlah jualan kenderaan perdagangan di rantau ini.

## **Pelaburan**

Pada 2004, sejumlah 29 projek telah diluluskan di dalam sub-sektor automotif dengan jumlah pelaburan RM490.5 juta.

Daripada 29 projek ini, sebanyak 10 projek bernilai RM389.1 juta adalah bagi segmen pengilangan/pemasangan kenderaan bermotor, merangkumi pengilangan/pemasangan kereta penumpang, kenderaan perdagangan, kenderaan elektrik dan trak hidrolik kegunaan luar jalan. Pelaburan domestik bernilai RM281.4 juta atau 72.3 peratus daripada jumlah modal pelaburan. Empat daripada projek ini dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia (modal pelaburan ialah RM208.7 juta), tiga dimiliki sepenuhnya rakyat asing (RM24.1 juta) dan tiga projek usahasama (RM156.3 juta). Lima projek yang diluluskan adalah projek baru (RM37.4 juta) dan lima lagi projek melibatkan projek pertambahan/pelbagai (RM351.7 juta).

Sebanyak 19 projek lagi telah diluluskan dalam aktiviti baik pulih dan pasang semula

**Jadual 5.13:**  
**Import dan Eksport di dalam Sub-sektor Automotif**

Segmen		RM juta		
		2004	Perubahan (%)	2003
Jumlah	Eksport	512.2	72.6	296.8
	Import	6,824.4	34.1	5,087.6
Kereta Penumpang	Eksport	367.6	88.7	194.8
	Import	4,597.8	24.0	3,708.1
Kenderaan Perdagangan	Eksport	144.6	41.8	102.0
	Import	2,226.6	61.4	1,379.5

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

kenderaan perdagangan terpakai dengan jumlah pelaburan RM101.4 juta. Daripada jumlah projek ini, sebanyak 16 adalah projek baru (RM86.8 juta), manakala tiga adalah projek sedia ada yang melibatkan projek pertambahan/pelbagai (RM14.6 juta).

### **Eksport**

Jumlah eksport di sub-sektor automotif meningkat 72.6 peratus kepada RM512.2 juta dalam tahun 2004 daripada RM296.8 juta pada tahun 2003. Eksport kereta penumpang bertambah 88.7 peratus kepada RM367.6 juta daripada RM194.8 juta pada tahun 2003. Bagi kenderaan perdagangan, eksport bertambah 41.8 peratus kepada RM44.6 juta dalam tahun 2004. Destinasi utama pasaran eksport bagi kereta penumpang pada 2004 ialah Iraq (RM125.8 juta), UK (RM57.6 juta), Singapura (RM38.5 juta), Australia (RM22.7 juta) dan Syria (RM18.5 juta).

### **Import**

Import di sub-sektor automotif bertambah 34.1 peratus kepada RM6.8 bilion dalam tahun 2004 daripada RM5.1 bilion pada tahun sebelumnya. Pengimportan kereta penumpang, sebahagian besar di dalam bentuk tercurai sepenuhnya (CKD) adalah dari Jepun dengan nilai RM2.3 bilion, ROK (RM726.9 juta), Jerman (RM483.3 juta), UK (RM97 juta) and Perancis (RM40 juta).

Bagi kenderaan perdagangan, jumlah import bertambah 61.4 peratus kepada RM2.2 bilion dalam tahun 2004, daripada RM1.4 bilion pada


2003. Negara sumber utama kenderaan perdagangan ialah Jepun dengan nilai RM1.1 bilion, UK (RM66 juta), ROK (RM45 juta), Sweden (RM31.3 juta) dan Perancis (RM29 juta).

### **Produktiviti**

Sub-sektor automotif menunjukkan penurunan produktiviti pada kadar 15.3 peratus daripada RM677,136 pada tahun 2003 kepada RM573,637 disebabkan oleh penggunaan keupayaan kapasiti yang rendah. Peningkatan kos buruh bagi setiap pekerja sebanyak 8.3 peratus disebabkan oleh kenaikan kos bagi mengekalkan guna tenaga mahir. Kenaikan ini telah menyumbang kepada peningkatan 27.7 peratus unit kos buruh daripada 0.0387 kepada

### **Carta 5.2:**

#### **Petunjuk Produktiviti Sub-Sektor Automotif**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

0.0494, menyebabkan daya saing kos buruh menjadi lebih rendah di sub-sektor ini.

### **Sub-sektor Motosikal**

Sub-sektor motosikal diklasifikasikan kepada moped, skuter, basikal berenjin (*street bikes*) dan *cruisers*. Sub-sektor ini mencatatkan peningkatan 33.9 peratus dalam pengeluaran dan 36 peratus bagi jualan. Penggunaan kapasiti telah meningkat 57.2 peratus dalam tahun 2004 berbanding 48.3 peratus pada tahun 2003.

### **Pengeluaran**

Keseluruhan pengeluaran motosikal meningkat 33.9 peratus kepada 472,726 unit dalam tahun 2004. Pengilang nasional telah mengeluarkan 113,180 unit, atau 23.9 peratus daripada jumlah pengeluaran motosikal dan skuter dalam tahun 2004.

### **Penggunaan Kapasiti**

Jumlah kapasiti terpasang bagi pengeluaran motosikal dalam tahun 2004 ialah 826,000 unit. Kadar penggunaan ialah 57.2 peratus iaitu

**Jadual 5.14:**  
**Jumlah Pengeluaran dan Kapasiti  
Motosikal**

Pengeluaran/Kapasiti	2004	Perubahan (%)	2003
<b>Pengeluaran (unit)</b>	<b>472,726</b>	<b>33.9</b>	<b>352,933</b>
Nasional	113,180	29.0	87,751
Bukan Nasional	359,546	35.6	265,182
<b>Keupayaan Terpasang (unit)</b>	<b>826,000</b>	<b>13.0</b>	<b>731,000</b>
Nasional	200,000	-	200,000
Bukan Nasional	626,000	17.9	531,000
<b>Kadar Penggunaan Kapasiti (%)</b>	<b>57.2</b>	<b>8.9</b>	<b>48.3</b>
Nasional	56.6	12.7	43.9
Bukan Nasional	57.4	7.5	49.9

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri

kenaikan sebanyak 8.9 peratus daripada tahun 2003. Bagi pengilang nasional, kadar penggunaan kapasitinya adalah sebanyak 56.6 peratus. Kenaikan kadar penggunaan kapasiti di dalam sub-sektor ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan, terutama dengan pengenalan model-model skuter di pasaran.

### **Guna tenaga**

Guna tenaga dalam industri motosikal meningkat 5.8 peratus kepada 6,271 orang dalam tahun 2004 daripada 5,927 pekerja pada tahun 2003 selaras dengan peningkatan pengeluaran motosikal.

### **Jualan**

Jualan motosikal bertambah 36 peratus dalam tahun 2004 kepada 472,515 unit yang mana kadar syer pengilang nasional ialah 24.1 peratus. Pertambahan jualan adalah disebabkan oleh penubuhan projek-projek baru dan pengenalan model baru motosikal dan skuter di pasaran.

### **Pelaburan**

Tujuh projek telah diluluskan bagi aktiviti pengilangan/pemasangan motosikal dan skuter, termasuk motosikal beroda tiga, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM33.6 juta. Pelaburan domestik dalam projek-projek ini berjumlah RM31 juta atau 92.3 peratus dan pelaburan asing berjumlah RM2.6 juta. Enam daripada projek ini melibatkan projek pembesaran/pelbagai (RM23.4 juta), manakala satu projek dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia, manakala baki enam projek lagi dimiliki secara majoriti oleh rakyat Malaysia melalui usahasama dengan rakyat asing.

### **Eksport**

Eksport motosikal meningkat 57.7 peratus kepada RM51.6 juta dalam tahun 2004. Pasaran utama eksport ialah Indonesia (RM17.9 juta), Greek (RM14.5 juta) dan Singapura (RM6.6 juta).

### **Import**

Motosikal yang diimport meningkat kepada RM206.8 juta pada 2004 disebabkan

pertambahan permintaan pek CKD oleh pemasang dan peningkatan aktiviti nilai ditambah di sektor ini. Sumber utama import pada tahun 2004 ialah dari Taiwan (RM119.0 juta), PRC (RM44.7 juta) dan Thailand (RM26.9 juta).

### **Sub-sektor Komponen dan Alat Ganti Automotif**

Sehingga kini, terdapat 350 pengilang komponen dan alat ganti automotif yang membekalkan keluarannya kepada pengilang dan pemasang kenderaan bermotor. Selanjutnya 170 pengilang mengeluarkan komponen dan alat ganti bagi industri motosikal. Daripada 350 pengilang komponen automotif yang mengeluarkan 4,000 jenis komponen dan alat ganti, sebanyak 234 adalah vendor PROTON dan 135 adalah vendor PERODUA. Sebahagian daripada vendor ini juga membekalkan kepada PROTON dan PERODUA serta pemasang yang lain.

Lebih daripada 70 peratus syarikat pengilang komponen automotif adalah dimiliki oleh rakyat Malaysia di mana sejumlah daripadanya juga mempunyai kerjasama teknikal dengan syarikat pengeluar komponen global.

Indeks pengeluaran menunjukkan penurunan sebanyak 3.7 peratus kepada 301 mata dalam tahun 2004 daripada 312.6 pada tahun 2003. Ini disebabkan oleh peningkatan jumlah import bagi barang komponen, alat ganti dan modul setelah MDI dimansuhkan serta peningkatan pengimportan dari pelbagai negara sumber oleh pengilang dan pemasang untuk kekal berdaya saing.

### **Jualan**

Jualan komponen dan alat ganti kekal pada RM4.9 bilion dalam tahun 2004. Walaubagaimanapun, pengilang komponen dan alat ganti terus aktif dalam mencari pasaran lain dan peluang pelaburan di dalam ASEAN.

### **Guna tenaga**

Dengan peningkatan pengeluaran kenderaan bermotor dan motosikal, guna tenaga di sub-sektor komponen dan alat ganti bertambah

kepada 26,276 pekerja dalam tahun 2004 berbanding 23,430 pada tahun sebelumnya.

### **Pelaburan**

Dalam tahun 2004, sebanyak 64 projek telah diluluskan untuk pembuatan peralatan dan komponen automotif, dengan pelaburan berjumlah RM725.7 juta. Daripada projek-projek tersebut, sebanyak 53 projek adalah untuk pembuatan peralatan dan komponen untuk kenderaan bermotor (RM656.6 juta), enam projek untuk fabrikasi badan kenderaan bermotor (RM47 juta), dua projek untuk pembuatan peralatan dan komponen motorsikal (RM11.1 juta) dan tiga projek untuk pembuatan peralatan dan komponen basikal (RM11 juta).

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, pelaburan domestik berjumlah RM607.2 juta (83.7 peratus), manakala pelaburan luar berjumlah RM118.5 juta (16.3 peratus). Pada masa yang sama, sebanyak 32 daripada projek yang diluluskan adalah projek baru (pelaburan sebanyak RM355.6 juta) dan 32 projek adalah projek pembesaran/pelbaigan (RM370.1 juta).

Antara 51 peratus atau 80 peratus daripada projek yang diluluskan adalah dimiliki oleh rakyat Malaysia dengan jumlah pelaburan berjumlah RM603.3 juta. Diantara projek terpenting adalah projek pelbaigan yang dimiliki oleh syarikat Malaysia untuk mengendalikan reka bentuk, penyelidikan, pembangunan dan pengeluaran modul bucu depan dan belakang serta modul tangki minyak (RM94.9 juta).

Kebanyakan komponen projek yang diluluskan adalah untuk pembuatan aksesori automotif (16 projek dengan pelaburan sebanyak RM168.6 juta), tempat duduk kenderaan (5 projek/RM88.4 juta), komponen elektrik dan elektronik (4 projek/RM15.7 juta), brek dan peralatan brek (4 projek/RM39.3 juta) dan plastik dan peralatan besi (7 projek/RM111.7 juta).

### **Eksport**

Sehingga kini, hampir 38 pengilang komponen automotif mengeksport komponen yang

dikeluarkan. Nilai eksport bertambah sebanyak 38.5 peratus kepada RM1.8 bilion dalam tahun 2004, daripada RM1.3 bilion pada tahun 2003. Lima destinasi utama eksport dalam tahun 2004 ialah Taiwan (RM261.2 juta), Thailand (RM227.6 juta), Singapura (RM155 juta) dan Indonesia (RM146.3 juta). Komponen utama yang dieksport termasuk stering, rim, bumper, brek, radiator, penyerap gegaran dan *clutches*.

### **Import**

Nilai komponen dan alat ganti automotif yang diimport bertambah 30 peratus kepada RM2.6 bilion dalam tahun 2004, daripada RM2 bilion pada tahun 2003, bagi memenuhi kemasukan model-model baru dan keperluan di pasaran alat ganti. Sumber utama import ialah Thailand (RM949 juta), Jepun (RM652.4 juta), Jerman (RM233.7 juta), Taiwan (RM206.8 juta) dan Indonesia (RM206.8 juta). Komponen utama yang diimport ialah bumper, tali pinggang keselamatan dan *mounted brake linings*.

### **Perkembangan**

Pada 2004, beberapa langkah telah dilaksanakan bagi menentukan arah tuju baru yang strategik untuk industri automotif Malaysia. Objektif utama ialah untuk menyuntik persaingan terhadap industri melalui dasar liberalisasi yang progresif. Ia juga bertujuan menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau dalam pengeluaran dan pengedaran kenderaan bermotor.

Di bawah Skim Keseragaman Keutamaan Tarif Berkesan (CEPT) bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Malaysia telah memberi komitmen dengan menurunkan duti import kepada 20 peratus mulai 1 Januari 2005 dan seterusnya akan diturunkan kepada 0 hingga 5 peratus pada tahun 2008. Bagaimanapun, disebabkan ketidakpastian akibat komitmen ini dan pola penurunan jualan, beberapa langkah telah diambil awal setahun sebelum komitmen AFTA. Salah satu langkah ini ialah menurunkan duti import bagi sektor automotif di dalam ASEAN CEPT mulai 1 Januari 2004. Duti import bagi kenderaan yang diimport dalam bentuk tercurai (CKD) dan yang dipasang siap (CBU) sepenuhnya

dari ASEAN telah diturunkan. Disamping itu, Malaysia juga telah mengkaji semula kadar duti import MFN walaupun tidak mempunyai komitmen dengan negara bukan ASEAN. Namun, bagi mengurangkan kesan kehilangan hasil disebabkan penurunan duti import, duti eksais telah dikenakan kepada semua kategori kenderaan yang diimport sama ada dalam bentuk CKD atau CBU.

Mulai 2004, sebanyak 106 permohonan projek baru dalam industri automotif telah diluluskan. Keupayaan terpasang dalam pengeluaran kenderaan bermotor telah meningkat 6.6 peratus kepada 891,000 unit dalam tahun 2004.

Dalam tahun 2004, terdapat pengenalan model-model baru di pasaran oleh pengilang dan pemasang. Model Gen-2 dengan enjin baru Campro telah dilancarkan oleh PROTON pada Februari 2004. Jenama dan *facelift* baru model-model lain seperti Vios, Avanza dan Aveo telah diperkenalkan oleh lain-lain pemasang.

Dalam menghadapi persaingan semakin sengit, pemansuhan *Mandatory Deleted Items* (MDI) semenjak 2004, dan tren di dalam pemasangan secara modular dan *multi-sourcing* daripada pelbagai negara oleh pengilang dan pemasang automotif, pengilang komponen dan alat ganti telah mengambil langkah mengurangkan kos dan meningkatkan kemahiran serta mencari rakan niaga strategik dengan syarikat asing untuk kekal berdaya saing. Pengilang-pengilang komponen ini juga telah mengembangkan operasi atau menceburi pengeluaran barang dengan nilai tambah yang lebih tinggi seperti sistem transmisi, enjin dan alat ganti, serta reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran modul bagi mencapai pengeluaran berskala ekonomi.

### **Sub-sektor Aeroangkasa**

Industri aeroangkasa meliputi sektor penerbangan dan angkasa. Pada masa ini terdapat dua syarikat pemasang pesawat udara ringan, sebanyak tujuh pengilang komponen, 27 syarikat terlibat di dalam aktiviti penyelenggaran, pembaikan dan baik pulih (MRO), dan empat syarikat terlibat dalam reka

bentuk dan pembangunan di dalam sektor penerbangan. Dari segi keupayaan, industri tempatan telah menunjukkan keupayaan dan pencapaian dalam membekalkan bahan komposit yang mencapai piawaian antarabangsa kepada syarikat antarabangsa utama aeroangkasa dan menyediakan khidmat MRO serta aktiviti baikpulih bagi kapal terbang milik syarikat penerbangan domestik dan serantau.

Di sektor angkasa, permintaan kepada keupayaan satelit terus meningkat selaras dengan perkembangan serantau dalam industri komunikasi, hiburan dan maklumat. Pada masa ini, negara sedang membangunkan teknologi angkasa melalui pembangunan RAZAK-SAT yang akan dilancarkan pada tahun 2005. Ini akan menggalakkan lagi aktiviti pengilangan dan perkhidmatan berkaitan yang lebih terkini bagi sektor aeroangkasa.

### **Pelaburan**

Dalam tahun 2004, satu projek telah diluluskan dalam industri aeroangkasa dengan pelaburan bernilai RM8.5 juta. Projek ini menjalankan aktiviti pengilangan dan pemasangan semula helikopter, termasuk ubahsuai dan penubuhan pusat penyelenggara serantau bagi helikopter Eurocopter.

### **Eksport/Import**

Produk utama yang dieksport ialah komponen dan alat ganti pesawat berjumlah RM1 bilion. Destinasi utama eksport ialah AS (RM248.0 juta), Singapura (RM205.3 juta) dan UK (RM174.0 juta). Nilai import berjumlah RM3.7 bilion, terdiri daripada pesawat, peralatan berkaitan dan alat ganti. Sumber import utama ialah dari AS (RM2.7 bilion), Singapura (RM227.3 juta), UK (RM216.5 juta) dan Jerman (RM103.0 juta).

### **Sub-sektor Marin**

Industri marin merangkumi aktiviti bina dan baik pulih kapal dan bot, kerja fabrikasi dan kejuruteraan kapal mewah. Pada masa ini terdapat enam limbungan utama kapal yang beroperasi pada skala yang besar dan 70 limbungan lagi beroperasi secara kecil-kecilan. Limbungan berskala besar mempunyai kapasiti

untuk membina kapal dengan berat sehingga 30,000 *dead weight tones* (DWT) dan mampu membaik pulih kapal sehingga 400,000 DWT, manakala limbungan kecil mengeluarkan badan kapal berdasarkan kayu untuk nelayan, feri kecil, bot tunda, tongkang dan bot peronda bagi kegunaan tempatan.

### **Pelaburan**

Dalam tahun 2004, enam projek telah diluluskan dalam industri marin dengan pelaburan bernilai RM63.4 juta. Pelaburan domestik bagi projek-projek ini berjumlah RM58.3 juta, manakala pelaburan asing bernilai RM5.1 juta. Projek ini melibatkan aktiviti pembinaan dan baik pulih kapal (tiga projek/RM36.9 juta), pengeluaran sistem *waterjet propulsion* bagi industri marin (dua projek/ RM15.4 juta) dan pengeluaran hovercraft (satu projek/ RM10.1 juta).

Di antara projek-projek ini, projek pengeluaran sistem *waterjet propulsion* bagi industri marin adalah yang paling utama dan merupakan cara yang semakin meningkat dalam *ship propulsion*. Projek ini merupakan yang pertama di Malaysia dan teknologi yang digunakan adalah daripada ROK.

### **Eksport/Import**

Produk utama yang dieksport ialah kapal kecil, *fire floats*, kapal korek, kren terapung, lain-lain kapal serta platfom pengeluaran dan gali. Nilai eksport berjumlah RM1.6 bilion. Destinasi utama eksport ialah Singapura (RM813.6 juta), Indonesia (RM619.4 juta) dan AS (RM81.7 juta). Produk utama yang diimport dalam industri marin ialah kapal kecil, *fire floats*, kapal korek, kren terapung, lain-lain kapal serta platfom pengeluaran dan gali. Nilai import ialah RM2.9 bilion. Sumber utama import ialah Jepun (RM1.8 bilion), Thailand (RM239.8 juta) dan Hong Kong (RM188.1 juta).

## **INDUSTRI KIMIA**

Industri kimia adalah penyumbang kedua terbesar bagi eksport sektor barang pembuatan dalam tahun 2004. Industri kimia

dikategorikan kepada tiga sub-sektor utama, iaitu kimia dan keluaran kimia, keluaran petroleum dan farmaseutikal.

### **Sub-sektor Kimia dan Keluaran Kimia**

#### **Pengeluaran**

Industri kimia dan keluaran kimia secara asasnya mengandungi kumpulan produk seperti kimia industri asas, baja dan racun serangga, cat, varnis dan lakuer; serta sabun dan persediaan dandanan.

Indeks pengeluaran bagi keseluruhan sub-sektor terus menunjukkan peningkatannya yang positif disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan bagi keluaran dari sub-sektor baja dan racun serangga serta cat, varnis dan lakuer.

Indeks pengeluaran tertinggi diperolehi dari sub-sektor baja dan racun serangga dengan peningkatan sebanyak 23.7 peratus kepada 149.3 dari 120.7 bagi tahun 2003. Pertambahan positif ini disumbangkan oleh peningkatan permintaan bagi racun serangga dalam agro-industri dan perladangan, terutamanya di sektor perladangan kelapa sawit.

Antara faktor utama peningkatan sebanyak 19.5 peratus bagi sub-sektor gas industri adalah pertambahan permintaan daripada industri berorientasikan import seperti cat, varnis dan lakuer.

#### **Guna Tenaga**

Guna tenaga bagi semua kumpulan industri kimia dan produk kimia menunjukkan pertumbuhan positif kecuali sabun dan persediaan dandanan dan gas perindustrian berikutan pelaburan ke atas pembesaran projek dan projek-projek baru.

Sub-sektor gas perindustrian mencatatkan penurunan sebanyak 10.1 peratus kepada 3,726 pekerja dari 4,143 pekerja pada tahun 2003. Perkembangan negatif ini berpunca dari aktiviti automasi yang dijalankan oleh

**Jadual 5.15:**  
**Guna Tenaga Sub-sektor Kimia dan Keluaran Kimia**

Kumpulan Produk	2004 (orang)	Perubahan (%)	2003 (orang)
Kimia industri asas	9,160	7.2	8,543
Cat, varnis dan lakuer	3,564	6.6	3,343
Gas industri	3,726	-10.1	4,143
Sabun dan persediaan dandanan	2,602	-9.1	2,864
Baja dan racun serangga	2,406	17.5	2,047

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

kebanyakan pengeluar untuk meningkatkan tahap pengeluaran dan produktiviti pengeluaran barang.

Analisis dari Jabatan Perangkaan, Malaysia menunjukkan guna tenaga bagi sub-sektor sabun dan persediaan dandanan terus menunjukkan peningkatan positif dengan pertambahan sebanyak 9.2 peratus kepada 2,602 pekerja dari 2,864 pekerja pada tahun 2003. Majoriti pengeluar dan pengilang dari sub-sektor ini merupakan industri kecil dan sederhana yang menerima kesan dari aktiviti penyusunan semula organisasi yang dilaksanakan oleh MNC.

#### **Jualan**

Nilai jualan tertinggi bagi industri kimia dan keluaran kimia disumbangkan oleh sub-sektor baja dan racun serangga dengan peningkatan sebanyak 66.3 peratus kepada RM1.9 bilion dalam tahun 2004 daripada RM1.1 bilion dalam tahun 2003. Perkembangan positif ini

**Jadual 5.16:**  
**Jualan Bagi Kimia dan Keluaran Kimia**

Kumpulan Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Gas Industri	21,694.0	30.7	16,603.0
Kimia industri asas	14,968.8	47.0	10,181.2
Baja dan racun serangga	1,903.7	66.3	1,144.9
Cat, varnis dan lakuer	1,561.2	11.6	1,399.3
Sabun dan persediaan dandanan	965.4	-2.3	987.9

*Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia*

**Jadual 5.17:**  
**Eksport Kimia dan Keluaran Kimia**

Kumpulan Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
<b>Total</b>	<b>17,780.6</b>	<b>29.8</b>	<b>13,695.6</b>
Kimia organik	9,619.4	33.7	7,194.0
Produk bahan kimia lain	3,600.2	28.8	2,795.2
Sabun dan persediaan dandanan	1,607.2	15.6	1,389.9
Pencelup dan pewarna	1,192.9	31.9	904.2
Kimia inorganik	988.0	30.1	759.3
Baja	772.9	18.4	653.0

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

disebabkan oleh peningkatan mendadak bagi permintaan dari sektor perladangan dan agro-industri.

Peningkatan jualan bagi sub-sektor gas industri meningkat sebanyak 30.7 peratus kepada RM21.7 bilion daripada RM16.6 bilion pada tahun 2003 berikutan pertambahan permintaan daripada industri berorientasikan domestik terutamanya sub-sektor cat, varnis dan lakuer.

Nilai jualan sub-sektor kimia industri asas dan cat, varnis dan lakuer turut mencatatkan pertumbuhan yang baik sementara sub-sektor sabun dan persediaan dandanan menurun sebanyak 2.3 peratus kepada RM965.4 juta daripada RM987.9 juta pada tahun 2003.

**Jadual 5.18:**  
**Import Kimia dan Keluaran Kimia**

Product Group	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
<b>Jumlah</b>	<b>17,314.1</b>	<b>36.4</b>	<b>12,692.0</b>
Kimia organik	7,842.2	52.7	5,135.4
Produk bahan kimia lain	3,387.9	21.6	2,786.3
Kimia Inorganik	2,486.6	24.6	1,995.9
Sabun dan persediaan dandanan	2,102.9	30.1	1,615.9
Pencelup dan pewarna	1,494.5	29.0	1,158.5

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri


Antara faktor utama yang menyumbang kepada penurunan ini adalah saingan yang diterima dari produk mandian dan persiapan dandanan dari negara jiran, terutamanya Thailand, Viet Nam dan Indonesia.

**Pelaburan**

Sejumlah 27 projek (RM471.9 juta) telah diluluskan dalam tahun 2004 dibandingkan dengan hanya 24 projek (RM674.5 juta) pada tahun 2003. Daripada keseluruhan projek, sebanyak 18 adalah projek baru (RM338.8 juta) dan sembilan projek pembesaran/pelbagai (RM133.1 juta). Pelaburan domestik dalam berjumlah RM416.9 juta (88.3 peratus), sementara pelaburan luar berjumlah RM55 juta (11.7 peratus). Sejumlah 19 projek adalah projek milik rakyat Malaysia dengan 13 projek daripada jumlah keseluruhan adalah projek baru (RM311.3 juta) dan enam selebihnya projek pembesaran/pelbagai (RM103.9 juta).

Enam projek yang diluluskan adalah untuk pengeluaran kosmetik dan bahan mandian (RM29.2 juta), racun serangga, racun serangga dan racun perosak (RM163.8 juta), dan cat dan produk cat (RM60.3 juta). Sembilan projek (RM218.6 juta) lainnya adalah untuk pelbagai jenis keluaran kimia yang lainnya termasuk, *sulphur powder, copper sulphate, copper oxide, activated carbon, silver particles,*

**Carta 5.3:**  
**Produktiviti Indeks Sub-sektor Kimia Industri, 2004**




Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

*titanium dioxide nano particles, printing ink, inkjet ink* dan plasma loji rawatan sisa buangan berbahaya.

Antara projek-projek besar yang diluluskan adalah:

- sebuah projek baru untuk reka bentuk, pembinaan dan operasi loji rawatan sisa buangan baru dengan pelaburan bernilai RM179 juta. Projek ini mengguna pakai teknologi terkini dalam loji rawatan sisa buangan, dan turut menyediakan perkhidmatan untuk rawatan sisa buangan. Proses rawatan turut mengaplikasikan teknologi plasma yang unik untuk mendapat penguraian penuh bahan-bahan organik dan kemudiannya diubah kepada minyak gas yang bersih.
- satu pelaburan sebanyak RM9.8 juta untuk menghasilkan *titanium dioxide nano particles* dan formula. Syarikat akan mengaplikasikan sifat-sifat unik produk untuk menghasilkan *self-cleaning coatings, air purifying* dan *deodorising products*. 80 peratus produk yang dihasilkan adalah untuk pasaran eksport.
- sebuah projek baru untuk menghasilkan *silver particles* dan formula dengan pelaburan

**Carta 5.4:**  
**Produktiviti Indeks Lain-Lain Sub-sektor Kimia**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

RM1.6 juta. Produk tersebut mempunyai kriteria seperti anti-bakteria, anti-kulat, *deodorisation* dan anti-statik untuk rawatan fiber industri dan kulit, makanan dan kosmetik. Ia turut digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan pokok dan sebagai racun perosak semula jadi.

### **Eksport**

Keseluruhan sub-sektor bagi industri kimia dan keluaran kimia mencatatkan perkembangan positif sebanyak 29.8 peratus kepada RM17.8 bilion dalam tahun 2004. Industri kimia dan keluaran kimia menyumbang sebanyak 4.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport bagi sektor pembuatan dalam tahun 2004.

Destinasi utama eksport adalah PRC (RM3.9 bilion), Thailand (RM2.2 bilion), Jepun (RM2.5 bilion), Singapura (RM2.3 bilion) dan Indonesia (RM2.1 bilion).

### **Import**

Nilai import kimia dan keluaran kimia turut meningkat sebanyak 36.4 peratus kepada RM17.3 bilion dari RM12.7 pada tahun 2003. Majoriti import adalah berpuncu dari keluaran *intermediate chemicals* dan perkembangan dalam tahun 2004 menunjukkan industri kimia telah memperbanyak dan mempelbagaikan aktiviti yang berkait dengan pengeluaran dan pembuatan barang dan keluaran kimia.

Sebab utama kenaikan import sub-sektor kimia organik sebanyak 52.7 peratus kepada RM7.8 bilion daripada RM5.1 bilion pada tahun 2003 adalah pertambahan permintaan dari industri di samping penggunaan domestik yang turut meningkat.

Sumber import utama negara bagi kimia dan keluaran kimia adalah dari Singapura (RM2,718.7 bilion), Jepun (RM2,608.4 bilion), AS (RM2,254.6 bilion), Indonesia (RM1,789 bilion) dan Thailand (RM1,735 bilion).

### **Produktiviti**

Sub-sektor kimia perindustrian merekodkan pertumbuhan sebanyak 25.6 peratus kepada

RM2.4 juta daripada RM1.8 juta pada tahun 2003. Pertumbuhan ini adalah disebabkan oleh penambahbaikan dan aplikasi kapasiti yang maksimum disamping permintaan yang lebih tinggi dan kenaikan harga untuk kimia perindustrian. Permintaan luaran untuk kimia organik, dan plastik juga meningkat. Pertumbuhan ini turut disokong oleh peningkatan permintaan untuk produk baja dan racun dari sektor perladangan. Daya saing dari segi kos buruh bagi sub-sektor ini turut meningkat sebanyak 20.7 peratus.

Produktiviti untuk lain-lain bahan kimia termasuk cat, varnis dan lakuer, produk mandian dan ubatan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 25.8 peratus dibandingkan dengan hanya 11.2 peratus pada tahun 2003. Tahap produktiviti telah meningkat kepada RM416,020 daripada RM330,627 pada tahun 2003. Pertumbuhan ini disebabkan aplikasi kapasiti maksimum dan penggunaan teknologi yang lebih baik dan proses pengeluaran. Antara industri yang terlibat dalam kumpulan produk ini adalah dadah dan ubatan yang mencatatkan pertumbuhan 17.1 peratus dan sabun dan persiapan dandanan sebanyak 11.4 peratus. Sub-sektor ini turut mencatatkan pertumbuhan positif bagi kos daya saing guna tenaga sebanyak 23.3 peratus.

### **Sub-sektor Keluaran Petroleum**

Industri petroleum dan keluaran petroleum merupakan antara penyumbang utama dalam perkembangan ekonomi negara. Kewujudan bahan asas hidrokarbon daripada minyak dan gas dalam negara turut menyokong pertumbuhan sub-sektor ini .

### **Pengeluaran**

Indeks pengeluaran bagi keseluruhan sektor kimia dan keluaran kimia menunjukkan peningkatan yang positif dalam tahun 2004 kecuali sub-sektor resin sintetik.

Indeks produktiviti untuk sub-sektor produk plastik meningkat sebanyak 13.5 peratus kepada 556.6 daripada 490.6 pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan permintaan terhadap bahan-bahan pembungkusan.

### **Guna Tenaga**

Sektor petroleum merekodkan pertumbuhan positif untuk guna tenaga tahun 2004 dengan sub-sektor resin sintetik mencatatkan peratusan tertinggi pada 11.2 peratus kepada 5,176 pekerja daripada 4,654 pekerja pada tahun 2003. Pertumbuhan aktif sektor petroleum telah menyumbang kepada permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja mahir dan berpengalaman.

### **Jadual 5.19:**

#### **Gunatenaga di Sub-sektor Produk Petroleum**

Kumpulan Produk	2004 (orang)	Perubahan (%)	2003 (orang)
Produk plastik	78,807	6.2	74,225
Resin sintetik	5,176	11.2	4,654
Produk petroleum	3,297	0.6	3,278

*Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia*

### **Jualan**

Nilai jualan bagi produk petroleum dalam tahun 2004 berjumlah RM53.5 bilion berbanding RM44.1 bilion pada tahun 2003.

Peningkatan nilai jualan kumpulan produk petroleum disebabkan pertambahan yang tinggi dan konsisten dalam permintaan domestik dan luar negara di samping kenaikan harga produk.

### **Jadual 5.20:**

#### **Nilai Jualan Produk Petroleum**

Kumpulan Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Produk petroleum	33,641.4	17.6	28,612.9
Produk plastik	11,069.2	26.5	8,751.0
Resin sintetik	8,947.9	32.1	6,771.3

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia*

Peningkatan jualan produk plastik juga berkait langsung dengan pertambahan aktiviti dalam industri E&E dan industri automotif di peringkat global.

## **Pelaburan**

Dalam tahun 2004, sejumlah 103 projek telah diluluskan bagi sektor ini dengan pelaburan sejumlah RM2.6 bilion berbanding 93 projek dengan pelaburan RM1.3 bilion pada tahun 2003. Daripada keseluruhan 103 projek, sebanyak 55 projek baru (RM1.1 bilion) dan 48 projek pembesaran/pelbagaiuan (RM1.5 bilion). Pelaburan tempatan bernilai RM1.5 bilion (58 peratus), sementara pelaburan asing berjumlah RM1.1 juta (42 peratus).

Projek-projek yang diluluskan adalah seperti yang berikut:

- sebuah projek pembesaran untuk menghasilkan *ethylene*, *propylene*, *pyrolysis gasoline*, *fuel oil*, *benzene*, *toluene* dan *xylene* (RM547 juta). Projek tersebut turut mengeluarkan satu produk baru, *butadiene*, yang akan di ekstrak dari proses *pyrolysis gasoline*. Syarikat pengeluar akan menggunakan proses metasis baru untuk menghasilkan *propylene* dari *ethylene*;
- satu pelaburan tambahan sebanyak RM536 juta oleh syarikat tempatan sedia ada sebagai usaha diversifikasi untuk menghasilkan, bahan sua utama untuk mengeluarkan pelincir seperti minyak enjin;
- sebuah projek baru untuk menghasilkan *linear alkyl benzene* dan *heavy alkyl benzene* dengan pelaburan asing sebanyak RM413 juta. Projek ini melibatkan pelaburan dari India yang akan mengeratkan lagi hubungan diantara industri petrokimia dan oleokimia; dan
- projek usaha sama Jepun-Jerman yang melibatkan pelaburan sebanyak RM206.6 juta, untuk pengeluaran resin *polybutylene terephthalate (PBT)*.

## **Eksport**

Eksport untuk kumpulan produk petroleum merekodkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 37.7 peratus kepada RM46.5 bilion daripada RM33.8 bilion pada tahun 2003. Eksport untuk keseluruhan sub-sektor produk petroleum mencatatkan peningkatan dengan

## **Jadual 5.21: Eksport Keluaran Petroleum**

Kumpulan Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
<b>Jumlah</b>	<b>46,543.9</b>	<b>37.7</b>	<b>33,806.6</b>
Produk petroleum	35,347.8	44.1	24,527.8
Resin sintetik	6,663.9	38.0	4,828.0
Produk plastik	4,532.2	1.8	4450.8

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

sub-sektor produk petroleum mencatatkan kenaikan tertinggi pada 44.1 peratus, manakala sub-sektor produk plastik berkurang sebanyak 1.8 peratus. Pertumbuhan positif nilai eksport disebabkan oleh pertambahan permintaan serantau terutamanya dari PRC. Di samping itu, pengeluaran yang terhad dari Asia Barat turut menyumbang kepada pertumbuhan eksport dan kenaikan harga.

Eksport sub-sektor produk plastik meningkat sebanyak 1.8 peratus kepada RM4.5 juta daripada RM4.45 bilion pada tahun 2003 berikutan penambahan aktiviti dalam industri berorientasikan eksport seperti E&E, automotif dan peralatan perubatan.

Destinasi utama eksport adalah Singapura (RM7.2 bilion), Australia (RM5.8 bilion), Thailand (RM4.6 bilion), PRC (RM4.3 bilion) dan Jepun (RM4.2 bilion).

## **Import**

Kumpulan industri produk petroleum merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 39.8 peratus kepada RM35.5 bilion dari RM25.4 bilion pada tahun 2003. Sumber import utama adalah Singapura (RM13 bilion), Arab Saudi (RM3.6 bilion), Jepun (RM2.1 bilion), Oman (RM1.5 bilion) dan AS (RM1.4 bilion).

## **Perkembangan**

Industri petrokimia Malaysia telah meningkat maju dengan kewujudan kemudahan-kemudahan seperti *crackers*, *syngas* dan *aromatic*. Kemudahan-kemudahan ini akan menghasilkan bahan sua asas untuk industri

**Jadual 5.22:**  
**Import Produk Petroleum**

Kumpulan Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Jumlah	35,506.4	39.8	25,395.7
Produk petroleum	22,604.1	40.9	16,040.9
Produk plastik	5011.5	24.4	4,029.0
Resin sintetik	7,890.8	48.2	5,325.8

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

petrokimia disamping mengurangkan penggantungan import terhadap bahan sua ini.

Kumpulan produk petroleum telah dikenalpasti sebagai antara industri yang berpotensi untuk terus dibangunkan melalui projek pembesaran/pelbagai projek dan aktiviti-aktiviti sedia ada. Aktiviti-aktiviti ini akan merangkumi sektor pembuatan/pengilangan dan juga perkhidmatan pembuatan dan kemudahan lain yang berkaitan.

Antara potensi lain yang masih belum diteroka termasuk integrasi penuh kompleks petrokimia di Kerteh dan Gebeng memandangkan produk-produk baru petrokimia yang dikenal pasti akan dapat disesuaikan di kompleks baru itu.

**Sub-sektor Farmaseutikal**

Kumpulan produk farmaseutikal merangkumi sub-sektor dadah dan ubatan. Sub-sektor ini mengandungi ubatan preskripsi, lain-lain produk dikaunter (OTC), persediaan herba dan makanan tambahan kesihatan/herba.

**Jadual 5.23:**  
**Prestasi Industri Farmaseutikal**

Kumpulan Produk	2004	Perubahan (%)	2003
Indeks Pengeluaran Farmaseutikal (1993 = 100)	233.1	66.9	139.7
Pekerjaan (orang)	5,976	16.1	5,148
Jualan (RM juta)	773.4	38.9	557.0
Eksport (RM juta)	498.2	29.5	384.6
Import (RM bilion)	2.3	27.8	1.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dadah preskripsi dianggarkan merangkumi 75 peratus daripada keseluruhan pasaran farmaseutikal antarabangsa, manakala selebihnya disumbangkan oleh ubat-ubatan dan lain-lain produk farmaseutikal. Walaubagaimanapun, dagangan Malaysia untuk produk farmaseutikal masih kecil dibandingkan dengan pasaran global bersamaan 0.12 peratus pada tahun 2003. Majoriti pekilang Malaysia menghasilkan dadah generik.

**Pengeluaran**

Indeks pengeluaran kumpulan produk farmaseutikal mencatatkan kenaikan paling banyak untuk industri kimia sebanyak 66.9 peratus kepada 233.1 daripada 139.7 pada tahun 2003. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh peningkatan berterusan bagi perbelanjaan kesihatan di peringkat domestik dan antarabangsa. Pengeluaran dadah generik yang berkualiti merangkumi produk pada harga yang kompetitif turut menyumbang kepada pertumbuhan itu.

**Guna Tenaga**

Analisis sektor pembuatan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan guna tenaga sub-sektor farmaseutikal meningkat sebanyak 16.1 peratus kepada 5,976 pekerja daripada 5,148 pekerja pada tahun 2003. Ini selaras dengan pelaksanaan projek baru dan kepelbagaiannya aktiviti pembuatan dalam industri berkait dengan penjagaan kesihatan.

**Jualan**

Nilai jualan untuk sub-sektor dadah dan ubatan meningkat sebanyak 38.9 peratus kepada RM773.4 juta daripada RM557 juta pada tahun 2003. Peningkatan nilai jualan disumbangkan oleh kenaikan jumlah hospital dan klinik swasta dalam negara, kemudahan mendapatkan perubatan dan pertambahan populasi yang lebih prihatin kepada isu-isu penjagaan kesihatan.

**Pelaburan**

Sejumlah lapan projek diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM42.6 juta berbanding 15 projek (RM159.1 juta) yang

diluluskan pada tahun 2003. Enam projek baru (RM20.7 juta) dan dua projek pembesaran/pelbagai (RM21.9 juta). Pelaburan dalaman masih menyumbang peratusan tertinggi RM33.5 juta (78.6 peratus), sementara pelaburan asing berjumlah RM9.1 juta (21.4 peratus).

Daripada lapan projek yang diluluskan, projek milik Malaysia merangkumi dua projek pembesaran/pelbagai (RM21.9 juta) dan tiga projek baru (RM9.8 juta). Projek pembesaran/pelbagai adalah untuk pengeluaran *intravenous solutions* dan farmaseutikal herba dan bukan herba. Sementara itu, dua projek baru adalah untuk pengeluaran diagnostic *test kits* dan *reagents*, dan selebihnya untuk pengeluaran produk farmaseutikal, produk herba, ubatan herba dan makanan tambahan.

Tiga projek milik asing (RM8.4 juta) diluluskan untuk pengeluaran ubatan herba menggunakan herba tempatan dan import dan formulasi farmaseutikal dan makanan tambahan.

### **Eksport**

Eksport produk farmaseutikal meningkat sebanyak 28.7 peratus kepada RM498.2 juta daripada RM387.2 juta pada tahun 2003 disebabkan peningkatan permintaan untuk pasaran eksport. Destinasi eksport utama adalah (RM120.6 juta), Jerman (RM58.8 juta), Taiwan (RM39.2 juta), Brunei Darussalam (RM37.2 juta) dan Hong Kong (RM35.6 juta).

### **Import**

Import produk farmaseutikal meningkat sebanyak 27.8 peratus kepada RM2.3 bilion daripada RM1.8 bilion pada tahun 2003. Pertumbuhan ini disumbang oleh peningkatan permintaan dari industri kesihatan swasta terutamanya untuk produk vaksin dan dadah. Sumber import utama adalah dari Australia (RM284 juta), Singapura (RM244.2 juta), UK (RM233.6 juta), Perancis (RM199.7 juta) dan Jerman (RM189.2 juta).

### **Perkembangan**

Dengan kuatkuasa tarikh luput paten untuk beberapa dadah farmaseutikal dalam tahun 2004, beberapa pengeluar farmaseutikal milik Malaysia yang menggunakan jenama sendiri telah membangun dan melancarkan *off-patent generics* dan produk herba. Pengeluar farmaseutikal turut mula meneroka ke sektor pengeluaran untuk produk-produk bioteknologi.

Sebagai salah satu langkah kearah Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), sektor penjagaan kesihatan telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada 11 sektor utama. *Roadmap* untuk integrasi produk sektor perubatan merangkumi farmaseutikal dan produk ubatan, kosmetik, ubatan tradisional, makanan tambahan kesihatan dan peralatan perubatan.

ASEAN turut bekerjasama untuk menyeragamkan peraturan berkaitan peraturan dan dokumentasi berkaitan dengan farmaseutikal, antaranya *Mutual Recognition of Arrangements (MRAs)* dan standard/peraturan. Penyeragaman peraturan dan pelaksanaan MRAs antara negara-negara ASEAN dapat membantu eksport Malaysia terutamanya produk farmaseutikal Malaysia.

### **BESI DAN KELULI**

Industri besi dan keluli tempatan terdiri dari dua kumpulan produk iaitu besi panjang dan kepingan. Produk besi panjang adalah bilet dan bar sementara besi kepingan adalah *hot rolled-coils* (HRC), *cold-rolled coils* (CRC), kepingan besi bersadur dan paip.

Bahan mentah utama bagi pengeluaran produk besi dan keluli adalah besi lusuh, *direct-reduced* dan *hot-briquetted*. Besi lusuh merupakan bahan mentah utama yang digunakan untuk menghasilkan produk besi dan keluli menggunakan ketuhar elektrik.

### **Pengeluaran**


Pengeluaran keseluruhan bagi sektor besi dan keluli meningkat 3.7 peratus kepada 10.1 juta tan metrik dalam tahun 2004,

walaupun pengeluaran bar dan rod mengalami penurunan 10.2 peratus serta besi disadur 16.3 peratus. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan harga besi lusuh di pasaran antarabangsa dan penurunan permintaan dari industri pembinaan tempatan.

Pengeluaran HRC meningkat 42.1 peratus kepada 1.6 juta tan metrik dalam tahun 2004. Pengeluaran CRC pula meningkat 3.4 peratus kepada 0.6 juta tan metrik berbanding pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh dasar Kerajaan yang menggalakkan penggunaan produk besi dan keluli tempatan, permintaan luar yang semakin bertambah dan usaha berterusan pekilang tempatan dalam mencari pasaran baru.


Keupayaan terpasang bilet adalah 4.4 juta tan metrik dan bar pula, 7.1 juta tan metrik. Kapasiti penggunaan bagi bilet meningkat 76.3 peratus manakala bar dan rod, meningkat 42.1 peratus. Kapasiti penggunaan HRC pula telah mencapai 82.5 peratus dari keupayaan terpasang sebanyak dua juta tan metrik. Penggunaan keupayaan yang lebih tinggi ini telah dicapai hasil dari pengembangan logi mempelbagaikan produk HRC untuk kegunaan biasa kepada CRC.

#### **Carta 5.5:** **Pengeluaran Produk Besi dan Keluli Terpilih**



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

#### **Carta 5.6:** **Petunjuk Produktiviti Sub-sektor Besi dan Keluli**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

#### **Jualan**

Jualan meningkat 43.8 peratus kepada RM14.6 bilion berbanding RM10.2 bilion pada tahun sebelumnya.

#### **Guna Tenaga**

Banci Jabatan Perangkaan terhadap guna tenaga bagi sektor ini menunjukkan peningkatan 4.5 peratus kepada 15,742 pekerja berbanding 15,061 pekerja pada tahun 2003, sebahagiannya adalah disebabkan oleh wujudnya kemudahan baru untuk mengeluarkan gred yang mempunyai spesifikasi tertentu yang sebelum ini tidak didapati di Malaysia.

#### **Pelaburan**

Sebanyak 20 projek telah diluluskan dengan pelaburan RM1.4 bilion, terdiri daripada RM1.2 bilion pelaburan tempatan dan RM160 juta pelaburan asing. Produk-produk yang terlibat adalah *direct reduced iron* (DRI), *hot briquetted iron* (HBI), rod wayar, paip besi *ductile*, paip tahan karat, paip keluli dan kelengkapan, bar keluli *high tensile* dan potongan logam.

Di antara projek-projek tersebut, sebanyak 11 adalah projek baru dengan modal pelaburan RM1.1 bilion dan sembilan adalah projek pembesaran/pelbagai dengan jumlah pelaburan RM259.1 juta. Projek-projek ini

dimiliki penuh atau sebahagian besar sahamnya dipegang oleh rakyat Malaysia dan jumlah pelaburan yang terlibat adalah RM1.3 bilion.

Projek utama yang telah diluluskan termasuk projek untuk mengeluarkan DRI dan HBI yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dengan jumlah pelaburan RM653.5 juta. Pengeluaran DRI/HBI mewakili pengeluar huluhan untuk membekalkan bahan mentah berkualiti bagi keluli gred tinggi yang akan digunakan oleh pengilang hiliran. Projek lain adalah projek pelbagaiaan untuk mengilang rod wayar (RM150 juta).

### **Eksport**

Eksport produk besi dan keluli bertambah kukuh disebabkan peningkatan usaha pengilang tempatan untuk meneroka pasaran baru dan pertambahan permintaan oleh penawaran produk besi dan keluli di pasaran antarabangsa yang semakin berkurangan. Eksport produk besi dan keluli meningkat 56.5 peratus kepada RM7.2 bilion berbanding RM4.6 bilion pada tahun sebelumnya.

Negara pengimport utama bagi produk besi dan keluli Malaysia ialah Viet Nam (RM777.2 juta), Singapura (RM731.9 juta), Thailand (RM698.9 juta) dan AS (RM668.9 juta). Produk eksport utama adalah tiub keluli dan paip (RM2.7 bilion), produk kepingan bergulung (RM2 bilion) dan produk separa siap (RM1.2 bilion).

### **Import**

Import meningkat 59.1 peratus kepada RM16.1 bilion berbanding RM10.6 bilion pada tahun 2003. Peningkatan ini disebabkan pertambahan permintaan dari industri spesifik seperti industri pembinaan, automotif dan pembinaan kapal. Produk import utama terdiri daripada produk kepingan bergulung (RM4.8 bilion), produk tiub dan paip (RM2.9 bilion) dan ferrous scrap (RM2.4 bilion). Negara pengimport utama adalah Jepun (RM5.3 bilion), Taiwan (RM4.6 bilion) dan PRC (RM1.4 bilion).

### **Produktiviti**

Sektor besi dan keluli menunjukkan peningkatan produktiviti sebanyak 31.8 peratus berbanding 24 peratus pada tahun sebelumnya disebabkan terdapat peningkatan dalam kapasiti penggunaan untuk menampung pertambahan permintaan luaran dan kenaikan harga besi dan keluli. Produktiviti meningkat daripada RM725,650 pada tahun 2003 kepada RM953,326. Pengilang industri asas peleburan timah menyumbang 53.8 peratus, pengilang besi keluli utama (33.3 peratus) dan industri asas besi dan keluli lain (26.6 peratus). Kos persaingan buruh bagi kumpulan sektor ini meningkat 21.1 peratus.

### **Perkembangan**

Dalam tahun 2004, industri besi dan keluli dunia mengalami peningkatan harga bahan mentah dan produk besi keluli siap disebabkan kekurangan penawaran. Harga *ferrous scrap* meningkat kepada US\$350 dalam tahun 2004 berbanding US\$140 pada tahun sebelumnya disebabkan peningkatan permintaan bahan mentah dan produk besi keluli siap oleh PRC yang mengalami pertumbuhan 11.5 peratus kepada 257.4 juta tan metrik.

Pasaran besi dan keluli tempatan turut merasai kesan kekurangan penawaran ini yang turut menjelaskan pertumbuhan industri pembinaan. Industri besi keluli merupakan sektor yang berpandukan dasar. Oleh itu, Kerajaan menggalakkan pengilang tempatan agar memperolehi bahan mentah dari luar negara bagi memastikan penawaran dalam pasaran tempatan sentiasa mencukupi.

## **INDUSTRI MESIN DAN PERALATAN**

Sektor Mesin dan Peralatan (M&E) merangkumi empat sub-sektor iaitu mesin khusus bagi industri tertentu, mesin dan peralatan menjana kuasa, mesin kerja besi, mesin perindustrian umum dan peralatan dan alat ganti.

M&E kekal sebagai penyumbang eksport ketiga sektor pembuatan dengan jumlah 4.1 peratus dalam tahun 2004 berbanding 3.8 peratus pada tahun 2003.

**Jadual 5.24:**  
**Indeks Pengeluaran bagi Sub-sektor**  
**Terpilih M&E**

Aktiviti Terpilih	2004	Perubahan (%)	2003
Sektor M&E Pengeluaran bagi Mesin Penyejukbeku, Ekzos, Pengitar dan Penghawa Dingin	169.0	-3.2	174.5
Pengeluaran bagi Mesin Pejabat, Pengiraan dan Perakaunan	177.3	-1.8	180.6
	144.5	-7.7	156.6

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Nota: Tahun Asas 1993 = 100

**Pengeluaran**

Keseluruhannya indeks pengeluaran bagi mesin, kecuali mesin elektrik menurun 3.2 peratus kepada 169 dalam tahun 2004 daripada 174.5 pada tahun sebelumnya. Indeks pengeluaran bagi mesin penyejuk beku, ekzos, pengitar udara dan penghawa dingin telah menurun 1.8 peratus kepada 177.3 daripada 180.6 pada tahun 2003. Indeks pengeluaran bagi mesin pejabat, pengiraan dan perakaunan juga menurun 7.7 peratus kepada 144.5 dalam tahun 2004 berbanding 156.6 pada tahun 2003.

**Jualan**

Nilai jualan mesin kecuali mesin elektrik meningkat 81 peratus kepada RM3.1 bilion dalam tahun 2004 daripada RM 1.7 bilion pada tahun 2003. Nilai jualan mengikut jumlah guna tenaga bagi mesin kecuali sektor elektrik juga meningkat 66 peratus kepada RM95.1 juta bagi seorang pekerja dalam tahun 2004 daripada RM57.3 juta pada tahun 2003. Jualan mesin meningkat disebabkan peningkatan permintaan mesin khusus bagi industri tertentu dan

**Jadual 5.25:**  
**Jualan Mesin Kecuali Mesin Elektrik**

	2004	Perubahan (%)	2003
Jualan (RM bilion)	3.1	81.0	1.7
Jualan mengikut Guna Tenaga (RM juta)	95.1	66.0	57.3

Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

permintaan bagi mesin perindustrian umum dan peralatan dan alat ganti.

**Guna Tenaga**

Mengikut data dari kaji selidik yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa guna tenaga sektor M&E meningkat 20 peratus kepada 36,819 berbanding dengan 30,680 pada tahun 2003. Sub-sektor mesin perindustrian merekodkan perkembangan yang mana syarikat-syarikat di sub-sektor ini telah memulakan pengeluaran produk berkualiti tinggi yang menggalakkan perkembangan projek-projek berkenaan.

**Jadual 5.26:**  
**Guna Tenaga Sub-sektor Terpilih M&E**

Aktiviti Terpilih	2004 (orang)	Perubahan (%)	2003 (orang)
Jumlah	36,819	20.0	30,680
Pengeluaran bagi Mesin Pejabat, Pengiraan dan Perakaunan	24,737	45.9	16,955
Pengeluaran bagi Mesin Penyejuk beku, Ekzos, Pengitar Udara dan Penghawa Dingin	12,082	-12.0	13,725

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia


**Eksport**

Eksport mesin dan peralatan meningkat 28.4 peratus kepada RM15.6 bilion dalam tahun 2004 daripada RM12.1 bilion pada tahun 2003. Destinasi eksport utama ialah Singapura (RM3.2 bilion), Thailand (RM1.4 bilion) dan AS (RM1.3 bilion). Eksport utama mesin adalah termasuk peralatan dan alat ganti pemanasan dan penyejuk, mesin lain khusus bagi industri tertentu, pam, kompresor, kipas dan alat ganti dan komponen yang berkaitan.

**Import**


Jumlah import bagi mesin dan peralatan meningkat 32.5 peratus kepada RM32.9 bilion dalam tahun 2004 daripada RM 24.8 bilion

**Carta 5.7:**  
**Nilai Eksport di Sektor M&E**



Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**Carta 5.8:**  
**Nilai Import di Sub-sektor M&E**



Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

pada tahun 2003. Import meningkat disebabkan oleh peningkatan import mesin khusus bagi industri tertentu, mesin kerja besi, mesin perindustrian umum dan peralatan dan alat ganti yang tidak dikeluarkan dalam negara. Import utama mesin adalah mesin khusus dan alat ganti bagi industri tertentu, pam, kompresor, kipas dan alat ganti, perkakasan dan alat ganti elektrik yang berputar, omboh pembakaran dalam enjin, peralatan dan alat ganti pemanas

dan penyejuk. Pembekal utama mesin ialah Jepun (RM8.4 bilion), AS (RM5.2 bilion) dan Jerman (RM3.1 bilion).

### Pelaburan

Dalam tahun 2004, sebanyak 81 projek dengan pelaburan berjumlah RM406.8 juta telah diluluskan dalam bidang mesin dan peralatan berbanding 70 projek dengan pelaburan berjumlah RM638.8 pada tahun 2003. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 57 projek

ialah pembesaran/pelbagai. Pelaburan domestik terus kukuh menyumbang 71.4 peratus (RM290.6 juta) kepada jumlah pelaburan berbanding dengan pelaburan asing iaitu RM 116.2 juta (28.6 peratus). Sebanyak 59 atau 72.8 peratus projek yang diluluskan dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Daripada 81 projek yang diluluskan, sebanyak 39 projek adalah melibatkan sub-sektor mesin khusus (RM205.3 juta), lima dalam sub-sektor mesin dan peralatan menjana kuasa (RM20.7 juta), tiga dalam sub-sektor mesin kerja besi (RM14.2 juta) dan 34 dalam sub-sektor mesin perindustrian umum, peralatan, alat ganti dan komponen (RM166.6 juta).

Antara projek utama yang telah diluluskan dalam bidang mesin dan peralatan ialah:

- sebuah projek baru mengeluarkan lengan robotik bagi pengguna pelbagai aplikasi seperti penyambungan, pengasingan, pengujian, kimpalan menggunakan laser, pemutaran skru dan memegang dulang; pemeriksaan mesin menggunakan penglihatan untuk mendapatkan ketepatan alat ganti dan pengenalan kerosakan, pengukuran, penyusunan, panduan robotik dan *clean room conveyors for handling of wafers* dan pemacu disket (RM40 juta);
- sebuah projek usaha sama di antara pelabur dari Malaysia dan AS untuk mengeluarkan peralatan automasi dan peralatan pengujian bagi cip semikonduktor dan fabrikasi yang halus, peralatan perubatan seperti peralatan pengimejan magnetik berkesan dan peralatan pengujian darah dan DNA (RM22.2 juta);
- sebuah projek milik rakyat Malaysia bagi mengeluarkan kren menara bagi pembinaan, pembalakan, industri pembuatan dan pelabuhan (RM15.8 juta); dan
- sebuah projek milik rakyat Malaysia untuk mengeluarkan *valves, actuators, regulators*


bagi industri gas, minyak dan petrochemical, penjanaan kuasa, kilang rawatan air (RM15 juta).

### **Produktivi**

Sub-sektor mesin merekodkan produktiviti tertinggi sebanyak 64.7 peratus berbanding 15.2 peratus pada tahun 2003. Tahap produktiviti meningkat kepada RM1.1 juta daripada RM 688,362 pada tahun 2003. Jumlah nilai jualan meningkat sebanyak 79.2 peratus disebabkan oleh permintaan bagi produk komputer dan alat-alat komputer bagi pembuatan mesin pejabat, mesin pengiraan dan perakaunan. Daya saing kos pekerja juga meningkat sebanyak 12.5 peratus.

#### **Carta 5.9:**

#### **Petunjuk Produktiviti di Sub-sektor Mesin**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

### **Perkembangan**

Terdapat sejumlah 1,000 syarikat berdaftar di bidang mesin dan peralatan. Di bidang kejuruteraan sokongan, terdapat kira-kira 300 syarikat acuan dan dai, 70 syarikat pengimpal, 60 syarikat pembuat dai, 300 syarikat pengimpal besi, 150 syarikat menjalankan aktiviti mesin khusus dan 20 syarikat alat pemanasan. Bagi membantu meningkatkan dan membangunkan bidang mesin dan peralatan dan kejuruteraan sokongan, Kerajaan telah

menubuhkan Pusat Teknologi Mesin (RAMET) di Rasa, Selangor.

Aktiviti pembangunan dan rekabentuk mesin di RAMET telah beroperasi sepenuhnya. Aktiviti kimpalan dijadualkan memulakan operasi sepenuhnya pada bulan Julai 2005 apabila memperolehi tiga peralatan utama iaitu sistem acuan pasir hijau, sistem acuan pasir bertaut kimia, dan ketuhar peleburan induksi. Aktiviti mesin dan fabrikasi dijadualkan memulakan operasinya pada bulan Ogos 2005, apabila menerima bekalan mesin dan peralatan terbaru.

## **INDUSTRI SIMEN**

Perkembangan industri pembinaan yang bergerak perlahan disebabkan tiadanya pembinaan projek besar bagi infrastruktur diikuti dengan kekurangan bekalan besi pada awal tahun 2004 telah menyebabkan permintaan simen bagi pasaran domestik berkurangan kepada 4.7 peratus dalam tahun 2004 kepada 14.5 juta tan metrik berbanding dengan 15.2 juta tan metrik yang direkodkan pada tahun 2003. Penggunaan keupayaan kilang simen telah berkurangan kepada 59.6 peratus dalam tahun 2004 daripada 60.7 peratus pada tahun 2003. Penggunaan keupayaan kerikil meningkat kepada 85.6 peratus dalam tahun 2004 berbanding 85.5 peratus pada tahun 2003 disebabkan sedikit peningkatan permintaan domestik bagi kerikil.

### **Pengeluaran**

Pengeluaran simen menurun 0.6 peratus kepada 17.1 juta tan metrik daripada 17.2 juta tan metrik pada tahun 2003 disebabkan

kurangnya permintaan terhadap simen dan perkembangan yang perlahan di sub-sektor kejuruteraan awam. Pengeluaran kerikil juga meningkat 1.3 peratus iaitu 15.4 juta tan metrik daripada 15.2 juta tan metrik pada tahun 2003 bagi memenuhi permintaan terhadap kerikil. Setakat ini terdapat 13 syarikat pengeluar dimana tujuh syarikat adalah dalam terlibat dalam projek integrasi, lima syarikat dalam pembancuhan simen dan satu syarikat mengeluarkan kerikil.

### **Guna Tenaga**

Data daripada kaji selidik yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa guna tenaga dalam bidang industri simen telah berkurangan 10.9 peratus kepada 10,599 pekerja dalam tahun 2004 berbanding dengan 11,900 pekerja pada tahun 2003.

### **Eksport**

Eksport simen dan produk simen meningkat 6.4 peratus kepada RM359.6 juta dalam tahun 2004 berbanding dengan RM338 juta pada tahun 2003. Pasaran eksport utama ialah Sri Lanka (RM81 juta), Nigeria (RM47.7 juta) dan Bangladesh (RM42.6 juta). Produk yang dieksport ialah Simen *Portland* (RM112.9 juta), kerikil (RM74 juta) dan kepingan asbestos simen (RM59.6 juta).

### **Import**

Import simen dan produk simen telah meningkat sebanyak 15.4 peratus kepada RM249.2 juta dalam tahun 2004 berbanding dengan RM 216 juta pada tahun 2003. Sumber utama import ialah Indonesia (RM96.8 juta), Jepun (RM57.5 juta) dan Taiwan (RM30.5

**Jadual 5.27:**  
**Pengeluaran dan Penggunaan Simen dan Kerikil**

Produk	2004			2003		
	Keupayaan Terpasang (juta tan metrik)	Pengeluaran (juta tan metrik)	Penggunaan Keupayaan (%)	Keupayaan Terpasang (juta mt.)	Pengeluaran (juta tan metrik)	Penggunaan Keupayaan (%)
Kerikil Simen	17.8 28.3	15.4 17.1	85.6 59.6	17.8 28.3	15.2 17.2	85.5 60.7

Sumber: Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA)

juta). Kebanyakan produk yang diimport ialah kerikil (RM147.6 juta), batu granit untuk bangunan (RM9.4 juta) dan simen Portland lain (RM 6.8 juta).

### **Perkembangan**

Dalam ucapan Bajet tahun 2005, Kerajaan telah mengumumkan tambahan penyediaan 100,000 unit rumah mampu milik menggunakan Sistem Perindustrian Bangunan (IBS). Sistem ini akan memastikan kualiti pembinaan, penjimatan kos, pewujudan persekitaran bekerja yang bersih dan selamat dan juga mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing. Penggunaan komponen IBS dalam pembinaan projek kerajaan akan dipertingkatkan daripada 30 peratus pada masa ini kepada 50 peratus menjelang tahun 2005. Pemaju perumahan yang mengguna pakai komponen IBS melebihi 50 peratus akan diberi pengecualian yang penuh terhadap levi yang dikenakan oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian (CIDB).

Syarikat pembinaan utama mula mencari pasaran baru di luar negara. India merupakan pasaran terbesar bagi Industri pembinaan Malaysia. Negara lain yang memberikan peluang pasaran ialah Sri Lanka, Bahrain dan Indonesia.

### **Industri Seramik**

#### **Pengeluaran**

Indeks pengeluaran seramik dan produk seramik menurun 4.4 peratus kepada 150.4 dalam tahun 2004 daripada 157.4 pada tahun 2003 disebabkan oleh import yang terlalu banyak bagi produk seperti perkakasan meja, perkakasan dapur dan perkakasan sanitari dari PRC. Setakat ini terdapat 13 syarikat yang menjalankan pengeluaran seramik bagi lantai dan dinding dengan keupayaan pengeluaran 80 juta meter persegi. Pada tahun 2003, hasil pengeluaran industri mencapai sehingga 66.1 juta meter persegi.

#### **Guna Tenaga**

Guna tenaga dalam sektor ini telah meningkat 1.6 peratus kepada 18,021 pekerja dalam tahun

2004 daripada 17,735 pada tahun 2003 berikutnya pembukaan loji baru seramik.

#### **Eksport**

Eksport meningkat 24.5 peratus kepada RM902.6 juta daripada RM724.8 juta pada tahun 2003. Barang utama yang dieksport ialah jubin seramik yang telah digilap (RM192.4 juta), perkakasan meja dan perkakasan dapur (RM186.2 juta) and barang seramik lain (RM150.7 juta). Destinasi utama eksport ialah AS (RM112.1 juta), UK (RM103.6 juta), Australia (RM93.9 juta) dan Singapura (RM85 juta).

#### **Import**

Import meningkat 55 peratus kepada RM706.7 juta dalam tahun 2004 daripada RM455.8 juta pada tahun 2003. Import telah meningkat bagi memenuhi permintaan domestik bagi barang seramik berkaitan. Import adalah terutamanya daripada PRC (RM302.9 juta), diikuti oleh Jepun (RM111.1 juta), dan Indonesia (RM57.6 juta). Barang utama yang dimport adalah jubin seramik yang telah digilap (RM173.7 juta) perkakasan meja dan peralatan dapur (RM112.2 juta) dan barang seramik lain (RM107.1 juta).


### **INDUSTRI TEKSTIL DAN PAKAIAN**

Industri tekstil dan pakaian kekal menjadi penyumbang ke enam terbesar kepada pendapatan eksport negara dalam tahun 2004, dengan menyumbang sebanyak 2 peratus kepada eksport produk pembuatan. Pasaran global bagi tekstil dan pakaian dijangka menjadi lebih kompetitif dengan tamatnya sistem kuota eksport di bawah Perjanjian Tekstil dan Pakaian (ATC) mulai 1 Januari 2005.

#### **Pengeluaran**

Indeks pengeluaran sub-sektor tekstil dalam tahun 2004 menurun 6.4 peratus kepada 112.9 berbanding 120.6 pada tahun 2003, manakala bagi sektor pakaian pula jatuh kepada 75.8 berbanding 94.9 pada tahun sebelumnya. Walaubagaimanapun beberapa sub-sektor seperti kilang mewarna, memutih, mengecap dan menyiapkan benang dan kain mencatat peningkatan 6.3 peratus, kilang tekstil tiruan,

**Carta 5.10:**  
**Eksport Tekstil dan Pakaian Berdasarkan Destinasi**



Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

4.5 peratus dan kilang mengait 2.2 peratus. Pengeluaran dalam sub-sektor pembuatan benang asli, kilang memintal dan menenun merosot 55.9 peratus.

Pengeluaran keseluruhan industri tekstil dan pakaian tempatan merosot disebabkan kejatuhan dalam jumlah eksport berpunca daripada meningkatnya penguasaan pasaran eksport oleh PRC berikutan penyertaannya dalam WTO. Pemindahan operasi pengeluaran pakaian oleh syarikat Malaysia ke negara yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah seperti Viet Nam, Kemboja dan Indonesia juga menyumbang kepada pengurangan dalam pengeluaran tempatan.

### **Jualan**

Jumlah jualan produk tekstil dan pakaian meningkat 3.7 peratus kepada RM8.3 bilion dalam tahun 2004 berbanding RM8 bilion pada tahun 2003 disebabkan meningkatnya pesanan untuk produk-produk yang mempunyai nilai tambah tinggi.

### **Guna tenaga**

Jumlah guna tenaga dalam industri tekstil dan pakaian menurun 8.1 peratus kepada 69,074 dalam tahun 2004 berbanding 75,181 pada tahun 2003. Penurunan ini disebabkan oleh pemindahan aktiviti pengeluaran yang berintensif buruh ke negara lain, penggunaan automasi dalam proses pengeluaran dan juga langkah ke arah mengeluarkan produk-produk yang mempunyai nilai tambah tinggi.

### **Eksport**


Jumlah eksport dalam tahun 2004 mencapai RM9.7 bilion, meningkat 14.4 peratus. Pasaran eksport utama Malaysia bagi produk tekstil dan pakaian ialah AS, EU, Jepun dan Singapura. Eksport ke pasaran yang mengenakan kuota meningkat 16.2 peratus kepada RM5 bilion berbanding RM4.3 bilion pada tahun 2003, hasil daripada meningkatnya pesanan bagi produk yang mempunyai nilai tambah tinggi. Nilai eksport ke negara bukan kuota juga meningkat 12.2 peratus kepada RM4.6 bilion berbanding RM4.1 bilion pada tahun 2003. Produk utama yang dieksport ialah benang tekstil, kain tenun dan pakaian siap.

Eksport sub-sektor tekstil mencatatkan kenaikan 19.5 peratus dalam tahun 2004 kepada RM4.9 bilion berbanding RM4.1 bilion pada tahun 2003. Jumlah eksport sub-sektor pakaian pula mencatat RM4.8 bilion, meningkat 9.1 peratus berbanding RM4.4 bilion pada tahun sebelumnya.

### **Import**

Jumlah import tekstil dan pakaian meningkat 20.3 peratus kepada RM4.8 bilion berbanding RM4 bilion pada tahun 2003. Komponen terbesar import adalah tekstil dan produk tekstil yang bernilai RM3.9 bilion atau 81.2 peratus. Produk utama yang diimport terdiri daripada benang tekstil, kain tenun dan kain sulam bagi pakaian yang bermutu.

**Carta 5.11:**  
**Import Tekstil dan Pakaian**



Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

PRC kekal sebagai negara sumber utama dengan import berjumlah RM1.4 bilion diikuti oleh Taiwan (RM597 juta), Jepun (RM499 juta) dan Indonesia (RM465 juta).

### **Pelaburan**

Sebanyak 36 projek diluluskan bagi industri tekstil dan pakaian dalam tahun 2004, melibatkan pelaburan RM821.5 juta berbanding dengan 34 projek dengan pelaburan berjumlah RM292.6 juta pada tahun 2003. Daripada jumlah ini, 17 adalah projek baru (RM490.9 juta) dan 19 projek pembesaran/pelbagaiuan (RM330.6 juta). Pelaburan tempatan berjumlah RM454 juta (55 peratus) manakala pelaburan asing berjumlah RM367.5 juta (45 peratus).

Daripada jumlah projek yang diluluskan, 27 adalah milik rakyat Malaysia yang sebahagian besarnya adalah pembuatan pakaian siap. Selebihnya adalah projek pembuatan kain tenun dan aksesori tekstil.

Daripada 36 projek yang diluluskan, 12 adalah pengeluaran tekstil asas (RM473.8 juta), 15 pengeluaran pakaian siap (RM67.8 juta), dua pengeluaran produk lain tekstil (RM202 juta) dan tujuh pengeluaran aksesori tekstil (RM77.9 juta). Projek tersebut dijangka dapat menyediakan 5,865 peluang pekerjaan.

Antara projek besar yang diluluskan adalah:


- satu projek baru membuat permaidani dengan pelaburan RM197 juta, yang merupakan projek pertama seumpamanya di ASEAN. Projek ini akan mewujudkan rantaian kebelakang dengan industri petrokimia melalui penggunaan resin *polypropylene* sebagai bahan mentah utama. Pengeluaran sebahagian besarnya adalah untuk eksport;
- satu projek baru milik rakyat Malaysia dengan pelaburan RM195 juta untuk penyiapan bahan gentian, benang dan kain termasuk kain berkait. Projek tersebut akan menggunakan peralatan terkini dalam aktiviti membasuh, memutih, mewarna dan mengecap tekstil. Proses pengeluaran *micro-real* dan mesra alam akan meningkatkan ketahanan warna, rintangan radiasi UV dan ciri-ciri penebat api pada benang dan kain. Sebanyak 60 peratus pengeluarannya akan dieksport ke Afrika Selatan, Kemboja, PRC, Namibia dan AS; dan
- satu projek pembesaran oleh syarikat sedia ada milik rakyat Denmark yang menghasilkan *spun-bonded non-woven fabrics* untuk digunakan dalam lampin pakai buang, dengan pelaburan RM180 juta. Syarikat ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia yang mengeluarkan *spun-bonded non-woven fabrics*. Projek ini akan meningkatkan keseluruhan pelaburan syarikat ini di Malaysia kepada RM311.2 juta.

### **Produktiviti**

Sub-sektor tekstil mencatatkan pertumbuhan produktiviti 9.3 peratus kepada RM185,231 daripada RM169,428 pada tahun 2003. Ini disebabkan oleh pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi bagi tekstil tiruan sebanyak 20.1 peratus dan kilang mengait sebanyak 6.7 peratus.


Permintaan daripada industri pakaian tempatan dan global telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan keupayaan yang lebih tinggi dalam sub-sektor ini. Daya saing dari segi kos buruh sub-sektor ini telah meningkat 9.7 peratus.

**Carta 5.12:**  
**Petunjuk Produktiviti di Sub-sektor Tekstil**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

**Carta 5.13:**  
**Petunjuk Produktiviti di Sub-sektor Pakaian**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

Sub-sektor pakaian mencatatkan pertumbuhan produktiviti 12.3 peratus kepada RM 73,432 daripada RM65,388 pada tahun 2003. Reka bentuk dan pengeluaran berteknologi tinggi telah menghasilkan produk yang berkualiti tinggi dan meningkatkan prestasi produktiviti. Strategi penjenamaan bagi produk yang bernilai tinggi telah menyumbang kepada pencapaian ini. Daya saing dari segi kos buruh sub-sektor ini telah meningkat 24.1 peratus.

### Perkembangan

Perdagangan tekstil dan pakaian akan menjadi lebih kompetitif mulai 1 Januari 2005. Dalam era pasca ATC, daya saing adalah sangat kritikal memandangkan harga pasaran global bagi produk tekstil dan pakaian diramal menurun 20 hingga 30 peratus selepas tahun 2005.

Di samping itu, wujud kemungkinan negara pengimport utama seperti EU dan AS mengambil tindakan bukan perdagangan dan perlindungan seperti anti lambakan, hak asasi manusia, isu alam sekitar, pembangunan mapan, piawaian buruh, pelabelan dan peraturan kastam, terhadap import yang bertambah daripada negara tertentu.

Mulai 1 Mei 2004, pertambahan keanggotaan EU menyebabkan ia menjadi pedagang tekstil dan pakaian terbesar dunia dengan saiz pasaran seramai 470 juta orang. EU merangkumi 15 peratus daripada pasaran global dengan nilai jualan industri berjumlah Euro227 bilion setahun. Penyeragaman tarif dan peraturan bukan tarif di kalangan anggota EU boleh mewujudkan peluang pasaran baru untuk produk tekstil dan pakaian Malaysia.

### Integrasi Serantau

Di peringkat serantau, industri tekstil dan pakaian telah dimasukkan sebagai salah satu daripada 11 sektor keutamaan bagi mempercepatkan integrasi ekonomi. Penghapusan tarif dan inisiatif lain seperti mempermudah dan menyeragamkan peraturan kastam dan mewujudkan laluan hijau khas bagi mempercepatkan dan memudahkan pergerakan barang-barang. Inisiatif ini juga akan meningkatkan lagi penyumberan pelbagai di kalangan ASEAN.

## INDUSTRI PRODUK BERASASKAN KAYU

Industri berasaskan kayu meliputi produk-produk kayu serta perabot dan kelengkapan. Produk kayu merangkumi kayu gergaji, venir, papan lapis dan pembinaan pertukangan tanggam. Barang kayu yang lain adalah papan panel terbentuk semula, kayu yang direkacipta semula, papan zarah, papan

bongkah, papan berlamina dan papan gentian ketumpatan sederhana.

### **Pengeluaran**

Indeks pengeluaran bagi kayu dan produk kayu meningkat kepada 112 daripada 99.5 pada tahun 2002 disebabkan permintaan tinggi terhadap papan lapis, papan gentian keras dan papan zarah, terutamanya dari Jepun, AS, UK dan ROK.

### **Jualan**

Jualan produk kayu bertambah sebanyak 20 peratus kepada RM13.5 bilion daripada RM11.3 bilion pada tahun 2003. Jualan perabot dan kelengkapan meningkat 16.6 peratus kepada RM4.6 bilion daripada RM4 bilion dengan pertambahan eksport ke pasaran-pasaran utama seperti AS, UK, Jepun, Australia dan Singapura. Jualan barang panel bertambah 22.6 peratus kepada RM7.7 bilion daripada RM6.3 bilion.

### **Guna tenaga**

Guna tenaga bagi industri produk berasaskan kayu seperti di dalam Laporan Kajian Perkilangan Jabatan Perangkaan Malaysia berkembang 1.6 peratus kepada 110,818 pekerja berbanding 109,068 pekerja pada tahun 2003. Peningkatan guna tenaga dicatatkan dalam sub-sektor perabot dan komponen, kilang mengetam, kilang pintu/tingkap dan kerja tanggam.

### **Jadual 5.28: Jualan Produk Berasaskan Kayu**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Jumlah	13,546.8	20.0	11,293.7
Produk panel (papan lapis, papan gentian ketumpatan sederhana dan papan zarah)	7,692.5	22.6	6,275.2
Perabot dan komponen	4,608.1	16.6	3,950.6
Kayu kumai dan tanggam	1,246.2	16.7	1,067.9

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

### **Jadual 5.29:**

### **Guna Tenaga Bagi Industri Berasaskan Kayu**

Produk	2004 (orang)	Perubahan (%)	2003 (orang)
Jumlah	110,818	1.6	109,068
Produk panel (papan lapis, papan gentian keras dan papan zarah)	58,155	-0.2	58,243
Perabot dan kelengkapan	41,268	3.9	39,727
Kilang mengetam, kilang pintu dan tingkap serta kerja tanggam	11,395	2.7	11,098

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

### **Pelaburan**

Dalam tahun 2004, sebanyak 44 projek telah diluluskan di dalam sektor kayu dan produk berasaskan kayu dengan pelaburan sebanyak RM897.5 juta berbanding 37 projek dengan jumlah pelaburan RM1.1 bilion pada tahun 2003. Jumlah projek yang diluluskan adalah 22 projek baru (RM416.1 juta atau 46.4 peratus) dan 22 projek pembesaran/pelbagai (RM481.4 juta atau 53.6 peratus). Pelaburan domestik RM661.4 juta atau 73.6 peratus daripada jumlah pelaburan.

Pelaburan yang dicatatkan terutamanya di dalam sektor produk panel (RM505.1 juta), diikuti sub-sektor kayu kumai dan pembinaan pertukangan tanggam (RM338.9 juta). Sejumlah 12 syarikat telah diberi kelulusan bagi projek pembesaran/pelbagai untuk mengeluarkan produk panel biasa dan berlamina (papan lapis/papan bongkah/papan gentian ketumpatan sederhana), produk kayu yang direka bentuk seperti venir kayu gergaji berlamina (LVL),venir berapit berlamina (LVS) dan venir bersilang berlamina (LVB). Produk ini sebahagian besarnya dieksport ke Jepun, ROK dan Taiwan. Projek-projek yang telah diluluskan menggambarkan hala tuju ke arah produk reka bentuk yang ditambah nilai.

Projek-projek utama yang telah diluluskan termasuk:

- pembesaran projek bagi mengeluarkan papan zarah biasa dan berlamina (RM240 juta) bagi menampung peningkatan permintaan terutamanya dari PRC, Vietnam, ROK dan Jepun; dan
- projek usahasama baru di antara syarikat milik tempatan dan syarikat Kanada bagi mengeluarkan kulit pintu papan gentian ketumpatan sederhana yang dikumai untuk eksport ke AS, Eropah, Rusia dan India (RM206 juta). Syarikat Kanada ini merupakan salah sebuah pengeluar pintu dan kulit pintu utama dunia.

Di dalam sektor perabot kayu, 56 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM344.8 juta pada tahun 2004 berbanding 49 projek (RM312.5 juta) pada tahun 2003. 31 darinya merupakan projek baru dengan pelaburan berjumlah RM199.3 juta dan 25 merupakan projek pembesaran dan pelbagaiaan dengan pelaburan berjumlah RM145.5 juta. Pelaburan domestik menyumbang 70 peratus (RM241.3 juta) dan pelaburan asing berjumlah RM103.5 juta.

### **Eksport**

Dalam tahun 2004, jumlah eksport produk berasaskan kayu meningkat 24.2 peratus kepada RM14.1 bilion berbanding RM11.3 bilion pada tahun 2003 disebabkan oleh permintaan yang bertambah terhadap papan lapis (38 peratus), produk panel (41 peratus) dan pembinaan pertukangan dan tanggam (36 peratus). Dalam tahun 2004, eksport perabot kayu meningkat 16.5 peratus kepada RM5.4 bilion dan menyumbangkan 38 peratus kepada jumlah keseluruhan eksport produk kayu.

Destinasi utama eksport ialah Jepun (RM3.8 bilion), AS (RM3 bilion), UK (RM934 juta), ROK (RM690 juta), Australia (RM683 juta), Taiwan (RM543 juta) dan PRC (RM507 juta). Eksport ke pasaran baru mencatatkan peningkatan signifikan, terutamanya ke Jordan (RM148 juta), UAE (RM428 juta), Mesir (RM111 juta), Ireland (RM105 juta) dan Sepanyol (RM58 juta).

**Jadual 5.30:**  
**Eksport Produk Berasaskan Kayu**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
<b>Jumlah</b>	<b>14,072.5</b>	<b>24.2</b>	<b>11,329.5</b>
Perabot dan komponen	5,441.4	16.5	4,669.8
Papan lapis	5,357.5	37.9	3,883.8
Pembinaan pertukangan tanggam	1,095.9	36.4	803.7
Papan gentian	1,020.8	7.9	946.1
Venir	368.3	3.0	357.6
Panel dan kayu berlamina	286.5	4.8	273.5
Kayu yang dibentuk semula	197.3	41.3	139.6

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

### **Import**

Dalam tahun 2004, jumlah import produk keluaran kayu meningkat 63.4 peratus kepada RM985.1 juta berbanding RM602.8 juta pada tahun 2003. Produk utama yang diimport ialah perabot dan kelengkapan, venir dan papan gentian kayu yang dibentuk semula. Sumber utama import ialah PRC (RM230 juta), Jerman (RM137 juta), Thailand (RM118 juta) dan AS (RM52 juta).

**Jadual 5.31:**  
**Import Produk Berasaskan Kayu**


Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
<b>Jumlah</b>	<b>985.1</b>	<b>63.4</b>	<b>602.8</b>
Perabot dan komponen	462.2	77.2	260.8
Venir	168.4	45.3	115.9
Kayu yang dibentuk semula	135.7	66.6	81.4
Papan gentian	46.9	130.4	20.4
Pembinaan pertukangan tanggam	29.8	3.5	28.8
Panel dan kayu berlamina	14.5	141.6	6.0
Papan lapis	8.0	56.8	5.1

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

### **Produktiviti**

Produktiviti bagi sub-sektor ini menunjukkan peningkatan 19.5 peratus kepada RM128,107

**Carta 5.14:**  
**Petunjuk Produktiviti Industri Produk Kayu**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

daripada RM107,221 pada tahun 2003. Industri yang menunjukkan pertumbuhan produktiviti ialah papan lapis dan papan gentian keras sebanyak 20 peratus dan kilang mengetam, kilang pintu/tingkap serta kerja tanggam sebanyak 16.1 peratus. Ini disebabkan oleh peningkatan permintaan terhadap papan lapis, papan gentian keras dan papan zarah dari pasaran utama seperti AS, UK dan Jepun. Dalam pasaran domestik, pengembangan aktiviti pembinaan di dalam sub-sektor perumahan dan bukan perumahan menyebabkan peningkatan yang tinggi terhadap kayu dan produk kayu. Kos buruh yang kompetitif di dalam sub-sektor ini meningkat 12.2 peratus.

## INDUSTRI BERASASKAN GETAH

Industri berasaskan getah meliputi produk berasaskan lateks, barang am getah (GRG) dan barang getah industri (IRG). Produk lateks terdiri dari, antaranya sarung tangan getah, kateter, benang lateks, kondom dan produk tilam. Produk utama di bawah GRG adalah bahan getah terproses yang lembut seperti bahagian getah anti-gerak untuk kereta, tayar, tiub, benang terawat, tikar getah, pembalut getah dan alas rel. Barang IRG terdiri dari paip dan tiub, wayar dan kabel bertebat, gegelung, tali sawat, pelapik dermaga dan peralatan automotif

seperti hos, gasket, jalur cuaca dan balutan penutup tingkap pintu.

Dalam tahun 2004, terdapat 345 pekilang di sektor ini, terdiri dari 150 pekilang GRG, 138 pekilang berdasarkan lateks dan 57 pekilang di sub-sektor IRG.

### Pengeluaran

Indeks pengeluaran produk berasaskan getah meningkat sebanyak 13.5 peratus dalam tahun 2004 kepada 230.7 dari 203.3 pada tahun 2003 kesan dari permintaan tinggi untuk produk GRG dan IRG. Indeks pengeluaran untuk kasut getah, tayar serta tiub meningkat sebanyak 35.9 peratus dan 0.7 peratus masing-masing kesan dari permintaan yang lebih baik. Pengeluaran produk berasaskan lateks mengalami penurunan sebanyak 5.3 peratus akibat pengurangan dalam pemprosesan lateks.

**Jadual 5.32:**  
**Indeks Pengeluaran Produk Getah**

Produk	2004	Perubahan (%)	2003
Jumlah	230.7	13.5	203.3
Produk Getah Am dan Perindustrian	296.4	17.7	251.8
Tayar dan tiub	159.8	0.7	158.7
Produk berdasarkan lateks	100.3	-5.3	105.9
Kasut getah	26.9	35.9	19.8

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Nota: Tahun Asas 1993 = 100

### Jualan

Jualan produk getah meningkat sebanyak 18.6 peratus kepada RM9.2 bilion daripada RM7.8 bilion, kesan dari peningkatan permintaan untuk produk berasaskan lateks, IRG dan GRG.

### Eksport

Jumlah eksport produk berasaskan getah meningkat sebanyak 19 peratus kepada RM6.2 bilion, berbanding dengan RM5.2 bilion pada tahun 2003. Malaysia terus menjadi pengeksport terbesar sarung tangan getah dunia. Eksport getah utama adalah sarung tangan

**Jadual 5.33:**  
**Jualan Produk Berasaskan Getah**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Jumlah	9,221.7	18.6	7,773.9
Produk getah lain, meliputi	7,186.7	22.6	5,860.5
Tayar dan tiub	1,806.9	6.9	1,689.7
Kasut getah	228.1	2.0	223.7

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

**Jadual 5.34:**  
**Gunatenaga di Industri Berasaskan  
Getah**

Produk	2004 (orang)	Perubahan (%)	2003 (orang)
Jumlah	62,108	1.9	60,975
Industri tayar dan tiub	6,738	-1.3	6,828
Kasut getah	878	-11.0	987
Produk getah lain	54,492	2.5	53,160

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

(RM4.1 bilion), produk GRG dan IRG seperti benang getah terawat termasuk tiub, paip dan hos getah (RM1 bilion), dan tayar serta tiub (RM431.8 juta). Pasaran terbesar untuk eksport adalah AS dengan jumlah eksport sebanyak RM1.9 bilion atau 31 peratus daripada keseluruhan eksport getah, diikuti oleh Jepun (RM361 juta, 5.8 peratus), UK (RM343.7 juta, 5.6 peratus), Jerman (RM266.1 juta, 4.3

**Jadual 5.35:**  
**Eksport Produk Berasaskan Getah**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Jumlah	6,183.6	19.0	5,195.0
Sarung tangan getah	4,058.3	19.1	3,408.4
Produk getah perindustrian	1,025.1	16.8	877.8
Tayar dan tiub	431.8	32.3	326.3
Barangan bergetah	521.3	16.5	447.3
Getah sintetik	147.1	8.7	135.3

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri

peratus) dan Australia (RM263.4 juta, 4.3 peratus).

### **Import**

Jumlah import produk berasaskan getah meningkat 33.5 peratus daripada RM1.4 bilion pada tahun 2003 kepada RM1.9 bilion. Import terutamanya terdiri dari bahan-bahan getah (RM558.3 juta) dan tayar serta tiub (RM44.8 juta). Import getah kitar semula dan sintetik buangan, bagi kegunaan dalam pengeluaran, meningkat sebanyak 39.2 peratus. Sumber import adalah Jepun (RM489 juta), Thailand (RM357 juta), Taiwan (RM150 juta) dan AS (RM147 juta).

### **Produktiviti**

Sub-sektor ini mencatatkan pertumbuhan produktiviti 20 peratus daripada RM177,327 pada tahun 2003 kepada RM212,866. Permintaan tinggi dan harga yang lebih baik bagi produk getah dari pengeluar automotif dalam dan luar negara seperti PRC, Jerman, AS dan Perancis menyumbang kepada pengunaan keupayaan yang tinggi di sub-sektor ini. Antara industri yang mencatatkan pertumbuhan tinggi adalah getah kilang semula dan getah lateks 35.3 peratus; kasut getah 18.3 peratus, lain-lain produk getah 20 peratus dan tayar serta tiub 5.5 peratus. Daya saing kos buruh mencatatkan penambahan sebanyak 14.4 peratus.

### **Perkembangan**


Sarung tangan getah Malaysia mempunyai kelebihan imej yang baik di pasaran dunia. Ini

**Jadual 5.36:**  
**Import Produk Berasaskan Getah**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Jumlah	1,936.0	33.5	1,449.8
Getah sintetik	684.8	39.2	491.8
Bahan bergetah	558.3	28.3	435.3
Tayar dan tiub	444.8	46.4	303.8
Produk getah perindustrian	178.1	18.6	150.2
Sarung tangan getah	70.0	52.5	45.9

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri

**Carta 5.15:**  
**Petunjuk Produktiviti Sub-sektor**  
**Produk Getah**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

dicapai melalui skim perlaksanaan dan pematuhan kepada standard Sarung Tangan Malaysia (SMG) yang mana telah meningkatkan kualiti sarung tangan getah Malaysia. Pada masa ini, 36 pekilang sarung tangan telah dimasukkan ke dalam skim ini.

Bagi mengekalkan permintaan dan penembusan pasaran baru di masa depan, pelbagai Standard Malaysia telah dipertimbangkan bagi memastikan kualiti dan keselamatan produk getah kepada pengguna dan juga persekitaran. Reka bentuk dan pembangunan berterusan melalui penggunaan kemudahan dan insentif sedia ada akan meningkatkan lagi kualiti produk getah Malaysia.

## INDUSTRI MINYAK SAWIT

Industri minyak sawit terdiri daripada minyak sawit, minyak isirong sawit, dedak isirong sawit, oleokimia dan juga produk siap. Jumlah kawasan tanaman kelapa sawit meningkat sebanyak 1.9 peratus atau 73,000 hektar kepada 3.9 juta hektar dalam tahun 2004. Sabah kekal sebagai negeri paling luas ditanam kelapa sawit dengan 1.2 juta hektar.

Industri minyak sawit Malaysia mencatatkan prestasi yang mengagumkan pada tahun 2004 walaupun menghadapi persaingan sengit daripada negara pengeluar minyak sawit yang lain dan persaingan tarif yang tidak menguntungkan dibeberapa pasaran. Industri ini terus memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi negara dan pertukaran wang asing.

### Pengeluaran

Secara keseluruhan, pengeluaran produk minyak sawit termasuk produk oleokimia, minyak sawit mentah, minyak isirong sawit mentah, dedak isirong dan isisrong sawit meningkat 3.7 peratus. Pengeluaran produk oleokimia mencatatkan peningkatan yang paling tinggi iaitu sebanyak 10.7 peratus kepada 1.8 juta tan pada tahun 2004, berbanding 1.7 juta tan pada tahun 2003, diikuti oleh minyak sawit mentah (4.7 peratus) dan isirong sawit (0.9 peratus). Pengeluaran minyak isirong sawit mentah dan dedak isirong walau bagaimanapun masing-masing menurun sebanyak 0.1 peratus dan 0.9 peratus.

### Eksport

Jumlah eksport produk minyak sawit yang terdiri daripada minyak sawit, minyak isirong sawit, dedak isirong, oleokimia dan produk siap meningkat sebanyak 16.1 peratus kepada RM30.4 bilion pada tahun 2004 daripada RM26.2 bilion pada tahun 2003. Produk siap

### Jadual 5.37:

#### Pengeluaran Produk-produk Minyak Kelapa Sawit

Produk	2004 (tan)	Perubahan %	2003 (tan)
Jumlah	23,009,733	3.7	22,196,142
Minyak Sawit			
Mentah	13,976,182	4.7	13,354,769
Isirong Sawit	3,661,456	0.9	3,627,235
Dedak Isirong	1,892,332	-0.9	1,910,100
Produk Oleokimia	1,836,742	10.7	1,659,912
Minyak Isirong			
Sawit Mentah	1,643,021	-0.1	1,644,126

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

**Jadual 5.38:**  
**Eksport Produk Oleokimia**

Produk	2004		Perubahan (%)		2003	
	Kuantiti (tan)	RM juta	Kuantiti (tan)	RM juta	Kuantiti (tan)	RM juta
Jumlah	1,770	5,040.0	12.9	31.1	1,567	3,844.4
Metil Ester	200	593.3	3.1	37.1	194	432.9
Gliserin	202	609.5	7.5	1.8	188	598.9
<i>Soap Noodles</i>	270	567.6	44.3	65.6	187	342.8
Alkohol Lemak	330	1,329.7	14.6	34.1	288	991.8
Asid Lemak	768	1,939.9	8.2	31.3	710	1,478.0

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

minyak sawit mencatatkan peningkatan 58.4 peratus kepada RM848.8 juta dari RM535.7 juta pada tahun 2003.

PRC kekal sebagai pasaran eksport terbesar minyak sawit Malaysia dengan eksport berjumlah 2.8 juta tan, peningkatan sebanyak 10.5 peratus berbanding 2.5 juta tan pada tahun 2003, diikuti oleh EU (2 juta tan), Pakistan (1 juta tan) dan India (0.9 juta tan).

Eksport produk oleokimia meningkat sebanyak 31.1 peratus kepada RM5 bilion daripada RM3.8 bilion pada tahun 2003. Produk-produk utama yang dieksport ialah asid lemak (RM1.9 bilion), alkohol lemak (RM1.3 bilion) dan gliserin (RM609.5 million). Pasaran utama produk oleokimia adalah EU (28.9 peratus), PRC (14.4 peratus), Jepun (11.8 peratus) dan AS (11.8 peratus).

**Jadual 5.39:**  
**Eksport Produk Minyak Sawit**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Jumlah	30,441.6	16.1	26,223.9
Minyak Sawit	22,175.6	11.5	19,883.5
Produk Oleokimia	5,040.0	31.1	3,844.4
Minyak Isirong Sawit	1,972.4	24.6	1,583.3
Produk Siap	848.8	58.4	535.7
Dedak Isirong	351.3	4.0	337.9
Lain-lain	53.5	36.8	39.1

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

### **Import**

Jumlah import produk minyak sawit meningkat sebanyak (48.9 peratus) kepada 868,142 tan dari 583,001 tan pada tahun 2003. Minyak sawit dan minyak isirong sawit merupakan bahan mentah utama yang diimport dari Indonesia dan Thailand.

### **Pelaburan**

Sebanyak 30 projek di dalam industri pengeluaran minyak sawit dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.6 bilion telah diluluskan dalam tahun 2004 berbanding 12 projek dengan pelaburan RM311.2 juta pada tahun 2003. Sub-sektor oleokimia merupakan 85 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan diikuti dengan produk minyak sawit yang boleh dimakan (15 peratus).

**Jadual 5.40:**  
**Import Produk Minyak Sawit**

Produk	2004 (tan)	Perubahan (%)	2003 (tan)
Jumlah	868,142	48.9	583,001
Minyak Isirong Sawit	155,483	41.3	110,033
Minyak Sawit	712,659	50.7	472,968

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Di dalam sub-sektor oleokimia, sejumlah 14 projek telah diluluskan pada tahun 2004, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.2 bilion, berbanding dengan lima projek yang telah diluluskan dengan jumlah pelaburan

RM73.1 juta pada tahun 2003. Daripada 14 projek yang telah diluluskan, tiga merupakan projek baru (RM813.8 juta) dan 11 projek pembesaran/pelbagai (RM1.4 bilion). Sebahagian besar pelaburan adalah merupakan dari sumber domestik yang berjumlah RM1.8 bilion (81.4 peratus), sementara pelaburan dari luar negara berjumlah RM414 juta (18.6 peratus). Sebanyak sebelas projek merupakan syarikat Malaysia, termasuk tiga projek baru (RM813.8 million) dan lapan projek pembesaran/pelbagai (RM1.2 bilion).

Projek-projek utama termasuklah:

- projek pelbagai untuk produk asid lemak, gliserin dan alkohol lemak dengan pelaburan sebanyak RM400 juta. Projek ini merupakan pembesaran operasi syarikat di dalam penapisan produk minyak sawit dan minyak isirong sawit dan produk-produk 'hydrogenated' kepada pemprosesan hiliran produk-produk oleokimia. Ia merupakan syarikat pertama di Sarawak yang mengeluarkan produk oleokimia.
- projek baru dengan pelaburan sebanyak RM351.5 juta, untuk pengeluaran alkohol lemak, asid lemak dan gliserin untuk dieksport ke PRC, Taiwan, ROK, Jepun dan EU.
- Projek pembesaran/pelbagai projek kepada pengeluaran asid lemak dan gliserin dan alkohol lemak (RM340.7 juta). Lebih daripada 80 peratus pengeluaran asid lemak dan gliserin dan keseluruhan pengeluaran alkohol lemak adalah untuk di eksport.

Di dalam sub-sektor minyak sawit yang boleh dimakan, 16 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM362.9 juta pada tahun 2004, berbanding dengan tujuh projek dengan pelaburan sebanyak RM238.1 juta dalam tahun 2003. Tiga adalah projek baru (RM38.2 juta) manakala 13 projek (RM324.7 juta) merupakan projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan domestik merupakan 80.7 peratus daripada jumlah pelaburan. Daripada 16 projek tersebut, tujuh

projek merupakan aktiviti penapisan dan perahan sementara sembilan merupakan projek pengeluaran lemak.

### **Perkembangan**

Bagi menggalakkan pengkomersilan penemuan-penemuan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) berdasarkan sumber oleh institusi-institusi awam seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Bajet 2005 telah memperuntukkan bahawa pemotongan cukai yang sama jumlahnya dengan nilai pelaburan yang dibuat oleh syarikat subsidiari diberi kepada syarikat-syarikat yang melabur dalam syarikat-syarikat subsidiarinya yang terlibat dalam komersialisasi penemuan-penemuan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D). Syarikat subsidiari yang melaksanakan komersialisasi penemuan-penemuan tersebut diberi taraf perintis dengan pengecualian cukai 100 peratus ke atas pendapatan tetap bagi jangkamasa 10 tahun.

Teknologi diesel sawit mempunyai berpotensi besar untuk dikomersilkan kerana enjin diesel digunakan dengan meluas terutamanya dalam bidang pertanian dan pengangkutan. Teknologi diesel sawit telah pun dipatenkan.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri minyak sawit adalah berterusan melalui pelbagai usaha kerjasama antara MPOB dengan institusi-institusi pengajian tinggi awam dalam dan luar negara. Usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk mengembang dan memperbaiki kaedah-kaedah penuaian, penanaman kelapa sawit dalam tisu dan kultur, disamping menghasilkan plastik thermo *biodegradable* melalui kejuruteraan genetik.

### **INDUSTRI PEMPROSESAN MAKANAN**

Industri pemprosesan makanan terdiri daripada produk tenusu, penyediaan bijirin dan bijirin yang diproses, buah-buahan, sayuran dan makanan laut yang diproses, produk ternakan dan koko. Sektor ini sebahagian besar melibatkan pengusaha kecil

yang tertumpu di pasaran tempatan. Manakala pengusaha besar menjalankan aktiviti bagi pasaran tempatan dan eksport.

### **Pengeluaran**

Dalam tahun 2004 indeks pengeluaran industri makanan bertambah sebanyak 4 peratus disebabkan oleh permintaan tempatan yang tinggi. Diantara sub-sektor yang mencatatkan peningkatan adalah produk koko, coklat dan gula (15.5 peratus), biskut (12.2 peratus), makanan diproses lain (8.8 peratus), pengilangan tepung (3.4 peratus) dan penapisan gula (1.4 peratus).

### **Jadual 5.41:** **Indeks Pengeluaran Sub-sektor Terpilih Industri Pemprosesan Makanan**

Sub-sektor	2004	Perubahan (%)	2003
Keseluruhan	<b>193.9</b>	<b>4.0</b>	<b>186.4</b>
Produk Ikan dan Udang	202.4	-4.2	211.2
Koko, coklat dan manis-manisan	157.0	15.5	135.9
Pengilangan Biskut	153.8	12.2	137.1
Penapisan Gula	150.4	1.4	148.2
Pengilangan Tepung	116.8	3.4	113.0
Produk Tenusu	88.7	-10.6	99.3
Pengilangan Beras	75.4	-23.7	98.8
Makanan Lain Diproses	666.4	8.8	612.3

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Nota: Tahun Asas 1993 = 100

### **Guna Tenaga**

Jumlah guna tenaga di industri pemprosesan makanan berkurangan satu peratus kepada 33,896 pekerja daripada 34,245 pekerja pada tahun 2003. Ini adalah disebabkan oleh pengurangan di dalam bilangan kilang yang beroperasi.

### **Jualan**

Nilai jualan industri pemprosesan makanan bertambah 9.2 peratus kepada RM12 bilion dalam tahun 2004. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan penggunaan dalam negeri dan eksport.

### **Jadual 5.42:** **Jualan Keluaran Terpilih Industri Pemprosesan Makanan**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Jumlah	<b>12,005.5</b>	<b>9.2</b>	<b>10,995.9</b>
Produk Tenusu	2,620.6	16.1	2,256.5
Gula	1,703.3	3.9	1,640.1
Koko, coklat dan manis-manisan	1,533.8	7.1	1,431.6
Biskut	1,068.8	9.3	977.6
Ikan Krustasia dan makanan seumpamanya	1,010.7	1.6	994.7
Tepung	1,005.6	5.5	952.9
Minyak dan lemak sayuran dan haiwan	954.0	31.7	724.4
Beras	488.4	-20.6	615.2
Minyak kelapa	88.3	26.7	69.7
Nenas Dalam Tin	73.1	14.9	63.6

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia


### **Eksport**

Jumlah eksport keluaran makanan diproses meningkat 22.7 peratus kepada RM 8 bilion daripada RM 6.5 bilion pada tahun 2003. Eksport utama yang mencatatkan peningkatan signifikan adalah teh dan *mate* (77.2 peratus), koko dan keluaran koko (34.1 peratus), produk tenusu (28.2 peratus), makanan lain diproses (26.2 peratus) dan makanan laut diproses (22.2 peratus). Pertambahan dalam kualiti dan penerimaan baik makanan keluaran Malaysia, serta promosi agresif telah menyumbang kepada prestasi eksport yang lebih baik. Pasaran eksport utama ialah Singapura, Indonesia, AS, Australia dan Thailand.

### **Import**


Pengeluar makanan tempatan masih lagi bergantung kepada bahan mentah perantara yang diimport untuk kegunaan aktiviti pemprosesan kerana kekurangan bekalan tempatan. Import keluaran makanan diproses bertambah 29.2 peratus daripada RM5.8 bilion pada tahun 2003 kepada RM7.5 bilion dalam tahun 2004. Import utama yang mencatatkan peningkatan signifikan adalah bijirin tersedia dan tepung (58.1 peratus), pelbagai makanan dan persediaan makanan (36.9 peratus), produk tenusu (29.8 peratus)

**Carta 5.16:**  
**Jualan Produk Makanan Diproses Terpilih**




Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

**Carta 5.17:**  
**Ekspor Produk Makanan Diproses**



Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**Carta 5.18:**  
**Import Produk Makanan Diproses**



Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

**Jadual 5.43:**  
**Eksport Produk Makanan Diproses**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
Jumlah	7,996.0	22.7	6,517.1
Koko dan Persediaan Koko	1,563.1	34.1	1,165.2
Pelbagai Makanan dan Persediaan Marjerin dan Lelemak	1,136.5	8.0	1,052.1
Bijirin Tersedia dan Tepung	805.5	65.6	486.5
Makanan Laut Diproses	747.1	14.6	651.7
Gula & Persediaan Gula	571.1	22.2	467.5
Produk Tenusu	441.1	-10.0	489.9
Buah-buahan dan Sayuran Diproses dan Diawet	402.9	28.2	314.3
Daging Diproses	272.6	5.6	258.2
Teh dan Mate	72.1	4.0	69.4
	42.0	77.2	23.7

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

dan teh serta mate (28.0 peratus). Pasaran import utama ialah Australia, Thailand, New Zealand dan PRC.

### **Pelaburan**

Sejumlah 68 projek diluluskan dalam tahun 2004 dengan pelaburan RM1.1 bilion berbanding 94 projek pada tahun 2003 (RM 855.2 juta). Sebanyak 49 projek adalah baru dengan pelaburan RM874.7 juta dan 19 projek untuk perkembangan/pelbagai dengan pelaburan RM269.6 juta. Pelaburan dalam industri pemprosesan makanan adalah kebanyakannya pelaburan domestik. Walau bagaimanapun dalam tahun 2004, pelaburan asing berjumlah RM597.4 juta (52.8 peratus) berbanding RM439 juta (41 peratus) pada tahun 2003.

Pelaburan yang diluluskan untuk pengeluaran minuman merangkumi 34 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan, diikuti oleh pelaburan untuk keluaran kopi dan teh (16.4 peratus) dan barang kandungan makanan (13.1 peratus).

**Jadual 5.44:**  
**Import Produk Makanan Diproses**

Produk	2004 (RM juta)	Perubahan (%)	2003 (RM juta)
<b>Jumlah</b>	<b>7,451</b>	<b>29.2</b>	<b>5,767</b>
Produk Tenusu	1,551	29.8	1,195
Pelbagai Makanan dan Persediaan	1,523	36.9	1,112
Gula dan Persediaan Gula	1,183	9.0	1,085
Bijirin Tersedia dan Tepung	604	58.1	382
Makanan Laut Diproses	417	31.5	317
Buah-buahan dan Sayuran Diproses dan Diawet	358	16.6	307
Koko dan Persediaan Koko	160	11.9	143
Teh and Mate	73	28.0	57
Daging Diproses	24	-4.0	25
Marjerin dan Lelemak	18	12.5	16

Disediakan oleh: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Projek-projek utama yang diluluskan termasuk:


- projek baru oleh syarikat asing untuk keluaran berasaskan kopi (ekstrak, pati serta pekatan kopi) dengan pelaburan RM119.9 juta. Projek ini akan menggunakan teknologi terbaru untuk tujuan pengekstrakan dan pengeringan sembur. Kesemua produk ini adalah untuk dieksport ke pasaran premium di Asia Pasifik.
- projek baru oleh syarikat milik penuh Malaysia dengan pelaburan RM90.2 juta untuk pengeluaran rempah dan tepung pracampuran. Syarikat kini mengeksport sebanyak 30 peratus keluarannya ke Singapura, Kanada, Australia dan Brunei Darussalam.
- projek baru oleh syarikat milik Singapura dengan pelaburan RM58 juta mengeluarkan kopi larut segera. Kumpulan syarikat kini terlibat dalam pengeluaran kopi boleh larut, minuman tiga dalam satu, minuman tin, bijirin, mee segera, keropok kentang dan

telah mendirikan kilang di Singapura, Myanmar, Filipina, Indonesia, Thailand dan Malaysia.

**Produktiviti**

Produktiviti sub-sektor makanan mencatatkan peningkatan 8.4 peratus kepada RM342,323 daripada RM315,805 pada tahun 2003. Industri yang mencatat perkembangan produktiviti dalam dua angka adalah pengeluaran minyak kelapa, 40.9 peratus; kilang beras besar, 33 peratus; minyak, lemak sayuran dan haiwan, 30.5 peratus; pelbagai produk tenusu, 14.8 peratus; dan pengetinan nenas, 13.6 peratus. Perkembangan ini disebabkan oleh permintaan yang kukuh di pasaran tempatan dan permintaan luaran serta promosi Malaysia sebagai pusat akreditasi untuk makanan halal. Eksport keluaran terutamanya makanan sejuk beku dan diproses bertambah 22.7 peratus dengan nilai RM7,996 juta. Daya saing kos pekerja mencatat sedikit peningkatan iaitu 1.9 peratus.

**Carta 5.19:**  
**Petunjuk Produktiviti Sub-sektor Pemprosesan Makanan**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

**Perkembangan**

Standard Halal Malaysia, MS1500:2004 yang mematuhi dan memenuhi kehendak Piawaian Amalan Pengilangan dan Kebersihan Yang Baik telah dilancarkan oleh Kerajaan

pada 10 Julai 2004. Langkah ini penting dalam memastikan keluaran halal Malaysia terus menepati kualiti tertinggi serta memenuhi kehendak piawaian antarabangsa.

Dalam Bajet 2005 Kerajaan telah mengumumkan insentif pengecualian cukai dua kali ke atas perbelanjaan yang memenuhi syarat-syarat pensijilan halal kepada pengeluar produk halal bagi menggalakkan perkembangan industri ini. Pengecualian Cukai Pelaburan 100 peratus untuk lima tahun akan diberi kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan makanan halal bagi menggalakkan pelaburan dan meningkatkan penggunaan mesin dan jentera yang canggih.

Untuk memperkembang dan mempromosi produk halal satu dana khas telah ditubuhkan dengan peruntukan RM10 juta. Dana ini bertujuan menampung perbelanjaan pembelajaran dalam bidang perancangan perniagaan, teknologi dan perkembangan pasaran, meningkatkan produktiviti dan kualiti untuk mencapai tahap persijilan antarabangsa dan penembusan pasaran eksport.

## **SEKTOR PERKHIDMATAN BERKAITAN PERKILANGAN**

### **Penubuhan Pusat Serantau**

#### ***Ibu Pejabat Operasi (OHQ)***

Dalam tahun 2004, sejumlah 16 OHQ telah diluluskan berbanding dengan 12 pada tahun 2003. Jumlah modal dibayar bagi 16 OHQ ini bernilai RM5 juta dengan jumlah perbelanjaan perniagaan tahunan sebanyak RM172.5 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak lima OHQ adalah syarikat daripada AS diikuti Jerman (3), Jepun (2) dan British Virgin Islands (2).

Dari segi pekerjaan, sejumlah 1,095 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan oleh OHQ tersebut yang mana 882 pekerjaan atau 81 peratus daripada jawatan-jawatan tersebut akan diisi oleh rakyat Malaysia dan bakinya sebanyak 213 jawatan oleh rakyat asing.

OHQ yang telah diluluskan terutamanya bergiat dalam E&E, penjagaan kesihatan, farmaseutikal, insurans, makanan dan minuman, keluaran isirumah, pembalakan dan logistik. Di antara OHQ yang telah diluluskan termasuk:-

- sebuah syarikat milik AS bagi menyediakan perkhidmatan perkongsian dan perkhidmatan sokongan teknikal kepada operasi syarikatnya di Asia Pasifik, Amerika Syarikat dan Eropah. Cadangan pelaburan ini meliputi penubuhan beberapa pusat sokongan bagi menyediakan perkhidmatan kepada syarikat-syarikatnya termasuk Pusat Perkhidmatan Bersama, Pusat Operasi Penghantaran Global, Pusat Perkhidmatan Global Sumber Manusia dan Pusat Bantuan Teknikal Rantau Asia;
- sebanyak dua syarikat Jerman bagi menyediakan perkhidmatan sokongan kepada tiga perniagaan utama kumpulan tersebut berkaitan dengan tenaga, ICT dan pengangkutan. Pada masa lalu, perkhidmatan sokongan tersebut disediakan secara langsung oleh ibu pejabat mereka di Jerman;
- sebuah syarikat milik rakyat Australia bagi menyelaras operasi serantau dalam pengurusan rantaian pembekalan, pengurusan umum dan pentadbiran serta perancangan perniagaan. Kumpulan ini mempunyai enam kemudahan perkilangan bagi keluaran penjagaan kesihatan seperti sarung tangan pelindung serta kondom di Malaysia dan operasi pengeluaran lain di rantau Asia Pasifik; dan
- syarikat lain yang diluluskan untuk menubuhkan operasi OHQ di Malaysia adalah bagi pengeluaran PCB, industri perkhidmatan keselamatan dan pakaian.

### ***Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)***

Sejumlah 21 syarikat telah diluluskan dengan status IPC dalam tahun 2004 berbanding 32 pada tahun 2003. Jumlah modal berbayar bagi IPC yang diluluskan dalam tahun 2004 bernilai

RM5.4 juta manakala purata jualan tahunan dan perbelanjaan perniagaan masing-masing dianggarkan bernilai RM3.7 bilion dan RM114.2 juta.

Daripada jumlah IPC yang diluluskan, sebanyak 17 daripadanya dimiliki rakyat asing dan empat syarikat milik rakyat Malaysia. Sebanyak tujuh daripada IPC milik rakyat asing adalah syarikat multinasional dari Jepun termasuk pengeluar papan kekunci terbesar di dunia dan sebuah syarikat pengeluar resin terbesar di Jepun.

Syarikat asing lain telah menubuhkan operasi IPC mereka di Malaysia termasuk sebuah syarikat AS bagi menubuhkan Hub Bahan Memori untuk mengurus rantaian pembekalan komponen OEM dan pengilang kontrak di Asia, Eropah dan Amerika Utara. Sebuah lagi syarikat utama diluluskan berasal dari Perancis akan bertindak sebagai agen pembeli bagi minyak kelapa sawit dan terbitannya, susu getah dan getah asli, kimia serta minyak kelapa dan terbitannya untuk operasi kumpulan mereka di Asia Tenggara.

Sebanyak empat syarikat milik rakyat Malaysia yang telah diluluskan status IPC adalah bagi industri kertas dan tekstil.

Dari segi penggunaan kemudahan pelabuhan dan lapangan terbang tempatan, sejumlah RM2.5 bilion nilai barang-barang yang dicadangkan akan dieksport oleh enam syarikat IPC, hampir 80 peratus daripadanya akan dieksport melalui pelabuhan dan 20 peratus melalui lapangan terbang. Daripada jumlah barang yang akan dieksport melalui pelabuhan, sejumlah RM1 bilion (51 peratus) akan dieksport melalui Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang (RM521.3 juta atau 26 peratus), Pelabuhan Pasir Gudang (RM377.6 juta atau 19 peratus) dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) (RM78.3 juta atau 4 peratus). Dari segi jumlah barang yang akan dieksport melalui lapangan terbang tempatan pula, sejumlah RM440.3 juta atau 91 peratus akan dieksport melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

IPC dijangka akan memperolehi keluaran daripada syarikat-syarikat tempatan termasuk syarikat SME yang seterusnya akan memajukan lagi rantaian perindustrian di kalangan sektor perkilangan dan membantu syarikat tempatan menjadi pembekal global. Berasaskan purata perolehan tahunan yang bernilai RM3.1 bilion dalam tahun 2004, dijangka sebanyak 68 peratus atau barang yang bernilai RM2.1 bilion akan diperolehi daripada syarikat tempatan. Ini akan memperluaskan lagi peluang pasaran kepada barang-barang keluaran tempatan.

### **Pusat Pengedaran Serantau (RDC)**

Dalam tahun 2004, sebanyak tiga syarikat telah diluluskan status RDC berbanding pada tahun 2003 sebanyak empat syarikat. Jumlah modal berbayar bagi RDC yang diluluskan dalam tahun 2004 bernilai RM6.7 juta manakala purata jualan tahunan serta perbelanjaan perniagaan adalah masing-masing dianggarkan bernilai RM421.1 juta dan RM38.5 juta. RDC tersebut adalah daripada Jerman, Switzerland dan Malaysia.

Syarikat yang diluluskan status RDC adalah:

- sebuah syarikat milik Jerman yang akan menjadikan Malaysia sebagai pusat pengedaran bagi komponen dan alat ganti kepada pasaran utamanya di rantau Asia Pasifik. Projek ini merupakan satu-satunya pusat pengedaran yang telah ditubuhkan di luar Jerman. Sehingga akhir tahun 2004, syarikat telah melabur sebanyak RM35 juta bagi pusat pengedaran komponen dan alat ganti tersebut;
- sebuah syarikat milik Switzerland bagi mengedar komponen automasi berjenama yang dikeluarkan oleh kilangnya di Denmark, Itali dan Malta untuk pasaran global;
- sebuah syarikat milik rakyat Malaysia yang akan mengedar rim alloy ke rantau Asia Pasifik; dan
- dari segi pengedaran barang oleh RDC, sejumlah RM163.4 juta akan diedarkan ke

pelbagai destinasi melalui Pelabuhan Klang (96 peratus) dan bakinya sebanyak RM7.4 juta melalui KLIA. Sebanyak 70 peratus daripada barang ini akan diperolehi daripada pelbagai kilang pengeluarannya di luar negara.

### ***Pejabat Serantau/Perwakilan (RO/RE)***

Sejumlah 36 RO telah diluluskan dalam tahun 2004 berbanding dengan 37 pada tahun 2003. Bilangan RE yang diluluskan telah meningkat kepada 157 daripada 134 pada tahun 2003. Jumlah perbelanjaan perniagaan tahunan pejabat RO/RE telah mencapai RM77.9 juta. Sejumlah 855 pekerjaan akan diwujudkan dan memberi peluang pekerjaan kepada 541 rakyat Malaysia dan 284 rakyat asing.

Sumber utama pelaburan adalah dari PRC (82), Singapura (18), AS (17), Jepun (11), UK (9) dan Hong Kong (8).

### ***Perkhidmatan Sokongan***

### ***Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)***

Kerajaan telah menyediakan pelbagai jenis insentif untuk terus menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam R&D. Ini termasuk insentif Taraf Perintis (TP) atau Elaun Cukai Pelaburan (ECP) bagi aktiviti R&D kontrak, R&D dalaman, R&D bebas dan potongan dua kali ke atas perbelanjaan R&D yang diluluskan untuk syarikat-syarikat Malaysia dan asing. Terdapat juga skim geran yang khusus kepada syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia.

Dalam tahun 2004, sebanyak 12 projek R&D telah diluluskan insentif TP atau ECP yang melibatkan pelaburan sebanyak RM83.9 juta berbanding dengan lima projek yang diluluskan pada tahun 2003 dengan pelaburan sebanyak RM67.9 juta. Sebahagian besar pelaburan dalam projek-projek R&D dalam tahun 2004 terdiri daripada pelaburan asing yang berjumlah RM59.2 juta (70.6 peratus).

Sejumlah besar pelaburan adalah dalam projek R&D dalaman (lima projek) dengan pelaburan bernilai RM61.4 juta. Di antara

aktiviti R&D dalaman yang dicadangkan adalah berkaitan dengan prestasi campuran pewarnaan, sistem pencahayaan luaran dan sistem speaker. Terdapat empat syarikat R&D kontrak yang diluluskan dalam tahun 2004 dengan pelaburan bernilai RM7.2 juta (berbanding 2003: tiga projek bernilai RM3.9 juta). Bidang-bidang yang terlibat dengan R&D kontrak termasuk reka bentuk belakang litar bersepodu, peralatan ujian litar tersebut serta bahan mentah dan komponen untuk industri automotif.

Setakat 31 Disember 2004, sebanyak 73 projek R&D telah diluluskan insentif TP atau ECP yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM1.1 bilion. Sebahagian besar pelaburan tertumpu dalam industri E&E (27 projek bernilai RM526.9 juta), kimia dan barang kimia (sembilan projek bernilai RM128.9 juta) dan pengilangan jentera (lima projek bernilai RM111 juta). Lebih daripada dua pertiga adalah pelaburan asing adalah tertumpu kepada sektor E&E. Pelaburan tempatan turut bergiat dalam industri E&E serta pengilangan jentera. Sebahagian besar pelaburan dalam projek-projek R&D yang diluluskan (bernilai RM893.6 juta atau 84 peratus) terlibat dengan projek-projek R&D dalaman.

Dalam tahun 2004, sebanyak 173 syarikat termasuk syarikat tempatan dan asing telah diluluskan insentif potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan R&D yang diluluskan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dengan nilai RM499.5 juta (berbanding 2003: 285 syarikat bernilai RM714.4 juta). Tuntutan potongan dua kali yang tertinggi mengikut industri adalah sektor automobil (65.6 peratus), diikuti oleh barang elektrikal (17.9 peratus) dan barang pertanian (6.8 peratus).

Pelbagai jenis skim bantuan telah ditawarkan bagi R&D seperti Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri (IGS), Skim Geran R&D Koridor Raya Multimedia (MGS), Dana Pengkomersilan R&D (CRDF) dan Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-Bidang Keutamaan (IRPA).

Skim IGS menyediakan geran kepada syarikat perniagaan kecil dan sederhana milik rakyat

Malaysia bagi menjalankan aktiviti R&D untuk memperkenalkan, paten dan pengkomersialan teknologi, keluaran, sistem dan proses. Dalam tahun 2004, sebanyak sepuluh projek yang melibatkan geran berjumlah RM15.2 juta telah diluluskan di bawah IGS (berbanding 2003: 21 projek bernilai RM38.9 juta). Ini terutamanya dalam sektor ICT (lima projek bernilai RM6.6 juta), farmaseutikal (sebuah projek bernilai RM2 juta), mesin/peralatan bernilai tinggi (sebuah projek bernilai RM1.9 juta), teknologi alam sekitar (sebuah projek bernilai RM1.9 juta) dan bioteknologi (sebuah projek bernilai RM1.9 juta). Di antara projek-projek yang diluluskan ialah bagi pengeluaran antibodi pengklonan tunggal dan pengklonan banyak (*polyclonal and monoclonal*), penyelidikan, reka bentuk dan pembangunan sistem pengudaraan deras serta pembangunan sistem penggera keselamatan kereta.

Skim MGS pula bertujuan untuk menggalakkan aktiviti R&D bagi keluaran dan perkhidmatan multimedia dan untuk mengadakan kerjasama di bidang R&D di antara syarikat antarabangsa dengan syarikat tempatan terutama IKS. Skim MGS yang diberikan kepada syarikat berstatus MSC menyediakan geran separa sehingga 70 peratus daripada kos projek. Dalam tahun 2004, sebanyak sepuluh projek (kesemuanya milik rakyat Malaysia) telah diluluskan di bawah skim tersebut dengan nilai RM23.5 juta.

Skim CRDF telah ditubuhkan untuk menggalakkan pengkomersilan R&D oleh universiti tempatan dan institusi penyelidikan serta menggalakkan syarikat-syarikat tempatan terlibat dalam aktiviti R&D dan mengkomersilkan penemuan R&D mereka. Skim CRDF menyediakan geran separa di antara 50 hingga 70 peratus (maksimum RM2 juta) bagi beberapa tahap pengkomersilan dan ianya diperuntukkan kepada syarikat yang memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 60 peratus dipegang oleh rakyat Malaysia. Sejumlah empat projek yang melibatkan geran sebanyak RM5.2 juta telah diluluskan dalam tahun 2004 (berbanding 2003:12 projek bernilai RM11.2 juta).

Di bawah Program IRPA pula, terdapat tiga kategori penyelidikan yang dibiayai di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 dikenali sebagai penyelidikan percubaan gunaan, penyelidikan keutamaan dan penyelidikan strategik. Dalam tahun 2004, sejumlah 258 projek yang melibatkan geran berjumlah RM119.7 juta telah diluluskan yang mana RM40 juta atau sepertiga daripadanya adalah diperuntukan bagi sektor perkilangan.

### **Tenaga Yang Boleh Diperbaharui**

Kerajaan menyediakan pelbagai bentuk insentif untuk menggalakkan penggunaan biomass yang dihasilkan daripada sisa buangan kelapa sawit, bahan buangan kayu dan sekam padi sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Dalam tahun 2004, sebanyak tujuh projek dengan pelaburan berjumlah RM156 juta telah diluluskan insentif bagi menghasilkan tenaga daripada biomass berbanding dengan sembilan projek pada tahun 2003. Kapasiti tahunan tenaga yang dihasilkan oleh projek-projek yang diluluskan tersebut dianggarkan sebanyak 40.1 megawatts (MW) tenaga elektrik dan 464 tan metrik (MT) wap yang menggunakan 1.6 juta MT biomass kelapa sawit dan bahan buangan kayu-kayan.

Di masa ini, terdapat 25 projek yang telah diluluskan insentif TP atau ECP yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM561.5 juta bagi menghasilkan tenaga daripada biomass. Kesemua projek yang diluluskan tersebut adalah milik rakyat Malaysia. Projek-projek yang diluluskan tersebut berkeupayaan menghasilkan tenaga elektrik sebanyak 24.8 MW dan 102 MT menggunakan 347,112 MT biomass setahun.

### **Logistik Bersepadu**

Dalam tahun 2004, sebuah projek telah diluluskan bagi menjalankan perkhidmatan logistik bersepadu yang melibatkan pelaburan sebanyak 109.2 juta.

### **Perkhidmatan ICT**

#### **Syarikat Berstatus MSC**

Dalam tahun 2004, sejumlah 190 syarikat telah diluluskan status MSC dengan

pelaburan berjumlah RM1.9 bilion. Pelaburan asing sebanyak 22 peratus (RM435.4 juta) daripada jumlah pelaburan manakala pelaburan tempatan adalah 78 peratus (RM1.5 bilion). Pelaburan asing terutamanya dari AS (RM38.2 juta). Daripada 190 syarikat yang diluluskan status MSC dalam tahun 2004, sejumlah 145 (76.3 peratus) adalah milik sepenuh rakyat Malaysia, 20 (10.5 peratus) milik penuh rakyat asing manakala baki 25 (13.2 peratus) merupakan projek usahasama.

Setakat 31 Disember 2004, sejumlah 1,163 syarikat telah diberikan status MSC oleh Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. Daripada jumlah ini, 825 syarikat adalah milik majoriti rakyat Malaysia, 307 milik majoriti rakyat asing dan 31 adalah milik bersama. Syarikat berstatus MSC bergiat dalam pelbagai sektor.

Daripada 1,163 syarikat tersebut, sejumlah 910 (78.2 peratus) sedang beroperasi. Mengikut Bancian Impak MSC tahun 2004, jumlah perbelanjaan bagi 539 syarikat yang terlibat di dalam kaji selidik adalah berjumlah RM4.63 bilion iaitu peningkatan sebanyak 28 peratus berbanding jumlah yang dilaporkan dalam soalselidik ke atas 464 syarikat pada tahun 2003. Jumlah jualan syarikat ini dalam tahun 2004 dianggarkan RM6.78 bilion. Sejumlah 22,293 peluang pekerjaan telah diwujudkan yang mana 19,318 (86.6 peratus) merupakan pekerja-pengetahuan.

### **Pembangunan Perisian Komputer**

Perisian komputer merangkumi perisian permainan, perisian aplikasi seperti pemprosesan perkataan, grafik, pengiraan dan pengkalan data serta penyelesaian menggunakan perisian seperti pengurusan rangkaian, sistem integrasi, perisian perakaunan dan perisian pengurusan.

Dalam tahun 2004, sebanyak dua projek perisian baru telah diluluskan insentif bagi membangunkan perisian komputer untuk rangkaian keselamatan dan aplikasi memproses imej yang melibatkan pelaburan RM2.5 juta.

Sehingga kini, terdapat lebih daripada 45 syarikat yang mengeluarkan berbagai pakej perisian seperti kejuruteraan, perniagaan dan aplikasi khusus, aplikasi isi kandungan, perniagaan berdasarkan internet, keselamatan, integrasi sistem dan pembilan.

Kebanyakan pakej perisian adalah bagi pasaran tempatan. Bagaimanapun terdapat dua syarikat utama di Malaysia akan mengeksport lebih daripada 80 peratus pakej perisian mereka.

### **PROSPEK**

Pertumbuhan ekonomi Malaysia di tahun 2005 dijangka meningkat antara 5 hingga 6 peratus, dengan permintaan global yang perlahan, teutamanya dari AS, EU, PRC dan Jepun, serta jangkaan permintaan global yang perlahan ke atas produk elektronik. Memandangkan Malaysia adalah pengeksport bersih minyak, kenaikan harga minyak dijangka dapat mengurangkan kesan kejatuhan permintaan elektronik global.

Sektor perkilangan akan terus kekal sebagai enjin pertumbuhan melalui usaha pembuatan produk yang bernilai tambah tinggi dan perluasan pasaran baru. Sektor perkilangan dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus dalam tahun 2005, berbanding 9.8 peratus di tahun 2004, disebabkan terutamanya oleh jangkaan penurunan di sektor E&E..

Pertumbuhan sektor E&E dalam tahun 2005 dijangka perlahan disebabkan berkurangnya permintaan daripada pasaran utama terutamanya dari AS, Jepun dan PRC akibat aktiviti pengumpulan inventori di tahun 2004. Pengurangan permintaan terhadap semikonduktur akan menyumbang kepada prestasi sektor secara sederhana.

Permintaan produk besi dan keluli bagi aktiviti perkilangan dijangkakan berkembang dengan wujudnya fasiliti baru bagi pengeluaran berasaskan spesifikasi dan gred tertentu, yang mana di masa lepas ianya tidak dikeluarkan

dalam negeri, serta permintaan luaran yang terus kukuh melalui usaha berterusan oleh pengeluar tempatan bagi menerokai pasaran baru. Walau bagaimanapun, permintaan bagi produk besi dan keluli di sektor pembinaan dan bangunan dijangka kurang menggalakkan sehingga 2005. Ini disebabkan oleh pengurangan perbelanjaan sektor awam untuk bajet yang seimbang sehingga 2007.

Sektor peralatan dan jentera (M&E) dijangka berkembang pada kadar sederhana sebanyak 4 peratus. Permintaan terhadap jentera yang khusus dijangka bertambah bagi memenuhi permintaan industri tertentu. Malaysia dijangka mengeluarkan lebih banyak jentera yang bernilai tambah berikutan dengan pengenalan teknologi baru, proses perkilangan berautomasi dan pemasangan jentera yang termaju. Produk kimia dan bahan kimia juga dijangkakan meningkat berikutan perkembangan industri farmaseutikal serta minyak dan gas. Jangkaan pertambahan perbelanjaan penjagaan kesihatan di sektor swasta dan awam akan meyumbang kepada pengukuhan sub-sektor farmaseutikal

berbangkit dari pertambahan kesedaran pengguna terhadap kepentingan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan akses yang semakin bertambah untuk perkhidmatan penjagaan perkhidmatan

Produk getah dijangka meningkat oleh permintaan yang terus menerus bertambah terutamanya bagi tayar, dengan bertambahnya jualan kenderaan global, dan permintaan sarung tangan getah di pasaran utama.

Eksport produk kayu dijangka meningkat dengan pertambahan permintaan global ke atas venir, papan lapis, papan serpai dan kayu tanggam.

Usaha-usaha yang berterusan bagi menambah baik kualiti dan keselamatan produk makanan sejajar dengan standard antarabangsa akan membolehkan produk makanan Malaysia bersaing di pasaran antarabangsa. Penyediaan insentif bagi pengeluaran makanan halal akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai Hub Halal Antarabangsa. ☺



## TINJAUAN

Dalam tahun 2004, sebanyak 89.3 peratus atau 18,271 daripada sejumlah 20,455 syarikat yang aktif di sektor perkilangan merupakan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS). Sumbangan EKS kepada jumlah keseluruhan pengeluaran adalah sebanyak 16.3 peratus, 17.6 peratus kepada nilai ditambah dan 25.4 peratus kepada jumlah guna tenaga. Berbanding dengan prestasi tahun 2003, sumbangan EKS meningkat sebanyak 7.5 peratus bagi jumlah pengeluaran, 9.7 peratus dalam nilai ditambah dan 2.5 peratus dari segi guna tenaga.

**Jadual 6.1:**  
**Sumbangan EKS Dalam Sektor Perkilangan**

Petunjuk	2004 <sup>e</sup>	2003	Pertumbuhan (%)
<b>Jumlah Pengeluaran</b>			
Nilai (RM bilion)	69.3	64.1	7.5
% Sumbangan	16.3	16.2	
<b>Nilai Ditambah</b>			
Nilai (RM bilion)	14.2	12.9	9.7
% Sumbangan	17.6	17.4	
<b>Guna Tenaga</b>			
Nilai (Bilangan)	309,935	302,172	2.5
% Sumbangan	25.4	25.3	

Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

Nota: <sup>e</sup> Anggaran

## ISU DAN CABARAN YANG DIHADAPI OLEH EKS

EKS di Malaysia masih terlalu bergantung kepada pasaran tempatan. Berdasarkan kajian

yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) dalam tahun 2004, EKS hanya mengeksport 26 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran mereka.

Cabarani utama yang dihadapi oleh EKS adalah:

- akses pasaran;
- akses pembiayaan;
- akses maklumat;
- pembangunan sumber manusia;
- inovasi dan kreativiti; dan
- kemajuan teknologi.

Kerajaan telah melaksanakan program-program pembangunan yang komprehensif dan bersepadu bagi membantu EKS dalam menghadapi cabaran. Program tersebut meliputi kesemua fasa pembangunan enterpris, bermula dari tahap permulaan ke tahap pengembangan dan matang.

## PROGRAM PEMBANGUNAN EKS

Program pembangunan EKS merangkumi Program Rantaian Industri (ILP), Program Peningkatan EKS, Panel Penasihat Pakar EKS (SEAP) dan Skim Pengauditan Kilang.

Program Rantaian Industri (ILP) memudahkan EKS menjadi pembekal yang kompeten, berkeupayaan dan berdaya saing kepada syarikat besar dan Multinasional (MNC). Program ini mengandungi tiga komponen iaitu insentif fiskal, pemadanan perniagaan dan program pembangunan seperti penambahbaikan teknologi, kewangan dan keupayaan pengurusan.

Sehingga Disember 2004, sejumlah 1,051 EKS telah mendaftar di bawah ILP. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 283 atau 27 peratus telah berjaya menjadi pembekal kepada syarikat besar dan MNC. Sehingga kini, sejumlah RM335 juta jualan telah dijana melalui rantaian ini.

Bagi mempermudah akses pasaran yang lebih luas untuk EKS, program rantaian berdasarkan sektoral telah dilaksanakan di sektor automotif dan makanan.

Melalui program ini, EKS di sektor makanan mampu bekerjasama dengan pasar raya besar milik asing yang terdapat di Malaysia untuk pembekalan produk bukan sahaja bagi pasaran tempatan, tetapi juga untuk cawangan di serata dunia. Sehingga kini, sejumlah 47 EKS telah dilantik sebagai pembekal produk di bawah jenama sendiri dan juga jenama pasar raya besar tersebut.

Bagi membantu syarikat-syarikat EKS yang bergiat dalam sektor automotif meningkatkan produktiviti dan kualiti serta memperolehi persijilan piawaian antarabangsa, dalam tahun 2004 sebanyak 51 permohonan untuk Skim Geran Peningkatan Produktiviti dan Kualiti serta Skim Persijilan untuk ISO/TS 16949 telah diterima. Daripada jumlah ini, 23 permohonan telah diluluskan dengan geran berjumlah RM1.6 juta.

Program Peningkatan EKS telah diperkenalkan bagi meningkatkan keupayaan EKS dalam memenuhi keperluan pasaran domestik dan eksport. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi teknikal Kerajaan. Bagi EKS yang dipilih di bawah Program ini, program sokongan bersepadu yang terdiri daripada bantuan teknikal dan kewangan disediakan. Sehingga kini, sejumlah 116 EKS telah menyertai program ini.

EKS juga boleh mendapatkan bantuan melalui Panel Penasihat Pakar EKS (SEAP) yang menyediakan pakar industri untuk membantu membuat penilaian di premis kilang serta memberi khidmat nasihat teknikal mengenai

proses pengeluaran. Sehingga kini, seramai 14 pakar industri telah dilantik untuk membantu EKS dalam meningkatkan keupayaan dan kapasiti pengeluaran mereka.

Skim Pengauditan Kilang bertujuan membantu EKS menjalankan penilaian diagnostik ke atas operasi pengeluaran dan proses. Melalui Skim ini, EKS dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan syarikat di samping mengenal pasti bantuan yang diperlukan daripada pelbagai skim yang disediakan oleh Kerajaan. Sehingga Disember 2004, sebanyak 43 permohonan telah diluluskan dengan keseluruhan geran berjumlah RM419,625.

Pameran Tahunan SMIDEC, *SMIDEX* 2004 menyediakan peluang bagi syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan untuk mempamerkan produk dan mengadakan rundingan untuk aktiviti *outsourcing*. Pameran ini telah diadakan pada 9-11 September 2004 dengan kerjasama *Malaysian German Chamber Of Commerce and Industry (MGCC)* yang bertemakan *Malaysia-Germany Partnership*. *SMIDEX* 2004 memberi tumpuan kepada empat kelompok industri iaitu elektrik dan elektronik (E&E), kelengkapan pengangkutan, mesin dan kejuruteraan (M&E), serta kimia dan petrokimia. Pameran ini telah berjaya menarik seramai 5,667 pelawat perdagangan.

Sebagai sokongan terhadap penglibatan EKS dalam aktiviti promosi untuk pasaran eksport, Geran Pembangunan Pasaran (MDG) telah dilaksanakan dan dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Dalam tahun 2004, sebanyak 725 projek telah diluluskan dengan geran berjumlah RM4.8 juta. Kelulusan tertinggi diperoleh oleh sektor kayu dan produk berasaskan kayu dengan 162 kelulusan (22.3 peratus) berjumlah RM1.2 juta. Ini diikuti oleh sektor E&E dengan 111 kelulusan (15.3 peratus) berjumlah RM0.7 juta. Kelulusan tertinggi adalah EKS di Selangor dengan 327 kelulusan (45.1 peratus), Wilayah Persekutuan

111 kelulusan (15.3 peratus), Pulau Pinang 94 kelulusan (12.9 peratus) dan Johor 82 kelulusan (11.3 peratus).

### **Peningkatan Kemahiran**

Program Peningkatan Kemahiran merupakan inisiatif untuk menggalakkan EKS meningkatkan kemahiran dan kompetensi pekerja. Dalam tahun 2004, sejumlah RM970,000 telah disalurkan kepada 19 buah pusat kemahiran untuk melatih 393 pekerja EKS. Di bawah program ini, geran bersamaan 50 peratus disediakan bagi yuran latihan. Antara kursus yang mendapat sambutan menggalakkan adalah kejuruteraan mekanikal, produktiviti dan kualiti, kimpalan serta mesin dan kejuruteraan.

Lima institusi yang aktif melatih pekerja EKS dalam tahun 2004 ialah:

- Perbadanan Produktiviti Negara (NPC);
- Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC);
- SIRIM Berhad;
- Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI); dan

#### **Jadual 6.2: Status Program Latihan Yang Disertai Oleh EKS, 2004**

Program Latihan	Bil. Pelatih
<b>Jumlah</b>	<b>393</b>
Kejuruteraan Mekanikal	122
Produktiviti dan Kualiti	82
Kimpalan	43
Mesin dan Kejuruteraan	40
Teknologi Seramik	29
Teknologi Plastik	17
Keselamatan dan Kesihatan	16
Automasi Perindustrian	14
Program Pembekalan Global (GSP)	7
Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	3
Elektronik Perindustrian	3

Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

- Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor (SHRDC).

### **CAPAIAN**

#### **Akses kepada Maklumat EKS**

Pusat Khidmat Nasihat dan Maklumat EKS telah ditubuhkan untuk memudahkan akses maklumat mengenai keseluruhan program dan bantuan kewangan yang disediakan bagi EKS. Pusat ini terdiri daripada:

- pusat maya ([www.smidec.gov.my](http://www.smidec.gov.my));
- pusat fizikal iaitu klinik perniagaan dan pejabat wilayah; dan
- hotline (1-800-18-1801).

Pusat Maya memudahkan EKS memperoleh pelbagai maklumat mengenai program pembangunan yang disediakan khusus kepada EKS. Ianya termasuk maklumat berkenaan dengan bantuan kewangan, insentif dan program dan bengkel teknikal yang dianjurkan. Sejak dilancarkan pada Julai 2003, seramai 163,949 pelawat telah mengunjungi pusat maya ini bagi mendapatkan maklumat berkaitan program-program pembangunan EKS.

Klinik perniagaan diadakan bagi membantu EKS mendapatkan maklumat mengenai polisi dan program pembangunan EKS. Sesi ini merupakan alternatif bagi penyebaran maklumat dan bantuan kepada EKS. Dalam tahun 2004, sebanyak 834 syarikat telah menghadiri sesi ini. Kebanyakan pertanyaan yang dikemukakan adalah mengenai bantuan yang disediakan kepada EKS, program peningkatan kualiti dan produktiviti EKS serta program peningkatan penggunaan ICT.

Bengkel teknikal juga dianjurkan bagi menyediakan maklumat kepada EKS mengenai perkara khusus seperti pengurusan kewangan serta produktiviti dan kualiti. Dalam tahun 2004, sejumlah 33 bengkel teknikal telah dianjurkan di seluruh negara dan dihadiri oleh 2,381 orang peserta.

Sebanyak tiga seminar pelaburan tempatan dan bengkel telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peluang pelaburan dan meningkatkan pemahaman terhadap polisi, program bantuan serta pakej kewangan yang disediakan oleh Kerajaan kepada pelabur yang berpotensi. Seminar dan bengkel yang diadakan di Kuala Terengganu, Kuala Lumpur dan Seremban telah menarik minat sejumlah 1,887 orang peserta.

Dalam tahun 2004, sebanyak 24 syarikat Bumiputra telah dipilih dan diberikan bantuan di bawah MATRADE *Trade Outreach Programme* (MTOP). Syarikat-syarikat ini diberikan bantuan untuk menjalankan aktiviti promosi bagi tempoh tiga tahun.

Program Enterpris 50 adalah program anugerah yang diperkenalkan untuk mengiktiraf kejayaan 50 buah syarikat tempatan. Program ini telah menarik penyertaan 112 syarikat dalam tahun 2004. Sebanyak 48 peratus daripada jumlah semua penyertaan terdiri daripada EKS berbanding 44 peratus pada tahun 2003. Sektor perkilangan terus menguasai senarai penerima anugerah dengan jumlah 68 peratus daripada keseluruhan pemenang. Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 1997, sebanyak 38 syarikat telah disenaraikan di Bursa Malaysia.

### **Program EKS di peringkat ASEAN**

Dalam tahun 2004, Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju dengan mekanisme pelaksanaan di bawah *ASEAN Policy Blueprint on SME Development (APBSD) 2004-2014*, yang memberi tumpuan kepada pembangunan EKS. Ini akan dilaksanakan oleh Kumpulan Kerja EKS ASEAN bagi dekad yang akan datang. Sejajar dengan matlamat penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), tumpuan EKS di bawah APBSD adalah kepada 11 sektor utama berikut:

- Produk berasaskan tani;
- Elektronik;
- Automotif;
- Produk berasaskan getah;

- Produk berasaskan kayu;
- Tekstil dan pakaian;
- Perikanan;
- Pelancongan;
- Penjagaan kesihatan;
- Perjalanan udara; dan
- e-ASEAN.

Di bawah APBSD, sebanyak 15 projek telah dikenal pasti untuk dilaksanakan secepat mungkin. Malaysia akan mengetuai dua projek:

- Penandaaran Bagi Amalan Terbaik Dalam Pengurusan Kualiti Keseluruhan Untuk Mengukuhkan Perkembangan Dan Persaingan EKS di peringkat ASEAN; dan
- EKS Akses Kewangan: menangani Penawaran Pembiayaan EKS.

Kedua-dua projek ini telah diluluskan di bawah Dana Kerjasama Pembangunan ASEAN-Australia.

Malaysia dan Indonesia akan mengetuai projek berikut:

- pembangunan multimedia pakej pembelajaran sendiri berkaitan pengawalan kualiti dan persijilan serta kualiti, kos dan penambahbaikan sistem penghantaran;
- penambahbaikan pemindahan teknologi dan pelesenan di kalangan sektor EKS melalui perkongsian amalan terbaik dan mencontohi kejayaan EKS di dalam dan luar negara ASEAN; dan
- projek serantau untuk pembangunan keusahawanan bagi ASEAN-6 atau ASEAN-4 dalam industri automotif (motosikal, kereta, trak, lori dan bas).

Sebagai respons ke atas pelan tindakan di bawah *Ha Noi Plan of Action (HPA)*, Thailand telah menganjurkan mesyuarat kebangsaan *Credit Guarantee Corporations (CGCs)* yang pertama, pada 25-26 Mac 2004 di

Bangkok. Mesyuarat tersebut telah menyediakan peluang kepada para peserta untuk bertukar pandangan dan berkongsi amalan terbaik.

Kumpulan Kerja EKS ASEAN telah bekerjasama dengan Kerajaan India menganjurkan bengkel *SMEs Going Global - Framework for Cooperation between India and ASEAN*. Bengkel ini bertujuan untuk mengujudkan satu rangka kerja bagi mengukuhkan kerjasama di antara EKS ASEAN dan India.

Dalam tahun 2004, Malaysia turut menyertai *Japan-ASEAN Policy Conference on SME Development: Supply Chain Management and Cluster Development*. Melalui persidangan ini, penggubal polisi EKS di peringkat ASEAN telah dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan pengurusan rangkaian pembekalan dan pembentukan kumpulan.

### **Program EKS di peringkat APEC**

Mesyuarat Menteri-Menteri EKS APEC 2004 memberi penekanan kepada tema Penggalakan Pembangunan Keusahawanan yang merupakan kesinambungan daripada tema Mesyuarat APEC 2003 iaitu Pengukuhan Masyarakat Usahawan. Selaras dengan tema yang dipilih, program EKS di peringkat APEC lebih memberi penekanan kepada peraturan, kemudahan kewangan, pembangunan sumber manusia, penggalakan aktiviti inovasi dan penerapan teknologi.

Antara dua hasil utama daripada Mesyuarat Menteri-Menteri EKS APEC 2004 adalah mengenai penerimaan serta pengiktirafan dokumen Agenda Keusahawanan Santiago dan Rangka Kerja Penyelarasan EKS APEC. Penerimaan Agenda Keusahawanan Santiago adalah penting kerana dokumen tersebut menyediakan keutamaan kepada pelaksanaan program yang melibatkan pembangunan keusahawanan. Ini merupakan pengiktirafan peranan usahawan sebagai penjana inovasi, kekayaan dan pekerjaan kepada ekonomi APEC.

Menyedari kepentingan EKS kepada ekonomi APEC, Menteri-Menteri EKS APEC sekali lagi menekankan keperluan Rangka Kerja Penyelarasan EKS APEC untuk menumpukan aspek penyelarasan di antara Kumpulan Kerja EKS APEC dengan lain-lain kumpulan kerja APEC. Selaras dengan ini, Kumpulan Kerja EKS APEC telah memulakan dialog dengan fora lain yang berkaitan dan sebahagian daripada anggota ekonomi APEC telah pun mula menganjurkan program untuk meningkatkan dialog dengan EKS.

Dalam tahun 2004, pelbagai program di bawah Kumpulan Kerja EKS telah dilaksanakan. Antaranya adalah Seminar Pembangunan Sumber Manusia dan Teknologi Informasi APEC yang dianjurkan oleh Malaysia pada Ogos 2004. Malaysia juga mengambil bahagian di dalam beberapa program lain, seperti Program Lawatan Antarabangsa Amerika Syarikat, Forum EKS APEC, Bengkel Bermaklumat EKS dan Simposium Keusahawanan APEC.

### **Program Kerjasama Dua Hala**

Selain daripada program kerjasama serantau EKS, kerjasama dua hala juga dilaksanakan dengan lain-lain negara. Program-program kerjasama ini bertujuan untuk menyediakan kepakaran teknikal dan pengurusan kepada EKS Malaysia.

SMIDEC dan *Small Business Corporation (SBC)* di Republik Korea (ROK) telah bekerjasama melaksanakan program latihan teknikal dan pengurusan untuk EKS sejak tahun 1998. Dalam tahun 2004, sembilan EKS Malaysia telah menyertai program ini, bermula 12 hingga 23 Julai 2004. Program ini melibatkan peningkatan kemahiran pengurusan dan teknologi pengeluaran untuk pengurusan kanan. Sehingga kini, seramai 125 peserta telah mendapat manfaat daripada program ini.

Bagi membantu pengilang komponen automotif meningkatkan kecekapan,

mengurangkan pembaziran dan meningkatkan penyelenggaraan mesin, Program Kepakaran Teknikal telah dilaksanakan. Program ini merupakan kerjasama di antara SMIDEC, Automotive Federation Malaysia (AFM), serta Japan Automobile Manufacturer's Association (JAMA) dan Japan Auto Parts Industries Association (JAPIA). Sejak dimulakan pada Ogos 2001 hingga Disember 2004, sebanyak 62 syarikat automotif telah mendapat manfaat melalui program ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 33 syarikat menyertai program ini dalam tahun 2004.

## **PRESTASI SKIM BANTUAN KEWANGAN EKS**


### **Skim Bantuan Kewangan Untuk EKS**

Bantuan kewangan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah disediakan kepada EKS bagi memperbaiki proses pengeluaran, meningkatkan produktiviti dan memperluaskan pasaran.

### **Skim Pinjaman Mudah**


Skim Pinjaman Mudah untuk Enterpris Kecil dan Sederhana (SLSME) dilaksanakan untuk

**Carta 6.1:**  
**Kelulusan Skim Pinjaman Mudah, 2004**



Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

**Carta 6.2 :**  
**Kelulusan Pinjaman Mudah Mengikut Sektor, 2004**




Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

membantu syarikat sedia ada dan syarikat-syarikat baru dalam pembiayaan projek, aset tetap dan modal kerja. Dalam tahun 2004, sebanyak 47 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM23.7 juta.

Dalam usaha untuk menggalakkan EKS menempatkan semula kilang yang beroperasi di lokasi yang tidak sah ke lokasi yang dibenarkan, EKS boleh mendapatkan bantuan melalui Skim Pinjaman Mudah bagi

**Carta 6.3:**  
**Kelulusan Skim Pinjaman Mudah Mengikut Negeri, 2004**



Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

Penempatan Semula Kilang (SLFR). Dalam tahun 2004, sebanyak lima permohonan telah diluluskan bernilai RM4.5 juta.

Skim Pinjaman Mudah untuk Penerapan Aplikasi ICT telah diperkenalkan bagi membantu EKS memperoleh perisian *Enterprise Resource Planning* (ERP) dan perisian reka bentuk kejuruteraan seperti *Computer Aided Design/Computer Aided Manufacturing* (CAD/CAM) dan *Computer Aided Engineering* (CAE). Dalam tahun 2004, sebanyak 12 permohonan telah diluluskan dengan pinjaman berjumlah RM2.1 juta. Ketiga-tiga skim pinjaman mudah ini dikendalikan oleh Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDF).

### Skim Geran


Skim geran yang dilaksanakan oleh SMIDEC adalah untuk membantu EKS bagi:

- pembangunan dan perancangan perniagaan;
- peningkatan produk dan proses;
- peningkatan produktiviti dan kualiti dan persijilan; dan
- pembangunan pasaran.

Dalam tahun 2004, sebanyak 906 projek telah diluluskan di bawah skim geran yang dilaksanakan. Majoriti permohonan adalah untuk


Geran Pembangunan Pasaran (MDG), yang mana sebanyak 725 projek telah diluluskan, dengan geran berjumlah RM4.8 juta. Ini diikuti oleh Geran Peningkatan Produktiviti dan Kualiti dan Persijilan dengan 142 projek yang bernilai RM3.6 juta.

**Carta 6.4:**  
**Kelulusan Skim Geran, 2004**



Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

**Carta 6.5 :**  
**Kelulusan Skim Geran Berdasarkan Sektor, 2004**



Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana

Dari segi kelulusan mengikut negeri, Selangor mencatatkan kelulusan tertinggi sebanyak 419 projek (46.2 peratus), diikuti dengan Wilayah Persekutuan sebanyak 134 projek (14.7 peratus) dan Pulau Pinang sebanyak 107 projek (11.8 peratus).

Berasaskan analisis mengikut industri bagi pelbagai skim geran, sektor kayu dan produk berasaskan kayu merekodkan jumlah kelulusan tertinggi sebanyak 162 projek (17.9 peratus), diikuti oleh sektor E&E sebanyak 130 projek (14.5 peratus) dan sektor makanan dan minuman sebanyak 126 projek (13.9 peratus).

Geran Untuk Peningkatan Produktiviti dan Kualiti dan Persijilan bertujuan bagi membantu EKS memenuhi piawaian kualiti antarabangsa dan persijilan. Sebanyak 142 permohonan telah diluluskan di bawah skim ini dengan geran berjumlah RM3.6 juta. Daripada jumlah ini, kelulusan tertinggi adalah untuk sektor makanan dan minuman dengan 52 projek (36.6 peratus), diikuti oleh sektor kelengkapan pengangkutan dengan 23 projek (16.2 peratus) dan sektor produk berasaskan plastik dengan 16 projek (11.3 peratus).

Dari segi kelulusan mengikut negeri, Selangor mencatatkan bilangan kelulusan tertinggi iaitu sebanyak 72 projek (50 peratus), diikuti oleh Wilayah Persekutuan dengan 21 projek (14 peratus) dan Johor dengan 19 projek (13 peratus).

Bagi menggalakkan EKS meningkatkan keupayaan teknologi dan menggalakkan inovasi, Kerajaan telah menyediakan geran bersamaan untuk peningkatan produk dan proses.

Di bawah Geran untuk Peningkatan Produk dan Proses, sebanyak 38 permohonan telah diluluskan dengan geran berjumlah RM2.6 juta dalam tahun 2004. Daripada jumlah tersebut, kelulusan tertinggi dicatatkan oleh sektor kimia dan petrokimia (lapan kelulusan), diikuti oleh sektor kelengkapan pengangkutan, E&E dan produk berasaskan plastik yang masing-masing mencatatkan lima kelulusan.

Kerajaan telah memperuntukkan RM5 juta pada tahun 2001 kepada syarikat dalam sektor E&E untuk melaksanakan Standard RosettaNet. Piawaian ini membolehkan syarikat berkomunikasi dengan rakan niaga serta menjalankan perniagaan secara elektronik melalui sistem kod umum bagi pembekalan komponen dan peralatan.

Dalam tahun 2004, sebanyak 17 permohonan bernilai RM660,161 telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tiga permohonan diluluskan di bawah RosettaNet Model

Enterpris dan 14 permohonan bagi RosettaNet Model ASP.

### **Skim Bantuan Khas untuk Usahawan Wanita**

Bagi usaha menggalakkan penglibatan usahawan wanita dalam arus perindustrian, Skim Bantuan Khas untuk Usahawan Wanita telah diperkenalkan untuk meluaskan peluang dalam mendapat bantuan kewangan. Di bawah skim ini, skop sektor telah diperluaskan menjadi lebih fleksibel yang meliputi perkhidmatan seperti perkhidmatan berkaitan IT, reka bentuk dan pembungkusan, penyelidikan dan pembangunan (R & D) serta pelancongan.

**Jadual 6.3:**  
**Jumlah EKS Dalam Sektor Perkhidmatan**

Sektor	Jumlah Syarikat	EKS	(%)
Jumlah	192,527	186,428	96.8
Pendidikan & Kesihatan	8,558	8,438	98.6
Perkhidmatan Profesional	5,548	4,840	87.2
Perkhidmatan Terpilih	4,146	3,844	92.7
Pengangkutan & Komunikasi	3,908	3,473	88.9
Perkhidmatan Industri Komputer	283	186	65.7
Perdagangan Pengedaran	170,046	165,640	97.4
Telekomunikasi	38	7	18.4

*Sumber: Jabatan Perangkaan*

Dalam tahun 2004, seramai 18 usahawan wanita telah menerima pelbagai bantuan daripada skim yang dilaksanakan oleh SMIDEC berjumlah RM3.9 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 projek diluluskan di bawah skim geran bernilai RM0.5 juta dan sebanyak 7 kelulusan berjumlah RM3.4 juta di bawah skim pinjaman mudah.

## **SEKTOR PERKHIDMATAN**

### **Pembangunan EKS**

Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan (NSDC) mendefinisikan EKS di sektor perkhidmatan meliputi ICT, sebagai enterpris dengan jualan tahunan tidak melebihi RM5 juta atau mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 50 orang. Mengikut Jabatan Perangkaan, terdapat sebanyak 192,527 syarikat di sektor perkhidmatan. Berdasarkan definisi NSDC, sebanyak 186,428 atau 96.8 peratus syarikat dalam sektor perkhidmatan merupakan EKS (Jadual 3).

Subsektor perkhidmatan yang telah dikenal pasti untuk dimasukkan di bawah program-program sokongan yang dilaksanakan oleh SMIDEC adalah perdagangan pengedaran, logistik dan perkhidmatan pengurusan profesional.

Pembangunan EKS dalam subsektor ini berfokus kepada pembangunan keupayaan. Fokus utama strategi pembangunan EKS di dalam sektor perkhidmatan akan meliputi akses pasaran, penerapan ICT dan akses pembiayaan.

### **Akses Pasaran**

EKS dalam perdagangan pengedaran akan dibantu untuk meningkatkan perkhidmatan agar dapat menyokong mereka menembusi pasaran dan berpindah ke kompleks membeli-belah serta kawasan pelancongan yang telah dikenal pasti. Program sokongan juga akan diberikan bagi menggalakkan eksport perkhidmatan pengurusan profesional seperti arkitek, jurutera dan industri pembinaan ke negara ASEAN serta negara membangun yang lain.

### **Penerapan ICT**

Bantuan juga akan diberi bagi menggalakkan penerapan ICT di kalangan EKS untuk membolehkan mereka mengintegrasikan ICT dalam proses perniagaan. Contohnya, produktiviti EKS di sektor perniagaan borong dan runcit boleh ditingkatkan melalui

penerapan *Point of Sales System*, manakala kecekapan operator penghantaran boleh diperbaiki menggunakan perisian pengesanan yang bersesuaian.

### **Akses Pembiayaan**

Skop bagi program sedia ada dan skim pinjaman mudah yang dilaksanakan oleh SMIDEC kini diperluaskan bagi meliputi EKS di sektor perkhidmatan.

### **Peningkatan Kemahiran dan Kompetensi**

Bagi sektor perkhidmatan, antara kursus yang telah dikenal pasti dan sesuai bagi perdagangan pengedaran, logistik dan perkhidmatan pengurusan profesional adalah seperti berikut:

- Pengurusan peruncitan;
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM);
- Tingkap Pameran Jualan (*Window display*); dan
- Kemahiran dalam bidang perakaunan.

### **Langkah Pembukaan Pasaran**

Sektor perkhidmatan juga layak diberi bantuan di bawah MDG, yang membolehkan syarikat

mendapat geran bersamaan sehingga RM100,000 daripada kos projek yang diluluskan berdasarkan aktiviti yang layak. Aktiviti yang terlibat termasuk penyertaan dalam misi dan pameran perdagangan, penyediaan bahan promosi serta aktiviti lain seperti penubuhan pejabat perwakilan di luar negara dan perbelanjaan menyertai misi perdagangan oleh tenaga profesional tempatan. Skim ini di laksanakan oleh MATRADE.

### **PROSPEK**

Kejayaan pelaksanaan program pembangunan EKS memerlukan hubungan kerja yang rapat di antara pelbagai Kementerian dan Agensi yang berkaitan, institusi kewangan serta persatuan perdagangan dan industri. Dengan penubuhan NSDC, pelaksanaan pembangunan EKS dalam semua bidang akan lebih komprehensif dan selaras. Usaha berterusan akan diambil untuk mempertingkatkan daya saing EKS secara keseluruhan dan mengekalkan pertumbuhan, yang mana dapat meningkatkan sumbangan mereka seterusnya kepada ekonomi negara. ☺

## TINJAUAN

Ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 3.4 peratus, iaitu RM25,495 berbanding RM24,652 pada tahun 2003. Prestasi produktiviti negara adalah lebih tinggi berbanding dengan beberapa negara OECD terpilih seperti Itali, Jerman, Kanada, New Zealand, Australia, Perancis, United Kingdom, Jepun, Republik Korea dan Amerika Syarikat. Catatan pertumbuhan produktiviti negara-negara tersebut ialah sekitar -0.5 peratus hingga 3.3 peratus.

Sektor perkilangan kekal sebagai sektor penting kepada ekonomi negara dengan menyumbang 31.6 peratus kepada KDNK berbanding dengan 30.8 peratus pada tahun 2003. Dalam tahun 2004, sektor ini telah mencatatkan penggunaan kapasiti yang tinggi dengan pengukuhan pasaran tempatan dan luar negeri. Selaras dengan suasana ekonomi yang menggalakkan, sektor perkilangan telah mencatatkan pertumbuhan produktiviti


sebanyak 6.1 peratus. Di antara industri yang menunjukkan prestasi yang tinggi dalam pertumbuhan produktiviti ialah jentera, besi dan keluli, kimia perindustrian, lain-lain produk kimia, produk getah dan produk kayu.

## PRESTASI PRODUKTIVITI ANTARABANGSA

Pertumbuhan produktiviti Malaysia pada kadar 3.4 peratus adalah lebih tinggi berbanding dengan sebahagian negara OECD seperti Itali, Jerman, Kanada, New Zealand, Australia, Perancis, United Kingdom, Jepun, Republik Korea dan Amerika Syarikat. Produktiviti Amerika Syarikat mengalami pertumbuhan 3.3 peratus manakala Itali mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus. Dikalangan negara ahli ASEAN, pertumbuhan produktiviti Malaysia adalah melebihi Thailand, Filipina dan Indonesia.


Sektor perkilangan di Republik Korea mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang tinggi sebanyak 11.3 peratus didorong

**Rajah 7.1:**  
**Pertumbuhan Produktiviti Mengikut Sektor, 2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

**Rajah 7.2:**  
**Pertumbuhan Produktiviti Negara OECD Terpilih, 2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia OECD Economic Outlook, Dec. 2004, Vol.76  
National Accounts of OECD Countries, Detailed Tables 1991 - 2002 Country Data, The Economist Intelligence UnitMarket Indicators & Forecast, The Economist Intelligence Unit

**Rajah 7.3:**  
**Pertumbuhan Produktiviti Negara-negara ASEAN Terpilih, 2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

Pengiraan berdasarkan :  
Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia  
Key Indicators 2004, Asian Development Bank,  
Country Data, The Economist Intelligence Unit  
Market Indicators & Forecast, The Economist Intelligence Unit, Directorate-General of Budget, Accounting and  
Statistics, Executive Yuan, Republic Of China  
World Economic Outlook, 2004


terutamanya oleh produk bernilai ditambah yang tinggi dan berintensif penyelidikan dan pembangunan (R&D). Singapura dan Taiwan juga mencatatkan pertumbuhan yang tinggi masing-masing pada kadar 9.7 peratus dan sembilan peratus. Pertumbuhan produktiviti Singapura didorong oleh sektor perkilangan bio-perubatan, kejuruteraan pengangkutan dan elektronik. Manakala pertumbuhan Taiwan disokong oleh industri IT.

### Prestasi Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan Malaysia telah berjaya mengekalkan pertumbuhan produktiviti secara konsisten. Produktiviti mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.1 peratus berbanding dengan 5.3 peratus pada tahun 2003. Pertumbuhan ini terhasil daripada permintaan luar yang kukuh terutamanya ke atas produk semi konduktor dan produk kimia yang berkaitan.

Produktiviti sektor perkilangan ditakrifkan sebagai nilai jualan setiap pekerja telah meningkat kepada RM401,404 dari RM342,369 pada tahun 2003. Peningkatan sebanyak 19.7 peratus ke atas nilai jualan berbanding dengan 3.1 peratus ke atas pertumbuhan pekerjaan telah menyumbang kepada prestasi produktiviti sektor ini. Harga produk perkilangan berdasarkan

**Rajah 7.4:**  
**Pertumbuhan Produktiviti Sektor Perkilangan**




Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

Pengiraan berdasarkan : Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia

Directorate-General of Budget, Accounting and Statistics, Executive Yuan, Republic Of China, Ministry of Trade & Industry  
Singapore, The Bank of Korea, Korea National Statistical Office, Biro Pusat Statistik Indonesia & Bank Indonesia

**Rajah 7.5:**  
**Sumbangan Subsektor kepada Jumlah Output Perkilangan, 2004**




Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

sumber yang tinggi telah menyumbang kepada peningkatan dalam nilai jualan. Ini disebabkan oleh kenaikan permintaan dari pasaran tempatan dan asing.

Di antara industri yang mencatatkan produktiviti yang lebih tinggi daripada kadar


purata sektor perkilangan ialah industri kimia perindustrian, jentera, besi dan keluli, E&E dan lain-lain produk kimia. Industri yang mencatatkan produktiviti lebih rendah daripada purata sektor perkilangan ialah industri minuman, kelengkapan pengangkutan, makanan, produk getah, fabrikasi logam,

**Rajah 7.6:**  
**Produktiviti, 2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

**Rajah 7.7:**  
**Pertumbuhan Produktiviti, 2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

tekstil, produk plastik, produk kayu, perabut dan pakaian.


Produktiviti sektor yang juga berdasarkan ukuran nilai jualan setiap pekerja telah

mencatatkan pertumbuhan sebanyak 17.2 peratus berbanding 8.1 peratus pada tahun 2003. Prestasi ini didorong oleh penggunaan kapasiti yang tinggi untuk memenuhi permintaan yang meningkat. Penggunaan

kapasiti untuk industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan pasaran domestik adalah masing-masing pada kadar 81 peratus dan 75 peratus. Pelaburan dalam teknologi telah juga membantu meningkatkan kecekapan pengeluaran dan kualiti produk. Pembangunan


sumber manusia kekal menjadi keutamaan dalam sektor perkilangan terutama dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja. Peningkatan dalam aplikasi sistem kualiti telah menyumbang kepada penambahbaikan produk.

**Rajah 7.8:**  
**Perubahan Unit Kos Buruh, 2004**




Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

**Rajah 7.9:**  
**Pertumbuhan Kos Buruh Setiap Pekerja, 2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

**Rajah 7.10:**  
**Pertumbuhan TFP Industri Perkilangan 1999-2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

Industri yang mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang lebih rendah daripada purata perkilangan 17.2 peratus ialah industri plastik, fabrikasi logam, perabut, pakaian, minuman, tekstil, makanan, E&E dan kelengkapan pengangkutan. Dalam industri E&E, penghasilan peralatan rumah mengalami pertumbuhan yang perlahan disebabkan oleh persaingan global terutamanya daripada Republik Korea dan PRC. Bagi industri kelengkapan pengangkutan, pelaburan baru perkilangan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran belum lagi terlaksana sepenuhnya.

Sektor perkilangan mencatatkan peningkatan daya saing kos buruh. Kadar upah purata yang berdasarkan kos buruh setiap pekerja meningkat sebanyak 3.1 peratus dan lebih rendah berbanding pertumbuhan produktiviti 17.2 peratus, menggambarkan peningkatan dalam daya saing sektor. Kos buruh yang berdaya saing ditunjukkan oleh penurunan unit kos buruh yang mana bermaksud seunit output dikeluarkan dengan lebih murah.


Subsektor yang mencatatkan pertumbuhan kos buruh yang tinggi bagi setiap pekerja ialah jentera, besi dan keluli, kelengkapan

pengangkutan, makanan, getah, E&E, perabut, plastik, produk fabrikasi logam dan kayu. Industri yang mencatatkan peningkatan daya saing ialah jentera, minuman, pakaian, lain-lain bahan kimia, besi dan keluli, kimia perindustrian, getah, kayu, plastik, perabut dan produk fabrikasi logam.

### **FAKTOR PRODUKTIVITI MENYELURUH**

Faktor Produktiviti Menyeluruhan (TFP) mengukur kualiti modal dan buruh serta

**Carta 7.1:**  
**Sumbangan kepada Pertumbuhan TFP  
1999-2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

kecekapan pengurusan sumber-sumber tersebut bagi menjana pertumbuhan produktiviti. TFP mengambil kira kesan penambahbaikan kualitatif yang membolehkan output ditingkatkan tanpa penggunaan input tambahan. Ia juga merujuk kepada pertambahan dalam output yang dijanakan melalui peningkatan kecekapan hasil dari pertambahan pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi, teknik pengurusan yang lebih cekap, amalan terbaik dan penghususkan, teknologi baru dan inovasi serta penggunaan teknologi komunikasi maklumat.

Dalam tempoh 1999 - 2004, sektor perkilangan telah mencatatkan pertumbuhan TFP sebanyak 3.6 peratus. Industri-industri yang mempunyai pertumbuhan TFP yang tinggi ialah kimia (4.8 peratus), besi dan keluli (4.5 peratus), dan E&E (4.3 peratus). Pelaburan yang lebih tinggi dalam ICT, latihan dan pembangunan pekerja

kemajuan teknikal. Struktur modal ialah pelaburan ke atas asset yang produktif bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran seperti jentera dan kelengkapan, yang boleh memberikan pulangan segera. Bagi tempoh 1999 - 2004, struktur modal meningkat sebanyak 1.3 peratus dan kualiti buruh meningkat sebanyak 1.2 peratus melalui latihan dan penaiktarafan kemahiran.


Intensiti permintaan menunjukkan sejauh mana kapasiti produktif sektor telah digunakan dan ditunjukkan oleh prestasi jualan. Bagi tempoh 1999 - 2004, intensiti permintaan meningkat sebanyak 0.7 peratus. Kemajuan teknikal berkaitan dengan kecekapan dan keberkesanan penggunaan teknologi dan inovasi serta memberi gambaran tentang sikap kerja yang positif dan amalan terbaik yang dilaksanakan. Bagi tempoh 1999 - 2004, kemajuan teknikal telah meningkat sebanyak 0.4 peratus.

Struktur modal menyumbang sebanyak 36.1 peratus kepada pertumbuhan TFP diikuti oleh kualiti buruh (33.3 peratus), intensiti permintaan (19.4 peratus) dan kemajuan teknikal (11.1 peratus). Pencapaian pertumbuhan yang berterusan memerlukan usaha-usaha pembangunan sumber manusia, peningkatan aplikasi teknologi dan pengagihan sumber-sumber secara cekap serta penambahbaikan dalam organisasi dan kecekapan pengurusan.

## PROSPEK

Ekonomi negara dijangka dapat terus mengekalkan prestasi produktiviti dalam tahun 2005 dan sektor perkilangan akan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan produktiviti. Walau bagaimanapun sekor industri perlu meneruskan inisiatif-inisiatif peningkatan produktiviti dan kualiti. Inisiatif-initiatif ini hendaklah ditumpukan kepada latihan dan peningkatan kemahiran pekerja dan pelaksanaan sistem kualiti termasuk penandaraasan, peningkatan dalam pelaburan teknologi baru, penghasilan produk nilai ditambah yang tinggi dan penyelidikan dan pembangunan (R&D). ☺

**Rajah 7.11:**  
**Punca Pertumbuhan TFP 1999-2004**



Sumber: Perbadanan Produktiviti Negara

serta pertambahan dalam eksport telah menyumbang kepada peningkatan TFP bagi industri-industri tersebut.

Pertumbuhan TFP di sektor perkilangan sebanyak 3.6 peratus adalah hasil sumbangan daripada empat sumber iaitu; struktur modal, kualiti buruh, intensiti permintaan dan



## TINJAUAN

Dalam tahun 2004, keutamaan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) ialah bagi merundingkan semula Agenda Pembangunan Doha (DDA) berikutan dari kebuntuan dalam mencapai persetujuan semasa Persidangan Kelima Menteri-menteri di Cancun pada tahun 2003. Kebuntuan tersebut menyebabkan tiada kemajuan mengenai Program Kerja Doha.

Pada awal tahun 2004, Majlis Am (GC) telah mengaktifkan semula semua kumpulan kerja rundingan dan menetapkan bulan Julai sebagai tarikh sasaran bagi mencapai persetujuan ke atas satu rangka kerja rundingan. Pada 1 Ogos 2004, persetujuan dibuat ke atas satu rangka kerja, dikenali sebagai Pakej Julai, yang antara lain meliputi rangka kerja rundingan mengenai modaliti sektor pertanian dan akses pasaran sektor bukan pertanian (NAMA) serta memulakan rundingan bagi fasilitasi perdagangan. Majlis Am juga bersetuju supaya ahli-ahli WTO yang belum mengemukakan tawaran awal mengenai sektor perkhidmatan agar segera berbuat demikian. Tawaran yang dikaji semula akan dibentangkan selewat-lewatnya pada Mei 2005 dan usaha-usaha telah dijalankan untuk memuktamadkan rundingan di bawah GATS mengenai Artikel VI:4 (Peraturan Domestik), Artikel X (Langkah Perlindungan Kecemasan), Artikel XIII (Perolehan Kerajaan) dan Artikel XV (Subsidi).

Selanjutnya, ahli-ahli WTO telah bersetuju supaya tiga isu baru mengenai pelaburan, dasar persaingan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan digugurkan daripada DDA. Dengan Pakej Julai, tarikh akhir untuk memuktamadkan DDA telah dilanjutkan daripada 1 Januari 2005 kepada Disember

2005, sebelum tarikh Persidangan Keenam Menteri-Menteri WTO diadakan di Hong Kong.

Di samping fokus terhadap DDA, WTO terus melaksanakan tugas biasa terhadap aksesan rundingan, kajian semula dasar perdagangan, penyelesaian pertikaian perdagangan dan pemantauan ke atas pelaksanaan obligasinya.

## AGENDA PEMBANGUNAN DOHA (DDA)

### Pakej Julai

Kesungguhan ahli-ahli WTO untuk secara kolektif mencapai persetujuan dalam rundingan DDA dalam tahun 2004 telah menghasilkan Pakej Julai. Dalam surat terbuka kepada ahli-ahli WTO serta Ketua Pengarah WTO, Malaysia telah menyatakan pendiriannya mengenai isu-isu utama untuk dipertimbangkan dalam Pakej Julai. Antara isu tersebut ialah mengenai pengurangan subsidi sektor pertanian, akses pasaran sektor bukan pertanian (NAMA) dan lain-lain isu pembangunan. Malaysia juga telah menggesa ahli-ahli WTO supaya menggugurkan isu-isu baru yang tidak mendapat konsensus ahli.

Ahli-ahli WTO lain juga telah menyatakan pendirian masing-masing terhadap isu-isu utama. Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) telah menunjukkan kesanggupan untuk merundingkan isu kritikal sektor pertanian, seperti pengurangan subsidi domestik dan penetapan tarikh akhir untuk memansuhkan semua subsidi eksport. Kedua-dua negara tersebut juga mengakui bahawa kini masih tiada konsensus untuk memulakan rundingan mengenai pelaburan, dasar persaingan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan.

Dalam Pakej Julai, GC telah mencapai konsensus terhadap aspek utama DDA, termasuk:

- Rangka Kerja Modaliti Rundingan Bagi Sektor Pertanian bagi pengurangan subsidi domestik, penetapan tarikh akhir pemansuhan subsidi eksport serta prinsip-prinsip mengenai akses pasaran;
- Rangka Kerja Modaliti Rundingan Akses Pasaran Sektor Bukan Pertanian (NAMA) bagi merundingkan elemen-elemen yang berkaitan dengan tarif tidak terikat (unbound tariff), liberalisasi sektoral dan fleksibiliti bagi negara membangun;
- Modaliti Rundingan Bagi Fasilitasi Perdagangan untuk memulakan rundingan mengenai Artikel V (Kebebasan Barang Transit), Artikel VIII (Bayaran dan Formaliti Berkaitan Pengimportan dan Pengeksportan) dan Artikel X (Penerbitan dan Pentadbiran Peraturan Perdagangan) di bawah GATT serta memberi tumpuan khas kepada pembangunan kapasiti dan bantuan teknikal kepada negara membangun;
- mempercepatkan penyelesaian proses kerja di bawah mandat DDA dan memastikan peruntukan Layanan Istimewa dan Berbeza (S&D) di bawah perjanjian WTO dilaksanakan secara lebih efektif; dan
- meneruskan usaha dalam kedua-dua aspek pembukaan pasaran dan peraturan bagi sektor perkhidmatan termasuk mengemukakan tawaran awal dan tawaran yang dikaji selewat-lewatnya pada Mei 2005.

Pada keseluruhannya, Pakej Julai telah mengambil kira isu-isu penting Malaysia. Negara-negara yang memainkan peranan penting untuk mendapatkan konsensus negara maju dalam isu fasilitasi perdagangan terdiri daripada Malaysia, Brazil, India, AS dan EU. Keputusan untuk menggugurkan isu pelaburan,

dasar persaingan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan daripada DDA disambut baik oleh kebanyakan negara membangun.

### **Pertanian**

Rundingan susulan selepas Pakej Julai telah diadakan dari bulan Oktober hingga Disember 2004 bagi mewujudkan modaliti sektor pertanian. Walau bagaimanapun, perbincangan masih di tahap mendapatkan penjelasan teknikal dan setiap ahli berusaha untuk memasukkan elemen-elemen khusus berdasarkan kepentingan negara masing-masing.

Malaysia terus menekankan supaya penurunan besar dibuat terhadap tarif yang tinggi memandangkan tarif tersebut merupakan penghalang kepada eksport minyak kelapa sawit ke beberapa pasaran. Di samping itu, Malaysia menyokong pengurangan yang lebih besar dalam subsidi domestik dan subsidi eksport oleh negara-negara maju seperti EU dan AS. Sebagai ahli Kumpulan Cairns, Malaysia menyokong liberalisasi sektor pertanian bagi mewujudkan persekitaran perdagangan global yang lebih adil kepada eksport negara.

Penglibatan Malaysia dalam rundingan sektor pertanian bertujuan untuk mengurangkan secara substantif semua halangan pembukaan pasaran supaya faedah liberalisasi global dapat direalisasikan. Pembukaan pasaran di negara-negara membangun yang mana merupakan destinasi berpotensi bagi eksport barang Malaysia akan terus menjadi objektif utama semasa rundingan.

### **Sektor Bukan Pertanian**

Rangka Kerja NAMA yang telah dipersetujui oleh Majlis Am pada bulan Julai 2004 memperuntukkan supaya rundingan seterusnya diadakan bagi membincangkan elemen-elemen yang tidak mencapai konsensus. Rundingan susulan selepas Pakej Julai berfokus kepada isu-isu teknikal iaitu formula penurunan tarif, layanan istimewa dan berbeza (S&D) dan fleksibiliti bagi negara membangun. Negara maju terus menyokong terhadap pengurangan tarif yang lebih substantif dan pendekatan sektoral manakala negara membangun tidak

bersetuju untuk membuat komitmen melebihi kemampuan mereka.

Malaysia sentiasa berusaha bagi pembukaan pasaran di negara maju dan negara membangun. Sebagai pengeksport utama barang pembuatan, Malaysia perlu menangani isu-isu seperti kadar tarif, tarif puncak dan kenaikan tarif yang tinggi di pasaran-pasaran tersebut. Sebagai contoh, tarif bagi produk kasut di AS adalah 48 peratus manakala tarif produk kulit di Jepun sebanyak 30 peratus. Seterusnya, produk elektrik & elektronik (E&E) menghadapi pengehadan duti (bound duty) setinggi 40 peratus di India, 35 peratus di Columbia dan 30 peratus di Jordan.

### **Perkhidmatan**

Mandat di bawah rundingan sektor perkhidmatan adalah untuk meningkatkan liberalisasi secara progresif ke tahap yang lebih tinggi. Di samping Perjanjian Am Bagi Perdagangan Perkhidmatan (GATS) berusaha mencapai liberalisasi sektor perkhidmatan, DDA memberi penekanan terhadap keperluan elemen-elemen pembangunan dalam rundingan. Ini termasuk, antara lain, memperakukan hak negara ahli untuk mengawal penawaran perkhidmatan selaras dengan objektif dasar nasional serta memberi kelonggaran kepada negara membangun untuk mengurangkan pembukaan sektor.

Rundingan perkhidmatan adalah berdasarkan permintaan dan tawaran awal oleh ahli-ahli. Tarikh akhir bagi mengemukakan tawaran yang dikaji semula ialah pada Mei 2005. Sehingga kini, sebanyak 47 negara termasuk Malaysia telah mengemukakan tawaran awal. Tawaran Malaysia yang dikemukakan pada Disember 2004 bukan sahaja merupakan pemberian kepada tawaran yang dibuat semasa Pusingan Uruguay tetapi juga mengandungi komitmen baru. Tawaran tersebut meliputi 6 sektor iaitu perkhidmatan arkitek, pembinaan dan kejuruteraan, komputer dan perkhidmatan berkaitan, telekomunikasi, kesihatan dan perkhidmatan sosial serta pengajian tinggi.

Malaysia akan terus memastikan peraturan-peraturan GATS selaras dengan perbincangan mengenai pembukaan pasaran bagi mencapai hasil yang seimbang dalam rundingan. Perundingan mengenai peraturan-peraturan GATS di bidang langkah-langkah perlindungan kecemasan (ESM), subsidi, perolehan kerajaan dan peraturan domestik, tidak mencapai kemajuan berikutan keengganan negara ahli untuk membincangkan secara terbuka isu-isu sensitif yang melibatkan kedaulatan negara masing-masing.

### **Fasilitasi Perdagangan**

Pakej Julai telah bersetuju untuk merundingkan fasilitasi perdagangan bagi mengukuh dan memperbaiki:

- Artikel V, GATT 1994 mengenai Kebebasan Barang Transit;
- Artikel VIII, GATT 1994 mengenai Bayaran dan Formaliti Berkaitan Dengan Pengimportan dan Pengeksportan; dan
- Artikel X, GATT 1994 mengenai Penerbitan dan Pentadbiran Peraturan Perdagangan.

Kumpulan Rundingan mengenai Fasilitasi Perdagangan dipengerusikan oleh Malaysia dan menumpukan kepada isu-isu bagi memperjelaskan terma rujukan modaliti rundingan yang telah dipersetujui. Organisasi pelbagai hala seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pertubuhan Bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Organisasi Kastam Dunia (WCO) dan Bank Dunia turut berkongsi maklumat bagi membantu ahli-ahli WTO dalam rundingan ini.

Isu-isu rundingan termasuk bantuan teknikal, pembangunan kapasiti dan layanan S&D bagi negara membangun dan kurang maju. Prinsip layanan S&D tidak akan dihadkan kepada tempoh peralihan tetapi akan juga mengambil kira keupayaan negara membangun dan kurang maju untuk melaksanakan komitmen.

## **Layanan Istimewa dan Berbeza (S&D)**

Jawatankuasa Perdagangan dan Pembangunan (CTD) meneruskan kajian semula ke atas semua cadangan spesifik mengenai layanan S&D. Paket Julai mengambil maklum kemajuan rundingan dan menetapkan supaya CTD mengemukakan syor terhadap cadangan-cadangan tersebut untuk diputuskan sebelum Julai 2005.

Sejumlah 88 cadangan sedang dipertimbangkan bagi pelaksanaan S&D di bawah Perjanjian WTO. Di antara cadangan yang dikemukakan adalah untuk menjadikan penyediaan bantuan teknikal dan pengukuhan kapasiti sebagai satu keperluan mandatori, bukan hanya sebagai usaha terbaik (best endeavour) seperti sedia ada.

## **Lain-lain Isu DDA**

Selaras komitmen yang digariskan dalam Paket Julai, setiap kumpulan rundingan meneruskan perbincangan di peringkat teknikal dengan tujuan untuk mencapai persetujuan sebelum Persidangan Keenam Menteri-menteri WTO.

## **Perjanjian Mengenai Hak Harta Intelek Yang Berkaitan Dengan Perdagangan (TRIPS)**

Di antara isu yang dibincangkan dalam Majlis TRIPS termasuk:

- (a) Pewujudan Sistem Pendaftaran dan Pemberitahuan Pelbagai hala untuk Indikasi Geografi bagi Wain dan Arak.

Di bawah mandat Doha, rundingan diteruskan untuk mewujudkan satu sistem pendaftaran dan pemberitahuan pelbagai hala untuk Indikasi Geografi (GI) bagi wain dan arak. Rundingan kini tertumpu kepada prosedur, implikasi perundangan dan kos untuk mengadakan sistem pendaftaran pelbagai hala ini.

Terdapat percanggahan pendapat yang ketara di antara pengeluar wain khususnya di AS, Australia, EU dan Switzerland. EU dan Switzerland telah mencadangkan satu sistem notifikasi dan pendaftaran terperinci yang mempunyai implikasi

perundangan terhadap ahli. Sistem ini menghendaki ahli-ahli melindungi setiap GI yang berdaftar di bawah sistem ini. AS, Australia, Kanada dan Argentina pula telah mencadangkan satu sistem lebih mudah tanpa mempunyai implikasi perundangan, obligasi baru atau kos yang melebihi dari sepatutnya.

Malaysia dan negara-negara bukan pengeluar wain yang lain juga bimbang sekiranya sistem pendaftaran dan pemberitahuan pelbagai hala tersebut mempunyai implikasi perundangan. Oleh itu, Malaysia berpendirian bahawa sistem yang dicadangkan hendaklah mudah dan pelaksanaannya tidak membebankan ahli.

Berikut dari perlindungan tambahan yang diperuntukkan bagi wain dan arak, terdapat ahli-ahli yang ingin mencadangkan supaya perlindungan tambahan tersebut diperluaskan kepada produk lain. Kebanyakan ahli tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana ianya akan mengehadkan penggunaan cap dagang dalam perniagaan. Malaysia bimbang jika ini terjadi ianya bukan sahaja akan meningkatkan kos pelaksanaan tetapi juga mengehadkan usaha untuk mempromosi penggunaan jenama dan cap dagang antarabangsa.

- (b) Deklarasi Doha mengenai TRIPS dan Kesihatan Awam

Rundingan TRIPS dan Kesihatan Awam bertumpu kepada pelaksanaan Deklarasi Kesihatan Awam yang memberi mandat kepada ahli yang kurang atau tidak mempunyai keupayaan mengeluarkan ubatan sendiri, untuk mengimport ubatan menggunakan *compulsory licensing* (CL). Penyelesaian ini telah dipersetujui berikutan masalah HIV/AIDS yang meluas di negara-negara Afrika.

Walau bagaimanapun, rundingan masih diteruskan mengenai sama ada Perjanjian TRIPS perlu dipinda selaras dengan

keputusan tersebut. Negara-negara Afrika mahukan pindaan tersebut dilakukan kerana ini akan memberikan satu penyelesaian kekal bagi memenuhi keperluan mereka. Perbincangan yang intensif diteruskan bagi dimuktamadkan pada Mac 2005.

#### (c) Kajian Semula Perjanjian TRIPS

Dalam kajian semula Artikel 27.3(b) mengenai tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang boleh dipatenkan, Majlis TRIPS mengarahkan supaya semua ahli mengkaji hubung kait di antara Perjanjian TRIPS dengan Konvensyen Kepelbagai Biologi (CBD), perlindungan pengetahuan tradisional dan kebudayaan rakyat.

Dalam hal ini, perbincangan masih tidak mendapat sebarang persefahaman khususnya mengenai cadangan pindaan Perjanjian TRIPS supaya syarat pendaftaran paten merangkumi maklumat mengenai negara asal sumber genetik dan pengetahuan tradisional terbabit.

#### **Perdagangan Dan Alam Sekitar**

Rundingan oleh Jawatankuasa mengenai Perdagangan dan Alam Sekitar (CTE) diteruskan sebagaimana mandat Doha yang meliputi :

- hubung kait di antara peraturan WTO sedia ada dan obligasi perdagangan khusus (STO) dalam Perjanjian Pelbagai hala Mengenai Alam Sekitar (MEA);
- prosedur pertukaran maklumat di antara jawatankuasa WTO dan sekretariat MEA serta kriteria sebagai pemerhati di WTO; dan
- pengurangan atau penghapusan tarif dan halangan bukan tarif bagi barang dan perkhidmatan yang berkaitan dengan alam sekitar.

Berkaitan dengan peraturan WTO sedia ada dan obligasi perdagangan khusus (STO), masih terdapat perbezaan pandangan di kalangan ahli-ahli WTO mengenai definisi STO

sebagaimana terdapat dalam MEA. Misalnya, sesetengah ahli ingin mengenal pasti dan membahaskan sama ada larangan mandatori terhadap eksport bahan buangan ke negara-negara ahli Konvensyen Basel mengenai Kawalan Pergerakan Antara Sempadan Bahan Buangan Berbahaya merupakan satu obligasi perdagangan khusus. Ahli lain pula berpandangan bahawa pendekatan makro diperlukan untuk mengkaji prinsip-prinsip yang akan menentukan hubung kait antara MEA dan Perjanjian-perjanjian WTO. Dalam hal ini, Malaysia menyokong supaya perbincangan diadakan secara berperingkat untuk meningkatkan pemahaman mengenai perkara ini.

Mengenai isu pertukaran maklumat dengan MEA, Malaysia telah menyarankan supaya proses pertukaran maklumat tidak perlu dilakukan secara formal kerana ini akan menyulitkan ahli yang mempunyai kapasiti terhad untuk menghadiri setiap perbincangan yang dijadualkan. Mengenai status pemerhati, terdapat percanggahan pendapat dalam menentukan kriteria peserta tersebut. Amalan jemputan secara ad-hoc bagi sekretariat MEA menghadiri rundingan CTE perlu diteruskan untuk memastikan penyertaan yang relevan dalam isu yang dibincangkan.

Negara maju dan negara membangun juga mempunyai pandangan berbeza mengenai pengurangan dan penghapusan tarif dan halangan bukan perdagangan bagi barang dan perkhidmatan berkaitan alam sekitar. Ahli-ahli kurang bersetuju terhadap definisi barang-barang alam sekitar iaitu sama ada ianya perlu berdasarkan kegunaan akhir produk atau berdasarkan kaedah atau proses pengeluaran yang tidak merosakkan alam sekitar. Ahli-ahli di kalangan negara membangun khuatir terutamanya selain kerumitan mengenal pasti definisi barang berkaitan alam sekitar ianya mungkin dijadikan langkah bertujuan perlindungan.

Berbangkit dari perbincangan CTE, wujud kecenderungan terhadap isu barang alam sekitar dan pembukaan pasaran. Sungguhpun

negara membangun telah menyuarakan keimbangan mengenai senarai barang dan perkhidmatan berkaitan dengan alam sekitar, pencadang utama iaitu EU mahukan fokus diberi terhadap pembukaan pasaran lebih daripada penelitian mengenai hubung kait di antara obligasi perdagangan khusus (STO) dan Perjanjian Pelbagai hala Mengenai Alam Sekitar (MEA).

### **Peraturan-Peraturan WTO**

Kumpulan Rundingan mengenai Peraturan-Peraturan WTO telah meneruskan perbincangan teknikal, seperti mana mandat diberikan dalam Pakej Julai, termasuk:

- (a) Rundingan Anti-Lambakan serta Subsidi dan Langkah-Langkah Timbal Balas (Subsidies and Countervailing Measures).

Beberapa isu yang dibincangkan di bawah rundingan Anti-Lambakan termasuk cadangan mengenai pengendalian pengesahan dan keperluan menyediakan laporan bertulis yang terperinci oleh Pihak Berkuasa Penyiasatan. Cadangan lain adalah mengenai penjelasan definisi seperti produk serupa, kemudaratan yang ditanggung dan industri domestik.

Bagi subsidi perikanan, terdapat cadangan daripada Amerika Syarikat untuk penghapusan yang komprehensif ke atas semua subsidi perikanan. Malaysia dan lain-lain negara membangun menyokong peruntukan layanan istimewa dan berbeza (S&D) bagi memastikan penghapusan subsidi tidak memberi kesan kepada program-program pembangunan industri perikanan di negara-negara membangun.

- (b) Perjanjian Perdagangan Serantau (RTA)

Bagi Perjanjian Perdagangan Serantau (RTA), Pengerusi kumpulan rundingan telah mengeluarkan suatu cadangan tidak rasmi berkenaan elemen-elemen untuk tujuan proses RTA yang lebih telus. Beberapa isu yang dibangkitkan adalah mengenai prosedur yang meliputi notifikasi,

kajian semula dan penerimaan RTA. Isu-isu substantif yang dibincangkan di dalam kumpulan tersebut adalah termasuk pengumuman awal RTA dan jenis maklumat atau data yang perlu diberikan kepada WTO.

Memandangkan jumlah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang semakin bertambah, perbincangan mengenai aspek-aspek prosedur dan substantif RTA, akan memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai rundingan FTA. Prosedur bagi pemberitahuan awal RTA membolehkan negara bukan ahli FTA mendapat faedah memandangkan maklumat awal tersebut boleh digunakan untuk perancangan dan strategi pemasaran.

- (c) Persefahaman Penyelesaian Pertikaian (DSU)

Mesyuarat GC pada 1 Ogos 2004 mengambil maklum laporan oleh Badan Penyelesaian Pertikaian (DSB) dan secara tegas memberi komitmen untuk rundingan diteruskan selaras dengan mandat Doha. Cadangan bagi kajian semula DSB memfokuskan kepada penambahbaikan pematuhan keputusan-keputusan panel, penyertaan negara-negara membangun dan mengukuhkan hak-hak pihak ketiga di dalam prosiding penyelesaian pertikaian.

Cadangan dari ahli-ahli WTO bagi memperbaiki DSU boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

- usaha mengatasi kelemahan struktur DSU;
- memperkemaskan prinsip-prinsip dan prosedur-prosedur yang berkaitan; dan
- memperbaiki modaliti proses penyelesaian pertikaian.

Malaysia telah mengemukakan cadangan bagi pengenalan kepada Langkah-Langkah Pencegahan dalam sistem DSU. Dalam tempoh proses DSU yang panjang, sehingga tiga

tahun, kemudaratan yang dihadapi oleh pihak industri yang mengemukakan aduan tidak dapat diselesaikan segera. Konsep langkah-langkah pencegahan adalah untuk memperuntukkan remedii sementara bagi melindungi hak dan kepentingan pengadu serta menghindari daripada kemudaratan selanjutnya.

## LAIN-LAIN PROGRAM KERJA WTO

### **Persefahaman Penyelesaian Pertikaian (DSU)**

Bilangan kes yang dibawa ke Badan Penyelesaian Pertikaian (DSB) terus bertambah. Dari tahun 1995 hingga Oktober 2004, sejumlah 317 kes telah difailkan manakala panel-panel yang ditubuhkan adalah bagi 129 kes meliputi 159 pertikaian. Secara keseluruhan, kes-kes DSB melibatkan negara-negara perindustrian yang mana mereka merupakan 204 pengadu dan 191 responden. Kes-kes melibatkan negara-negara membangun terdiri daripada 139 pengadu dan 122 responden. Arah aliran ini menunjukkan peningkatan kesedaran oleh negara-negara membangun terhadap hak-hak dan obligasi di bawah WTO.

Bidang aduan tertumpu kepada peruntukan-peruntukan di bawah GATT 1994. Sejumlah 240 permohonan terhadap penyelesaian pertikaian, meliputi Layanan Nasional (NT), Layanan Sama Rata (MFN) dan Kawalan Kuantitatif (QR). Lain-lain aduan adalah mengenai subsidi (57 permohonan), pertanian (52 permohonan) dan anti-lambakan (54 permohonan).

### **Kes-Kes Anti-Lambakan Di Bawah DSU**

Satu kes penting anti-lambakan yang dipertimbangkan oleh Badan Rayuan (AB) WTO telah dibangkitkan oleh Kesatuan Eropah dan tujuh negara lain (Jepun, Brazil, Kanada, Chile, India, Republik Korea dan Mexico) terhadap AS. Pihak pengadu telah meminta WTO membenarkan tindakan dikenakan ke atas AS kerana tidak mematuhi arahan awal AB untuk membatalkan

Pindaan Byrd ke atas Akta Perlindungan Subsidi dan Lambakan Yang Berterusan tahun 2000 (US Continued Dumping and Subsidy Offset Act 2000). Berikutan dari keputusan AB untuk membenarkan sekatan dikenakan, EU telah mengambil tindakan selanjutnya terhadap barang-barang daripada AS yang bernilai US\$150 juta.

Bagaimanapun, pihak pengadu telah menyatakan bahawa mereka akan menangguhan sekatan dan sebaliknya akan menggunakan tindak balas yang berupa ancaman dengan harapan Amerika Syarikat memansuhkan undang-undang tersebut.

### **Kes-Kes Subsidi Di Bawah DSU**

Terdapat dua kes utama subsidi pertanian yang melibatkan subsidi kapas AS dan regim gula EU. Tentangan subsidi kapas telah dikemukakan oleh Brazil terhadap AS, dan panel penyelesaian pertikaian mendapati bahawa skim subsidi kapas AS telah mengganggu harga pasaran dunia. Brazil telah mendakwa bahawa subsidi-subsidi telah diberikan kepada penanam-penanam kapas Amerika Syarikat sejak tahun 1999 hingga 2000 melalui peruntukan *Farm Bill* 2002 yang menyalahi peraturan WTO di bawah Perjanjian Subsidi dan Langkah-Langkah Timbal Balas serta Perjanjian Pertanian. Brazil menegaskan bahawa Amerika Syarikat bertanggungjawab terhadap penurunan harga pasaran kapas dunia dan menyebabkan kemudaratan kepada petani-petani Brazil, di samping meningkatkan syer Amerika Syarikat di dalam pasaran global kapas.

Pertikaian mengenai gula pula telah dibangkitkan oleh Brazil, Australia dan Thailand terhadap EU. Panel telah mendapati bahawa EU telah melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Perjanjian Pertanian, dan Perjanjian Subsidi dan Langkah-Langkah Timbal Balas serta subsidi kepada pengeluar domestik adalah bergantung kepada peningkatan prestasi

eksport. EU telah memaklumkan hasrat untuk merayu kepada Badan Rayuan (AB).

### **Kemasukan Ke WTO**

Sehingga 31 Disember 2004, keahlian WTO telah meningkat kepada 148. Negara yang kini dalam proses rundingan kemasukan ialah Algeria, Andorra, Azerbaijan, Afghanistan, Bahamas, Belarus, Bhutan, Bosnia Herzegovina, Cape Verde, Ethiopia, Iraq, Kazakhstan, Lao PDR, Lebanon, Libya, Persekutuan Rusia, Samoa, Arab Saudi, Serbia, Montenegro, Seychelles, Sudan, Tajikistan, Tonga, Ukraine, Uzbekistan, Vanuatu, Viet Nam dan Yemen.

Iran telah memohon untuk menjadi ahli WTO pada tahun 1996. Bagaimanapun Permohonan tersebut telah ditolak oleh sebahagian ahli WTO. Malaysia dan beberapa ahli UK telah menggesa permohonan Iran dibawa ke Majlis Am.

### **KAJIAN SEMULA DASAR PERDAGANGAN (TPR)**

Di bawah mekanisme Kajian Semula Dasar Perdagangan (TPR), dasar dan amalan perdagangan bagi 15 ahli WTO telah dikaji semula dalam tahun 2004. Negara yang terlibat adalah Gambia, Sri Lanka, Singapura, Benin, Burkina Faso, Mali, Belize, Suriname, Republik Korea, Rwanda, Norway, EU, Brazil, Liechtenstein dan Switzerland.

Proses TPR in memberi peluang kepada ahli-ahli WTO untuk meneliti konsistensi dasar dan menilai amalan perdagangan ahli-ahli WTO lain dengan peraturan WTO. Proses ini termasuk penilaian ke atas kepentingan pasaran yang berpotensi, dasar perdagangan dan amalan lain-lain negara serta halangan-halangan perdagangan dan implikasi perjanjian serantau negara berkenaan. Dalam proses TPR ini, Malaysia telah membangkitkan beberapa isu yang mempunyai impak terhadap perdagangan ke negara-negara berkenaan.

### **BANTUAN TEKNIKAL**

Sepanjang tahun 2004, Malaysia telah menyertai lapan program bantuan teknikal anjuran WTO yang mana tiga daripadanya telah diadakan di Malaysia:

- Seminar mengenai Peraturan Tempasal (ROO), 22-23 September 2004, yang membincangkan implikasi peraturan pelbagai hala mengenai ROO;
- Seminar mengenai Fasilitasi Perdagangan (TF), 29-30 September 2004, yang membincangkan perkembangan semasa rundingan mengenai Fasilitasi Perdagangan; dan
- Seminar mengenai Peraturan Domestik, 8-9 Disember 2004, yang memberi penerangan kepada badan kawal selia tempatan mengenai rundingan semasa terhadap peraturan sektor perkhidmatan.

Bantuan teknikal yang disediakan oleh WTO bertujuan untuk mempertingkatkan keupayaan negara-negara membangun dan kurang maju dalam melaksanakan obligasi mereka di bawah sistem perdagangan pelbagai hala serta memberi respons sewajarnya terhadap cabaran dan peluang dalam sistem perdagangan antarabangsa.

### **PROSPEK**

Persidangan Keenam Menteri-Menteri WTO pada 2005 dijangka akan memberi persetujuan terhadap modaliti rundingan sektor pertanian dan barang bukan pertanian (NAMA). Walaupun proses rundingan melibatkan isu-isu sensitif bagi Negara-negara maju dan Negara-negara membangun, namun berdasarkan komitmen positif dan dorongan untuk mencapai persetujuan oleh semua ahli dalam kedua-dua sektor tersebut, berkemungkinan besar semua tugas dapat diselesaikan pada tahun 2005 bagi membolehkan rundingan DDA dimuktamadkan pada tahun 2006.

Malaysia akan terus melibatkan diri secara aktif dalam rundingan WTO bukan sahaja untuk mendapatkan pembukaan pasaran yang lebih luas tetapi juga untuk memastikan sistem perdagangan pelbagai hala WTO sebagai organisasi berdasarkan peraturan terus kekal adil melalui pelaksanaan mekanisme penyelesaian pertikaian yang berkesan. ©

## TINJAUAN

Dalam tahun 2004, Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah menerima secara rasmi dua langkah bagi merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) menjelang tahun 2020 iaitu Perjanjian serta Protokol bagi mempercepatkan integrasi 11 sektor utama ASEAN dan Protokol bagi memperkuuhkan Mekanisme Penyelesaian Pertikaian ASEAN (DSM). Selain dari perkembangan tersebut, ASEAN terus mencapai kemajuan dalam perlaksanaan Skim Tarif Keutamaan Samarata (CEPT) bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) melalui dialog dengan rakan-rakan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) di peringkat ASEAN serta kerjasama di kalangan sektor perniagaan ASEAN.

Sebagai langkah utama ke arah merealisasikan AEC, ASEAN sedang berusaha mengintegrasikan 11 sektor utama yang bertujuan menggabungkan kekuatan ekonomi setiap negara anggota bagi meningkatkan kelebihan dan daya saing serantau. Sektor-sektor tersebut menyumbang lebih 50 peratus dalam perdagangan intra-ASEAN meliputi produk-produk berasaskan getah, tekstil dan pakaian, pertanian, kayu, automotif, perikanan, elektronik, e-ASEAN, penjagaan kesihatan, pengangkutan udara dan pelancongan. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan adalah:

- penghapusan tarif ke atas 85 peratus produk menjelang 2007 (ASEAN-6) dan 2012 (negara-negara anggota baru);
- liberalisasi sektor perkhidmatan merangkumi e-ASEAN, penjagaan kesihatan dan pelancongan menjelang 2010; dan

- aktiviti-aktiviti kerjasama bagi mengurangkan halangan kepada perdagangan serta promosi perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

ASEAN juga telah memperkemaskan proses penyelesaian pertikaian melalui penubuhan mekanisme badan penasihat, perundingan dan perbicaraan bagi menyelesaikan pertikaian. Protokol mengenai DSM Yang Diperkuuhkan telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada 29 November 2004 di Vientiane, Lao PDR bagi menggantikan Protokol asal yang ditandatangani pada tahun 1996. DSM yang diperkemaskan ini telah diselaraskan dengan peruntukan-peruntukan DSM Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) selain memberikan tempoh masa yang lebih pendek bagi penyelesaian pertikaian. Komponen-komponen lain dalam proses penyelesaian pertikaian termasuk penubuhan:

- Unit Perundungan di Sekretariat ASEAN untuk menyediakan khidmat nasihat;
- Sistem Pematuhan Perdagangan ASEAN (ACT) berasaskan internet untuk menyelesaikan isu-isu berhubung pelaksanaan Skim CEPT; dan
- Badan Pematuhan ASEAN (ACB) untuk membuat keputusan-keputusan yang tidak terikat mengenai pertikaian.


Negara-negara anggota baru terus menunjukkan kemajuan dalam pelaksanaan Skim CEPT bagi AFTA dengan kemasukan 79.1 peratus produk-produk mereka ke dalam Skim ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 69.9 peratus merupakan produk pada kadar duti lima peratus dan ke bawah. AFTA telah dilaksanakan secara berkesan oleh Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan

Thailand dengan kemasukan 98.9 peratus produk-produk mereka ke dalam CEPT. Malaysia juga telah menyempurnakan obligasi terhadap produk automotif dengan memasukkan Unit Siap Dipasang (CBU) dan Komponen Terurai Sepenuhnya (CKD) ke dalam Skim CEPT mulai 1 Januari 2005.

ASEAN terus mencapai kemajuan dalam bidang-bidang ekonomi yang lain termasuk menyempurnakan Pakej Keempat Liberalisasi Bidang Perkhidmatan, pelaksanaan aktiviti-aktiviti kerjasama bagi memudahkan aliran pelaburan di bawah Perjanjian Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA), pembangunan Jendela Tunggal (*Single Window*) bagi memudahkan pemeriksaan dokumen-dokumen perdagangan serta kerjasama ASEAN dalam bidang standard.

Perjanjian untuk merealisasikan FTA ASEAN-Republik Rakyat China (PRC) telah ditandatangani pada 30 November 2004 di Vientiane, Lao PDR. FTA bagi sektor barang akan dilaksanakan oleh PRC dan ASEAN-6 pada 2010, manakala negara-negara anggota baru pada 2015. Mulai 1 Julai 2005, ASEAN dan PRC akan mula melaksanakan FTA terbesar di dunia yang merangkumi 1.6 bilion penduduk, dengan menghapuskan tarif ke atas 40 peratus jumlah barang. Program Pemotongan Awal (*Early Harvest*) telah dilaksanakan semenjak Januari 2004.

**Carta 9.1:**  
**Perdagangan Intra-ASEAN**



Sumber: ASEAN Secretariat

ASEAN juga meneruskan rundingan untuk menubuhkan FTA ASEAN-India dan FTA ASEAN-Jepun. Di samping itu, persetujuan telah dicapai pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-10 untuk memulakan rundingan ke arah penubuhan FTA ASEAN-Republik Korea (ROK), FTA ASEAN-Australia dan New Zealand serta penubuhan Kumpulan Pakar bagi mengkaji dan mencadangkan kemungkinan untuk mewujudkan FTA Asia Timur.

Kemajuan yang sama juga turut dicapai melalui penglibatan sektor swasta dalam aktiviti-aktiviti kerjasama ekonomi serantau, termasuk Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN yang telah menganjurkan Sidang Kemuncak Pelaburan dan Perniagaan ASEAN Kedua di Vientiane, Lao PDR yang diadakan semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-10. Untuk menggalakkan kerjasama sektor swasta ASEAN dengan PRC, Jepun dan ROK, Majlis Perniagaan Asia Timur telah ditubuhkan dalam tahun 2004. Malaysia merupakan Pengerusi semasa majlis ini dengan PRC sebagai Timbalan Pengerusi. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dirancang ialah misi perdagangan dan pelaburan serta sesi *networking* perniagaan.

Sebagai satu langkah ke arah meningkatkan integrasi ekonomi antara ASEAN dengan PRC, Jepun dan ROK, Ketua-ketua negara ASEAN dan negara-negara Asia Timur tersebut telah

bersetuju untuk mengadakan Sidang Kemuncak Asia Timur yang Pertama di Kuala Lumpur pada bulan Disember 2005.

## PERDAGANGAN

### Perdagangan Intra-ASEAN

Perdagangan intra-ASEAN bagi tujuh negara anggota iaitu Brunei, Kemboja, Malaysia, Indonesia, Myanmar, Filipina, Singapura dan Thailand mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 21.7 peratus kepada US\$211.8 bilion dalam tahun 2004 daripada US\$174.1 bilion pada tahun 2003.

Thailand mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 26.7 peratus diikuti oleh Malaysia (25.3 peratus), Indonesia (21.8 peratus), Singapura (20.8 peratus), Filipina (11.8 peratus) dan Brunei (7.6 peratus). Bagaimanapun, Myanmar mengalami penurunan pada kadar 4.4 peratus.

Jumlah keseluruhan eksport intra-ASEAN meningkat sebanyak 19.8 peratus kepada US\$115.8 bilion daripada US\$96.7 bilion pada tahun 2003. Dalam tempoh yang sama, jumlah import intra-ASEAN telah meningkat

sebanyak 24.1 peratus kepada US\$95.9 bilion daripada US\$77.3 bilion.

### Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA)

#### Skim Tarif Keutamaan Samarata (CEPT)

Pada 1 Januari 2005, Malaysia telah memasukkan 99.3 peratus produk-produknya ke dalam Skim Tarif Keutamaan Samarata (CEPT). Mulai tarikh yang sama, Malaysia juga telah memindahkan kenderaan bermotor CBU dan CKD ke dalam Skim ini. Kadar tarif CEPT bagi kenderaan CBU ialah 20 peratus, manakala kadar tarif semua kenderaan CKD telah dihapuskan. Kadar tarif ke atas kenderaan CBU akan diturunkan kepada lima peratus menjelang 1 Januari 2008. Dengan ini, Malaysia telah menawarkan semua jenis produk ke dalam Skim CEPT kecuali minuman beralkohol dan senjata api yang diletakkan di bawah Senarai Pengecualian Am Skim CEPT (GEL).

Kemasukan produk-produk ke dalam Skim CEPT oleh negara-negara Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam (CLMV) juga telah

**Jadual 9.1:**  
**Perdagangan Intra-ASEAN bagi Tahun 2003 dan 2004**

Negara	Eksport				Import			
	2004 (US\$ juta)	2003 (US\$ juta)	Perubahan		2004 (US\$ juta)	2003 (US\$ juta)	Perubahan	
			US\$ juta	%			US\$ juta	%
<b>Jumlah</b>	<b>115,850.0</b>	<b>96,709.5</b>	<b>19,140.5</b>	<b>19.8</b>	<b>95,941.8</b>	<b>77,342.7</b>	<b>18,599.1</b>	<b>24.1</b>
Singapura	43,611.6	36,003.4	7,608.3	21.1	37,568.8	31,224.9	6,343.9	20.3
Malaysia	31,737.1	25,932.2	5,804.9	22.4	25,191.7	19,500.2	5,691.5	29.2
Thailand	21,170.0	16,583.0	4,587.0	27.7	15,834.6	12,616.3	3,218.3	25.5
Indonesia	9,004.3*	7,916.1*	1,088.2	13.8	7,965.7*	6,018.5*	1,947.2	32.4
Filipina	6,838.5**	6,581.7	256.8	3.9	7,675.1**	6,398.1	1,277.0	20.0
Myanmar	2,898.4	3,060.2	(161.9)	(5.3)	951.1	967.8	(16.7)	(1.7)
Brunei Darussalam	590.0	632.9	(42.9)	(6.8)	754.8	616.9	137.9	22.4

Sumber: ASEAN Secretariat

Pihak Berkuasa Statistik Negara-negara ASEAN

\* : Data bagi tempoh Januari-Oktoper

\*\* : Anggaran

meningkat dalam tahun 2004. CLMV telah memasukkan 79.1 peratus produk mereka ke dalam Skim ini, yang mana 69.9 peratus daripadanya mempunyai kadar tarif 5 peratus atau kurang. Viet Nam telah memuktamadkan komitmen pemindahan produknya ke dalam Senarai Kemasukan (IL), Skim CEPT dengan kadar tarif antara 0 hingga 5 peratus kecuali barang pertanian belum diproses yang diletakkan di dalam Senarai Sensitif (SL) dan Senarai Amat Sensitif (HSL). Lao PDR dan Myanmar akan memuktamadkan pemindahan produk mereka pada tahun 2005, manakala Kemboja pada tahun 2007.

ASEAN-6 telah memasukkan 99.2 peratus produk mereka ke dalam IL, Skim CEPT. Ini terhasil dengan pemindahan produk-produk dari HSL dan produk-produk lain yang sebelum ini dikecualikan ke dalam Skim tersebut, mulai 1 Januari 2005.

### **Eksport Malaysia di bawah Skim CEPT**

Eksport Malaysia di bawah Skim CEPT meningkat 54.1 peratus dalam tahun 2004 kepada RM8.1 bilion berbanding RM5.2 bilion pada tahun 2003. Peningkatan ketara dicatatkan untuk eksport ke semua negara ASEAN kecuali Brunei Darussalam. Thailand terus kekal sebagai destinasi utama eksport di

**Jadual 9.2:**  
**Produk-produk Dalam Senarai Kemasukan (IL), Skim CEPT bagi Enam Negara Anggota Asal ASEAN**

Negara	Jumlah	Produk dalam Senarai Kemasukan	
		Bilangan Produk	Peratus
<b>Purata</b>			<b>99.2</b>
Singapura	10,705	10,705	100
Thailand	11,029	11,029	100
Filipina	11,061	11,015	99.6
Malaysia	12,034	11,953	99.3
Indonesia	11,153	11,028	98.9
Brunei Darussalam	6,492	6,337	97.6

Berdasarkan Sistem Nomenklatur Tarif Seragam ASEAN (AHTN)

Sumber: ASEAN Secretariat

bawah Skim CEPT dengan jumlah eksport bernilai RM3,572.3 juta, meningkat sebanyak 56.2 peratus berbanding RM2,257.2 juta pada tahun 2003. Peningkatan yang signifikan juga dicatatkan untuk eksport ke Filipina (52.1 peratus) dan Indonesia (96.3 peratus). Kenaikan eksport ke negara-negara anggota baru ASEAN adalah hasil pertambahan jumlah produk yang ditawarkan untuk konsesi CEPT oleh negara-negara berkenaan, terutamanya Viet Nam.

Barangan eksport utama di bawah Skim CEPT meliputi mesin dan kelengkapan elektrikal, bahan kimia organik, besi dan keluli, produk-produk plastik serta mesin dan peralatan mekanikal.

Syarikat-syarikat Malaysia kini mengambil peluang daripada konsesi tarif dan faedah yang ditawarkan di bawah Skim CEPT. Keadaan ini dapat dilihat dengan peningkatan permohonan melalui Borang D dalam tahun 2004 berjumlah 81,792 iaitu kenaikan sebanyak 27.3 peratus berbanding 64,266 permohonan yang telah diterima pada 2003. Walau bagaimanapun, penggunaan Borang D untuk eksport di bawah Skim CEPT secara perbandingannya masih lagi rendah, hanya 6.7 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke rantau ASEAN dalam tahun 2004 yang bernilai RM120.6 bilion.

**Jadual 9.3:**  
**Eksport Malaysia di bawah Skim CEPT**

Destinasi Eksport	RM juta		Perubahan (%)
	2004	2003	
<b>Jumlah</b>	<b>8,091.7</b>	<b>5,249.8</b>	<b>54.1</b>
Thailand	3,572.3	2,257.2	56.2
Viet Nam	1,247.2	903.3	38.1
Filipina	1,366.6	898.6	52.1
Indonesia	1,274.3	649.0	96.3
Singapura	614.9	531.1	15.7
Brunei Darussalam	3.9	6.0	-35.0
Myanmar	12.5	4.6	171.7
Kemboja	neg.	neg.	neg.
Lao PDR	neg.	neg.	neg.

Sumber: Ministry of International Trade and Industry

Nota: neg. - nilai terlalu kecil/besar

Antara sebab utamanya ialah eksport ke Singapura tidak dikenakan sebarang duti import. Dengan itu Borang D tidak diperlukan kecuali untuk tujuan pengeksportan semula. Selain itu, import oleh beberapa negara ASEAN khususnya bagi bahan-bahan mentah diberi pengecualian duti di bawah pelbagai skim insentif. Berikutan ini, Borang D tidak diperlukan oleh para pengeksport.

### **Sistem Keutamaan Integrasi ASEAN (AISP)**

Negara-negara CLMV terus meluaskan eksport mereka di bawah Sistem Keutamaan Integrasi ASEAN (AISP) yang memberi pengecualian duti import ke atas produk-produk tertentu dari Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam yang dieksport ke pasaran ASEAN-6. Malaysia telah melaksanakan AISP sejak 1 Januari 2002 dengan menawarkan sebanyak 553 produk iaitu 89 produk kepada Kemboja, 12 produk kepada Lao PDR, 282 produk kepada Myanmar dan 170 produk kepada Viet Nam. Antara produk-produk yang ditawarkan ialah bahan-bahan pertanian, elektrik dan elektronik, kayu, plastik, seramik serta besi dan keluli.

Dalam tahun 2004, import Malaysia di bawah Skim AISP berjumlah RM91.7 juta iaitu meningkat sebanyak 94.7 peratus berbanding RM47.1 juta pada tahun 2003.

Malaysia juga telah menerima permintaan untuk menambah bilangan produk di bawah AISP iaitu daripada Kemboja (142 produk), Lao PDR (86 produk), Myanmar (41 produk) dan Viet Nam (119 produk). Malaysia sedang mengkaji permintaan-permintaan ini untuk ditawarkan pada tahun 2005.

## **PELABURAN**

### **Aliran Pelaburan**

Kedudukan ASEAN sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif jelas dengan pertambahan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak 31.7 peratus kepada US\$19.1 bilion dalam tahun 2003 daripada

US\$14.5 bilion pada 2002. Ini dicapai walaupun berlaku kelembapan global dalam aliran FDI. Negara-negara penerima FDI yang utama ialah Singapura, Brunei Darussalam, Malaysia, Thailand dan Viet Nam.

Pada tahun 2003, Kesatuan Eropah (EU) merupakan sumber utama FDI ke rantau ASEAN dengan jumlah pelaburan bernilai US\$7.1 bilion. Di kalangan EU, negara UK merupakan penyumbang terbesar FDI berjumlah US\$3.4 bilion, diikuti oleh Belanda US\$3 bilion. Amerika Syarikat merupakan sumber ketiga terbesar FDI dengan nilai pelaburan US\$2.9 bilion sementara pelaburan daripada Jepun berjumlah US\$2.1 bilion.

### **Pelaburan Luar ASEAN**

Dalam tahun 2003, pelaburan keluar ASEAN meningkat sebanyak 32.2 peratus kepada US\$7.8 bilion daripada US\$5.9 bilion pada 2002. Sebahagian besar pelaburan ini adalah dari Singapura iaitu 71 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan keluar ASEAN. Pelaburan luar kasar Malaysia berkurangan sebanyak 35.4 peratus kepada RM10.6 bilion dalam tahun 2003 dari RM16.4 bilion pada 2002. Kebanyakan pelaburan luar Malaysia adalah ke Amerika Syarikat (RM994 juta), negara-negara ASEAN (RM1.6 bilion), Taiwan (RM666 juta), Sudan (RM600 juta), Hong Kong (RM520 juta) dan UK (RM492 juta).

### **Pelaburan Intra-ASEAN**

Pelaburan Intra-ASEAN dalam tahun 2003 berjumlah US\$2.1 bilion. Singapura kekal sebagai sumber terbesar pelaburan merangkumi sebanyak US\$1.3 bilion (61.9 peratus daripada jumlah aliran pelaburan dalam tahun 2003), diikuti oleh Malaysia (US\$398.8 juta atau 19.3 peratus) dan Indonesia (US\$228.2 juta atau 11.0 peratus).

Thailand kekal sebagai negara penerima utama kemasukan aliran pelaburan intra-ASEAN dengan nilai pelaburan yang diterima dalam tahun 2003 berjumlah US\$670 juta. Negara penerima utama pelaburan intra-ASEAN yang lain adalah Singapura (US\$420 juta), Indonesia

**Jadual 9.4:**  
**Aliran Pelaburan Intra-ASEAN Dalam Tahun, 2003 (US\$ Juta)**

Negara Tuan Rumah	Negara Sumber										
	Brunei Darussalam	Kemboja	Indonesia	Lao PDR	Malaysia	Myanmar	Filipina	Singapura	Thailand	Viet Nam	Jumlah
<b>Jumlah</b>	<b>36.8</b>	-	<b>383.9</b>	<b>2.9</b>	<b>251.1</b>	<b>28.6</b>	<b>175.1</b>	<b>420.0</b>	<b>670.0</b>	<b>100.4</b>	<b>2,068.9</b>
Singapura	15.7	-	300.7	neg.	162.5	8.4	164.4	-	637.0	21.3	1,310.0
Malaysia	16.8	-	84.8	0.1	-	8.2	8.0	207.9	18.0	55.0	398.8
Indonesia	4.2	-	1.0	-	2.7	2.4	neg.	213.9	4.0	-	228.2
Thailand	neg.	-	-2.6	2.4	85.0	9.6	2.7	-12.9	-	24.1	108.3
Brunei Darussalam	-	-	-	-	neg.	-	-	9.1	-	-	9.1
Myanmar	-	-	-	-	-	-	-	7.1	-	-	7.1
Kemboja	-	-	-	-	-	-	-	-	5.0	-	5.0
Viet Nam	-	-	-	0.4	-	-	-	4.5	-	-	4.9
Lao PDR	-	-	-	-	-	-	-	0.2	-	-	0.2
Filipina	0.1	-	-	-	0.9	-	-	-9.8	6.0	-	-2.8

Sumber: Pusat Data FDI ASEAN, Sekretariat ASEAN

Nota: (1) Data dikumpul dari Bank Pusat negara-negara ASEAN dan Badan-badan Statistik Nasional negara-negara ASEAN. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, semua statistik adalah termasuk ekuiti dan pinjaman antara syarikat.

(2) Statistik Brunei, Malaysia dan Singapura adalah termasuk pendapatan yang dilaburkan semula.

(3) Statistik Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand untuk 2003 adalah anggaran awal.

(4) Data Kemboja oleh negara sumber tidak dapat diperolehi.

(5) Statistik Indonesia untuk tahun 2003 adalah termasuk penswastaan dan jualan aset di bawah program Agensi Penstrukturkan Bank Indonesia Bank Restructuring Agency (IBRA).

(6) Statistik Myanmar adalah bagi tahun fiskal yang berakhir dalam bulan Mac tahun kalendar berikutnya.

(7) Statistik Thailand adalah termasuk dana modal sektor perbankan.

(8) Neg. - nilai telur kecil/beasr

(9) ( ) menunjukkan aliran keluar bersih, termasuk pemindahan keluar pelaburan (disinvestments) ekuiti dan pembayaran balik pinjaman antara syarikat.

(US\$383.9 juta), dan Malaysia (US\$251.1 juta).

Pelaburan Malaysia ke negara-negara ASEAN tertumpu ke Singapura, dengan nilai pelaburan US\$207.9 juta, Indonesia (US\$84.8 juta) dan Viet Nam (US\$55 juta). Kebanyakan pelaburan adalah dalam sektor perkhidmatan kewangan, pembuatan dan perladangan.

### Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA)

ASEAN terus mengambil langkah-langkah untuk memajukan inisiatif-inisiatif Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) dengan memberi tumpuan kepada tiga bidang utama iaitu liberalisasi, promosi

dan kesedaran, serta kerjasama dan pemudahan.

Di bawah langkah-langkah liberalisasi, Malaysia telah membuat penambahbaikan ke atas senarai sensitif dalam sektor pembuatan, pertanian, perikanan, perlombongan dan perhutanan serta bidang-bidang perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor-sektor berkenaan. Inisiatif yang dijalankan oleh Malaysia adalah selaras dengan liberalisasi ke atas dasar mengenai ekuiti dalam sektor pembuatan serta bidang-bidang perkhidmatan yang berkaitan di sektor pembuatan. Di kalangan negara-negara ASEAN, Indonesia juga telah membuat

### Kotak 9.1: Integrasi Utama Asean

Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) akan membenarkan aliran bebas barang, perkhidmatan dan pelaburan serta aliran modal yang lebih bebas menjelang tahun 2020. Objektif AEC ialah untuk mengubah rantau ini menjadi pusat pelaburan yang menarik dengan pembentukan satu pasaran dan pusat pengeluaran tunggal yang besar.

Bagi mencapai matlamat AEC, ASEAN perlu mempercepatkan pemansuhan duti ke atas barang dan liberalisasi bidang perkhidmatan. Di samping liberalisasi perdagangan barang dan perkhidmatan, ASEAN juga perlu membangunkan langkah-langkah fasilitasi yang efektif untuk membantu mengurangkan kos urus niaga perniagaan dan meningkatkan daya saing.

Sebagai langkah penting ke arah pencapaian AEC, ASEAN bersetuju untuk mengintegrasikan 11 sektor utama: produk berasaskan getah, tekstil dan pakaian, produk berasaskan kayu, produk automotif, produk berasaskan pertanian, perikanan, elektronik, e-ASEAN, produk penjagaan kesihatan, pengangkutan udara dan pelancongan.

Bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan dan komitmen yang terikat, Ketua-ketua negara ASEAN telah menandatangani Perjanjian Rangka Kerja Integrasi Sektor-sektor Utama termasuk 11 Protokol Integrasi Sektoral pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientiane, Lao PDR pada 29 November 2004.

Perjanjian tersebut mengandungi pelan hala tuju bagi 11 sektor yang memperuntukkan langkah-langkah spesifik untuk liberalisasi, fasilitasi dan kerjasama, serta langkah-langkah bersama yang merentasi integrasi semua sektor-sektor utama. Pelaksanaan langkah-langkah tersebut bermula dari bulan Disember 2004 sehingga tahun 2010. Langkah-langkah ini dibangunkan dengan mengambil kira pandangan sektor swasta.

Pelan hala tuju liberalisasi sektor barang memperuntukkan pemansuhan duti import bagi 85 peratus

produk sektor-sektor utama menjelang 1 Januari 2007 bagi ASEAN-6, dan 2012 untuk CLMV. Malaysia akan menghapuskan duti import ke atas 3,647 produk sektor-sektor utama menjelang 2007 atau 85.3 peratus daripada keseluruhan produk sektor utama.

Pelan hala tuju tersebut juga memperuntukkan penghapusan sekatan ke atas 4 modes of supply bagi sektor-sektor perkhidmatan utama iaitu e-ASEAN, penjagaan kesihatan dan pelancongan. Dalam hal ini, setiap negara anggota ASEAN perlu menghapuskan halangan ke atas pembukaan pasaran, memberi layanan nasional (national treatment) dan membenarkan pemilikan ekuiti ASEAN yang lebih tinggi.

ASEAN juga sedang mempercepatkan liberalisasi dalam bidang pelaburan dengan membuka sektor-sektor yang pada masa ini berada dalam Senarai Pengecualian Sementara (TEL) dan Senarai Sensitif (SL) di bawah Perjanjian Pelaburan ASEAN (ASEAN Investment Agreement). Inisiatif ini melibatkan pemansuhan atau pengurangan secara progresif langkah-langkah yang menyekat pelaburan.

Pelan hala tuju ini juga memberi penekanan yang sama kepada penggalakan dan fasilitasi perdagangan dan pelaburan, termasuk pewujudan ASEAN *Single Window* bagi pemprosesan dokumen perdagangan secara elektronik di peringkat nasional dan serantau.

ASEAN sedang mempercepatkan penyeragaman standard dan peraturan teknikal di samping mewujudkan pengiktirafan bersama ke atas laporan ujian dan persijilan.

Salah satu elemen penting ke arah pencapaian AEC ialah menyediakan perjanjian atau peraturan pengiktirafan bersama ASEAN bagi memudahkan pergerakan ahli-ahli perniagaan, pakar, profesional dan pekerja mahir di rantau ini. Beberapa Peraturan Pengiktirafan Bersama (MRA) sedang disediakan meliputi sektor barang dan perkhidmatan yang penting bagi ASEAN.

penambahbaikan ke atas senarai sensitif dalam lima sektor berkenaan.

Pelan Tindakan Pelaburan Strategik (SIAP) 2004-2008 telah diwujudkan bagi tujuan memajukan iklim pelaburan di bawah rangkakerja AIA. Pelan Tindakan ini mengandungi langkah-langkah dan program untuk mempercepatkan liberalisasi pelaburan, pemudahan dan penggalakan pelaburan serta memaksimumkan faedah dari proses ekstra-ASEAN. Sebahagian dari langkah-langkah pelaburan spesifik di bawah SIAP akan

dilaksanakan untuk sebelas sektor utama (Kotak 1).

Aktiviti-aktiviti penggalakan dan pemudahan pelaburan yang dilaksanakan meliputi:

- Seminar mengenai Industri-industri Sokongan ASEAN, pada 31 Mei 2004 di Bangkok, Thailand untuk meningkatkan kesedaran pelabur dan ahli-ahli perniagaan mengenai perkembangan industri-industri sokongan ASEAN;
- Seminar mengenai Pemahaman Regim

Pelaburan ASEAN dan PRC pada 12-13 Julai 2004 di Singapura bertujuan memudahkan pertukaran pengalaman dan pandangan berhubung pengumpulan data-data dan penyediaan laporan pelaburan, serta polisi FDI di PRC dan ASEAN;

- Semakan Tahunan Pelan Tindakan Individu termasuk menghapuskan halangan-halangan pelaburan serta memudahkan proses dan prosedur pelaburan;
- Penerbitan dan pengemaskinian buku panduan bagi pelaburan di negara ASEAN Tahun 2004 bagi menyediakan maklumat terkini kepada para pelabur mengenai undang-undang, polisi, langkah-langkah, prosedur-prosedur dan syarat-syarat pelaburan di setiap negara ASEAN;
- Pengeluaran Statistik mengenai Pelaburan Langsung Asing di ASEAN, edisi keenam 2004 dalam bentuk CD-Rom; dan
- Penganjuran Konsultasi Pertama ASEAN-Jepun Mengenai Pelaburan pada 31 Mei 2004 di Bangkok, Thailand. Konsultasi ini bertujuan bertukar-tukar maklumat mengenai regim pelaburan dan isu-isu lain yang berkaitan dengan pelaburan.

Selaras dengan cadangan di bawah SIAP dan Pelan Halatuju untuk Integrasi 11 Sektor Utama, projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun 2005 adalah:

- Kajian mengenai penempatan semula FDI Jepun ke negara Jepun;
- Kajian mengenai *AIA Plus Strategy: Building on FTA Agreements*;
- Bengkel/Seminar mengenai Kaedah-kaedah Penggalakan dan Pemudahan bagi Pembangunan Kapasiti Agensi Penggalakan Pelaburan (IPA) ASEAN;
- Penerbitan ASEAN:
  - Fakta dan Statistik : Kos mengadakan

perniagaan dan pelaburan di ASEAN;

- Peta Pelaburan ASEAN; dan

- Bengkel/Seminar mengenai Metodologi pengumpulan maklumat untuk bidang perkhidmatan dalam sektor hartanah, perkhidmatan kewangan dan perladangan.

### **Skim Kerjasama Perindustrian ASEAN (AICO)**

Skim AICO dilancarkan pada tahun 1996 bagi menggalakkan perkongsian sumber oleh syarikat-syarikat di negara-negara ASEAN menerusi aktiviti-aktiviti komplementasi industri serantau. Skim AICO telah diperkuuhkan melalui Protokol yang ditandatangani pada bulan April 2004 yang mana Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura dan Thailand bersetuju menghapuskan duti import ke atas projek-projek AICO yang diluluskan mulai Januari 2005, manakala Viet Nam mulai Januari 2006. Selain itu, pengecualian tahunan ke atas keperluan ekuiti nasional telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2006.

Sehingga Ogos 2004, sebanyak 126 projek AICO telah diluluskan melibatkan projek-projek dalam sektor automotif (89.7 peratus), produk elektrik dan elektronik (4.8 peratus), pemprosesan makanan (3.9 peratus) dan lain-lain (1.6 peratus). Pada masa yang sama, Malaysia telah meluluskan sejumlah 60 projek dengan anggaran jumlah perdagangan sebanyak US\$309 juta. Projek-projek tersebut adalah dalam sektor automotif, pertanian, pemprosesan makanan dan elektrik dan elektronik.

### **PERKHIDMATAN**

ASEAN telah mencapai kemajuan dalam liberalisasi perkhidmatan dengan menyempurnakan rundingan pusingan ketiga dan menandatangani Protokol untuk melaksanakan Pakej Keempat Komitmen di bawah Perjanjian Rangkakerja Bidang Perkhidmatan ASEAN pada 3 September 2004

**Jadual 9.5:**  
**Ringkasan Tawaran di bawah Pakej Keempat**

Negara Anggota	Liputan
Brunei Darussalam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 50 peratus ekuiti asing dalam perkhidmatan lanskap;;</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan 55 peratus ekuiti asing dalam perkhidmatan berkaitan dengan pembinaan; dan penubuhan perniagaan dalam perkhidmatan telekomunikasi, ICT, audit, kesihatan dan perkhidmatan restoran.</li> </ul>
Kemboja	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan perniagaan dengan 100 peratus ekuiti asing dalam perkhidmatan arkitek, kejuruteraan, integrasi, arkitek landskap, penyelidikan pasaran, pajakan atau sewaan mesin-mesin pembinaan, perkhidmatan berkaitan dengan ICT and hotel (3 bintang atau lebih); dan</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan 49 peratus ekuiti asing melalui syarikat usahasama dan perkhidmatan telekomunikasi, penyelidikan antarabangsa, penyimpanan dan gudang.</li> </ul>
Indonesia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan perniagaan dengan 100 peratus ekuiti asing dalam perkhidmatan restoran; dan</li> <li>• Penubuhan perniagaan dalam agensi pelancongan dan perkhidmatan operator pelancongan, dan pemandu pelancong.</li> </ul>
Lao PDR	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan perniagaan dengan ekuiti asing tidak melebihi 40 peratus untuk perancangan bandar dan arkitek landskap; dan</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan pegangan ekuiti asing sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah ekuiti dalam perkhidmatan bilik hotel dan restoran.</li> </ul>
Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penubuhan perniagaan dengan 100 peratus ekuiti asing dalam perkhidmatan berkaitan ICT;</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan 49 peratus ekuiti asing dalam perkhidmatan pembinaan dan telekomunikasi (perkhidmatan penyampaian data dan mesej pesanan, data mudah alih, telefon mudah alih, telegraf, telefon suara dan kelui);</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan ekuiti asing tidak melebihi 40 peratus dalam perkhidmatan perakaunan, audit dan simpan kira-kira dan perkhidmatan arkitek landskap;</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan ekuiti asing tidak melebihi 35 peratus dalam perkhidmatan percuaian, penyelidikan pasaran, pembangunan kajian dan penyelidikan ke atas perkhidmatan pelancongan dan ekonomi (bilik hotel, agensi pelancongan dan operator pelancongan).</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan ekuiti asing tidak melebihi 30 peratus dalam perkhidmatan pajakan atau sewaan mesin-mesin pembinaan;</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan 5 peratus pegangan ekuiti asing untuk perkhidmatan pelbagai bidang berkaitan dengan arkitektur dan 10 peratus dalam pelbagai bidang berkaitan dengan kejuruteraan; dan</li> <li>• Penubuhan perniagaan bagi perkhidmatan penyewaan kapal kargo dengan anak-anak kapal/atau tanpa anak-anak kapal bagi perkapalan antarabangsa.</li> </ul>
Myanmar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sekatan untuk penubuhan perniagaan dalam perkhidmatan penyediaan makanan; dan</li> <li>• Penubuhan perniagaan dan perkhidmatan telekomunikasi melalui perjanjian usahasama.</li> </ul>
Singapura	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sekatan untuk penubuhan perniagaan dalam perkhidmatan taman hiburan sarkas, operator perjalanan dan pelancongan, percuaian, terjemahan dan interpretasi, penyelidikan pasaran, pergigian, agensi perkapalan, pemprosesan dan perkhidmatan broker perkapalan;</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan 73.9 peratus ekuiti asing dalam perkhidmatan asas telekomunikasi (kemudahan asas) dan perkhidmatan mobil. Tiada sekatan bagi penubuhan perniagaan untuk penjualan semula perkhidmatan-perkhidmatan ini; dan</li> <li>• Penubuhan perniagaan dalam perkhidmatan kesihatan, arkitek landskap dan arkitek.</li> </ul>
Filipina	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada sekatan ekuiti asing untuk penubuhan perniagaan dalam perkhidmatan bilik hotel;</li> <li>• Penubuhan perniagaan dengan ekuiti asing 100 peratus untuk perkhidmatan restoran dan sajian minuman tanpa hiburan tertakluk kepada modal berbayar lebih dari US\$2.5 juta; dan</li> <li>• Penubuhan perniagaan dalam pajakan/sewaan kapal kargo tanpa anak-anak kapal dan penyenggaran dan pembaikan kapal kargo.</li> </ul>

Bersambung ...

Negara Anggota	Liputan
Thailand	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penubuhan perniagaan dan ekuiti asing 100 peratus dalam perakaunan, audit dan simpan kira, percuaian, penyelidikan dan pembangunan, sewaan/pajakan keatas mesin-mesin pembinaan, penyelidikan pasaran, penyimpanan dan gudang, ICT dan pelancongan.</li> <li>Penubuhan perniagaan dengan pegangan ekuiti asing 49 peratus dalam perkhidmatan arkitek, arkitek landskap dan kejuruteraan; dan</li> <li>Penubuhan perniagaan dalam pengangkutan penumpang (tidak termasuk pengangkutan dalam negeri), pengangkutan kargo, kargo marin, agensi maritim dan telekomunikasi.</li> </ul>
Viet Nam	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penubuhan perniagaan dengan 100 peratus ekuiti asing dalam perkhidmatan pembinaan;</li> <li>Penubuhan perniagaan dengan ekuiti asing 49 peratus dalam pengangkutan penumpang antarabangsa (tidak termasuk pengangkutan dalam negeri), penyenggaraan dan pemberian kapal kargo serta pelancongan; dan</li> <li>Penubuhan perniagaan dalam perkhidmatan arkitek, arkitek landskap, kejuruteraan, akauntan, audit dan buku simpan kira dan perkhidmatan telekomunikasi.</li> </ul>

Sumber: ASEAN Secretariat

(Jadual 5). Pakej Keempat ini akan meluaskan dan mendalamkan lagi skop liberalisasi bidang perkhidmatan di kalangan negara-negara anggota yang mana lebih baik daripada tawaran yang dibuat di bawah Perjanjian Am mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS). Tawaran negara-negara anggota akan memberi peluang kemasukan pasaran yang lebih baik kepada penyedia-penyedia perkhidmatan dari rantau ini dalam bidang pembinaan, ICT dan perkhidmatan kesihatan, perniagaan, telekomunikasi, pengangkutan maritim, dan pelancongan.

Pakej liberalisasi ini menawarkan peluang kepada penyedia-penyedia perkhidmatan Malaysia untuk memasuki pasaran negara-negara ASEAN yang lain. Di masa ini, syarikat-syarikat Malaysia terlibat dalam pelaksanaan projek-projek ICT di Myanmar dan Kemboja, serta projek pembangunan infrastruktur di Viet Nam and Myanmar. Untuk memajukan integrasi sektor perkhidmatan ASEAN, Menteri-menteri Ekonomi telah bersetuju supaya rundingan Pusingan Keempat Liberalisasi Bidang Perkhidmatan dimulakan pada tahun 2005 dan diselesaikan pada akhir 2006.

Usaha juga telah diberikan ke arah membangunkan Peraturan Pengiktirafan Bersama (MRA) untuk perkhidmatan Professional. MRA dalam perkhidmatan kejuruteraan telah dimuktamadkan untuk ditandatangani pada 2005. MRA bertujuan

mempermudahkan pergerakan jurutera dalam rantau ASEAN melalui pengiktirafan kelayakan yang dimiliki. MRA juga telah dimulakan dalam bidang-bidang perkhidmatan professional yang lain meliputi arkitek, akauntan, doktor perubatan dan jururawat.

## KERJASAMA SEKTORAL

### Pertanian

Dalam tahun 2004, kerjasama ASEAN dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan telah diperkuuhkan dengan pelaksanaan beberapa langkah termasuk:

- Mewujudkan senarai makhluk perosak untuk lima komoditi terpilih iaitu beras hancur, sitrus, mangga, ubi kentang dan potongan bunga orkid *dendrobium*;
- Mengesahkan sejumlah 86 Standard Maksimum Had Baki (MRLs) bagi lapan racun makhluk perosak iaitu *cyfluthrin*, *cyhalothrin*, *diflubenzuron*, *fenamiphos*, *fenitrothion*, *hexaconazole*, *tolclofos-methyl* dan *vinclozolin*, iaitu tambahan kepada 369 MRLs terhadap 28 racun makhluk perosak;
- Mengadakan perjanjian mengenai keperluan standard vaksin *Canine Parvovirus* untuk menggalakkan penggunaan vaksin haiwan dan meningkatkan perdagangan haiwan ternakan dan produk ternakan; dan
- Menubuhkan Pasukan Petugas untuk

memberi tumpuan kepada Strategi Bersama bagi Mengawal Wabak Selesema Burung di negara-negara ASEAN.

Dalam sektor perikanan, ASEAN sedang di peringkat akhir penggubalan ASEAN *Operationalised Guidelines on Responsible Movement of Live Food Fin Fish*. Program-program kerjasama baru dalam sektor perikanan meliputi:

- penubuhan jaringan pihak berkuasa ASEAN bagi pemeriksaan ternakan udang bagi mengiktiraf pemeriksaan yang dikawalselia dan sistem kawalan sisa antibiotik dalam produk udang ternakan di ASEAN.
- penubuhan Pasukan Petugas ASEAN mengenai sisa dadah dalam produk berasaskan udang untuk menghapuskan halangan-halangan teknikal kepada perdagangan berikutan penggunaan teknik-teknik analisis yang diperbaharui bagi mengesan sisa ubat-ubatan dalam produk udang.

ASEAN juga telah bersetuju dengan penubuhan Kumpulan Kerja Pakar ASEAN mengenai Proses Dasar Perhutanan Antarabangsa yang bertindak sebagai mekanisme dialog untuk kerjasama serantau dalam pelaksanaan undang-undang perhutanan antarabangsa.

ASEAN juga menjalankan projek-projek kerjasama dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan dengan rakan-rakan dialog, termasuk:

- mengukuhkan Kapasiti Kesihatan Tanaman ASEAN dan pengukuhan Keupayaan ASEAN dalam Penilaian Risiko ke arah Menyokong Langkah-langkah Keselamatan Makanan di bawah Program Kerjasama Pembangunan ASEAN-Australia (AADCP);
- Kursus Latihan ASEAN-PRC mengenai Analisis dan Risiko Makhluk Perosak Tanaman, serta Penanaman Mekanikal dan Teknik Menuai Pengeluaran Padi di bawah

Dana Kerjasama ASEAN-PRC (ACCF); dan

- Kursus Latihan mengenai Pendekatan Penglibatan untuk Pertanian Mapan dan Program Pembangunan Luar Bandar bagi Negara-negara ASEAN serta Program Latihan Petani Muda di Jepun di bawah rangka kerjasama ASEAN+3.

### **Kewangan**

Ketua-ketua Negara ASEAN telah melancarkan Program Tindakan Vientiane (VAP) (2004 - 2010) pada November 2004 dalam usaha untuk mengukuhkan lagi kerjasama serantau di bidang kewangan. Program tersebut mengandungi sasaran pencapaian secara interim selaras dengan Pelan Hala Tuju Integrasi Kewangan ASEAN (Ria-fin) untuk dicapai pada tahun 2020 merangkumi liberalisasi sektor kewangan, liberalisasi akaun modal, pembangunan pasaran modal dan kerjasama mata wang. Inisiatif-inisiatif kerjasama kewangan yang lain termasuk pemantauan aliran modal, peruntukan bagi kecairan lebih besar atau perkongsian rizab dan pembangunan pasaran bon.

Dalam perkongsian rizab serantau, sebanyak 16 Peraturan Swap Duahaha (BSAs) berjumlah sebanyak US\$36.5 bilion telah dipersetujui di bawah Inisiatif Chiang Mai (CMI) dengan PRC, Jepun dan ROK. Kajian semula ke atas prinsip-prinsip utama dan rangka kerja sedang dijalankan ke arah meningkatkan keberkesanan jangka panjang CMI tersebut.

Malaysia telah memperolehi sejumlah US\$6 bilion di bawah ketiga-tiga BSAs iaitu dengan PRC (US\$1.5 bilion), Jepun (US\$1 bilion) dan ROK (US\$1 bilion) di bawah CMI, dan US\$2.5 bilion dengan Jepun di bawah Inisiatif Baru Miyazawa.

Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) bertujuan menggalakkan kerjasama kewangan serantau dikalangan ASEAN + 3 bagi menggunakan simpanan Asia sebagai sumber kewangan alternatif untuk tujuan pelaburan di Asia. Sehingga kini, usaha-usaha ditumpukan kearah

meningkatkan pasaran bon tempatan di rantau ini dan juga menggalakkan pengeluaran dan pelaburan rentas sempadan.

Beberapa kumpulan kerja sedang mengkaji penubuhan pasaran bon, termasuk sekuriti bersandarkan aset, pengeluaran bon dalam matawang tempatan, jaminan kredit dan juga pengwujudan pemeringkatan kredit dan sistem pembayaran. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan di bawah ABMI, Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Bon Kuala Lumpur pada 29 Mac 2004, yang menumpukan kepada tema Pertumbuhan Ekonomi Kewangan Selepas Krisis Asia.

### **Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Usaha membangunkan pelan tindakan yang komprehensif dan meluas bagi mewujudkan ASEAN *e-space* di bawah Perjanjian e-ASEAN telah diteruskan. ASEAN *e-space* akan mewujudkan peluang digital dalam ASEAN dan akan meliputi bidang ekonomi, masyarakat dan kerajaan.

Objektif Program Kerja e-ASEAN adalah untuk membangun dan mengukuhkan daya saing sektor ICT, mengurangkan jurang digital di dalam dan di kalangan negara-negara anggota ASEAN, menggalakkan kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta, serta membangunkan Infrastruktur Maklumat ASEAN.

Infrastruktur Maklumat Profil Kebangsaan telah diwujudkan untuk menggalakkan persaingan, penempatan teknologi baru serta pelaburan ICT di rantau ini. Menteri-menteri Telekomunikasi ASEAN dan IT telah bersetuju supaya semua negara ASEAN menuju dan mengendalikan Pasukan Bertindak Kecemasan Komputer (CERTs) menjelang 2005 selaras dengan kriteria prestasi minimum yang telah dipersetujui. Pada masa yang sama, forum maya untuk keselamatan siber ASEAN akan diadakan dalam usaha mewujudkan rangka kerja bagi menyelaraskan pertukaran maklumat dan mewujudkan standard dan kerjasama di kalangan agensi-agensi penguat

kuasa.

### **Pengangkutan**

ASEAN terus mengukuhkan kerjasama dalam mewujudkan sektor pengangkutan serantau yang terbuka, bersepadu dan selamat. Bagi mempertingkatkan keselamatan rangkaian lebuhraya ASEAN, negara-negara anggota telah menerima pakai Deklarasi Menteri Phnom Penh mengenai Jalan Raya ASEAN serta Strategi Keselamatan Jalan Raya ASEAN dan Pelan Tindakan 2005 - 2010. Ianya menyediakan asas bagi memperluaskan kerjasama dan menggalakkan interaksi dan tindakan bersama dalam sektor pengangkutan ASEAN untuk tempoh 2005-2010. Sebagai tambahan, sebuah kumpulan kerja pelbagai sektor akan ditubuhkan bagi menyelaras dan menguruskan pelaksanaan pelan tindakan keselamatan jalan raya kebangsaan dan serantau.

Dalam usaha menyediakan infrastruktur pengangkutan dan logistik bagi menyokong pasaran tunggal dan asas pengeluaran di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN, negara-negara anggota telah mengesahkan Agenda Pengangkutan untuk Program Tindakan Vientiane (VAP) 2004-2010 serta Pelan Tindakan Pengangkutan ASEAN (ATAP) 2005-2010. Inisiatif-inisiatif dasar ini akan dilaksanakan melalui 48 aktiviti-aktiviti strategik dalam masa 6 tahun akan datang. Ini termasuk mengukuhkan infrastruktur, kaedah-kaedah dan logistik sedia ada untuk melicinkan pengangkutan kargo.

Negara-negara anggota ASEAN juga telah menandatangani Protokol untuk Melaksanakan Komitmen Pakej Keempat Perkhidmatan Pengangkutan Udara di bawah Perjanjian Rangka Kerja Bidang Perkhidmatan ASEAN. Pakej tersebut akan membuka peluang-peluang perniagaan rentas sempadan dalam bidang-bidang seperti perkhidmatan penyewaan pesawat dengan anak-anak kapal, menyenggara dan membaiki kelengkapan pesawat, penjualan dan pemasaran pesawat serta sistem penempahan berkomputer. Menyedari kepentingan perkembangan

## Kotak 9.2: Program Tindakan Vientiane (VAP)

Program Tindakan Vientiane (VAP) merupakan yang kedua dalam siri program atau pelan tindakan yang telah diterima pakai oleh ASEAN, ke arah mencapai integrasi menyeluruh serantau menjelang tahun 2020.

Pelan pertama iaitu Pelan Tindakan Hanoi (HPA) yang meliputi jangka masa dari 1998 hingga 2004, telah pun menyumbang secara bernilai kepada integrasi serantau enam tahun sebelum ini.

Susulan dari pencapaian positif melalui pelaksanaan HPA dan dengan mengambil kira peruntukan yang disasarkan dalam Deklarasi Perjanjian ASEAN II (Declaration of the ASEAN Concord II), Ketua-ketua Negara ASEAN telah memperakukkan VAP pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 pada bulan November 2004, di Lao PDR, sebagai pelan pengganti kepada HPA.

Ketua-ketua Negara juga bersetuju untuk menubuhkan Dana Pembangunan ASEAN (ADF) bagi menyokong pelaksanaan VAP dan program tindakan masa hadapan.

VAP dibentuk berdasarkan dua teras:

- integrasi lebih meluas bagi sepuluh negara anggota ASEAN menjadi satu Komuniti ASEAN yang bersepadan; dan
- mengenal pasti strategi baru untuk mengurangkan jurang pembangunan dalam ASEAN, dan mempercepatkan tahap integrasi.

Pembentukan Komuniti ASEAN melibatkan tiga tunggak utama:

- Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC);
- Komuniti Keselamatan ASEAN; dan
- Komuniti Sosio-Budaya ASEAN.

pengangkutan merentasi sempadan dan kemudahan transit dalam perdagangan antarabangsa, ASEAN sedang dalam proses untuk menandatangani Perjanjian Rangkakerja mengenai Pengangkutan Multimodal serta Protokol mengenai Penentuan Laluan dan Kemudahan-kemudahan Pengangkutan Transit oleh Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN pada tahun 2005. Perjanjian-perjanjian tersebut akan membantu memperluaskan perdagangan intra-ASEAN serta menyediakan kemasukan yang lebih mudah ke pasaran

VAP merupakan instrumen yang menyatukan dan menghubungkaitkan strategi dan sasaran ketiga-tiga tunggak Komuniti ASEAN.

Kerjasama ekonomi di bawah VAP melibatkan pengukuhan pelaksanaan inisiatif ekonomi sedia ada, mempercepatkan integrasi serantau bagi 11 sektor utama, memudahkan pergerakan ahli-ahli perniagaan, pekerja mahir dan individu berbakat serta menguatkan mekanisme institusi ASEAN, termasuk menambah baik Mekanisme Penyelesaian Pertikaian ASEAN masa kini bagi memastikan penyelesaian pertikaian ekonomi dengan cepat dan terikat menurut undang-undang.

Apabila terlaksana sepenuhnya, AEC dijangka akan dapat mengubah ciri kepelbagaiannya rantaui ini kepada peluang-peluang bagi komplementasi perniagaan. Seterusnya, ini akan menjadikan ASEAN sebagai segmen yang lebih dinamik dan kukuh dalam rantaian pembekal global, dan meningkatkan daya saing ekonomi ASEAN.

Kepentingan keselamatan dan sosio-budaya perlu diberi perhatian dalam merealisasikan visi Komuniti ASEAN sepenuhnya. Kerjasama keselamatan di bawah VAP merangkumi pengukuhan pembangunan politik ASEAN, pembentukan dan perkongsian norma-norma, pencegahan konflik, penyelesaian konflik dan pewujudan keamanan selepas konflik, menjelang tahun 2010.

Program sosio-budaya ASEAN di bawah VAP melibatkan langkah-langkah untuk menggalakkan perlindungan sosial, identiti budaya, pemeliharaan sumber asli dan perlindungan alam semula jadi di rantaui ini.

Memandangkan proses ke arah penubuhan Komuniti ASEAN ini akan sentiasa berterusan, senarai aktiviti untuk dilaksanakan di bawah VAP akan sentiasa bertambah dan perlu dikaji semula serta diperbaharui dari semasa ke semasa.

global.

Bagi meningkatkan kerjasama dalam keselamatan pengangkutan, ASEAN akan melaksanakan pelan untuk mencegah, menghalang dan mengurangkan masalah berkaitan keselamatan pengangkutan. Ini termasuklah memulihkan infrastruktur dan kemudahan pengangkutan yang kritikal disamping meningkatkan keupayaan perundungan dan teknikal negara-negara anggota ASEAN bagi menyokong standard dan

konvensyen antarabangsa.

Untuk terus mengukuhkan inisiatif ASEAN dalam bidang pengangkutan, ASEAN dan PRC telah menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama Pengangkutan semasa Sidang Kemuncak ASEAN-PRC pada 27 November 2004 di Lao PDR. Memorandum tersebut, antara lain, menggariskan kerjasama dalam jangka masa sederhana dan panjang yang meliputi pembinaan infrastruktur pengangkutan, kemudahan pengangkutan, perlindungan dan keselamatan maritim, pengangkutan udara, pembangunan sumber manusia pertukaran maklumat dan kerjasama dalam lain-lain bidang.

Di bawah Rangkakerja Bersama Pengangkutan ASEAN-Jepun, sebanyak lima projek baru telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada tahun 2005. Ini termasuk penambahbaikan logistik pengangkutan, sekuriti penerbangan dan lapangan terbang, keselamatan pengangkutan jalan, penggunaan bahan api alternatif untuk pengangkutan awam dan pertukaran maklumat pengangkutan.

Selain itu, ASEAN dan Republik Korea juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan usahasama dalam bidang pengangkutan untuk dicadangkan kepada Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN pada tahun 2005.

### **Pelancongan**

Meskipun perkembangan pelancongan global kurang memberangsangkan di beberapa tahun kebelakangan ini, namun ASEAN telah berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai rantau pelancongan paling pesat pertumbuhannya di dunia dengan jumlah pelancong sebanyak 44 juta pada akhir tahun 2004.

Forum Pelancongan ASEAN (ATF) terus berperanan sebagai acara pelancongan tahunan yang unggul. Semenjak ia dilancarkan di Malaysia pada tahun 1981, acara tahunan ini semakin mendapat pengiktirafan serta menjadi bertambah penting. Ini menempatkan ATF sebagai salah satu acara industri pelancongan

yang utama di samping menjadi platform yang penting bagi sektor awam dan sektor swasta bekerjasama dan merangka strategi baru untuk memasarkan ASEAN ke peringkat antarabangsa. Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada ATF 2005 di Langkawi dan berjaya membawa masuk lebih daripada 400 pembeli untuk meneroka peluang perniagaan di dalam sektor pelancongan dan seramai 940 pengusaha daripada negara-negara ASEAN.

Salah satu aspek penting dalam integrasi pelancongan ASEAN pada tahun 2004 adalah pelaksanaan fasa ketiga Kempen Melawat ASEAN (VAC) bagi mempromosikan perjalanan intra-ASEAN, terutamanya Pas *Hip Hop ASEAN*, sebuah pakej perjalanan yang menjimatkan ditawar oleh syarikat penerbangan, hotel dan ejen pelancongan kepada para pelancong yang melawat ASEAN.

ASEAN juga sedang berusaha ke arah mempercepatkan pembangunan Standard Kecekapan Samarata Minimum untuk Profesional Pelancongan serta memuktamadkan MRAs untuk para profesional bagi dilaksanakan pada tahun 2005. Standard kecekapan restoran, bar, kekemasan dan agensi perjalanan juga sedang dibangunkan. Pengwujudan standard kecekapan akan merangsang pelaburan serantau dan aliran sumber manusia ke dalam sektor ini. Pada masa yang sama, inisiatif ini juga akan memudahkan usaha untuk memuktamadkan pengiktirafan bersama terhadap kelayakan dalam industri pelancongan.

### **LANGKAH FASILITASI**

#### **Standard**

Bagi memudahkan pelaksanaan AFTA, semua negara-negara anggota telah memaklumkan penyertaan mereka di dalam Peraturan Pengiktirafan Bersama ASEAN bagi Peralatan Elektronik dan Elektrik (ASEAN EE MRA) dari segi penerimaan laporan ujian dan/atau persijilan. Enam negara anggota yang turut serta dalam pengendalian penerimaan laporan ujian dan/atau persijilan adalah Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Singapura dan Myanmar. Manakala empat negara anggota yang lain turut serta dalam

urusian penerimaan laporan ujian sahaja. Pelaksanaan ASEAN EE MRA akan meningkatkan perdagangan produk elektrik dan elektronik di rantau ASEAN menerusi kos pematuhan yang rendah, jangka masa yang lebih pendek dan peluang pasaran yang lebih meluas.

Dalam usaha untuk memudahkan pelaksanaan MRA sektoral, ASEAN telah bersetuju untuk membangunkan sistem penilaian setara dan sedang dalam proses untuk menyiapkan mekanisme tersebut dengan terperinci. Selaras dengan integrasi 11 sektor utama, ASEAN telah bersetuju untuk mempercepatkan penyeragaman regim regulatori berdasarkan ASEAN EE MRA dari tahun 2010 hingga 2014.

Negara-negara anggota ASEAN juga telah menyelesaikan penyeragaman bagi 71 standard Suruhanjaya Teknikal-Elektro Antarabangsa (IEC) mengenai keperluan keselamatan bagi 71 produk elektrik, dan 10 standard IEC untuk *Electromagnetic Compatibility* (EMC) pada bulan Julai 2004. Berikutan dari inisiatif awal penyeragaman standard ke atas 20 produk utama, ASEAN telah menyeragamkan 140 standard antarabangsa untuk kelengkapan audio video rumah, kelengkapan IT, peralatan elektrik, barang getah dan EMC. Ini membolehkan kepentingan hak pengguna dilindungi di samping pihak industri memperluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat ASEAN malahan di peringkat antarabangsa.

Bagi barang kosmetik, negara-negara anggota ASEAN sedang dalam proses mengkaji semula penggubalan undang-undang nasional dan memindahkan Arahan Kosmetik ASEAN yang telah diperakukan pada bulan September 2003, ke dalam perundangan dan peraturan nasional. ASEAN juga bersetuju untuk menggunakan secara berkesan bantuan teknikal yang disediakan di bawah Program Kerjasama Ekonomi Rantau Suruhanjaya Eropah-ASEAN mengenai Standard, Kualiti dan penilaian Pematuhan.

Dalam bidang farmaseutikal, negara-negara

anggota ASEAN akan melaksanakan sepenuhnya ASEAN *Common Technical Dossiers* (ACTD) menjelang 31 Disember 2008. Dalam tempoh peralihan, negara anggota masih boleh melaksanakan sistem nasional masing-masing dan pada masa yang sama menerima produk-produk yang memenuhi keperluan ACTD. ASEAN juga sedang mengkaji kemungkinan menyeragamkan keperluan pelabelan produk farmaseutikal bagi menangani kepentingan industri ini dalam ASEAN dan membangunkan sistem amaran selepas pemasaran bagi produk farmaseutikal yang tidak sempurna dan kurang selamat. ASEAN juga mengesahkan Garis Panduan Mengenai Kajian Kestabilan, Garis Panduan mengenai Kajian *Bioequivalence Study* dan ACTD mengenai Kualiti.

Untuk mengukur keberkesanannya, ASEAN bersetuju untuk menerima pakai Syarat Keperluan ASEAN Bagi Produk Pra-Pembungkusan yang berasaskan Formula ASEAN-X menjelang bulan Disember 2008 bagi meminimumkan perbezaan keperluan prapekej di kalangan negara anggota yang berasingan. Negara-negara anggota ASEAN juga bersetuju untuk mengutamakan penyeragaman *Legal Metrology Legislation and Administration in the Non-Weighing Automatic Instruments Class III* dan Alat Penyelerakan Cecair Bahan Bakar. Bagi memudahkan penyeragaman, ASEAN telah memperakukan dua cadangan iaitu Bengkel mengenai Kepentingan Akreditasi dalam Metrologi Perundangan dan Bengkel mengenai Instrumen Pengesahan Pengukuran.

Memandangkan pelancongan merupakan bidang utama dalam pembangunan standard bagi sektor perkhidmatan, Pertubuhan-pertubuhan Pelancongan Nasional ASEAN (NTOs) sedang berusaha ke arah membangunkan standard pelancongan bermula dengan hotel dan eko-pelancongan.

ASEAN juga meneruskan projek kerjasama mengenai standard dengan rakan-rakan dialog seperti ROK, Jepun, Kesatuan Eropah dan juga

Amerika Syarikat. Ini termasuk:

- pertukaran maklumat mengenai pembangunan standard antarabangsa dan keperluan teknikal di bidang kosmetik, peralatan perubatan, pertanian, makanan dan produk ternakan; dan
- program ujian kecekapan bagi tujuan ujian dan pengukuran.

Malaysia bergiat aktif dalam kerjasama standard di peringkat serantau sebagai Pengerusi bagi dua Kumpulan Kerja Produk di bawah Jawatankuasa Perundingan ASEAN mengenai Standard dan Kualiti (ACCSQ) bagi produk berasaskan getah dan farmaseutikal. Malaysia juga merupakan Pengerusi Bersama bagi dua Kumpulan Kerja Produk ACCSQ yang lain untuk kelengkapan dan peralatan perubatan serta produk berasaskan kayu di samping menjadi negara penyelaras kerjasama dialog ACCSQ dengan Jepun. Penglibatan tersebut adalah penting bagi memastikan kemajuan integrasi standard dan pematuhan bagi sektor-sektor utama.

### **Kastam**

Pada 1 April 2004, semua negara anggota telah melaksanakan Nomenklatur Tarif Seragam ASEAN (AHTN). ASEAN juga telah menujuhkan Jawatankuasa Teknikal AHTN dan Jawatankuasa Penyemak AHTN untuk memantau, menyemak dan menyelia struktur dan pelaksanaan AHTN.

ASEAN juga telah menerima pakai satu pelan tindakan bagi menubuhkan e-kastam serantau termasuk pelaksanaan Jendela Tunggal ASEAN bagi mempercepatkan urusan pemeriksaan kastam. Satu Pasukan Petugas Antara Agensi serantau telah ditubuhkan bagi merangka dan menubuhkan Model Jendela Tunggal ASEAN terdiri daripada wakil-wakil dari pelbagai agensi yang bertanggungjawab mengenai perdagangan, kesihatan, pertanian, kastam serta standard dan pematuhan. Jendela Tunggal ASEAN bertujuan untuk memastikan pemeriksaan import dapat diurus dengan segera menerusi satu penyerahan data dan sekali pemprosesan

data serta keputusan serentak untuk pelepasan barang.

Selari dengan peruntukan Konvensyen Kyoto yang disemak semula, ASEAN telah memudahkan serta menyeragamkan prosidur dan amalan kastam. Ini termasuk penubuhan Pengauditan Selepas Pemeriksaan Kastam ASEAN (PCA) bagi menyegerakan pemeriksaan pada pintu masuk. ASEAN juga telah memuktamadkan Panduan Penilaian Kastam ASEAN (ACVG) dalam tahun 2004. Inisiatif pada tahun 2005 akan tertumpu pada pelaksanaan ACVG, Latihan kepada Pelatih dan Perkongsian Pangkalan Data Kastam.

ASEAN telah memperakarkan Pelan Strategik bagi Pembangunan Kastam (SPCD) yang telah disemak semula bagi membolehkan VAP terus mengintegrasikan 10 ekonomi serantau. Setiap negara anggota akan membangunkan program aktiviti spesifik bagi 15 bidang yang telah dikenal pasti oleh SPDC termasuk klasifikasi tarif, penilaian kastam, penentuan tempatal barang dan komoditi, pemeriksaan kastam dan transit kastam.

ASEAN terus bekerjasama dengan rakan-rakan dialog seperti PRC dan Jepun dalam bidang integrasi kastam dan pembangunan kapasiti. Antara projek-projek yang telah dikenalpasti adalah Projek Pemeriksaan Kargo untuk Latihan Penanda Aras Kedua bagi CLMV dan Para Pelatih mengenai ACVG.

### **KERJASAMA SERANTAU DALAM ASEAN**

#### **Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong-ASEAN (AMBDC)**

Inisiatif Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong-ASEAN (AMBDC) bermatlamat untuk menyokong dan menggalakkan pembangunan bagi negara-negara di Lembangan Mekong telah mencapai kemajuan sejak ia ditubuhkan pada tahun 1995. Bagi Malaysia, rangka kerja AMBDC adalah selari dengan komitmen negara ke arah Kerjasama Selatan-Selatan.

Sehingga kini, sebanyak 50 projek AMBDC telah dirangkakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 projek telah dilaksanakan dengan kos berjumlah US\$8.5 juta. Sementara baki 22 projek memerlukan sokongan kewangan sebanyak US\$187.5 juta, termasuk US\$100 juta khusus bagi projek Sambungan Rel Singapura-Kunming (SKRL) yang akan menghubungkan Singapura dengan Kunming di PRC melalui Semenanjung Malaysia, Thailand dan negara-negara Lembangan Mekong yang lain. Bagi memastikan kejayaan projek tersebut, Malaysia telah menubuhkan Sekretariat Serantau SKRL di Kementerian Pengangkutan bagi memantau kemajuan pelaksanaan projek tersebut.

Selain itu, Malaysia juga terlibat dengan dua projek bantuan teknikal AMBDC yang lain iaitu Pembangunan Sumber Manusia untuk *Remote Sensing* dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi personel perhutanan CLMV dan Latihan Pengurusan Sumber Air Permukaan Tanah bagi CLMV. Kedua-dua projek tersebut akan dilaksanakan pada tahun 2005.

## **HUBUNGAN SERANTAU DENGAN RAKAN DIALOG**

### **ASEAN + 3**

Kebanyakan program kerjasama ekonomi di bawah ASEAN+3 adalah berasaskan projek. Daripada 15 projek yang telah diluluskan, lima projek telah selesai dilaksanakan manakala 10 projek masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Projek-projek tersebut meliputi pelbagai bidang termasuk:

- teknologi maklumat dan komunikasi;
- enterpis kecil dan sederhana;
- alam sekitar;
- hiburan;
- pengurusan logistik; dan
- pematuhan standard dan kualiti.

Lima projek yang selesai dilaksanakan adalah:

- Program Latihan mengenai Teknologi Amali untuk Perlindungan Alam Sekitar;

- Pemindahan Teknologi Maklumat dari Manusia-ke-Manusia;
- Pembangunan Perisian dalam Projek Lembangan Mekong;
- Program Latihan e-Dagang; dan
- Seminar mengenai Zon Pembangunan Ekonomi dan Teknologi.

Dua projek baru telah diluluskan pada bulan September 2004 oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN+3 ialah:

- cadangan Jepun untuk menjadi tuan rumah kepada Seminar Kandungan Asia bersempena dengan Festival Filem Antarabangsa Tokyo pada musim luruh tahun 2005; dan
- cadangan PRC untuk menubuhkan satu Kumpulan Pakar untuk mengkaji kemungkinan mengadakan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur (EAFTA).

Sidang Kemuncak ASEAN+3 pada November 2004 telah bersetuju untuk berusaha ke arah menyediakan satu kajian kemungkinan mengenai EAFTA. PRC akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat pertama kumpulan pakar yang terdiri dari para akademik, penyelidik dan orang kenamaan pada bulan April 2005.

Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Forum Asia Timur yang kedua di Kuala Lumpur dari 6-7 Disember 2004 yang mana beberapa bekas ketua negara, ahli akademik dan profesional telah bertukar-tukar pandangan untuk meningkatkan kerjasama Asia Timur. Forum ini turut membincangkan pelbagai topik berkaitan dengan keperluan untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi, politik, keselamatan dan kewangan di kalangan negara-negara Asia Timur. Forum tersebut diadakan tepat pada masanya memandangkan ianya berlangsung selepas Sidang Kemuncak ASEAN+3 diadakan pada bulan November 2004, dan telah berjaya menjana minat negara-

negara Asia Timur untuk berusaha ke arah integrasi serantau yang lebih erat.

Malaysia akan mengadakan Sidang Kemuncak Pelaburan dan Perniagaan ASEAN di Kuala Lumpur pada 10-11 Disember 2005, sebagai sebahagian daripada acara sektor swasta bersempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-11 yang diterajui oleh Malaysia.

### **ASEAN-PRC**

Perkembangan penting dalam hubungan ASEAN-PRC dalam tahun 2004 adalah mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas Barang antara ASEAN dengan PRC (ACFTA) yang ditandatangani pada 29 November 2004 di Vientiane, Lao PDR. Komitmen bagi penurunan tarif di bawah ACFTA akan dilaksanakan mulai 1 Julai 2005. Pada fasa pertama, setiap negara anggota termasuk Malaysia, akan menurunkan kadar tarif bagi 40 peratus jumlah produk masing-masing antara sifar dan lima peratus. Liputan ini seterusnya akan dikembangkan untuk merangkumi 60 peratus produk mulai 1 Januari 2007 dan 100 peratus menjelang 1 Januari 2010, dengan fleksibiliti bagi sesetengah produk pada tahun 2012. Untuk menikmati konsesi tarif di bawah ACFTA, produk-produk yang layak dikehendaki memenuhi kriteria 40 peratus nilai tambah.

Tarif ke atas produk sensitif hanya akan dikurangkan kepada 0 hingga 5 peratus pada tahun 2018 bagi ASEAN-6 dan PRC, dan 2020 bagi CLMV. Bagi produk amat sensitif, tarif akan dikurangkan kepada 50 peratus pada tahun 2015 bagi ASEAN-6, dan 2018 bagi negara-negara anggota baru. Jumlah produk dalam senarai sensitif dan amat sensitif telah dihadkan kepada maksimum 400 kod tarif. Produk yang tersenarai bagi Malaysia termasuk automotif, tekstil dan pakaian, seramik, bahan kimia, plastik, besi dan keluli, tembakau dan produk ternakan ayam.

Program Pemotongan Awal (EHP) di bawah ACFTA telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2004. Antara Januari hingga Julai 2004, nilai dagangan di bawah EHP antara ASEAN dan

PRC telah mencapai US\$1.11 bilion iaitu peningkatan sebanyak 42.3 peratus berbanding jangkamasa yang sama pada tahun 2003. Pada masa yang sama, eksport ASEAN ke PRC bernilai US\$0.68 bilion iaitu peningkatan sebanyak 49.8 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Pakej EHP Malaysia merangkumi 590 produk, yang mana sebanyak 503 produk merupakan produk pertanian belum diproses. Baki 87 produk lain adalah produk spesifik seperti minyak sayuran, produk koko, bahan pencuci dan pembalut kaca bagi tiub sinar katod. Sejak pelaksanaan EHP pada bulan Januari 2004, eksport produk EHP Malaysia ke PRC berjumlah RM514 juta (US\$135 juta). Lima eksport utama termasuk asid stearik, campuran minyak atau lemak sayuran, minyak kelapa sawit, bahan pencuci dan minyak kelapa.

Bagi memastikan pematuhan komitmen dan pewujudan persekitaran perniagaan yang meyakinkan, satu Perjanjian mengenai Mekanisme Penyelesaian Pertikaian antara ASEAN dan PRC telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi pada 29 November 2004 di Sidang Kemuncak ASEAN-PRC di Vientiane, Lao PDR. Perjanjian tersebut menyediakan mekanisme bagi menyelesaikan pertikaian perdagangan dan pelaburan di bawah skop ACFTA.

#### **Jadual 9.6:**

#### **Eksport Malaysia ke China di bawah Program Pemotongan Awal (EHP) Tahun 2004**

Kategori Produk	Eksport Produk EHP (RM juta)	Jumlah Pengeluaran Borang E
<b>Jumlah</b>	<b>514.1</b>	<b>2,046</b>
Minyak/Lemak Sayuran/ Haiwan	246.3	181
Asid Stearik	180.4	985
Bahan Pencuci	54.6	251
Koko dan Produk berasaskan Koko	23.5	175
Ikan dan Hidupan Laut	6.5	106
Buah-buahan dan Kekacang	2.5	346
Pemadam	0.1	2

Sumber: Ministry of International Trade and industry

ASEAN dan PRC juga sedang bekerjasama secara aktif dalam lain-lain bidang kerjasama ekonomi seperti pertanian, ICT, pembangunan sumber manusia, pembangunan kapasiti dan Pembangunan Lembangan Sungai Mekong. Projek utama yang telah dilaksanakan pada 2004 merupakan Ekspo pertama ASEAN-PRC (CAEXPO), di Nanning, PRC pada 3-6 November 2004. Matlamat ekspo tersebut adalah untuk mempromosi dan meningkatkan hubungan perdagangan, pelaburan serta kebudayaan antara ASEAN dan PRC.

### **ASEAN-Jepun**

Berikut dari Rangka Kerja bagi Perkongsian Ekonomi Komprehensif (CEP) di antara ASEAN dan Jepun yang telah ditandatangani pada 8 Oktober 2003 di Bali, Indonesia, kini ASEAN dan Jepun sedang bekerjasama untuk merangka pendekatan dan modaliti untuk diambil pakai bagi menubuhkan satu FTA ASEAN-Jepun. Perbincangan berkaitan meliputi prinsip, garis panduan dan kriteria untuk menentukan syarat tempasal kumulatif, liberalisasi sektor barang dan perkhidmatan serta cadangan kerjasama dan kaedah fasilitasi untuk pelaksanaan awal. Proses rundingan dijangka akan selesai pada akhir tahun 2006.

### **ASEAN-ROK**

Perkembangan positif dalam rangka kerja dialog ASEAN-ROK merupakan perakuan kedua-dua belah pihak untuk memulakan rundingan FTA ASEAN-ROK pada tahun 2005 bagi dimuktamadkan dalam masa dua tahun.

ASEAN dan ROK juga telah bersetuju untuk merealisasikan FTA dengan menghapuskan import tarif ke atas 80 peratus produk masing-masing menjelang tahun 2009. Baki 20 peratus produk akan diberi tempoh masa yang lebih panjang untuk pemansuhan tarif.

### **ASEAN-India**

FTA diantara ASEAN dan India masih lagi dalam proses rundingan. Kedua-dua pihak sedang berusaha untuk mencapai persefahaman mengenai Syarat Tempasal, iaitu pelengkap Perjanjian Bagi Perdagangan Barang.

### **ASEAN-Australia dan New Zealand**

Pada Sidang Kemuncak di Vientiane pada November 2004, ASEAN dan negara-negara Hubungan Ekonomi Lebih Erat (Australia and New Zealand) telah bersetuju untuk menubuhkan FTA. Skop FTA ini lebih komprehensif meliputi perdagangan dalam sektor barang dan perkhidmatan, pelaburan serta kerjasama ekonomi. Objektif FTA tersebut bertujuan untuk meningkatkan integrasi ekonomi di antara kedua rantau melalui penghapusan secara progresif semua bentuk halangan kepada perdagangan barang, perkhidmatan dan pelaburan. Proses rundingan FTA akan bermula pada awal tahun 2005 dan selesai dalam masa dua tahun.

### **ASEAN-Amerika Syarikat**

Kerjasama ekonomi ASEAN dengan Amerika Syarikat berkembang dengan perlahan berbanding dengan rakan dialog yang lain. Kemajuan yang tercapai dalam penyediaan Perjanjian Rangka Kerja Pelaburan dan Perdagangan (TIFA) di peringkat ASEAN amat sedikit sejak ianya dibincangkan pada bulan November 2002.

### **ASEAN-Kesatuan Eropah**

Semenjak pelancaran Initiatif Perdagangan Rentas Rantau EU-ASEAN (TREATI) pada Januari 2004, pelbagai aktiviti telah diatur untuk terus mengukuh dan memperdalamkan hubungan ekonomi di antara kedua-dua rantau.

Aktiviti yang telah dilaksanakan termasuk satu bengkel mengenai TREATI pada bulan Mac 2004 di Bangkok, Thailand dan Seminar mengenai polisi EU mengenai Sistem Pendaftaran, Penilaian dan Kelulusan Kimia (REACH) pada November 2004 di Singapura.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN-EU telah bersetuju pada bulan September 2004 untuk mengutamakan kerjasama dalam enam bidang di bawah TREATI, iaitu langkah-langkah kebersihan dan fairosanitari (SPS) produk makanan dan berasaskan pertanian, isu SPS mengenai perikanan, halangan teknikal perdagangan (TBT) elektronik, langkah-

langkah regulatori ke atas produk berasaskan kayu, pelaburan dan pemudahan perdagangan. Empat daripada enam sektor tersebut dikenalpasti berkaitan dengan integrasi sektor-sektor utama ASEAN.

## PROSPEK

Ekonomi ASEAN dijangka akan mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2005 disokong oleh permintaan luaran yang tinggi dan pengaliran masuk pelaburan terus asing. Hubungan perdagangan serantau akan dipertingkatkan lagi apabila langkah-langkah untuk mempercepatkan integrasi sektor-sektor utama mula dilaksanakan kearah merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN menjelang tahun 2020. Ini termasuk aktiviti untuk menangani halangan perdagangan, khususnya, sekatan bukan tarif serta promosi dan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN.

Pematuhan negara-negara anggota kepada peruntukan perjanjian ASEAN dijangka akan menjadi lebih kukuh dengan terlaksananya proses penyelesaian pertikaian ASEAN. Ini termasuk memberi peluang kepada sektor swasta untuk melaporkan sebarang isu mengenai ketidakpatuhan konsesi CEPT melalui Badan Pematuhan Perdagangan ASEAN.

Dengan adanya perjanjian untuk memperkembangkan kerjasama ekonomi

ASEAN dengan PRC, India, Jepun, ROK dan Australia/New Zealand, pelaksanaan liberalisasi perdagangan dan pelaburan serta langkah-langkah fasilitasi dijangka akan dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Jaringan ekonomi dengan negara-negara tersebut akan dapat membekalkan ASEAN dengan inisiatif pembangunan kapasiti yang diperlukan dalam bidang spesifik bagi menangani keperluan teknikal dalam pasaran berkenaan, di samping menggalakkan dan memudahkan aliran pelaburan.

Sektor swasta ASEAN akan terus berperanan penting untuk menggerakkan usaha pembukaan pasaran di samping mengemukakan maklumbalas mengenai isu-isu yang berkepentingan. Sektor swasta akan berpeluang seterusnya untuk bersuai kenal dan meningkatkan kerjasama perniagaan apabila Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Perniagaan bersempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur pada bulan Disember 2005.

Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN ke-11 pada bulan Disember 2005 dengan memfokus secara komprehensif terhadap isu ekonomi. Sebagai Pengerusi ASEAN bagi sesi 2005/2006, Malaysia akan menumpukan usaha ke arah meningkatkan integrasi ekonomi serantau disamping mempromosi hubungan dialog dengan negara-negara rakan dagang utama melalui pelbagai rundingan FTA. ☺

# Perkembangan Dalam Perkumpulan Serantau

## TINJAUAN

Penyertaan Malaysia dalam APEC pada 2004 terus memberi tumpuan kepada kerjasama ekonomi dan fasilitasi perdagangan. Di samping mengukuhkan tugas-tugas sedia ada bagi mengurangkan kos perniagaan, inisiatif-inisiatif baru telah diperkenalkan bagi meningkatkan lagi perdagangan di rantau Asia-Pasifik.

Perkembangan utama dalam lain-lain perkumpulan serantau seperti *Organisation of Islamic Conference* (OIC), *Indian Ocean Rim-Association for Regional Cooperation* (IOR-ARC), *European Union* (EU) dan *North American Free Trade Agreement* (NAFTA) adalah penglibatan perkumpulan ini dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

## KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (APEC)

Objektif Malaysia dalam APEC adalah untuk meningkatkan keupayaan negara supaya dapat menyertai secara lebih efektif dalam perdagangan global, dan mengukuhkan lagi pasaran domestik dan industri. Fokus utama Malaysia dalam APEC termasuk:

- fasilitasi perdagangan dan perniagaan, termasuk program untuk mengurangkan kos urus niaga dan mengatasi masalah perniagaan berhubung halangan perdagangan merentasi sempadan; dan
- inisiatif meningkatkan keupayaan dan kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH), terutama berhubung keselamatan perdagangan, keusahawanan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS), e-dagang dan pembangunan sumber manusia.

Sebagai forum konsultasi ekonomi dengan kepelbagaiannya keahlian, APEC menyediakan forum bagi Malaysia untuk:

- menyuarakan pandangan bagi isu-isu serantau dan global;
- berunding dengan anggota ekonomi APEC dan memupuk persefahaman berhubung masalah dan pendirian sesuatu negara;
- berkongsi pengalaman dan mempelajari amalan terbaik serta kemahiran dari anggota ekonomi APEC yang lain; dan
- memfokuskan kepada kerjasama ekonomi, fasilitasi perdagangan dan langkah-langkah bagi mengurangkan kos urus niaga di rantau Asia Pasifik.

Sejak penubuhan pada 1989, APEC telah menunjukkan kemajuan yang substantif dalam kebanyakan bidang yang penting kepada Malaysia, termasuk mobiliti perniagaan, e-dagang dan perniagaan tanpa kertas, prosedur kastam, pembangunan sumber manusia dan kemahiran, pembangunan keyakinan dan keupayaan dalam hal-hal WTO, serta keselamatan perdagangan. Malaysia telah mendapat manfaat melalui program pembangunan keupayaan, pertukaran maklumat dan amalan terbaik dalam semua bidang ini.

Pada 2004, program kerja APEC adalah berpandu kepada tema utama '*One Community, Our Future*', bagi menggambarkan keupayaan keahlian APEC yang pelbagai, untuk pembangunan ekonomi bersama dan perkongsian kemakmuran. Mesyuarat Menteri-menteri APEC (AMM) yang ke 16 dan Mesyuarat Pemimpin-pemimpin APEC

(AELM) yang ke 12 yang diadakan pada November, 2004 di Santiago, Chile, telah mengkaji semula kemajuan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang sedia ada, dan menetapkan agenda bagi program kerja 2005.

### **Inisiatif Utama APEC Bagi Tahun 2004**

#### ***Inisiatif Santiago untuk Perluasan Perdagangan APEC***

AELM telah melancarkan *Inisiatif Santiago* untuk Perluasan Perdagangan APEC bagi meningkatkan lagi pertumbuhan perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik. Inisiatif Santiago menyediakan kerangka bagi pembangunan program kerja APEC 2005 untuk:

- mengenal pasti dan melaksana langkah-langkah baru untuk meningkatkan liberalisasi perdagangan dan pelaburan; dan
- mengurangkan kos urus niaga melalui pengurangan karenah birokrasi, peningkatan automasi dalam proses kerja, penyeragaman standard dan penghapusan halangan perdagangan.

Program kerja ini akan dijalankan melalui konsultasi dan kerjasama rapat dengan komuniti perniagaan. Malaysia akan terlibat secara aktif dalam Inisiatif Santiago, bagi memastikan program kerjanya menangani keperluan dan kehendak perniagaan domestik untuk memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan Malaysia merentasi sempadan, serta mengurangkan kos urus niaga.

#### ***Perjanjian Perdagangan Serantau/Perjanjian Perdagangan Bebas (RTAs/FTAs)***

Program kerja RTAs/FTAs memfokuskan kepada peningkatan ketelusan (pertukaran maklumat) dan kesedaran perniagaan ke atas implikasi RTAs/FTAs. Malaysia berpendapat percambahan RTAs/FTAs di rantau APEC, di mana setiap satunya mempunyai peraturan dan perundungan yang spesifik dan berbeza sepatutnya tidak membebankan sektor

perniagaan, terutamanya dalam menterjemah peraturan dan kos urus niaga.

Hasil penting yang telah dicapai adalah pembinaan satu set 'Amalan Terbaik untuk RTAs/FTAs dalam rantau APEC' sebagai penanda aras untuk mencapai FTAs yang berstandard tinggi. Malaysia telah menyumbang ke atas penghasilan amalan-amalan terbaik tersebut, termasuk elemen-elemen utama berhubung ketelusan, komprehensif, peraturan tempasal, kerjasama dan fasilitasi perdagangan. RTAs/FTAs yang telah dipersetujui atau sedang dirundingkan oleh Malaysia adalah selaras dengan amalan-amalan terbaik berkenaan.

Untuk memperbaiki lagi penyebaran maklumat berkaitan RTAs/FTAs di rantau APEC kepada sektor perniagaan, APEC telah bersetuju dengan cadangan Malaysia supaya dibangunkan pangkalan data komprehensif yang mengandungi maklumat (termasuk teks perjanjian) RTAs/FTAs yang telah dimeterai oleh ekonomi-ekonomi APEC. Pangkalan data RTAs/FTAs sedang dibangunkan oleh Sekretariat APEC dan dijangka akan disiapkan dalam suku pertama tahun 2005.

#### ***Keselamatan Perdagangan dan Memudahkan Pergerakan Merentasi Sempadan bagi Barang dan Perniagaan***

Peristiwa September 11, 2001 telah mendorong kerajaan-kerajaan untuk menguatkuasakan langkah-langkah baru yang ketat untuk memperkuuhkan keselamatan rantaian pembekalan, termasuk pergerakan kargo merentasi sempadan, mobiliti manusia, keselamatan pelabuhan dan lapangan terbang, pengangkutan darat dan prosedur kastam.

Pada masa yang sama, APEC berazam untuk mengurangkan kos transaksi sebanyak lima peratus menjelang 2006 bagi rantau Asia Pasifik. Oleh itu, APEC berhadapan dengan cabaran untuk bertindak secara efektif ke atas kehendak keselamatan perdagangan di samping perlunya fasilitasi pergerakan merentasi sempadan bagi barang dan peniaga.

Sasaran lima peratus mungkin akan sukar dicapai berikutan peningkatan langkah-langkah berkaitan keselamatan yang dikenakan untuk mengatasi ancaman pengganas di dalam sistem perdagangan global.

Malaysia telah mencadangkan supaya APEC memfokuskan untuk menangani peningkatan kos yang berhubung kait dengan pelaksanaan langkah-langkah baru keselamatan perdagangan, melalui konsultasi dengan semua pihak yang berkaitan, termasuk komuniti perniagaan, industri penerbangan, maritim dan logistik. Isu-isu yang perlu diselesaikan termasuk:

- mengenal pasti keperluan pembangunan kapasiti untuk memudahkan pematuhan keperluan pelaksanaan langkah-langkah baru keselamatan perdagangan yang ditetapkan oleh rakan dagang utama;
- penilaian sejauh mana perlunya pelaksanaan langkah-langkah keselamatan perdagangan bagi mengekalkan daya tarik pelabur dan peniaga asing;
- peranan teknologi baru serta pendekatan inovatif untuk meningkatkan fasilitasi perniagaan dan keselamatan perdagangan;
- penilaian sejauh mana pelaksanaan langkah-langkah keselamatan perdagangan telah dengan ketara meningkatkan kos urus niaga dan mengurangkan keuntungan; dan
- sejauh mana kegagalan mematuhi langkah-langkah keselamatan perdagangan ini akan mengancam atau menjelaskan kedudukan perdagangan negara dalam sistem perdagangan pelbagai hala yang kompetitif.

Malaysia juga telah mencadangkan supaya APEC mengukuhkan penyebaran maklumat berhubung inisiatif fasilitasi perdagangan APEC, program keselamatan perdagangan dan projek pembangunan keupayaan. Adalah penting program kerja APEC mengenai fasilitasi perdagangan dihebahkan, terutama

kepada komuniti perniagaan. Berikut cadangan ini, Sekretariat APEC kini sedang berusaha menghasilkan program penyebaran maklumat multimedia mengenai fasilitasi perdagangan dan aktiviti keselamatan perdagangan APEC.

### ***Rasuah dan Ketelusan di Rantau Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik***

Pada tahun 2004, APEC telah bersetuju untuk memerangi rasuah melalui penguatkuasaan langkah-langkah pencegahan rasuah domestik yang berkesan. Malaysia menyokong pelan tindakan rasuah yang memberi penekanan kepada penukaran maklumat (ketelusan), pembinaan keupayaan dan amalan terbaik dalam melaksanakan komitmen di peringkat domestik atau antarabangsa. Adalah penting APEC mengatasi isu-isu rasuah di sektor awam dan juga swasta serta berusaha menjalankan projek-projek pembangunan keupayaan untuk membantu anggota ekonomi APEC melaksanakan komitmen mereka di peringkat antarabangsa. Malaysia juga akan terus berusaha untuk memperbetulkan persepsi antarabangsa dan laporan media massa yang tidak tepat mengenai isu rasuah.

### ***Pembangunan Keupayaan dan Kerjasama Ekonomi dan Teknikal***

Kepelbagaiannya anggota ekonomi APEC dan kepakaran serta pengalaman yang sedia ada dalam pelbagai bidang telah memberikan Malaysia peluang untuk berkongsi maklumat, memperoleh ilmu pengetahuan baru, dan pembangunan keupayaan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah bekerjasama secara aktif dengan agensi-agensi domestik untuk membangunkan cadangan projek serta memperoleh dana APEC bagi memenuhi keperluan pembangunan keupayaan yang telah dikenal pasti.

Kepimpinan Malaysia di dalam menerajui isu-isu kerjasama ekonomi dan teknikal serta pembangunan keupayaan semakin diiktiraf di dalam APEC. Sepanjang 2004, Malaysia telah menganjurkan 11 seminar dan bengkel pembangunan keupayaan APEC. Peniaga

### Box 10.1: Projek Pembangunan Keupayaan Apec Di Malaysia

Projek	Objektif
Dialog Polisi mengenai Deposit Insurans	Untuk berkongsi maklumat dan pengalaman mengenai isu deposit insurans seperti perlindungan perundangan untuk pekerja penyimpan deposit.
Dialog Polisi mengenai Pendedahan Kewangan	Untuk bertukar pandangan mengenai struktur, polisi dan pendekatan yang perlu untuk mencapai pendedahan kewangan yang berkualiti tinggi, dengan fokus ke atas pendedahan oleh institusi kewangan.
Program Latihan Dasar Persaingan	Membina kapasiti, kerjasama teknikal dan bantuan dalam bidang dasar persaingan dan reformasi perundangan terutamanya bagi ekonomi membangun.
Seminar Kawal-Selia Pasaran	Untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan di dalam bidang perantaraan pasaran pelesenan, pengawasan pasaran, penyeliaan berdasarkan risiko dan pendedahan.
Seminar mengenai Inisiatif bagi Mengukuhkan Pelaksanaan Pampasan berdasarkan Produktiviti	Bertukar pandangan dan belajar daripada pengalaman anggota ekonomi yang lain dalam melaksanakan pampasan berdasarkan produktiviti.
Seminar Penguatkuasaan Urus Tadbir Korporat	Bertukar pandangan dan pengalaman berhubung isu-isu penguatkuasaan yang berkaitan dengan agensi-agensi pengawal-selia, dan peranan mahkamah dan kehakiman dalam penguatkuasaan urus tadbir korporat.
Peraturan Pengiktirafan Bersama (MRA), Persijilan Kesediaan Projek dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)(Fasa 2)	Untuk memahami serta menginterpretasikan keperluan International Organisation for Standardisation /International Electrotechnical Commission Guide dan Panduan Forum Akreditasi Antarabangsa berkaitan, serta memperbaiki dokumentasi, sistem dan pematuhan akreditasi program EMS
Seminar Sistem Harmonisasi Global Bagi Kimia (GHS)	Meningkatkan kesedaran di kalangan industri kimia dan enterpris kecil dan sederhana mengenai penilaian kos, faedah dan kemungkinan impak GHS dalam fasilitasi perdagangan antarabangsa.
Forum Inovasi Sains Hayat Kedua	Bertukar pandangan dan pengalaman di kalangan anggota kerajaan, sektor swasta dan ahli akademik untuk membangun pelan strategik sains hayat.
Bengkel kerja Keselamatan Dokumen	Untuk membangunkan keupayaan keselamatan dokumen. Bengkel kerja memfokuskan kepada kedua-dua pengeluaran dan pemeriksaan dokumen.
Seminar Mewujudkan Suasana Positif Bagi Pelaburan dalam Bioteknologi Pertanian	Mengkaji dasar dan faktor ekonomi yang mempunyai impak ke atas suasana pelaburan dalam bioteknologi pertanian.

tempatan, pertubuhan industri, pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli akademik telah mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Malaysia juga telah memperoleh dana APEC bagi melaksanakan empat projek pembangunan keupayaan, yang dijadualkan dilaksanakan pada 2005. Projek-projek ini telah dibentuk hasil daripada kerjasama dengan

sektor swasta, industri dan ahli akademik, untuk memastikan hasil projek-projek ini menepati keperluan masing-masing. Malaysia juga telah bekerjasama dengan anggota ekonomi APEC yang lain, dan secara kolektif telah memperoleh pembiayaan bagi melaksanakan 14 projek usaha sama pada 2005. Usaha kerjasama ini termasuk pengenalpastian isu-isu utama, pembentukan cadangan projek, memperoleh khidmat pakar,

dan seterusnya, penilaian prestasi projek. Kerjasama ekonomi dan teknikal adalah elemen-elemen utama dalam pembentukan dan pelaksanaan projek tersebut.

Malaysia telah memperoleh banyak manfaat daripada program-program pembangunan keupayaan APEC, terutamanya dalam bidang penyelidikan, latihan dan perkongsian maklumat. Malaysia akan terus mengambil bahagian secara aktif di dalam inisiatif-inisiatif kerjasama ekonomi dan teknikal APEC, dan program pembangunan keupayaan memandangkan penglibatan ini akan membolehkan Malaysia menangani cabaran-cabaran yang mempunyai impak secara langsung ke atas fasilitasi perniagaan dan kos urus niaga.

### **Memperkuuhkan APEC**

APEC sedang menjalankan kajian semula yang berterusan bagi memperkuuhkan dan memperkemaskan lagi prosesnya, serta menjadikan APEC lebih responsif terhadap perubahan pesat persekitaran perdagangan global dan keperluan sektor perniagaan dan industri. Beberapa anggota ekonomi APEC yang maju memberi penekanan untuk memperluaskan agenda APEC yang membiasa mandat ekonomi semasa, dengan merangkumi isu-isu keselamatan, seperti percambahan pengeluaran senjata pemusnah besar-besaran dan penghapusan kumpulan pengganas.

Malaysia menyokong kajian semula proses APEC dan mengiktiraf perlunya APEC menangani isu global semasa yang mempunyai impak kepada pembangunan perdagangan dan ekonomi.

Malaysia akan terus menyertai secara aktif dalam proses berterusan kajian semula APEC bagi memastikan cadangan pembaharuan tersebut berlandaskan prinsip-prinsip tertentu:

- mengekalkan fokus ekonomi APEC, terutamanya teras kompetensi APEC berhubung fasilitasi perdagangan dan perniagaan, dan kerjasama teknikal dan ekonomi untuk pembangunan keupayaan;

- melaksanakan inisiatif-inisiatif APEC berdasarkan usaha terbaik: mengekalkan proses rundingan dan kesepakatan apabila mempertimbangkan isu-isu dasar, tanpa bimbang akan tekanan dari anggota ekonomi, dan kesan akibat tidak melaksanakan sesuatu inisiatif.
- Menghargai kepelbagaiannya anggota ekonomi APEC. Memandangkan anggota ekonomi yang sedang membangun mempunyai sumber terhad dan tidak mempunyai keupayaan untuk terlibat dalam agenda yang pelbagai jenis serta berulang, mereka tidak seharusnya diketepikan daripada menikmati manfaat APEC disebabkan masalah kekurangan sumber; dan
- mengutamakan syor-syor pembaharuan bagi menangani keperluan komuniti perniagaan APEC.

### **Perdagangan dan Ekonomi Digital**

Sebagai satu daripada proses liberalisasi perdagangan, APEC telah bersetuju untuk memanjangkan kepada WTO tiga produk teknologi maklumat (IT) iaitu, *multi chip integrated circuits*, *digital multifunctional machines*, dan *modem*, untuk cadangan pemansuhan tarif. Pada tahun 2005, APEC akan terus mengenal pasti produk-produk IT tambahan untuk liberalisasi tarif.

### **Pembaharuan Struktur**

APEC telah bersetuju untuk melaksanakan program kerja pembaharuan struktur di dalam bidang infrastruktur perundangan ekonomi, dasar persaingan, urus tadbir korporat dan pengurusan sektor awam. Aktiviti utama dalam program pembaharuan struktur dalam APEC termasuk mempercepatkan langkah-langkah domestik ke arah menggalakkan pembaharuan struktur, berkongsi amalan terbaik dan menggalakkan pembangunan keupayaan. Jawatankuasa Ekonomi APEC akan membangunkan program kerja komprehensif mengenai aktiviti pembaharuan struktur pada tahun 2005.

## **Forum Inovasi Sains Hayat**

Pada tahun 2004, APEC memperakarkan Pelan Strategik bagi mempromosikan Inovasi Sains Hayat yang bertujuan untuk membantu anggota ekonomi APEC mencapai potensi sepenuhnya dalam penyelidikan, pembangunan dan pemasaran diagnostik yang berkesan, alat perubatan dan ubat-ubatan moden dan tradisional, serta menggalakkan kerjasama di dalam membangunkan perkhidmatan yang berkesan. Pelan Strategik tersebut telah dimuktamadkan semasa Forum APEC Inovasi Sains Hayat Kedua yang telah diadakan di Pulau Pinang, 16-17 September 2004. Isu-isu utama yang dibincangkan termasuk, perkongsian amalan terbaik di dalam bidang pembangunan sains hayat dan pembentukan mekanisme berkesan yang melibatkan kesemua pihak kerajaan, industri, ahli-ahli akademik dan komuniti, untuk menggalakkan lagi sektor sains hayat.

## **Pelan Tindakan Individu**

Pelan Tindakan Individu (IAP) menunjukkan kemajuan yang telah dicapai oleh anggota ekonomi APEC ke arah pencapaian matlamat perdagangan dan pelaburan bebas. Pendekatan liberalisasi unilateral yang telah diambil oleh anggota ekonomi memberi peluang kepada perniagaan untuk meningkatkan kemasukan ke pasaran sedia ada dan baru.

IAP tersebut dikaji di bawah mekanisme IAP peer review untuk meningkatkan ketelusan serta memantau dan menilai kemajuan ke arah pencapaian matlamat perdagangan bebas dan terbuka. IAP Malaysia telah dikaji pada Mac 2005 di Seoul, Republik Korea (ROK).

Malaysia telah menambahkan langkah-langkah liberalisasi baru dalam IAP 2004, termasuk:

- pengurangan duti import ke atas 118 tarif barang dan penghapusan duti ke atas 27 barang sejak 10 September 2004, bagi produk seperti sarung tangan pembedahan, permaidani, barang kaca dan komponen separa siap berasaskan kayu, bahan mentah terpilih untuk pakaian dan *herbicides*;
- menghapuskan larangan import ke atas

cocoa pods, rambutan, pulasan dan longan berkuat kuasa Januari 2004;

- menyelaraskan 50 peratus (1770 daripada 3514) standard Malaysia dengan standard antarabangsa (39 peratus pada 2003);
- kelulusan secara automatik bagi penempatan persendirian saham baru sehingga sebanyak 10 peratus daripada modal terbitan syarikat yang tersenarai; dan
- kelulusan Akta Perlindungan Pelbagai Tumbuhan Baru 2004 oleh Parlimen pada 25 Jun 2004.

Sebagai negara perdagangan ke-18 terbesar di dunia, Malaysia akan terus mengambil langkah liberalisasi autonomi dan fasilitasi perdagangan. Proses *IAP Peer Review APEC* adalah mekanisme penting yang membolehkan Malaysia memperoleh manfaat keseluruhan daripada liberalisasi perdagangan dan pelaburan dan aktiviti fasilitasi dalam APEC, yang mewakili 79 peratus daripada perdagangan global Malaysia.

## **Penyertaan Sektor Perniagaan**

APEC telah memperluaskan lagi manfaat dan penglibatan komuniti perniagaan. Selain melibatkan komuniti perniagaan melalui Majlis Penasihat Perniagaan APEC dan dialog Kerajaan-Industri, iaitu Dialog Automotif APEC dan Dialog Kimia APEC, dialog mengenai Bahan Bukan Logam APEC (NFMD) juga telah ditubuhkan.

Matlamat utama NFMD adalah untuk memupuk kerjasama dan interaksi di kalangan wakil sektor awam dan swasta dalam bidang dasar perundungan berkaitan perdagangan dan memudahkan perdagangan bahan bukan logam, daya persaingan dan pembangunan mapan industri ini di rantau Asia Pasifik.

Malaysia telah menjadi hos seminar Dialog Kimia APEC bagi Sistem Harmonisasi Global (GHS) pada 7-8 September 2004, di Kuala Lumpur, untuk meningkatkan keselamatan pengurusan bahan kimia. Syor utama termasuk:

- Anggota ekonomi APEC melantik agensi

**Jadual 10.1:**  
**Amalan Terbaik bagi RTAs/FTAs dalam APEC**

Elemen Amalan Terbaik	Deskripsi
Prinsip dan matlamat yang konsisten dengan APEC	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan bidang berkaitan dalam Bahagian 1 (Liberalisasi dan Fasilitasi) bagi Agenda Tindakan Osaka (OAA) dan konsisten dengan Prinsip Am APEC. Dengan cara ini, FTA dapat membantu memastikan APEC mencapai matlamat perdagangan dan pelaburan bebas yang telah digariskan dalam Deklarasi Pemimpin Bogor 1994.</li> <li>Menambah baik usaha yang diambil oleh APEC.</li> <li>Konsisten dengan matlamat APEC, elemen ini menggalakkan pembaharuan struktur di kalangan semua pihak melalui pelaksanaan rangka kerja serta proses membuat keputusan yang telus, terbuka dan tanpa diskriminasi.</li> </ul>
Konsisten dengan WTO	<ul style="list-style-type: none"> <li>Konsisten dengan disiplin WTO, terutamanya yang terkandung dalam Artikel XXIV GATT dan Artikel V GATS.</li> <li>Bagi anggota ekonomi yang sedang membangun yang menggunakan syarat-syarat <i>Enabling Clause</i>, perlu berusaha supaya konsisten dengan Artikel XXIV GATT dan Artikel V GATS.</li> </ul>
Melebihi komitmen WTO	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam bidang yang diliputi oleh WTO, elemen tersebut hendaklah menambah baik obligasi WTO yang sedia ada. Ianya juga merangkumi komitmen yang berkaitan dengan pelaburan dan perdagangan dalam bidang yang tidak diliputi, atau diliputi sebahagiannya, oleh WTO. Dengan ini, anggota ekonomi APEC akan dapat memberi pimpinan ke atas isu-isu berkenaan dalam rundingan WTO di masa depan.</li> </ul>
Komprehensif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Elemen ini dapat memberi manfaat ekonomi yang maksimum kepada pihak yang terlibat melalui skop yang menyeluruh, serta membenarkan liberalisasi semua sektor. Oleh itu, halangan kepada perdagangan dan pelaburan di antara pihak-pihak yang terlibat dapat dihapuskan, termasuk langkah-langkah tarif dan bukan tarif, dan sekatan kepada perdagangan perkhidmatan.</li> <li>Penghapusan tarif dan kuota bagi sektor sensitif dikenekalkan pada tahap yang minimum, dengan mengambil kira tahap pembangunan yang berbeza di antara pihak-pihak yang terlibat. Ini memberi peluang bagi liberalisasi dalam semua sektor sebagai langkah pertama ke arah liberalisasi pelbagai hala kemudiannya.</li> </ul>
Ketelusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dengan menyediakan teks RTAs/FTAs, termasuk lampiran atau jadual, dalam bentuk yang mudah diperoleh, pihak yang terlibat akan dapat memastikan peniaga boleh memahami peluang ke atas syarat-syarat perdagangan yang telah diliberalisasi. Setelah ditandatangani, perjanjian tersebut boleh dirujuk oleh awam, dalam Bahasa Inggeris, sekiranya boleh, melalui laman web anggota ekonomi yang berkenaan, dan laman web Sekretariat APEC.</li> </ul>

Bersambung...

Elemen Amalan Terbaik	Deskripsi
Fasilitasi Perdagangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memandangkan perundangan serta keperluan pentadbiran dan proses boleh menjadi penghalang kepada perdagangan, anggota ekonomi APEC akan memasukkan langkah praktikal dan usaha kerjasama untuk memudahkan perdagangan dan mengurangkan kos urus niaga konsisten dengan peruntukan WTO dan prinsip APEC.</li> </ul>
Mekanisme Konsultasi dan Penyelesaian Pertikaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memandangkan pertikaian akibat pelaksanaan RTAs/FTAs boleh membebankan dan mewujudkan ketidakpastian untuk perniagaan, satu mekanisme yang sesuai untuk mencegah dan menyelesaikan pertikaian dengan cepat, seperti melalui konsultasi, pengantara atau timbang tara, serta mengelakkan duplikasi dengan mekanisme penyelesaian pertikaian WTO perlu diujudkan.</li> </ul>
Peraturan Tempasal yang mudah bagi memudahkan perdagangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi mengelakkan kemungkinan kos pematuhan yang tinggi kepada peniaga, Peraturan Tempasal (ROO) hendaklah mudah difahami dan dipatuhi. Di mana boleh, ROO hendaklah konsisten dalam semua FTAs/RTAs.</li> <li>Memandangkan proses pengeluaran yang semakin global, ROO yang dipakai harus memaksimumkan peluang perdagangan dan meminimumkan halangan perdagangan serta menggalakkan integrasi ekonomi serantau.</li> </ul>
Kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memasukkan komitmen kerjasama ekonomi dan teknikal dalam bidang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian II OAA dengan menyediakan skop kepada pihak yang terlibat untuk bertukar pandangan dan meningkatkan kesefahaman, bagi memastikan perjanjian ini dapat digunakan secara maksimum dan memberi manfaat kepada semua pihak.</li> </ul>
Pembangunan Mapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggambarkan kebergantungan dan rantai sokongan yang saling berkait di antara tiga tonggak pembangunan mapan, iaitu pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, dan perlindungan alam sekitar, di mana perdagangan adalah komponen integral, yang mengukuhkan objektif pembangunan mapan.</li> </ul>
Kemasukan Pihak Ketiga	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selaras dengan prinsip APEC berhubung perdagangan terbuka dan menyumbang ke arah momentum untuk liberalisasi di rantau APEC, pihak ketiga diberi peluang memasuki FTA berdasarkan terma dan syarat yang dirundingkan.</li> </ul>
Peruntukkan Untuk Kajian Semula Berkala	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan pelaksanaan sepenuhnya terma perjanjian serta manfaat yang maksimum kepada pihak berkenaan dalam suasana ekonomi dan perdagangan dan aliran pelaburan yang berubah dicapai. Kajian semula berkala membantu mengekalkan momentum bagi perubahan domestik serta liberalisasi lanjut dengan menangani bidang yang mungkin tidak dipertimbangkan semasa rundingan asal, menggalakkan lagi liberalisasi serta memperkenalkan mekanisme yang lebih sofistikated bagi kerjasama apabila anggota ekonomi yang terlibat menjadi lebih bersepada.</li> </ul>

Sumber: APEC Secretariat

penyelaras nasional atau membentuk jawatankuasa bagi memantau implementasi GHS dalam ekonomi masing-masing;

- APEC menganjurkan lebih banyak program latihan teknikal untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya GHS dalam sektor kerajaan dan swasta, termasuk SME;
- mewujudkan program Melatih-Jurulatih; dan
- mewujudkan mekanisme laporan untuk memantau kemajuan pelaksanaan GHS dalam ekonomi APEC.

Malaysia telah mendapat manfaat melalui penyertaan dalam Dialog Kimia APEC dalam bidang kesihatan, keselamatan dan prestasi persekitaran produk kimia dan prosesnya. Di samping GHS, syarikat-syarikat di Malaysia adalah komited untuk terus memperbaiki dan mematuhi segala peraturan berkaitan dengan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar melalui *Care Initiatives and Programmes*. Dengan ini, produk berasaskan kimia dari Malaysia telah dapat menembusi pasaran antarabangsa yang mempunyai syarat ketat berhubung alam sekitar, seperti Jepun, Amerika Syarikat dan EU.

## LAIN-LAIN KUMPULAN SERANTAU

### Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam

Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) adalah sebuah pertubuhan antara kerajaan sekumpulan 57 buah negara. Jawatankuasa Bertindak Bagi Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan (COMCEC), bahagian ekonomi OIC, yang mengadakan mesyuarat setiap tahun adalah bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengukuhkan kerjasama ekonomi dan perdagangan di kalangan negara-negara anggota OIC.

Malaysia telah menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Susulan, Jawatankuasa Tetap COMCEC yang diadakan di Istanbul, pada 11-13 Mei 2004, dan Sesi Ke-20 Peringkat

Menteri COMCEC juga di Istanbul, pada 23-27 November, 2004. Mesyuarat-mesyuarat tersebut antara lain membincangkan isu-isu berkaitan dengan:

- perkembangan rundingan bagi melaksanakan Rangka Kerja Perjanjian Sistem Keutamaan Perdagangan di kalangan negara-negara anggota OIC (TPS-OIC);
- pelaksanaan Penyelenggaraan Pembayaran Perdagangan Berasaskan Emas (GTPA) bagi menggalakkan perdagangan Intra-OIC; dan
- kerjasama di antara bursa-bursa saham di negara-negara OIC seperti yang dicadangkan oleh Bursa Saham Istanbul.

TPS-OIC telah berkuat kuasa pada tahun 2003, selepas mendapat pengesahan oleh sejumlah negara anggota seperti yang diperlukan. Sehingga kini, 27 negara anggota telah menandatangani TPS-OIC dan 14 negara, iaitu, Malaysia, Bangladesh, Pakistan, Iran, Jordan, Libya, Lebanon, Uganda, Cameroon, Egypt, Guinea, Senegal, Tunisia and Turki telah mengesahkannya. Malaysia menandatangani dan mengesahkan TPS-OIC pada 30 Jun 2004.

Malaysia menyertai mesyuarat pertama Jawatankuasa Rundingan Perdagangan (TNC) TPS-OIC pada April 2004 sebagai pemerhati, dan sebagai ahli pada mesyuarat kedua pada September, 2004, dan mesyuarat ketiga pada Januari, 2005 di Turki. Perbincangan di mesyuarat-mesyuarat ini tertumpu kepada modaliti pengurangan tarif dan jadual pelaksanaan Perjanjian. Hasil rundingan-rundingan pusingan pertama ini dijangka akan dipersetujui pada Sesi Ke-21 Peringkat Menteri COMCEC pada September 2005.

